

Sejarah
KEDAH
SEPINTAS LALU

Sejarah
KEDAH
SEPINTAS LALU

Haji Ibrahim Ismail

Diterbitkan oleh
Jawatankuasa Penerbitan
Universiti Utara Malaysia
Bandar Darulaman
06000 Jitra, Kedah, Malaysia

Getakan Pertama 1987
© Hakcipta Haji Ibrahim bin Ismail 1987

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan
mana-mana bahagian isi kandungan buku ini dalam apa juga
bentuk dan dengan apa jua cara pun sama ada secara elektronik,
fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lainnya sebelum men-
dapat keizinan bertulis daripada Naib Canselor, Universiti
Utara Malaysia.

474036

M
959.5112

IBR

Dicetak oleh
Percetakan Seasons Sdn. Bhd.
Kuala Lumpur

27 JAN 1989

Pustaka Negara
Malaysia

KATA ALUAN NAIB CANSOLOR

Buku Sejarah Kedah Sepintas Lalu adalah merupakan suatu usaha awal Universiti ini untuk memperkembangkan penyelidikan dan penulisan bahan yang berkaitan dengan Sejarah dan Kebudayaan negara kita. Untuk itu penerbitan seperti ini dinamakan Siri Pustaka Warisan.

Salah satu dari ciri penting Pustaka Warisan ialah penerbitannya adalah dilakukan dalam bentuk asal sepertimana dalam manuskrip. Pihak penyunting hanyalah melakukan penyuntingan dari segi teknik dan ejaan tanpa mengubah maksud dan fakta yang terdapat di dalamnya. Oleh itu segala pandangan, gaya bahasa, fakta serta apa juga persembahan melalui penerbitan siri ini adalah tanggungjawab penulis ataupun penyusunnya dan tidaklah mencerminkan pendapat Universiti ini sendiri.

Saya mengucapkan syabas kepada Tuan Haji Ibrahim Ismail, seorang bekas Guru dan ahli Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah yang telah mengemukakan kepada pihak Universiti untuk diterbitkan manuskrip beliau yang asalnya diberi nama Nota Kedah. Dengan penerbitan ini diharap lebih ramai lagi tokoh-tokoh sejarah dan budayawan negara khususnya di negeri Kedah ini untuk berganding bahu dengan Universiti dalam usaha memperbanyakkan lagi penyelidikan dan penerbitan yang hasil kajiannya berhubung dengan Sejarah dan Kebudayaan.

Diharap dalam penerbitan siri ini pada masa akan datang mutu persembahan akan ditingkatkan lagi serta dipelbagaikan lagi tajuk-tajuk penerbitan.

Dalam usaha penerbitan buku ini saya suka mengucapkan jutaan terima kasih kepada Pensyarah dan Guru Bahasa di Sekolah Bahasa dan Pemikiran Sainifik yang membantu menyemak manuskrip ini dari segi ejaan. Begitu juga kepada Prof. Madya Ahmad Fawzi Mohd. Basri, Dekan Sekolah Pengajian Asasi yang menjalankan kerja-kerja menyelaraskan penerbitan bersama dengan saudara Jazamuddin Baharuddin dari Dewan Bahasa dan Pustaka. Dan kepada semua pihak yang turut menjayakan penerbitan ini saya ucapkan berbanyak terima kasih.



PROF. TAN SRI DATO' DR AWANG HAD SALLEH, PSM, DSDK, JMN
Naib Canselor
Universiti Utara Malaysia

KATA PENGANTAR

Dalam usaha menyiapkan buku ini, saya berpegang kepada prinsip berakar-akar dahulu sebelum mendapat rotannya. Setelah beberapa lama di dalam proses pelaksanaan, maka inilah hasilnya. Semoga buku "Sejarah Kedah Sepintas Lalu" ini dapat menampung kekurangan bahan bacaan sejarah negeri ini.

Disebabkan ia merupakan persembahan ulung tentulah banyak terdapat kelemahan, maka teguran-teguran yang membina sangatlah diperlukan. Gading mana yang tidak retak dan bumi mana yang tidak ditimpa hujan. Walaupun ia merupakan sebuah catatan, ia menggambarkan detik-detik peristiwa yang berlaku pada zaman pemerintahan dahulu dan sekarang.

Di samping itu tidak lupa saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada Kerajaan Negeri Kedah, Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Kedah, Muzium Negeri Kedah, Jabatan Penerangan Malaysia, Jabatan Pertanian Negeri Kedah, Jawatankuasa Tetap Hal-Ehwal Pelancongan Negeri Kedah, Jabatan Muzium Malaysia serta Arkib Negara Malaysia Cawangan Utara kerana telah membenarkan saya menggunakan kemudahan dan bahan-bahan. Tanpa bahan dan sumber yang ada pada pihak-pihak tersebut adalah mustahil buku ini dapat disiapkan. Begitu juga terima kasih saya kepada Yang Berbahagia Dato' Shaari bin Haji Mohd Daud, Encik Ismail bin Haji Salleh, Jazamuddin Baharuddin dan juga setiap orang perseorangan yang telah banyak membantu dan memberikan galakan kepada saya meneruskan usaha ini.

Kepada Universiti Utara Malaysia saya amat terhutang budi serta berterima kasih kerana sudi menerbitkan buku ini. Saya menyedari tentang usaha penerbit Universiti Utara Malaysia untuk mengekalkan keaslian gaya bahasa serta persembahar saya dalam buku ini.

Haji Ibrahim bin Ismail

Lot 449 Batu 2¼,
Jalan Dato' Kumbang,
Alor Setar, Kedah.

25 Disember 1987.

KANDUNGAN

Kata Aluan Naib Canselor	vii
Kata Pengantar	ix
Senarai Gambar-gambar	xiii
1 Kedah Dari Segi Sejarah	1
2 Pemerintahan Sultan-sultan	17
3 Lahirnya Kota Setar dan Puteri Langkawi	38
4 Sultan Abdullah dan Tunku Dziauddin Raja Muda Kayang	55
5 Marhum Melaka 1803–1843	68
6 Panglima Busu dan Lawatan Logan ke Kedah	90
7 Dua Tokoh dalam Tiga Zaman	102
8 Sultan Abdul Hamid Halim Shah	132
9 Pemerintahan Sultan Badlishah	169
10 Dirgahayu Tuanku Sultan	209

SENARAI GAMBAR-GAMBAR

1

1 Pemandangan Bukit Choras.	4
2 Tapak Candi Bukit Batu Pahat.	6
3 Makam Sultan Al-Mudzaffar Shah.	13

2

4 Kesan Kota Siputih.	30
5 Makam Puteri Lindungan Bulan.	31
6 Duit Emas.	34

3

7 Mata wang zaman Sultan Muhammad Jiwa.	39
8 Balai Besar sebelum tahun 1904.	41
9 Pemandangan Dewan di Balai Besar.	43
10 Bumbung Balai Besar yang asal.	45

4

11 Kampung Seberang Kota, Kuala Kedah.	56
12 Pintu Gerbang Kota Kuala Kedah.	56
13 Meriam Katak Puru.	61
14 Meriam Badak Berendam.	61
15 Bendera Union Jack di Pulau Pinang.	62

5

16 Pintu Gerbang Kota Kuala Muda.	69
17 Bunga Emas.	71
18 Dua pucuk meriam yang dijumpai di Sungai Merbok.	74
19 Bendera yang digunakan oleh Dato' Muhammad Ali.	76
20 Gua Kerbau di Bukit Kepelu.	82
21 Kampung Penjara di Pulau Pisang.	85
22 Kesan Sungai Tunku Anum.	85
23 Geran tanah zaman Tunku Anum.	87
24 Makam Tunku Anum.	89

6

25 Pemandangan Sungai Kedah.	94
26 Makam Diraja, Langgar.	96
27 Gunung Jerai.	98
28 Menjemur dan mengangin padi.	100

7

29	Dato' Wan Muhammad Saman bin Wan Ismail.	103
30	Wan Hajar binti Wan Ismail.	106
31	Terusan Wan Muhammad Saman.	114
32	Tunku Dziauddin ibni Almarhum Sultan Zainal Rashid Al-Mu'adzam Shah I.	116
33	Istana Tunku Kudin di Bukit Tinggi.	117
34	Kawasan istana Bukit Tinggi.	118
35	Tunku Yaakob ibni Almarhum Sultan Zainal Rashid Al-Mu'adzam Shah I.	127
36	Raja Rama V ke Kedah 1895.	129

8

37	Sultan Abdul Hamid Halim Shah ibni Almarhum Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah.	133
38	Bangunan Balai Besar.	134
39	Bintang Kebesaran Gajah Putih dan Raja Rama V.	135
40	Tunku Abdul Aziz ibni Almarhum Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah.	136
41	Penyerahan Negeri Perlis dan Setol kepada Kerajaan Kedah, 1897.	138
42	Raja Syed Alwi ibni Almarhum Raja Syed Saffi Jamalullail bersama keluarganya.	139
43	Ku Baharuddin bin Ku Meh.	140
44	Bangunan Court Lama.	142
45	Perarakan Perkahwinan Diraja di Jalan Pengkalan Kapal.	142
46	Perarakan di Jalan Raja.	143
47	Bangunan Istana Pelamin.	143
48	Ahli Majlis Mesyuarat Negeri Kedah, 1905.	144
49	Haji Wan Sulaiman bin Wan Sidek.	145
50	Tunku Mahmud ibni Almarhum Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah.	147
51	Ketibaan Sir W.G. Maxwell di Pengkalan Kapal.	149
52	Penyerahan Kedah kepada Kerajaan Inggeris.	149
53	Pasukan Nobat.	150
54	Tempat Permainan Nobat.	153
55	Balai Nobat.	154
56	Sultan Abdul Hamid Halim Shah di London.	155
57	Bendera Khas Sultan.	157
58	Bendera Pemangku Sultan.	157
59	Bendera Negeri.	157
60	Bendera Khas Sultanah.	158
61	Bendera Raja Muda.	158
62	Bendera Tunku Bendahara.	158
63	Panji-panji Negeri.	159
64	Bendera Perniagaan.	159

65 Masjid Zahir.	162
66 Pembukaan Rasmi Masjid Zahir.	163
67 Sheikh Ibrahim bin Sheikh Yusof Al-Ibyari.	164
68 Tunku Ibrahim ibni Almarhum Sultan Abdul Hamid Halim Shah.	166
69 Sultan Abdul Hamid Halim Shah bersama anakandanya Tunku Muhammad Jiwa dan Tunku Abdul Rahman Putra.	167

9

70 Sultan Badlishah ibni Almarhum Sultan Abdul Hamid Halim Shah.	170
71 Tunku Mohamed ibni Almarhum Sultan Abdul Hamid Halim Shah.	171
72 Tunku Asma ibni Almarhum Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah.	172
73 Tengkolok.	173
74 Kilat Bahu.	173
75 Sawat Sandang.	174
76 Keris Kebesaran Negeri Kedah.	175
77 Pending.	175
78 Pedokoh.	176
79 Gelang tangan.	177
80 Istiadat Perasmian Jambatan Wan Muhamad Saman.	179
81 K Shiiba.	180
82 Mejer Jeneral Sukigawa Seiji.	181
83 Jambatan Sultan Badlishah.	183
84 Mahkamah Kecil.	185
85 Jambatan Sultan Abdul Hamid Halim Shah.	186
86 Sultan Kedah Bertitah di Perhimpunan Agung UMNO.	191
87 Istana Anak Bukit.	192
88 Dato' Haji Sir Mohamad Sheriff bin Osman.	195
89 Tunku Abdul Rahman Putra ibni Almarhum Sultan Abdul Hamid Halim Shah.	198
90 Wakil Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu dalam Perjumpaan Baling.	200
91 Sambutan Kemerdekaan di Alor Setar.	207

10

92 DYMM Tuanku Haji Abdul Halim Mu'adzam Shah ibni Almarhum Sultan Badlishah.	210
93 Pengantin Diraja di atas Takhta Kencana.	212
94 Pengantin Diraja di istiadat bersiram.	212
95 Pengantin Diraja mengadap Sultan dan Sultanah.	215
96 Gempang Berhias.	215

97	Pembawa Alat-alat Kebesaran Negeri.	216
98	Perisytiharan Pertabalan.	217
99	Tunku Yaacob ibni Almarhum Sultan Abdul Hamid Halim Shah.	219
100	Tunku Ismail bin Tunku Yahya.	220
101	Dato' Syed Omar Shahabuddin.	221
102	Ampangan Pedu.	224
103	Kaedah lama dan baharu dalam persawahan di Kedah.	226
104	Dato' Seri Syed Ahmad bin Syed Mahmud Shahabuddin.	227
105	Tunku Abdul Malik ibni Almarhum Sultan Badlishah.	230
106	Kebawah DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Kelima.	233
107	Kebawah DYMM Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Kelima.	234
108	YMM Pemangku Sultan dan isteri.	237
109	Kebawah DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong dalam upacara doa selamat.	238
110	Dato' Seri Syed Nahar Shahabuddin.	244
111	Dato' Paduka Haji Osman bin Haji Aroff.	245
112	Wisma Negeri Kedah Darulaman.	246

1

KEDAH DARI SEGI SEJARAH

Adapun kedudukan tanah negeri Kedah,¹ daratan di sebelah utara bersempadan dengan negeri Singgora dan negeri Perlis. Di sebelah matahari naiknya bersempadan dengan negeri Chenak hingga ke Yala dan negeri Raman dalam pemerintahan Kerajaan Siam. Di sebelah selatannya pula bersempadan dengan negeri Perak iaitu sebuah Negeri Melayu Bersekutu. Perenggan di sebelah baratnya ialah Sungai Sanglang yang menjadi sempadan Perlis dengan Kedah. Manakala Sungai Muda memisahkan Kedah dengan Seberang Perai dalam pemerintahan Pulau Pinang. Menumpu ke utara tebing Sungai Kerian menjadi sempadan antaranya dengan negeri Perak.

Luasnya ialah 3,660 batu persegi. Jarak dari utara ke selatan ialah 101 batu, dan dari timur ke barat 64 batu. Terdapat beberapa buah pulau di Kedah, seperti Pulau Langkawi, Pulau Bidan, Pulau Songsong, Pulau Telur, Pulau Bunting dan Pulau Phyar manakala dua buah pulau lagi di utara Pulau Langkawi iaitu Pulau Terutau dan Pulau Adang yang dahulunya dalam perintah Kedah telah diserahkan kepada Kerajaan Siam.

Kedah adalah negeri yang tertua² di Malaysia. Berbanding dengan negeri-negeri yang masih wujud, Kedahlah negeri yang tertua di Asia Tenggara. Banyak negeri yang tidak terbilang di rantau ini telah muncul dan lenyap. Banyak negeri wujud hanya beberapa puluh tahun sahaja. Yang lain mungkin wujud untuk satu atau dua abad lamanya.

Sebabnya Kedah masih wujud lagi padahal negeri-negeri lain yang lebih besar dan kuat telah lenyap ialah sistem perikatan politik yang diamalkannya dengan jaya semenjak beribu-ribu tahun yang lampau. Sistem perikatan ini membolehkan negeri-negeri kecil menyembah negeri yang lebih besar untuk mendapat sedikit kebebasan dan juga naungan apakala diserang oleh negeri-negeri asing.

1. Wan Yahya bin Wan Mahamad Taib bin Temenggung Wan Musa Alshahid bin Temenggung Sri Raja Putra, "Salasilah atau Tarikh Kerajaan Kedah" Cetakan Kedua 18 Syaaban 1346 (1927M) hlm. 1.
2. G.A. Hodgson, "Mengenalkan Sejarah Kedah" yang diterbitkan dalam Laporan Tahunan United Kedah Planting Association, 1963" Terjemahan Encik Ismail bin Haji Salleh untuk "Buku Kenangan Hari Keputeraan Ke-43 DYMM Sultan Kedah" 20 Januari 1971.

Ufti yang dihantar itu bergantung kepada keadaan dan waktu. Ufti itu berbeza pula daripada hadiah-hadiah kecil yang dihantar pada bila-bila masa sahaja apabila difikirkan wajar oleh negeri-negeri yang mengirimbkannya. Hadiah-hadiah ini termasuklah persembahan besar-besaran yang dikenakan sebagai cukai.

Negeri-negeri yang bersikap imperialis menganggap bahawa persembahan ufti negeri-negeri kepadanya meletakkan negeri-negeri tersebut di bawah taklukannya. Tetapi harus negeri-negeri yang mengirimbkan ufti menganggap persembahan itu semata-mata sebagai suatu jaminan bagi memelihara wujudnya negeri itu sendiri. Oleh itu semua rujukan yang ditulis oleh ahli-ahli sejarah mengenai Kedah dan negeri-negeri lain hendaklah diperhatikan dengan teliti.

Perlulah disedari bahawa sempadan-sempadan Kedah sekarang ini adalah baharu belaka. Pulau Pinang, Seberang Perai dan juga Perlis sepanjang waktu bersejarah itu adalah sebahagian daripada negeri Kedah. Garis sempadan yang dibentukkan oleh sungai dan laut juga telah berubah.

Kenyataan ini amatlah penting manakala memikirkan sejarah kuno negeri Kedah. Pada waktu itu sebahagian besar daripada kawasan-kawasannya yang telah menjadi sawah bendang mungkin ditenggelami laut. Pada zaman itu juga, sungai-sungai mengalir di kawasan-kawasan yang berhampiran dengan kualitasnya mengikut jalan-jalan yang jauh berlainan dari sekarang.

Apa yang patut dicuba sahaja di sini ialah hanya secara ringkas menunjukkan hasil-hasil kaji purbakala, kesusasteraan dan penyelidikan sejarah, mengisahkan Kedah Darulaman iaitu 'Kedah Tempat Kediaman Yang Aman' atau tepat lagi pernah ia dikisahkan sebagai 'Kedah Negeri Tertua'.

Ahli-ahli kaji purbakala khususnya beberapa tahun kebelakangan ini telah menjalankan kerja-kerja yang amat teliti ke atas binaan-binaan Hindu dan Buddha di Kedah. Di antara jumpaan ahli-ahli kaji purbakala itu ialah barang-barang buatan manusia yang berusia lebih daripada dua ribu tahun.

Alat-alat yang diperbuat daripada batu, serpihan-serpihan tembikar dan sisa-sisa rangka telah ditemui dan didapati di tebing-tebing Sungai Muda di Gua Kepah, Gua Baling dan Gua Tunku Lembu di Perlis.

Kesemua barang itu ialah barang Zaman Batu Baharu. Sisa-sisa rangka adalah mustahak kerana rangka itu didapati serupa dengan rangka orang-orang yang kini tinggal di Melanesia, tetapi mereka tidak lagi tinggal di Semenanjung ini. Tempat-tempat perlindungan dalam gua-gua yang didiami oleh orang-orang Zaman Batu telah dijumpai di Baling dan di Perlis.

Kira-kira dalam kurun pertama, pedagang-pedagang India dari Pantai Koromandel mula sampai ke Semenanjung Tanah Melayu dengan banyaknya. Mereka datang dengan membawa kain-kain

dan alat-alat besi. Tujuannya untuk menukarkannya dengan hasil hutan negeri ini seperti damar, kapur barus dan emas urainya. Di samping itu perkembangan kebudayaan India sebagai hasil daripada kegiatan perdagangan itu.

Maka didapati banyak pengaruh Hindu dalam kebudayaan Melayu. Malah sebahagian besar kebudayaan Melayu adalah campuran kebudayaan Hindu di samping pengaruh-pengaruh lain seperti kebudayaan Arab, Parsi dan Barat.

Kesan-kesan awal telah ditemui di Bukit Choras, Sungai Merbok, Sungai Bujang, Kuala Muda, Bukit Meriam dan juga di Cheruk Tok Kun (Seberang Perai). Di tempat-tempat tersebut terdapat peninggalan candi-candi Hindu, bangunan-bangunan yang merupakan benteng atau kota-kota pertahanan dan lain-lain.

Kebanyakan orang India tinggal di Langkasuka. Ia merupakan sebuah pelabuhan kecil di Kuala Merbok. Menjelang abad kedua, baharulah Langkasuka menjadi Pusat Kerajaan Kedah. Lembah Bujang adalah petempatan orang-orang India.

Dalam Pattinappalai Puisi Tamil pada abad yang sama, ada menyebutkan bahawa Kedah itu Kadaram. Maksudnya dalam bahasa Sanskrit ialah Kataha. Kini diterjemahkan sebagai Kedah. Kawasan petempatan orang-orang beragama Buddha itu pernah disinggahi seorang Sami Cina yang beragama Buddha dalam tahun 672. Pada ketika itu Merbok mengalami musim angin barat. Jadi terpaksa dia menunggu musim angin timur untuk menyeberang Lautan Hindi.

Sami itu menaiki kapal Parsi dari Palembang iaitu Pusat Kerajaan Sri Wijaya. Adapun Sri Wijaya itu ialah negeri yang terbesar di Sumatera. Ia menjadi pusat penyebaran agama Buddha (Mahayana) yang masih dianuti oleh orang-orang Cina dan Vietnam.

Agama Buddha (Mahayana) berlainan dengan agama Buddha (Hinayana)³ yang lebih konservatif sebagaimana yang dianuti oleh orang-orang di Ceylon, Burma dan Siam. Tidaklah diketahui bilakah agama Buddha (Mahayana) mula diperkenalkan di Kedah, tetapi dapatlah dipastikan yang agama itu telah dibawa oleh pedagang-pedagang yang semakin kerap menggunakan Pelabuhan Merbok.

Semakin maju perdagangan di antara India dengan Asia Tenggara, semakin kuat pengaruh kebudayaannya ke atas pedagang-pedagang tempatan. Bagaimana pun dalam masa perdagangan sedang berkembang pesat itu, aliran fikiran pedagang-pedagang tempatan juga turut berubah corak.

Kesan-kesan asas yang tertua di Malaysia telah didapati di kemuncak Bukit Choras dalam kurun yang keempat. Letaknya di tebing sebelah selatan Sungai Sala. Sebuah daripada bangunan

3. Sekarang penganut-penganut agama ini tidak suka istilah 'Hinayana' (kenderaan kecil) digunakan. Mereka menamatkan agama mereka agama Buddha 'Theravada', agama golongan Theras (Guru).



Gambar: Zainuddin Zainal

Pemandangan Bukit Choras di mana candi yang terawal ditemui.

yang terdapat di situ ialah rumah berhala yang berbentuk kubah. Di dalamnya mengandungi benda-benda yang disembah oleh orang-orang yang beragama Buddha. Penganut-penganutnya menyembah secara berjalannya mengelilinginya. Bangunan yang satu lagi mungkin tempat kediaman rahib-rahib atau sami-sami yang beragama Buddha.

Di Cheruk Tok Kun yang terletak di Seberang Perai bersetentang dengan Pulau Pinang telah dijumpai beberapa serpihan prasasti dalam bahasa Sanskrit. Ia tertulis pada abad yang keempat. Terkemudian sedikit daripada itu satu prasasti telah dijumpai di sebelah selatan dekat Bukit Meriam. Ia ditulis di atas sekeping batu luh dalam sebuah rumah batu yang telah runtuh. Mungkin tempat itu menjadi bilik pertapaan seorang rahib Buddha.

Prasasti itu mengandungi dua rangkap ajaran Buddha dalam bahasa Sanskrit yang ditulis dengan huruf Pallava yang paling tua. Rangkap kedua berbunyi, "Karma terkumpul kerana keketikan pengetahuan. Karma menyebabkan penjelmaan. Dengan adanya pengetahuan Karma tidak akan terjadi dan dengan tidak adanya Karma tidak ada penjelmaan."

Kalau agama Buddha sudah boleh merintis jalan, maka agama Hindu juga boleh mendatangkan pengaruh. Maka mereka membawa masuk ke Asia Tenggara ajaran Brahminisme khususnya penyembahan kepada Dewa Siva. Menerusi Brahmin itu boleh dipohonkan kuasa dewa untuk memelihara keamanan dunia. Dengan pengkudusan Brahmin-Brahmin itu, segala upacara agama Buddha yang luas penerimaannya menjadi lebih suci lagi.

Banyak kuil dibina di Merbok dalam kurun yang keenam hingga kurun yang kedelapan, tetapi sebagaimana yang disaksikan sendiri oleh I Tsing agama Buddha masih lagi berkembang maju. Nampaknya kedua-dua agama itu seakan-akan bercantum menjadi satu. Pengembara-pengembara menyebut Kedah sebagai 'Cia-ca' Dalam tahun 671 I Tsing melaporkan bahawa 'Cieh-ca' juga adalah Kedah.

Ibnu Khordazbeh, seorang pengarang dan ahli pelayaran Arab yang telah membuat lawatan ke utara Tanah Melayu dalam tahun 846 menyebutkan dalam kitabnya 'Almasalik Walmamalik' ada sebuah negeri bernama 'Kilah'. Rakyat negeri itu beragama Buddha. Ia masyhur dengan galian bijih timah dan dipenuhi dengan hutan buluh.

Dalam tahun 941 seorang pengembara lagi bernama Ibnu Muhalhil menceritakan perihal sebuah negeri 'Kalah' namanya. Kemasyhuran negeri itu disebabkan oleh galian bijih timah. Satu daripada hukum dalam negeri itu ialah tidak harus membunuh binatang. Adalah dipercayai kedua-dua nama itu ialah Kedah.

Dalam kurun yang kesepuluh agama Hindu telah kuat benar di Kedah. Pelabuhan Kuala Merbok bertambah penting. Pada masa itu negeri China telah bergiat dalam perdagangan luar negeri. Selat Melaka menjadi tempat yang sibuk. Palembang menjadi pelabuhan utama di selat itu. Kedah pula menjadi pelabuhan utama di utaranya.

Di sinilah letaknya hujung jalan di sebelah barat bagi perjalanan merentasi Semenanjung. Jalan yang paling dekat untuk orang-orang Arab pergi ke Patani ialah melalui Kedah secara merentas jalan darat, iaitu dari Merbok ke Singgora dan terus ke Patani. Malah dari Singgora dan Patani, pengembara-pengembara dan saudagar-saudagar boleh pergi ke Benua China, Kamboja dan Champa dalam masa yang lebih singkat daripada melalui Selat Melaka. Kesibukan pelabuhan Kedah menerima saudagar-saudagar yang hendak pergi ke timur dan ke barat makin bertambah.

Negeri Kedah menyediakan alat pengangkutan rakit buluh dan gajah. Kerja-kerja menyediakan gajah memerlukan pawang-pawang yang handal. Pendiak atau perangkap gajah terdapat di mana-mana sahaja dalam negeri ini. Entah benar entah tidak, negeri ini dipanggil 'Kadah' dari perkataan Hindustan yang bermaksud 'pendiak' iaitu lubang-lubang tempat mendera gajah-gajah liar supaya menjadi kenderaan yang baik.

Begitulah halnya Kuala Merbok telah memainkan peranannya.



Gambar: Jabatan Muzium

Tapak Candi Bukit Batu Pahat ini terletak di Hulu Sungai Merbok di selatan Gunung Jerai.

Ia merupakan tempat yang baik bagi pemasaran hasil-hasil hutan yang didapati dari kawasan pedalamannya. Berhampiran dengan kuala itu ialah Gunung Jerai, gunung kebanggaan Kedah yang menjadi pedoman kepada kapal-kapal yang datang dari barat.

Menurut kepercayaan orang-orang Hindu, Gunung Jerai itu tempat tinggal dewa-dewa. Sebab itu kapal-kapal dapat berlabuh di pelabuhan itu dengan selamatnya. Manakala penduduk-penduduknya pula sentiasa tinggal di dalam aman dan terpelihara daripada bahaya.

Bagaimanapun pengaruh dan unsur-unsur kebudayaan Hindu dan Buddha telah meresap di kalangan rakyat negeri ini semenjak permulaan sejarah Asia Tenggara. Secara langsung pengaruh-pengaruh luar itu berkesan hingga kini di kalangan penduduk-penduduk desa.

Sepanjang yang diketahui daripada bukti-bukti sejarah, mulamulanya jajahan di sebelah utara Semenanjung Tanah Melayu ini ialah sebahagian daripada Kerajaan Funan. Ia meliputi tanah rata di sekeliling Sungai Mekong dan arah Hue di Annam. Orang Funan

adalah dari bangsa Melayu dan hidup bersuku-suku seperti pada permulaan sejarah. Funan ialah negeri kuasa besar yang pertama dalam Sejarah Asia Tenggara. Seperti Rumawi dalam Sejarah Eropah, kemegahannya kekal lama walaupun selepas kejatuhannya.

Apabila Kerajaan Funan itu lemah maka jajahan taktuknya yang ada di Semenanjung pun terlepas daripada kuasanya. Perikatan Kedah yang ulung kini mulai terbentuk. Kerajaan Sri Wijaya mungkin melalui dinastinya telah bersatu dengan pemerintah Sailendra di Jawa Tengah apabila masuk kurun yang kesepuluh. Sri Wijaya muncul sebagai kuasa yang terpenting di Asia Tenggara.

Memangnya sedemikian kerana kedudukan Kedah yang merupakan pintu gerbang utara masuk ke Tanah Sri Wijaya. Maka bertambahlah mustahak 'Kataha' iaitu nama Kedah dalam bahasa Sanskrit pada zaman itu. Apabila Langkasuka lemah dan jatuh dalam kurun yang kesebelas, Kedah menjadi pelabuhan yang terpenting kepada Empayar Buddha Sri Wijaya yang berpusat di Palembang. Sepanjang-panjang masa ini saudagar-saudagar dan mubaligh-mubaligh Arab sentiasa menyinggahi pelabuhan Kedah.

Kemudian apabila Sri Wijaya lemah, satu dinasti baharu mengambil alih empayar itu. Dinasti Sailendra dari Jawa memerintah Empayar Sri Wijaya sehingga munculnya Majapahit. Dinasti Sailendra inilah yang telah membawa masuk permainan wayang kulit dan gamelan ke Kedah. Merekalah yang mendirikan Borobudur tetapi di Kedah sudah pun terbina lebih dari sepuluh buah mini candi ala Nusantara.

Ketika Islam masuk ke India lebih kurang dalam tahun 1000, sebuah Kerajaan Hindu di pantai Koromandel bernama Cola sedang naik daun. Perhubungan antara Sri Wijaya dengan Cola dikira boleh tahan. Walau bagaimanapun Cola tidak senang dengan monopoli-monopoli ekonomi yang dipegang oleh Sri Wijaya di Nusantara. Serangan-serangan orang Islam di utara India dan wujudnya saudagar-saudagar Arab, Parsi dan Melayu yang beragama Islam di Lautan Hindi merimaskan Raja Cola.

Dengan itu dalam tahun 1025, Raja Cola yang bernama Rajendra menyerang Sri Wijaya dan juga Kedah sebagai pusat penting empayar itu. Akibat serangan itu Katahalah yang lebih teruk daripada Sri Wijaya. Kotanya punah-ranah dan khazanah rajanya dirampas. Namun demikian segala puji-pujian yang didendangkan untuknya dalam cerita Sanskrit sebagai 'Pusat Segala Kebahagiaan' tidaklah bererti yang Kataha sungguh-sungguh telah habis buat selamalamanya.

Riwayat Raja Cola itu diabadikan pada sebuah rumah berhala di Bandar Tanjong bertarikh 1030M.⁴ Terjemahan Nilakanta Sastri demikian bunyinya:—

4. D.G.E. Hall, "Sejarah Asia Tenggara", DBP, Kuala Lumpur, Edisi Pertama 1972 hlm. 75.

Beta Rajendra, setelah menghantar beberapa banyak kapal melalui lautan yang bergelora dan setelah menawan Sangrama Vijayottungavarman, Raja Kadaram, serta dengan gajah-gajah tenteranya yang gagah itu, merampas kekayaan yang telah dikumpulkan oleh raja itu; dengan riuh-rendah menawan pintu gerbang yang dinamakan Vidyadharatorana di pintu perang ibukotanya yang besar itu Sri Wijaya, dengan pintu sekerat batu permata yang terhias dengan indahnya dan pintu permata besar. Panai yang tangga mandinya penuh air; Maliyur purba dengan gunung yang kukuh sebagai tentang pertahanan; Mayirudinggam dikelilingi oleh laut yang dalam seperti dikelilingi oleh parit Illanggasoka tidak gentar dalam pertempuran-pertempuran yang hebat; Mappalam mempunyai banyak parit air untuk pertahanan. Mevilimbanggam dikawal dengan tembok-tembok yang indah Valaippanduru dipunyai oleh Valaippanduru; Talaitakkolam dipuji oleh cerdik-cerdik pandai dalam lapangan sains; Tamralingga gagah dalam pertempuran-pertempuran yang merbahaya; Ilmuri-deam, gagah perkasa dalam peperangan Nakkavaram yang masyhur mempunyai kebun yang luas di mana manisan lebah dipungut; dan Kadaram yang kuat, dilindungi oleh laut yang dalam.

Kebanyakan tempat ini ialah di Sumatera atau di Semenanjung Tanah Melayu. Tetapi ada di antara nama-nama itu tidak dapat dikenali. Tempat-tempat yang dapat ditentukan dengan pasti ialah Palembang, Malayur (Jambi) dan Pasai di Pantai Timur Sumatera, Langkasuka (Ligor) Takola dan Kedah di Semenanjung Tanah Melayu, Temasik iaitu nama lama bagi Singapura, Aceh di hujung sebelah utara Sumatera dan Pulau-pulau Nikobar.

Amatlah menarik bahawa Sangrama Vijayottungavarman iaitu Raja Sri Wijaya dikenal oleh orang Tamil sebagai Raja Kedah walaupun pusat kekuasaannya berada di Sumatera. Oleh kerana menghadapi ancaman dari Cola kedua-dua buah negeri Indonesia itu melupakan perselisihan mereka. Dalam tahun 1030 Airlangga dari Jawa berkahwin dengan anak perempuan Sangrama Vijayottungavarman. Dari tahun itu hingga tahun 1064 tidak ada apa-apa yang diketahui tentang sejarah Sri Wijaya.

Suatu catatan pendek⁵ menghuraikan serangan Cola ke atas Semenanjung Tanah Melayu kira-kira dalam tahun 1068. Raja Virarajendra dikatakan menakluki Kidaram (Kadaram) bagi pihak Sri Wijaya dan kemudian menyerahkannya kepada Raja Sri Wijaya yang telah meminta pertolongan dan perlindungan Cola. Hal ini mengelirukan orang Cina. Pada fikiran mereka Raja Cola yang dikuasai oleh Sri Wijaya dan bukan sebaliknya.

Walau apa pun makna catatan yang tersendiri dan samar-samar ini, ada bukti-bukti yang nyata bahawa dalam zaman pemerintahan Virarajendra perhubungan yang baik berjalan semula di antara kedua-dua kuasa dan membawa kepada perhubungan perdagangan yang luas.

Dalam tahun 1077 seperti yang dipercayai pada suatu masa dahulu, Sri Wijaya telah menghantar satu utusan ke China, tetapi dalam tahun 1079 China telah menerima utusan dari Jambi dan

5 Ibid hlm. 77

Sri Wijaya. Ini suatu keadaan yang pelik yang menunjukkan persaingan-persaingan yang berlaku di antara Palembang ibu kota empayar Melayu itu dengan negeri tetangganya. Dalam tahun 1082 hanya Jambi yang mempunyai perhubungan secara rasmi dengan China. Di sini ada kemungkinan bahawa di antara tahun 1079—1082 Jambi telah berjaya menggantikan Palembang sebagai ibu kota Sri Wijaya.

'Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah' menyebutkan Raja Kedah yang pertama ialah Maharaja Durbar Raja yang datang dari 'Negeri Gumrun di dalam Tanah Parsi'.⁶ Baginda ditewaskan oleh satu angkatan Parsi lain yang lebih kuat. Gumrun ini mungkin Pelabuhan Gambroon di Laut Kaspian. Kawasan ini telah pun memeluk Islam pada zaman Khalifah Umayyah (661—750) lagi.

Hikayat Merong Maha Wangsa menyebutkan Raja Kedah yang pertama ialah Merong Maha Wangsa, seorang raja yang menjadi duta Maharaja Rom untuk membawa puteranya berkahwin dengan Puteri Maharaja China. Dalam pelayaran itu, angkatan Merong Maha Wangsa diserang oleh seekor burung garuda, menyebabkan bahtera Putera Maharaja Rom musnah tetapi putera itu terdampar di pantai negeri Kedah.

Negeri Rom yang dimaksudkan itu ialah wilayah Empayar Parsi iaitu wilayah 'Rome Orient' yang sudah pun menerima Islam sejak dari zaman Khalifah al-Rashidin lagi. Kepada orang-orang Arab 'Rom' ialah wilayah Kerajaan Bizantin di utara Parsi. Di kawasan inilah orang-orang Parsi dan orang-orang Turki silih berganti menegakkan beberapa buah kerajaan Islam yang kuat.⁷

Jadi, Raja Kedah yang pertama, mengikut kedua-dua buah buku ini ialah orang yang sudah kenal dengan kebesaran agama Islam dan ajaran-ajaran Nabi Muhammad S.A.W. Walaupun tidak tercatat bahawa kedua-duanya atau salah seorangnya sebagai raja Islam.

Persoalannya adakah mungkin Merong Maha Wangsa atau Maharaja Durbar Raja itu raja yang beragama Islam?

Maharaja Durbar Raja membuat istananya 'Kota Langkasuka' di Sok kira-kira enam puluh batu ke timur Gunung Jerai. Hal ini menunjukkan seolah-olah baginda ingin menjauhkan diri daripada pusat-pusat pemujaan dan kegiatan orang-orang Hindu-Buddha yang banyak terdapat di kawasan yang dikenal sekarang sebagai 'Lembah Bujang'.

Merong Maha Wangsa membuat istananya di timur Gunung Jerai berhampiran dengan laut lalu menamakan istananya 'Kota Langkasuka' juga. Daripada persamaan ini dan persamaan-persamaan lain lagi maka bolehlah dikatakan bahawa Merong Maha Wangsa dan Maharaja Durbar Raja itu adalah raja yang sama.

6. Muhammad Hassan bin Muhammad Arshad, *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah* DBP, Kuala Lumpur 1968 hlm. 3.

7. M A. Rauf, *Ikhtisar Agama Islam dan Hubungannya yang Khusus dengan Malaya* OUP, Kuala Lumpur 1967 hlm. 71.

Merong Maha Wangsa lebih popular disebut orang sebagai raja yang pertama di Kedah. Ini disebabkan hikayatnya lebih awal dan lebih meluas dibaca oleh anak negeri. Hikayatnya adalah satu alat dakwah agama Islam yang berkesan. Kemudian dijalin pula dengan beberapa kisah seperti cerita Raja Bersiung dan sebagainya. Ini ialah untuk rakyat menjalinkan kisah-kisah dongeng lain di atas kisah-kisah tadi.

Raja Merong Maha Wangsa dikatakan telah berkahwin dengan seorang gadis dari kaum gergasi.⁸ Sambil itu baginda menggalakkan rakyatnya berkahwin di antara satu kaum dengan kaum yang lain. Amalan ini bukanlah pegangan orang yang beragama Hindu.

Raja-raja Kedah sebelum 1136 tidak membayangkan baginda ini beragama Hindu atau Buddha. Tidak ada kuil atau candi yang didirikan oleh Raja Merong Maha Wangsa atau oleh raja-raja kemudiannya melainkan membuka dan membina kota parit sahaja. Hal ini seperti yang dilakukan oleh raja-raja di Parsi atau di Timur Tengah.

Hikayat Merong Maha Wangsa menceritakan bagaimana Islam diperkenalkan di Kedah. Kononnya seorang Wali Allah bernama Sheikh Abdullah di Baghdad mempunyai seorang murid bernama Sheikh Abdullah al-Yamani. Melalui pertolongan gurunya, Sheikh Abdullah al-Yamani diberi sebatang tongkat supaya orang tidak boleh melihatnya semasa beliau terbang ke sana ke mari dengan iblis itu. Iblis membawa Sheikh Abdullah ke Kedah dan memasuki istana Raja Phra Ong Maha Wangsa di Bukit Meriam.

Di istana, iblis mengharingkan arak yang akan diminum oleh raja. Tuan Sheikh memarahi iblis kerana berkelakuan demikian, maka tibullah pertengkaran kecil. Iblis lantas kembali merebut tongkat saktinya. Ketika itu Raja Kedah pun ternampaklah lembaga Sheikh Abdullah al-Yamani tegak di bilik peraduannya. Sheikh Abdullah menerangkan satu persatu apa yang terjadi bersama iblis tadi. Dengan itu baginda Phra Ong Maha Wangsa terus memeluk agama Islam dan memakai nama Sultan Muzaffar Shah.

Kita tidak tahu bilakah Phra Ong Maha Wangsa memeluk Islam. *'Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah'* meletakkan tarikh 531 Hijrah bersamaan 1136 Masihi sebagai tahun Raja Kedah yang pertama memeluk Islam. Nama raja dalam *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah* ialah Maharaja Durbar Raja sedangkan nama Islamnya ialah Sultan Al-Mudzaffar Shah.

Nama yang disebut oleh Muhammad Hassan⁹ ini dianggap rasmi

8. Kaum asli atau Orang Laut yang berbadan besar agam. Kaum Gergasi mengamalkan adat perpatih kerana pemimpin mereka terdiri juga dari wanita. Sekarang dipanggil Orang Laut masih terdapat di Pulau Adang dan Pulau Terutau di utara Pulau Langkawi.
9. Nama penuh pengarang "*Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*", DBP, Kuala Lumpur 1968 him. 27 ialah Muhammad Hasan bin Muhammad Arshad bin Tuan Sheikh Abu Bakar Kadi bin Tuan Sheikh Abdul Kadir Mufti bin Tuan Sheikh Abdul Jalil Mufti bin Tuan Sheikh Abdul Wahab bin Tuan Sheikh Ahmad al-Mahdani Yaman Bandar Sina'ah.

sebagai nama Sultan Kedah yang pertama. Muhammad Hassan mencatatkan, "Sebermula tersebutlah seorang pendeta daripada bangsa Arab bernama Tuan Sheikh Abdullah bin Tuan Sheikh Ahmad bin Tuan Sheikh Jaafar Qaumiri keluar dari negeri Shahir perintah Yaman belayar dengan sebuah beghalah bersama-sama sebelas orang kawannya. Maka dalam tahun Hijrah 531 sampailah beghalah Tuan Sheikh Abdullah ke negeri Qalha.¹⁰ Maka Tuan Sheikh Abdullah pun masuk mengadap Seri Paduka Maharaja Durbar Raja menzahirkan hukum-hukum agama Islam."

Dinasti Seljuk keturunan Turki di bawah Khalifah Abbasiyah di Baghdad yang berfahaman ahli Sunnah wal Jumaah mendirikan sebuah kerajaan di Bizantin dalam tahun 1091. Orang-orang Seljuk ialah orang-orang Islam yang paling awal menggunakan gelaran 'sultan' kepada pemerintahnya. Negeri Kedah Darulaman turut menggunakan gelaran 'sultan' dalam tahun 1136 dan negeri-negeri Melayu lain turut menggunakan gelaran itu kemudiannya.

Sultan Al-Mudzaffar Shah memerintahkan supaya candi di puncak Gunung Jerai dimusnahkan dan sebuah masjid dengan menaranya didirikan di situ. Sheikh Abdullah Yamani menjadi mufti yang pertama dan mengembangkan Islam seluas-luasnya.

Perihal baginda itu terdengar khabar ke Aceh. Oleh Sheikh Nuruddin, seorang ulama di Aceh setelah diperkenankan Sultan Aceh lalu mempersembahkan dua buah kitab kepada Sultan Kedah. Sebuah bernama 'Siratulmustaqim' dan sebuah lagi 'Babun-nikah'. Kitab-kitab itu kemudiannya telah dipersetujui oleh Sheikh Abdullah untuk dikembangkan ke seluruh negeri Kedah.

Pada suatu hari baginda bertanya kepada Sheikh Abdullah, titahnya, "Apakah benda yang lebih baik yang boleh didapati di masjid-masjid Tanah Arab?"

Sembah Sheikh Abdullah, "Ampun tuanku, sembah patik pohon diampun. Daripada pengalaman patik yang tuanku hendak tahu itu ialah menara namanya. Adapun menara itu dijadikan tempat orang melaungkan 'Azan' atau 'Bang'. Kandungannya memuji-muji nama Allah dan Rasul di samping menyeru umat Islam bersembahyang ketika masuk waktunya."

Dengan hal yang demikian baginda tidak bertanggung-tanggung lagi lalu menitahkan supaya membina sebuah masjid lengkap dengan menaranya. Menurut pilihan Sheikh Abdullah, tapak masjid itu di atas Gunung Jerai. Bahan-bahan bangunan itu ialah batu-batu dan besi.

Setelah itu jurubata dan pandai besi pun dikerah ke situ bagi memulakan kerja pembinaannya. Sebelum itu Sheikh Abdullah mengangkat sembah lagi, "Pohon diampun tuanku. Dengan limpah keizinan tuanku sukacita patik menjelaskan bahawa yang dikatakan menara itu bukan sahaja menjadi tempat 'Bang' tetapi ia juga menjadi

10. Nama negeri Kedah pada masa itu mengikut Muhammad Hasan.

lambang keagungan tuanku dan negeri ini, Seri Paduka Yang Dipertuan Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Al-Mudzaffar Shah yang memerintah negeri Kedah Darulaman.”

Akhirnya masjid dan menara yang di bawah seliaan Sheikh Abdullah itu pun didirikan. Dengan takdir Allah manakala bangunan itu hampir siap, tiba-tiba Sheikh Abdullah jatuh sakit di dalam keadaan tenat. Sebelum ia menghembuskan nafasnya yang terakhir, ia sempat berwasiat supaya mayatnya dikebumikan di tanah rata berdekatan dengan masjid itu. Daripada Allah dia datang kepada Allah dia kembali.

Wasiatnya telah diperkenankan oleh baginda. Lalu disempurnakan oleh sekalian menteri. Hingga sekarang tanah rata di atas Gunung Jerai itu disebut orang 'Padang Tok Sheikh' mengambil sempena dan mengingati jasanya yang telah ditinggalkan.

Selang tidak berapa lama selepas itu, Sultan Al-Mudzaffar Shah pun mangkat pada 13 Safar 575 bersamaan 1179M. Jenazahnya telah dikebumikan di Langgar Kota Bukit Meriam dalam daerah Kota Kuala Muda. Menurut suatu kajian¹¹ dan penyelidikan oleh Jabatan Muzium dan Universiti Kebangsaan Malaysia, makam Sultan Al-Mudzaffar Shah itu ditemui di Kampung Langgar, Pangkalan Bujang tidak begitu jauh dari Gunung Jerai.

Hikayat Merong Mahawangsa menyebutkan bahawa seramai tujuh orang yang terawal merajai Kedah. Raja Kedah yang pertama ialah Merong Maha Wangsa. Diikuti oleh Raja Merong Maha Pudisat, Raja Seri Maha Wangsa, Raja Seri Maha Indera Wangsa, Raja Ong Maha Perita Deria (Raja Bersiung), Raja Phra Ong Maha Pudisat dan Raja Phra Ong Maha Wangsa yang kemudiannya bergelar Sultan Mudzaffar Shah.


Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah pula menceritakan raja-raja terawal memerintah Kedah seramai sembilan orang. Maharaja Durbar Raja sebagai Raja Kedah Yang Pertama, diikuti oleh Maharaja Darja Putra, Maharaja Maha Dewa, Maharaja Kerma Darja, Seri Paduka Maharaja Kerma, Seri Paduka Maharaja Derma Raja, Seri Paduka Maharaja Maha Jiwa dan Seri Paduka Maharaja Durbar Raja. Yang kemudian sekali itu diberi gelaran Sultan Al-Mudzaffar Shah.

Berikut ini ialah nama Sultan-Sultan¹² Negeri Kedah Darulaman:—

1. Sultan Al-Mudzaffar Shah I.
531H — 575H bersamaan 1136M — 1179M.
2. Sultan Mu'adzam Shah.
575H — 598H bersamaan 1179M — 1201M.
3. Sultan Muhammad Shah.
598H — 643H bersamaan 1201M — 1236M.

11. Mohsein Abdul Talib, "Kedah Negeri Yang Mula-mula Sekali Terima Islam" Berita Harian 14 Mac 1983.

12. YTM Tunku Fariduddin Haji, "Keturunan Sultan Kedah" 1957 yang dipadankan dari susunan Muhammad Hasan bin Muhammad Arshad.



Gambar: Muzium Negeri Kedah.

Inilah dipercayai Makam Sultan Al-Mudzaffar Shah.

4. Sultan Mazzil Shah
634H – 679H bersamaan 1236M – 1280M.
5. Sultan Mahmud Shah I,
679H – 721H bersamaan 1280M – 1321M.
6. Sultan Ibrahim Shah,
721H – 775H bersamaan 1321M – 1373M.
7. Sultan Sulaiman Shah I,
775H – 826H bersamaan 1373M – 1422M.
8. Sultan Ataullah Muhammad Shah I,
826H – 877H bersamaan 1422M – 1472M.
9. Sultan Muhammad Jiwa Zainal Azilin I,
877H – 912H bersamaan 1472M – 1506M.
10. Sultan Mahmud Shah II,
912H – 953H bersamaan 1506M – 1546M.
11. Sultan Muzaffar Shah II,
953H – 1011H bersamaan 1546M – 1602M.
12. Sultan Sulaiman Shah II,
1011H – 1035H bersamaan 1602M – 1625M.
13. Sultan Rijaluddin Muhammad Shah,
1035H – 1062H bersamaan 1625M – 1651M.
14. Sultan Muhyiddin Mansor Shah,
1062H – 1072H bersamaan 1651M – 1661M.

15. Sultan Dziauddin Mukarram Shah.
1072H – 1099H bersamaan 1661M – 1687M.
16. Sultan Ataullah Muhammad Shah II.
1099H – 1110H bersamaan 1687M – 1698M.
17. Sultan Abdullah Al-Mu'adzam Shah I. Pertama.
1110H – 1118H bersamaan 1698M – 1706M.
18. Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah I.
1118H – 1121H bersamaan 1706M – 1709M.
Raja Bendahara (Pemangku Sultan).
1121H – 1122H bersamaan 1709M – 1710M.
19. Sultan Muhammad Jiwa Zainal Azilin Mu'adzam Shah II.
1122H – 1174H bersamaan 1710M – 1760M.
20. Sultan Abdullah Mukarram Shah II.
1174H – 1212H bersamaan 1760M – 1797M.
Tunku Dziauddin Raja Muda Kayang (Pemangku Sultan).
1212H – 1219H bersamaan 1797M – 1803M.
21. Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah II.
1219H – 1259H bersamaan 1803M – 1843M.
22. Sultan Zainal Rashid Al-Mu'adzam Shah I.
1259H – 1270H bersamaan 1843M – 1854M.
23. Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah III.
1270H – 1297H bersamaan 1854M – 1879M.
24. Sultan Zainal Rashid Al-Mu'adzam Shah II.
1297H – 1299H bersamaan 1879M – 1881M.
25. Sultan Abdul Hamid Halim Shah.
1299H – 1362H bersamaan 1881M – 1943M.
26. Sultan Badlishah.
1362H – 1377H bersamaan 1943M – 1958M.
27. Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah.
1377H – bersamaan 1958M –

Dari sini dapat dilihat negeri Kedah mempunyai sejarah yang panjang dan salasilah keturunan raja-raja yang memerintah dengan tidak putus-putus selama lebih daripada 1,300 tahun, semenjak dari zaman Merong Mahawangsa. Dalam masa tersebut negeri Kedah telah merasai berbagai-bagai perubahan, peristiwa dan kemalangan, tetapi oleh taat setia rakyatnya maka terselamatlah dari segala ancaman yang mengganggu kemerdekaan.

Adat istiadat selalu mengaitkan anak-anak raja dengan maharaja yang gagah lagi masyhur. Ini terdapat dalam cerita-cerita jenaka tempatan, misalnya yang terbaik ialah Cerita Abu Nawas. Walaupun demikian tidaklah dapat dinafikan yang anak raja ini datangnya dari Timur Tengah dengan membawa bersamanya ilmu sains dan pengetahuan-pengetahuan yang belum didengar terdahulu daripada masa itu.

Penduduk-penduduk negeri itu dikenali oleh pengembara-pengembara pada kurun yang lampau sebagai 'gergasi' Apabila

dilihat dari arah pucuk kain yang dipakai di kepala mereka, kelihatan seperti perompak Eropah (Vikings), tetapi mereka baik orangnya di samping murah hati dan pintar. Dengan kerana itu mereka telah tertarik hati dengan tetamu diraja ini dan menerimanya menjadi raja mereka.

Nampaknya di sinilah wujudnya permulaan sejarah Kedah. Sejarah tempatan pula menyatakan titisan kerabat Diraja Kedah semenjak itu terus berhubungan dengan tidak berputusan hingga sekarang ini.

Maju dan mundurnya serta kejayaan dan ketewasan yang dihadapinya telah menjadikan Raja Kedah asas atau lambang kesabaran. Baginda-baginda telah menyesuaikan diri mengikut kehendak masa seperti rakyat sekalian juga. Boleh jadi dengan mempusakai sifat-sifat kesabaran inilah yang menyebabkan teguhnya pegangan terhadap ketandaan diraja. Bertambah pula dengan budi bahasa Melayu yang lemah lembut. Ini membawa kepada pergaulan yang erat serta yang tidak berbandingan.

Perhatikanlah salasilah negeri kita sendiri.¹³ Sekarang bolehlah kita menggambarkan bahawa bangsa kita turun-temurun ada mempunyai raja semenjak dari zaman purbakala. Oleh itu tumpahkanlah taat setia kepadanya.

Maka kepadanya diserahkan segala kekuasaan seperti menjadi hakim yang berkuasa menghukum rakyatnya. Raja berkuasa mengatur rakyat melakukan sebarang pekerjaan yang berfaedah untuk kemajuan dan pembangunan negeri. Raja berkuasa mengerahkan rakyat berjuang di medan peperangan untuk memelihara keselamatan dan kebebasan negerinya daripada ancaman musuh luar dan dalam.

Pada zaman dahulu, rajalah yang menjadi kepala perang dalam tiap-tiap peperangan. Raja mendahului menunjukkan gagah perkasanya sebagai semangat pemberangsangan kepada sekalian hamba rakyatnya. Di barisan berikut baharulah sekalian hulubalang panglimanya. Manakala di barisan belakang sekali adalah rakyat jelata sekalian.

Semakin gagah perkasa dan adil rajanya maka semakinlah bertambah nama negeri itu. Sentiasa ditakuti, disegani dan dihormati oleh sekalian kawan dan lawan. Sebaliknya raja yang zalim dan lemah itu dengan mudahnya akan hilanglah kemerdekaan dan pengaruhnya.

Lama-kelamaan terjadilah pula suatu adat melantik putera raja bagi menggantikan tempat ketika raja itu mangkat. Adat itu dibuat kerana ditakuti kelak berbangkit pergaduhan pada masa mengisytiharkan perlantikan raja yang baharu. Oleh sebab itu hingga sekarang ini adat mengangkat anak raja atau saudaranya menjadi raja masih berkekalan di Kedah.

Sungguhpun terpelihara daripada berbangkit huru-hara dengan

13. YTM Tunku Abdul Rahman Putra, "Risalah Kasihkan Olehmu Akan Raja Kamu" sewaktu Tunku menjadi Penguasa Pelajaran Kedah pada 18 Oktober 1943 masa peralihan Jepun-Siam,

sebab peraturan ini, kadangkala ada juga berbangkit kecelaannya. Putera kepada raja yang kuat itu, belum tentu yang dia pun kuat juga. Maka berbangkitlah berbagai-bagai keadaan dan kelakuan raja yang kemudian itu.

Sebagaimana rakyat umum sudah maklumi, raja itu payung negara. Baginda menjadi tempat rakyat jelata bernaung dan berteduh. Mudah-mudahan dengan adanya ketaatsetiaan kita kepada raja dan negara, akan menjadi lambang persefahaman antara raja dan rakyat yang sentiasa hidup di dalam suasana keharmonian, bertambah makmur dan aman sejahtera.

Cerita-cerita purbakala menunjukkan negeri ini dengan Merong Mahawangsa dan dengan Raja Bersiung yang masyhur buasnya. Walaupun negeri ini pernah ditawan sama ada semasa serangan Sri Wijaya, lanun-lanun yang bengis dari India ataupun semasa di bawah pemerintahan Siam namun Kerabat Diraja telah selamat pada sepanjang masa.

Sebagai misalan, pada zaman Sultan Sulaiman Shah, apabila baginda mendengar akan angkatan serangan dari Aceh, baginda sendiri telah mendapat nasihat daripada menteri-menterinya. Sebelum menemui musuhnya secara peperangan, baginda mengeluarkan perintah mengalu-alukan angkatan Diraja Aceh itu dengan mengikut adat istiadat negeri. Kesudahannya tidak ada tumpah darah berlaku. Sebaliknya seteru yang dianggap ganas telah menjadi kawan yang sungguh-sungguh karib.

Dalam pemerintahan sultan yang bergelar Azilin Shah iaitu gelaran percampuran Arab dan Parsi, baginda menanamkan semangat jiwa baharu dalam jiwa tiap-tiap rakyat. Baginda menuntut tatatertib yang keras di kalangan pemerintah-pemerintah dan melarang menteri-menteri menjalankan pekerjaan-pekerjaan sendiri. Mereka diperintah menjaga keselamatan rakyat. Di samping itu baginda telah berjaya mengubah budi pekerti rakyat kepada taraf yang baharu. Tegasnya baginda bersifat sempurna serta berkebolehan dalam memajukan keadaan kehidupan rakyat baginda.

2

PEMERINTAHAN SULTAN-SULTAN

Sultan Al-Mudzaffar Shah mempunyai tiga orang putera. Yang sulungnya bernama Tunku Mu'adzam Shah ditabalkan menjadi Sultan Kedah Ke-2 di dalam tahun 575H (1179M). Baginda bergelar Sultan Mu'adzam Shah. Adinda baginda yang bernama Tunku Mahmud dilantik menjadi Raja Muda dan adindanya Tunku Sulaiman bergelar Laksamana.

Sewaktu baginda menjadi Raja Muda, Almarhum Paduka ayahanda baginda telah memberi kuasa kepadanya untuk memerintah di Kota Palas. Tetapi apabila baginda menjadi sultan, Kota Palas diserahkan di bawah jagaan Dato' Lela Pahlawan dan Panglima Jaya. Baginda kekal bersemayam di Istana Bukit Meriam hinggalah baginda mangkat pada 8 Syaaban 598 (bulan Mei 1202).

Almarhum Sultan Mu'adzam Shah mempunyai seorang putera dan dua orang puteri. Mereka ialah Tunku Muhammad Shah, Tunku Puteri dan Tunku Maheran. Tunku Muhammad Shah menggantikan Almarhum Paduka Ayahandanya menjadi Sultan Kedah Ke-3 di dalam tahun 598H (1201M).

Menurut Muhammad Hasan penulis buku *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah* diperolehi dari rekod-rekod istana Sultan Kedah dan juga rekod-rekod keluarganya yang berasal dari Yaman. Juga dari cerita-cerita mulut orang tua-tua pada zamannya.

Muhammad Hasan lebih terkenal dengan panggilan 'Cik Hasan Yamtuan' kerana ikrabnya dengan Yamtuan Sultan Abdul Hamid Halim Shah (1881-1943). Tujuan beliau menulis *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, untuk menangkis karya-karya sejarah Kedah sebelum *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah* ini yang dianggap tidak betul isinya. Sehingga hari ini belum ada pendapat yang menafikan fakta-fakta di dalam *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah* itu.

Sejarawan dari Aceh¹ bersetuju bahawa ada seorang sultan Islam di Semenanjung Tanah Melayu maksudnya Melaka. Sultan itu bernama Sultan Muhammad Shah yang memerintah sezaman dengan Sultan Perlak yang bernama Sultan Makhzum Alauddin Malik Muhammad Amin Shah Johan Berdaulat (1225-1263).

Sultan Muhammad Shah itu telah berkahwin dengan puteri Sultan Perlak yang bernama Ratna Gemala. Adik puteri itu telah

1 M. Junus Dijamil dan Prof. A. Hasyimi.

berkahwin dengan Sultan Malik as-Salleh, Sultan Samudera-Pasai (1262-1289).

Sejarawan Indonesia berpendapat, Sultan Muhammad Shah turut menyebarkan syiar Islam di Semenanjung Melaka. Tiada terlintas di fikiran mereka bahawa sultan ini ialah Sultan Kedah Ke-3 iaitu Sultan Muhammad Shah ibni Sultan Mu'adzam Shah (1201-1236).

Patutlah diingatkan bahawa negeri Kedah pada zaman itu lebih luas kewasannya dari Kedah sekarang. Mengikut Tom Pires, sempadannya di selatan ialah Melaka dan Beruas.² M. Junus Djamil mengatakan, Sultan Muhammad Shah itu ialah Sultan Negeri Melaka Yang Pertama.³

M.J. Djamil menyatakan sebuah kerajaan Islam telah lahir di Perlak pada hari Selasa 1 Muharam 225H (840M),⁴ lebih kurang 300 tahun lebih awal dan kewujudan Kedah.

Selepas Merdeka orang menemui sebuah nisan di Langgar, Kedah, yang berinskripsikan nama 'Sheikh Abdul Kadir ibnu Hussain Shah Alirah'⁵ dan tarikhnya 291H. Tahunnya itu bersamaan dengan 903M. Di sebelah tulisan Jawi nama Tuan Sheikh Keramat ini terdapat tulisan Kawi, bukan Jawi. Antara perkataannya ialah 'Rabiul-awal' dalam tulisan Jawi.

Kemudian dalam bulan September 1982, sebiji bedana tembikar telah dijumpai. Di dalamnya penuh dengan duit syiling emas. Beratus-ratus keping duitnya yang bertulis 'Muhammad Shah' dan di sebelah lagi bertulis 'al-Sultan al-Adil'. Duit itu ditemui di Langkawi dan ditanam oleh lanun di sini mungkin asalnya dari tempat lain. Duit itu ialah duit Kedah sebelum tahun 1236.

Di zaman ayahanda Sultan Muhammad Shah ini iaitu zaman Sultan Mu'adzam Shah (1179-1201) seorang 'Fakir' telah menulis 'Hikayat Merong Mahawangsa' dalam tulisan Jawi.⁶

Batu Bersurat Terengganu telah membuktikan bahawa agama Islam telah sampai di Terengganu lebih lama iaitu sebelum tahun 1303 Masihi. Batu Bersurat yang paling tua pernah ditemui di Aceh ialah nisan dari kuburan Ratu Iman di Minye Tujuh bertarikh 1380 Masihi.

- 2 F J Moorhead hlm. 49-50 Tome Pires menulis dalam bukunya "Suma Oriental" masa Portugis menduduki Melaka.
- 3 M Junus Djamil, "Sisilah Tawarikh Radja-Radja Keradjaan Atjeh" stensil 1968 hlm. 4 seperti yang dikatakan oleh Dr. Wan Hussein Azmi dalam "Tamaddun Islam di Malaysia" hlm. 137.
- 4 Dr. Wan Hussein Azmi, "Islam di Malaysia. Kedatangan dan Perkembangan (Abad 7-20M): Tamaddun Islam di Malaysia, Persatuan Sejarah Malaysia, Kuala Lumpur, 1980 hlm. 137. Dari bingkisan M. Junus Djamil, 1968. Sedangkan H.M. Zainuddin, "Tarikh Atjeh dan Nusantara", Iskandar Muda, Medan menyatakan Raja Islam Perlak yang pertama ialah Sultan Aliddin Shah (1161-1186).
- 5 Ismail bin Haji Salleh, Kertaskerjanya, "Sejarah Kedah Dalam Kebangkitan Islam" khusus untuk "Deklarasi Langkawi Disember 1982.
- 6 Hikayat Merong Mahawangsa merupakan alat dakwah Islamiah yang terawal. Masa 'Musuh Bisik' (1821-1842), Raja Rama V di Bangkok mengarahkan supaya Hikayat ini dikumpul dan dibakar habis-habisan atas alasan Hikayat itu mendakwa Kedah lebih dahulu wujudnya dari Thailand. (Low).

Hijrat Nabi Mustafa Parasida
Tujuh ratus astha puluh swarsa
Hajicatur dan dasa wara sukra
Raja Iman mardha rahmat Allah

Gusta barubasa empu Kedah Pasai Ma
taruk tasih tanah samuha
Ilahi ya Rabbi Tuhan Semuha
Taruh dalam swarga tatuha.

Dapatlah diperhatikan bahawa tulisan Jawi lebih awal dipakai di Semenanjung mengambil alih dari tulisan Kawi, Batak, Lampong, Rejang, Bugis dan lain-lain lagi yang menjadi tulisan di Nusantara sebelum ini. Sehingga 1380, tulisan Jawi belum lagi digunakan pada nisan atau tugu di Aceh walaupun 'Gusta barubasa empu Kedah Pasai' iaitu 'Keluarga yang memeluk Islam menguasai Kedah dan Pasai'. Kemungkinan Islam telah sampai di Semenanjung lebih awal dari Aceh.

Sebagai sebuah pelabuhan Islam semenjak wujudnya, secara langsung atau tidak langsung, Kedah telah membuat sumbangan besar terhadap perkembangan Islam menerusi peniaga-peniaga Islam.

Setelah memeluk Islam, Kedah bertindak memusnahkan kesan-kesan agama Hindu dan Buddha yang terdapat di negeri ini. Bersama dengan Patani, Kedah menjadi benteng menahan kemaraan agama Buddha masuk ke negeri-negeri Melayu. Akibatnya Kedah dan Patani menjadi sasaran Siam.

Islam menyerap ke dalam masyarakat Melayu di kampung-kampung dan di pelabuhan-pelabuhan terlebih dahulu sebelum sampai ke istana. Rakyat sesama rakyat menjadi pengembang agama dengan menggunakan bahasa Melayu sebagai medianya. Bahasa dan sastera Melayu menjadi pembedung agama yang berkembang itu di Nusantara ini.

Kita mengaku peranan mubaligh-mubaligh dari Arab, Parsi dan India telah mempertingkatkan peradaban bangsa kita dan menyatupadukan manusia Melayu.

Zaman keemasan Islam di Nusantara ialah ketika Melaka wujud sebagai sebuah empayar dan kotanya boleh menjadi Baghdad di Timur jika tidak dijajah oleh Portugis pada tahun 1511. Peranan Kedah dan Aceh ialah untuk menjadikan Basrah dan Damshik.

Berbalik kepada kisah Sultan Muhammad Shah, baginda bersemayam di Istana Kota Bukit Meriam. Kemudiannya baginda mangkat pada 13 Jamadilawal 634 (Januari 1327). Baginda meninggalkan dua orang putera, seorang bernama Tunku Mazzil Shah dan seorang lagi Tunku Noraishah. Tunku Mazzil Shah ditabalkan menjadi Sultan Kedah Ke-4 dalam tahun 634H (1236M) bergelar Sultan Mazzil Shah. Baginda tidak lama bersemayam di Istana Kota Bukit Meriam, lalu berpindah ke istana baharunya ke Kota Sungai Emas,

Kuala Muda pada 6 Safar 635 (September 1237).

Setelah baginda mangkat pada 18 Rabiulakhir 679 (Ogos 1280), putera baginda yang berkahwin dengan Tunku Aishah ditabalkan menjadi Sultan Kedah Ke-5, dalam tahun 679H (1280) bergelar Sultan Mahmud Shah I. Manakala adinda baginda yang bernama Tunku Ahmad dilantik menjadi Raja Muda.

Dalam zaman pemerintahan baginda dalam tahun 681H (1282M) telah memerintahkan adiknya Tunku Ahmad membina sebuah kota di tempat yang baharu iaitu Kota Siputih. Tujuannya sebagai kubu pertahanan hadapan di sebelah utara.

Kemudian dalam masa yang sama, baginda mengarahkan Raja Temenggung mendirikan kota di Hulu Sungai Merpah. Apakala siap lalu dinamakan Kota Wang Merpah sebagai tempat menentang serangan musuh dari Tenangsari.⁷

Kota Siputih yang telah didirikan itu cukup lengkap dengan kota, istana dan balai penghadapan. Di sekeliling kota itu digalikan parit dan ditanami dengan pokok-pokok buluh. Setelah selesai kesemuanya, kota itu pun diserahkan kepada Dato' Seraja Wang untuk menjaganya. Manakala Kota Wang Merpah di bawah jagaan Dato' Paduka Maharaja Pahlawan Berma Raja.

Sultan Mahmud Shah I mangkat pada 15 Jamadilakhir 721 (April 1821). Almarhum dimakamkan di Langgar Sungai Emas, Kuala Muda. Putera baginda yang bernama Tunku Ibrahim ditabalkan menjadi Sultan Kedah Ke-6, dalam tahun 721H (1321M), bergelar Sultan Ibrahim Shah dan adindanya Tunku Azlin menjadi Bendahara.

Baginda berkahwin dengan Tunku Mala dan dapat dua orang putera. Seorang bernama Tunku Sulaiman dan seorang lagi Tunku Abdul Rahman. Dalam bulan Jamadilawal 723 (bulan Mei 1323) baginda meninggalkan Kota Sungai Emas, Kuala Muda, lalu bersemayam di Istana almarhum paduka ayahandanya di Kota Siputih yang menjadi ibu negeri Kedah zaman itu.

Semasa pemerintahan baginda Kota Sungai Emas, di bawah jagaan ayahanda saudaranya Tunku Ahmad. Manakala Kota Bukit Meriam dan pulau yang bersejajir dengan daerah Kerian di bawah jagaan Dato' Tan Derma Dewa.

Sekarang ikutilah sedikit kisah peperangan dengan Tenangsari. Sungguhpun ianya sudah berlalu beberapa abad yang lampau sekarang-kurangnya boleh juga dijadikan renungan dari segi sejarah. Peristiwa ini berlaku dalam zaman Seri Paduka Maharaja Derma Raja. Yang bersemayam di Kota Bukit Meriam.

Baginda mendapat tahu yang seorang raja di negeri Tenangsari hendak menakluk negeri Qalha.⁸ Baginda dengan adindanya Maha Putra dan menteri-menterinya bermesyuarat hendak menghalang

7 Tannaserim dalam negeri Burma. Tidak jauh dengan Mergui.

8 Nama negeri Kedah pada zaman dahulu. Disebut juga Qalha yang mengandungi empat buah daerah di Kedah iaitu Kuala Sungai Merbok, Kuala Bahang, Kuala Merpah dan Kuala Bara.

serangan itu di Padang Jangam.⁹ Maha Putra sendiri mengepalai angkatan perang Qalha itu. Lalu dip perintah olehnya mengorek sebuah kolam untuk pembekalan air.

Apabila angkatan Tenangsari tiba, maka berperanglah mereka. Rakyat kedua belah pihak banyak yang terkorban dan cedera. Ketika itu Raja Tenangsari pula memerintahkan hamba rakyatnya mengorek sebuah kolam lagi khusus untuk faedah mereka dengan tujuan yang sama. Kolam itu letaknya di sebelah matahari jatuh, berseberang dengan kedudukan angkatan Maha Putra.

Di dalam peperangan itu, angkatan Raja Tenangsari, kalah mereka berundur kerana tidak tertahan dengan amok angkatan Maha Putra yang dibantu oleh angkatan Raja Legor.

Untuk membalas budi kerana pertolongan yang diberikan itu, Raja Qalha mengutuskan Tan Derma Dewa ke Legor. Dibawa bersamanya empat orang ketua dan seratus orang pengiringnya. Persembahan kepada Raja Legor itu merupakan sepohon bunga emas dan sepohon bunga perak yang mengandungi tiap-tiap sepohon lima tingkatnya dan tiap-tiap tingkat empat cabangnya. Selain itu dua kayu kain khasa yang berkepalakan benang emas, dua belas buah perisai, dua belas buah utar-utar, dua belas batang tombak, dua belas batang lembing dan dua belas kayu kain putih.

Maknanya persembahan bunga emas dan bunga perak adalah sebagai ganti perbelanjaan. Tombak, lembing, utar-utar dan perisai sebagai ganti senjata pahlawan-pahlawan yang terkorban. Kain khasa dan kain putih untuk diberikan kepada rakyat sebagai ganti pakaian mereka yang telah binasa dalam peperangan.

Sewaktu Tan Derma Dewa hendak bermohon kembali, Raja Legor telah membalas persembahan kepada Raja Qalha. Gaharu, kemenyan dan 800 gantang beras untuk bekalan orang-orang Qalha yang hendak pulang itu. Serta diberinya persalinan pakaian kepada Tan Derma Dewa dan empat orang ketua pembantunya.

Sepucuk surat kepada Seri Paduka Maharaja Derma Raja juga dikirimkan, antara lain kandungannya, "Beta, Raja Legor berharap pekerjaan menghantar bunga emas dan bunga perak hendaklah diteruskan tiap-tiap tiga tahun sekali. Ini bertujuan supaya tiada berkeputusan kasih mesra yang akan menjadi kenangan abadi hingga ke anak cucu turun-temurun."

Sebuah kisah lagi ialah mengenai sebuah bukit di daerah Kota Kuala Muda. Di atas bukit itu dilengkapkan dua buah meriam. Sebuah meriam besar dan sebuah meriam kecil. Kedua-dua buah meriam itu diperbuat daripada batu yang menjadi lambang pertahanan Kerajaan Kedah pada zaman dahulu.

Meriam besar itu panjangnya sembilan hasta terletak di bahagian selatan bukit itu. Manakala meriam yang kecil panjangnya tujuh hasta, ditempatkan di sebelah utara. Bukit yang dimaksudkan itu

⁹ Nama sebuah tempat di utara Kedah iaitu Padang Besar. Dahulunya Perlis adalah termasuk dalam perintah Kedah.

hingga masa ini namanya masih kekal di bibir orang ramai. Sebagai Bukit Meriam.¹⁰

Kedudukannya di pinggir jalan yang tidak berapa jauh dari Kampung Sintok Bugis arah ke Pantai Merdeka. Kira-kira dua batu dari Pekan Kota Kuala Muda yang suatu masa dahulu menjadi pusat pemerintahan negeri Kedah.

Menurut ceritanya,¹¹ di atas Bukit Meriam inilah seorang penduduk tempatan yang bernama Muhammad Salleh yang mula-mula menerima ajaran agama Islam daripada Sheikh Abdullah. Kemudian beliau dilantik menjadi Imam Masjid Bukit Meriam iaitu sebuah masjid yang tertua sekali di daerah itu.

Pada suatu petang akhir Syaaban, Haji Salleh telah mendaki bukit itu. Hasratnya untuk menentukan hari mula memegang puasa. Entah dengan sengaja atau tidak, haji itu telah mengetuk pada salah sebuah meriam itu dengan tongkatnya. Ketukan itu menyebabkan buntut meriam itu serpih batunya. Serpihan batu itu dibuangkannya ke laut.

Peristiwa Haji Salleh dengan meriam itu telah menjadi heboh di sekitar Kampung Bukit Meriam dan kampung-kampung yang berdekatan dengannya. Masing-masing tinggal dalam keadaan ketakutan. Sebenarnya perkara yang seumpama ini belum pernah berlaku sebelumnya. Dari petua orang-orang tua, tentu ada padahnya yang akan menimpa masyarakat berikutnya dengan peristiwa tersebut.

Apa yang mereka sangkakan itu betul-betul terjadi. Kira-kira tepat pada pukul dua belas tengah malam, suatu letupan yang hebat lagi mengerikan seolah-olah bukit itu roboh ataupun meletup lakunya.

Rupa-rupanya meriam besar yang menjadi tunggak kedaulatan negeri Kedah telah beredar dari tempatnya menuju ke laut. Bunyi yang berdahanam waktu tengah malam itu adalah menandakan kehilangannya yang sukar dicari ganti.

Sekarang meriam-meriam itu sudah tiada lagi. Hilang lesap ditelan lautan. Tetapi kesan-kesan perjalanan daripada bukit itu ke laut masih ada menjadi anak sungai, dinamakan Sungai Meriam Besar dan sebuah lagi Sungai Meriam Kecil.

Pada 11 Rejab 775 (bulan Disember 1373) Sultan Ibrahim Shah pun mangkat. Almarhum adalah sebagai sultan yang pertama dimakamkan di Kota Siputih. Putera baginda, Tunku Sulaiman menjadi Sultan Kedah Ke-7, dalam tahun 755H (1373M) bergelar Sultan Sulaiman Shah I dan bersemayam di Kota Siputih. Baginda mempunyai dua orang putera, seorang bernama Tunku Ataullah dan seorang lagi Tunku Mansor.

10 Petikan dari PGMK 5 Tahun, terbitan Persatuan Guru-guru Melayu Kedah, 15 Mac 1951 (tulisan Jawi) hlm. 105.

11 Ibid hlm. 106

Apabila baginda mangkat pada 15 Syaaban 826 (1422M), maka puteranya Tunku Ataulah pun diisytiharkan menjadi Sultan Kedah Ke-8 dalam tahun 826H (1422M), bergelar Sultan Ataulah Muhammad Shah I. Adindanya Tunku Mansor dilantik menjadi Raja Muda.

Baginda mempunyai dua orang isteri. Dengan Paduka Bonda Cik Puan beroleh tiga orang putera. Mereka ialah Tunku Muhammad Jiwa Zainal Azilin, Tunku Puteri dan Tunku Pok. Manakala dengan Tunku (?) Permaisuri¹² hanya mendapat seorang putera bernama Tunku Osman.

Beberapa batang sungai telah dikorek dalam zaman pemerintahan baginda. Dari Jerlun ke Alor Janggus dan dari Alor Janggus ke Kubang Rotan. Sambil itu menghubungkan Sungai Mati ke Kuala Sungai Mati terus ke Sungai Besar di Kuala Kedah.

Enam tahun kemudian dikorek lagi sebatang sungai dari Gunung Keriang ke Sungai Chegar, yang dipanggil Sungai Alor Gunung, untuk kemudahan mengairi persawahan di kawasan-kawasan tersebut.

Baginda mangkat pada 15 Syaaban 877 (awal tahun 1472). Kemudian digantikan oleh puteranya, Tunku Muhammad Jiwa Zainal Azilin. Baginda menjadi Sultan Kedah Ke-9 dalam tahun 877H (1472M). Bergelar Sultan Muhammad Jiwa Zainal Azilin I. Adinda baginda, Tunku Osman (Raja Temenggung) dilantik menjadi Tunku Paduka Temenggung Anggota Desa.

Baginda beristerikan Tunku Mariam dan mendapat dua orang putera iaitu Tunku Mahmud dan Tunku Kutam. Kemudiannya dikahwinkan dengan Tunku Muhammad Saad bin Tunku Osman Raja Temenggung. Sultan Muhammad Jiwa Zainal Azilin mangkat pada 13 Muharam 912 (bulan Mei 1506M), dan dimakamkan di Kota Siputih.

Putera baginda, Tunku Mahmud ditabalkan menjadi Sultan Kedah Ke-10, dalam tahun 912H (1506M) bergelar Sultan Mahmud Shah II. Baginda telah berangkat membuat lawatan rasmi ke Melaka, disambut dengan adat raja-raja. Sekembalinya dari Melaka, baginda membentuk sebuah jawatankuasa bagi menyelaraskan penggunaan sukatan padi, beras dan mata wang yang baharu.

Jawatankuasa itu mengandungi:—

Raja Bendahara Tunku Azilin ibni Sultan Mahmud.

Dato' Paduka Seri Maha Menteri.

Dato' Paduka Seri Raja Laksamana.

Dato' Paduka Lela Putera.

Dato' Paduka Maharaja Tunku Osman Temenggung.

Dato' Maharaja Timbangan Warita, Hakim Negeri.

¹² Tunku Fariduddin Haji putera Tunku Mansor ialah seorang anak Kerabat Diraja Kedah. Beliau sangat mengambil berat dan berusaha menyusun risalah, "Keturunan Sultan-Sultan Kedah" untuk pengetahuan orang ramai.

Pembaharuan yang dilakukan itu ialah sukatan seperti kepul, kal, cupak dan gantang:—

3 genggam bersamaan	1 kepul
2 kepul	1 kal
2 kal	1 cupak (12 genggam)
4 cupak	1 gantang (48 genggam bertelentang).

Untuk sukatan kepul, kal dan cupak digunakan tempurung. Manakala untuk sukatan gantang daripada baluh kayu yang bercap dengan timah tertulis 'Kedah Darulaman'. Hanya sukatan inilah sahaja boleh diguna secara rasmi.

Mengenai mata wang kegunaan dalam negeri seperti tera, pitis, kupang, jempal dan rial. Diperbuat daripada timah dan berlubang di tengahnya. Di keliling mata wang itu bertulis 'Kedah Darulaman':

12 tera bersamaan	1 pitis
150 tera	12½ pitis (1 kupang)
600 tera	1 jempal (4 kupang)
1200 tera	2 jempal (1 rial).

Dalam hal ini Dato' Diraja Perbendaharaan ditugaskan memperkenalkan mata wang baharu kepada seluruh rakyat.

Apabila Melaka jatuh ke tangan Portugis, saudagar-saudagar Islam bertambah ramai berkumpul di Kedah khususnya di Siputih (Kuala Sanglang dan Padang Perahu) kerana diusir dari Melaka.

Ayahanda saudaranya, Tunku Osman dilantik menjadi Raja Bendahara, bergelar Tunku Seri Paduka Maharaja Sura. Manakala putera Tunku Osman yang bernama Tunku Muhammad Saad menjadi Raja Temenggung dan bergelar Raja Temenggung Anggota Desa.

Baginda berkahwin dengan Cik Larasari mendapat dua orang putera iaitu Tunku Mudzaffar Shah dan Tunku Noraishah yang kemudiannya berkahwin dengan Tunku Ismail cicit Tunku Mansor Raja Muda.

Sultan Mahmud Shah II mangkat pada 13 Zulkaedah 953 (1546M) dan dimakamkan di Kota Siputih. Putera baginda, Tunku Mudzaffar Shah menjadi Sultan Kedah Ke-11 dalam tahun 953H (1546M), bergelar Sultan Mudzaffar Shah II.

Pada masa pemerintahan baginda, sebuah kota telah didirikan dalam daerah Kubang Pasu iaitu Kota Naga.¹³ Baginda memerintah dikorek sebatang terusan dari Sungai Besar di Alor Ganu melalui Kota Naga terus ke Bukit Tinggi.

Dalam tahun 1550, seorang Arab bernama Sheikh Sharif Aznan telah tiba di Siputih dan dilantik menjadi imam akhirnya menjadi Mufti bergelar Dato' Seraja Imam. Baginda menghadiahkan sebilah

13 Tidak jauh dari Kepala Batas, Jitra.

pedang kepadanya dan dikahwinkan dengan Wan Mas cicit Dato' Seraja Wang.

Mata wang emas telah digunakan untuk perbelanjaan dalam negeri. Seemas itu beratnya lebih kurang 4 saga bernilai 50 duit. Di sebelah atas duit itu bertulis 'Johan Perkasa' dan di sebelah lagi bertulis 'Adil' iaitu dalam tahun 1010H (1545M).

Dalam kurun yang keenambelas, Pualu Pinang mula didatangi oleh Kapten Sir James Lancaster. Ketika itu Pulau Pinang belum diduduki orang. Cuma terdapat orang-orang berulang-alik menangkap ikan di situ.

Mereka singgah di Pulau Pinang secara kebetulan sahaja, untuk berehat sambil merawat kelasi-kelasi yang sakit. Selepas itu mereka belayar ke Bentan dan mendirikan sebuah loji di sana dalam tahun 1620.

Sebelum itu dalam tahun 1600, saudagar-saudagar Inggeris di sebelah Timur ini telah membuat sepucuk surat rayuan dan ditujukan kepada Sir Robert Cecil. Beliau pada ketika itu menjadi Setiausaha Syarikat Hindia Timur Inggeris di London. Kandungan surat itu memohon pertolongan untuk mereka menjalankan perniagaan di negeri-negeri yang dipilih oleh mereka yang bukan di dalam pemerintahan Sepanyol dan Portugis.

Kenyataan itu menerangkan bahawa negeri Perak, Kedah dan Siam telah menjadi pusat perniagaan orang-orang Portugis. Lama-kelamaan badan perniagaan itu bertukar bentuk menjadi sebuah syarikat, lalu dinamakan Syarikat Hindia Timur, London.

Sultan Mudzaffar Shah II berkahwin dengan Cik Tempawan dan mempunyai dua orang putera. Putera sulungnya bernama Tunku Sulaiman dan yang bongsu bernama Tunku Jahara. Apabila baginda mangkat pada 14 Safar 1011 (bulan Julai 1602), dimakamkan di Kota Siputih. Putera baginda, Tunku Sulaiman ditabalkan menjadi Sultan Kedah Ke-12 dalam tahun 1011H (1602M) bergelar Sultan Sulaiman Shah II bersemayan di Siputih.

Baginda beristerikan Cik Ratna Mala dan beroleh dua orang putera. Seorang bernama Tunku Rijaluddin dan seorang lagi Tunku Sofiah. Baginda bersemayam di Kota Siputih. Dengan Puteri Siputih baginda mendapat dua orang puteri kembar. Seorang bernama Tunku Zaleha dan seorang lagi Tunku Mariam.

Kedua-dua puteri itu cantik tinggi lampai, merkah terketar manis, penuh dahaga di bibirnya, galak mata ketika berbicara, mengharapkan dan rela menyerah, ayu wajah sukar bandingan, kulit licin bak baldu Cina dan tubuh mawangi cempaka gunung.

Ketika bulan mengambang penuh, kedua-duanya sering bermain di kawasan sepuluh relong, letaknya antara Padang Pelimau (Padang Tualang) ke Padang Rumput Beluli. Menurut cerita, oleh sebab cantiknya puteri-puteri itu hingggakan bulan pun tidak tergamak menunjukkan wajahnya. Sekalipun di situ awan tebal tiada melitupi

dan rimbunan pohon tiada melindungi. Namun cahaya bulan tiada kelihatan menyulahi puteri-puteri itu.

Sebab itulah seorang daripadanya digelarakan Puteri Lindungan Bulan dan seorang lagi Puteri Bintang Kejora. Berita peri kecantikan kedua-dua puteri Siputih itu tersebarlah ke seluruh negeri dan pekan. Tiada tolok bandingannya pada zaman itu, Khabarnya menyemarak sehingga di kepulauan Melayu lantas ke Aceh.

Baginda lebih menyayangi Tunku Zaleha (Puteri Lindungan Bulan) yang bijak bistari dari Tunku Mariam (Puteri Bintang Kejora). Mereka berdua itu sentiasa berkurung di dalam istana kecuali ketika bulan mengambang. Sukar untuk sesiapa pun hendak melihat wajah mereka bagi mengetahui yang mana satu Puteri Lindungan Bulan dan Puteri Bintang Kejora. Tradisi ini sesuai benar dengan tatasusila keperibadian gadis-gadis timur pada zaman itu. Dengan kebijaksanaan Tunku Zaleha itu, sekalian menteri, pembesar dan hulubalang Siputih mengasihi baginda.

Melalui Nakhoda Lamun yang datangnya dari Inderagiri ke Kedah pada 6 Rejab 1034 memberitahu yang Aceh hendak menyerang Siputih. Raja Bendahara segera memberitahu hal itu kepada Sultan Sulaiman. Panglima Tuk Langgar Ipoh telah bertempik gagah seperti musuh sudah berada di hadapan matanya sambil berkata, "Bahaya jangan dicari tetapi rezeki mesti dipukat. Berpantang maut sebelum ajal." Panglima itu lebih suka perhubungan Kedah-Aceh diputuskan.

Mengikuti nasihat Sheikh Sharif Aznan, Dato' Seraja Imam, jika mereka datang kita sambut dengan baik. Sebaliknya mereka tidak terima layanan kita tatkala itu baharulah kita melancarkan perang. Saranan itu dipersetujui oleh Sultan Sulaiman. Baginda seterusnya bertitah bersiap di segenap kuala dan pengkalan. Disamping itu hiaskan segala kenaikan dan lengkapkan bala tentera, cukup dengan senjata buluh, keris, pedang dan lembing. Kemaskan tempat mempertahankan diri dan untuk menjerat musuh. Segala persiapan itu bagaikan Kota Siputih hendak berkhenduri menikahkan puteri. Segala pokok tumbuhan dijadikan perhiasan terbang.

Di antara negeri-negeri di Tanah Melayu yang diserang dan ditakluk oleh Aceh ialah Johor (1613M), Pahang (1618M) dan Perak (1620M).

Menurut sejarah lisan bahawa Siputih dikenali dengan nama asalnya 'Pulau Segembak Serai' terletak di antara dua buah gunung. Dengan menggunakan sampan mereka mengangkut tanah-tanah lalu menambakkan di sekelilingnya untuk menjadi kota berkubu. Luasnya kira-kira sebatu persegi. Ianya diperbuat daripada tanah yang bercampur dengan batu lada. Tingginya di antara sepuluh hingga lima belas kaki. Begitulah juga tebal temboknya.

Raja-raja pada zaman dahulu sudah menjadi tradisi keagungan bagi memperkenalkan zaman pemerintahan mereka. Seseorang raja itu manakala ditabalkan menjadi sultan, peranan utamanya berusaha

terlebih dahulu mencari kawasan untuk mendirikan istana yang cukup dengan kota paritnya.

Tujuan ini semata-mata untuk memelihara dan mengawal keselamatan peribadi raja dan hamba rakyatnya dari serangan musuh. Kota itulah yang akan menjadi benteng bagi mempertahankan kedaulatan negerinya.

Pengawal-pengawal sentiasa menjalankan peranan masing-masing siang dan malam. Kawalan dibuat pada setiap penjuru dan juga pintu masuk ke dalam kota. Bagaimanapun pintu maling yang disediakan itu ialah sebagai pintu rahsia yang digunakan sekiranya berlaku kecemasan.

Raja Bendahara diperintahkan membentuk sebuah Jawatankuasa Perang yang mengandungi Raja Bendahara, Dato' Paduka Seri Maha Menteri, Tunku Temenggung, Dato' Seri Paduka Raja Laksamana, Dato' Seri Maharaja Putera, Dato' Andika Raja, Dato' Seri Maharaja Lela dan Dato' Garang Pahlawan.

Hasil pembentukan itu Dato' Kama Jaya menyediakan angkatan laut dan pertahanan di Kepulauan Langkawi dan Dato' Temerlang bersiap di Temerlang. Dato' Kuala Bara bersiap di Kuala Bara, Dato' Pahlawan Berma Raja bersiap di Merpah, Dato' Seri Maharaja Lela dan Dato' Garang Pahlawan mengerahkan rakyat di daratan supaya siap segala alat senjata dan bersedia menentang musuh matiaman.

Selain daripada itu Dato' Bentara Wang Seri menyediakan Istana Tetamu, mengatur pawai memegang payung, tombak, cerek dan lain-lain untuk majlis di Balai Penghadapan dan Jamuan Negeri.

Raja Laksamana menyediakan kenaikan air dari Pulau Panjang ke Kuala Sanglang.

Dato' Kama Jaya menyediakan tipu helah peperangan di laut, kiranya timbul perkara di luar dugaan.

Dato' Tan Jaya Indera menyediakan kenaikan diraja seperti gajah dan perusungan dari Kuala Sanglang ke Istana Siputih.

Raja Temenggung menyediakan alat peperangan darat secara sulit bagi menghadapi perkara di luar dugaan.

Dato' Garang Pahlawan pula membina dan menghiaskan Balai Air iaitu rumah menyambut angkatan Raja Aceh di Kuala Sanglang.

Dato' Jaya Pahlawan membersihkan dan menghiaskan jalan dari Sanglang ke Siputih dan mengatarkan hulubalang di sepanjang jalan. Dato' Andika Raja menyediakan Nobat nafiri dan ubur-ubur.

Satu Jawatankuasa Besar ditugaskan menyembah Raja Aceh di Pulau Panjang terdiri daripada Tunku Rijaluddin Raja Muda, Raja Laksamana, Dato' Maha Menteri, Dato' Lela Pahlawan dan Dato' Biram Pahlawan.

Mewakili Sultan sebagai Penyambut Raja Aceh di Kuala Sanglang ialah Raja Bendahara. Manakala Dato' Temenggung dan Dato' Maha Menteri Penyambut di Pintu Gerbang Kota Siputih. Apabila

sampai di Balai Penghadapan Raja Aceh akan disambut oleh Dato' Bentara Wang Seri, lalu dibawa menghadap Sultan dan menghadiri Jamuan Negara.

Setelah angkatan Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam, Raja Aceh Ke-20 (1607-1636) berangkat pada 8 Syawal 1034 untuk mengatur rancangan hendak meluaskan penaklukkannya ke seluruh negeri di Tanah Melayu termasuk Kedah tiba di Pulau Panjang, Putera Sultan Sulaiman, Tunku Rijaluddin dari Pulau Panjang pada 10 Zulkaedah 1034 menyambut angkatan Raja Aceh itu dengan penuh kemesraan. Oleh yang demikian, berubahlah fikirannya dan Raja Aceh tidak jadi menyerang Siputih.

Dengan kenaikan 'Tentayu Emas' Raja Aceh diiringkan oleh Tunku Rijaluddin belayar ke Kuala Sanglang. Di pantai Raja Bendahara yang mewakili Sultan Sulaiman menyambut Raja Aceh lalu mengenderai gajah berangkat menuju ke Kota Siputih. Sekalian para menteri, dato'-dato' dan hulubalang-hulubalang yang diketuai oleh Dato' Temenggung dan Dato' Maha Menteri menyambut Raja Aceh di Pintu Gerbang Kota Siputih. Setelah sampai di Balai Penghadapan baginda disambut pula oleh Dato' Bentara Wang Seri, lalu dibawa menghadap Sultan sebelum menghadiri Jamuan Negara.

Seketika itu dayang pun datang menyembah, " Ampun tuanku, puteri tuanku terluka jarinya. Darahnya putih. Ampun tuanku." Sultan Sulaiman pura-pura tiada mendengar sembah itu, tetapi bagi Raja Aceh tergerak hatinya untuk memiliki puteri itu.

Selama di Siputih, Raja Aceh berkasih-kasih dengan Raja Siputih. Dilayan oleh baginda mengikut selayak raja yang besar-besar. Sebuah istana telah disediakan untuk tempat persemayaman Raja Aceh itu. Dibawanya baginda berburu rusa di Padang Jangam yang letaknya di utara negeri Kedah.

Apabila genap ketika yang baik, Raja Aceh pun berengkap kembali ke Aceh. Tidak berapa lama berselang, Raja Aceh pun menghantar utusan peminangannya ke Siputih untuk puteranya Raja Muda Aceh. Peminangan itu diterima, cuma Puteri Zaleha tidak diserahkan, tetapi Tunku Mariam menjadi penggantinya. Cara yang demikian memang tidak dipersetujui oleh kedua-dua puteri itu. Permaisuri Siputih juga turut membantah perbuatan suaminya. Tetapi demi ketaatan dan kesetiaan mereka bertiga kepada baginda, terpaksa mengalah untuk menjaga perhubungan kekeluargaan dan ketenteraman negeri.

Ketika kedua-dua mempelai itu di Aceh, rahsia yang tertudung rapat akhirnya tersingkap jua. Jari jemari Puteri Mariam yang sentiasa dijaga entah macam mana sewaktu mengacip pinang, terkaciplah sedikit jari manisnya dan darahnya merah. Oleh malunya keluarga diraja Aceh maka itulah puncanya Aceh menyerang Siputih dengan mengambil masa berbulan-bulan lamanya.

Rahsia kelemahan Siputih sudah diketahui oleh seorang perisik Aceh yang menyamakan dirinya sebagai nelayan. Rahsia itu dicerita-

kan oleh seorang perempuan yang tinggal di dalam kota ketika keluar mencari bahan makanan seperti ikan dan udang. Di dalam asyik berbual-bual itulah ia menceritakan orang-orang di dalam kota mengalami kekurangan bahan makanan, ada yang mati kerana penyakit dan kebuluran.

Angkatan Aceh membuat kepungan yang lebih bersepadu bila diketahui masalah yang sedang dihadapi oleh rakyat-rakyat di dalam Kota Siputih. Pada suatu malam bulan purnama, menerusi pintu maling baginda berangkat bersama permaisuri dan puterinya Tunku Zaleha. Lalu menuju di pinggir sebuah tanah tinggi dalam kawasan kota itu. Kawasan itu sukar dikesan oleh sesiapa pun kerana dilindungi oleh hutan yang tebal. Di situ telah disediakan sebuah lubang telaga seperti gua kecil. Ianya tempat persembunyian Puteri Lindungan Bulan hingga ke akhir hayatnya.

Menurut cerita kononnya baginda sendiri menutup lubang itu supaya kelihatan keadaannya seperti sediakala. Tiada siapa pun dapat menyangka yang seorang insan berada di dalamnya. Sebelum berangkat pulang baginda menyeru kepada Sang Bulan, "Jauhilah dirimu daripada menyulahi makam anakku!"

Selepas itu baginda dan Permaisuri Siputih pun berangkat balik ke istana. Masing-masing kelihatan sugul seperti baharu lepas kematian lakunya. Pada ketika itu tentera-tentera Aceh masuk mengepung Kota Siputih. Di dalam pertempuran itu, Kerajaan Siputih alah dan kotanya dibakar. Permaisuri Siputih telah dapat melepaskan diri dibawa oleh hulubalang Siputih, lalu mudik ke hulu mencari tempat perlindungan yang lebih selamat.

Sungguhpun demikian Raja Aceh masih tidak puas hati selagi tidak bertemu dengan Puteri Lindungan Bulan. Lalu dikerahkan seluruh rakyatnya mencari tetapi tidak seorang pun bersua. Tempat persembunyiannya tidak juga dapat dikesan.

Setelah itu Raja Aceh pun belayar balik dan membawa Sultan Sulaiman bersama sebagai orang tawanan. Di dalam pelayaran itu Sultan Sulaiman telah disiksa. Tetapi kedaulatannya agak ketara bila ia direjam dan diselam ke dalam laut, baginda naik melata ke pantai bagaikan labah-labah. Baginda tetap diam membisu enggan menyatakan perihal puterinya itu.

Semasa di Aceh baginda ditinggalkan ke sebuah rumah kecil yang merupakan penjara baginya. Sungguh murka Raja Aceh pada Sultan Sulaiman hingga baginda hendak bertemu dengan anakandanya Puteri Bintang Kejora, isteri Raja Muda tidak diizinkan.

Maka tinggallah Sultan Sulaiman di dalam keadaan masyghul sepanjang masa. Akhirnya baginda memberitahu kepada Raja Aceh supaya mencari sebilah badik yang diperbuat daripada besi hitam. Menurut Sultan Sulaiman, badik itulah sahaja yang boleh menamatkan riwayatnya. Mendengar itu habis seluruh Aceh dititahkan oleh Raja Aceh mencarinya namun badik yang berbesi hitam sukar ditemui.

Untuk kepuasan hati Raja Aceh, baginda menyerahkan badiknya sendiri. Sungguh pun badik itu telah memakan tuannya tetapi kisahnya tidak tamat setakat itu sahaja. Pada suatu malam penduduk-penduduk Siputih mendapat mimpi kononnya Sultan Sulaiman tidak suka tinggal di Aceh. Baginda akan kembali menziarahi puterinya pada hari Khamis dan singgah di Pulau Timbul pada hari Jumaat. Kemudiannya baginda akan sampai di Siputih pada hari Sabtu.


Setelah tiba pada hari yang tersebut, penduduk-penduduk Siputih di dalam keadaan gempar. Kegemparan itu bila melihat sepasang nisan timbul dengan sendirinya di Kota Siputih. Letaknya tidak jauh dengan lubang persemadian Puteri Lindungan Bulan.

Kini Kota itu sudah tiada lagi. Keasliannya sukar hendak digambarkan hanya kesan kuburan dan sedikit kesan kota boleh dijadikan bukti. Makam Puteri Siputih atau Puteri Lindungan Bulan itu terletak di bawah naungan pokok kayu diantaranya pokok lokcan. Benihnya itu didatangkan dari Aceh. Yang anihnya hanya pokok lokcan di makam Siputih sahaja berbuah dan sedap dimakan.

Kawasan sekelilingnya teduh. Suatu ketika dahulu kawasannya berpagar kira-kira dalam tahun 1374H (1953M). Masa almarhum Tunku Nong Jiwa yang pernah menjadi Yang Dipertua Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah, beliau telah berusaha menjaga dan memagarinya dengan kawat duri hasil kerjasama Penghulu-penghulu di daerah Kubang Pasu dan dermawan-dermawan tempatan.



Gambar: Jazamuddin Baharuddin
Kesan Kota Siputih yang masih tinggal.



Gambar: Saad Taib
Makam Puteri Lindungan Bulan terletak di atas tanah tinggi di Kampung Siputih.

Dari suatu cerita yang diperolehi kononnya pada satu malam kedengaran satu suara ghaib di kawasan makan itu. Suara itu merayu kepada penduduk-penduduk setempat supaya jangan mengurungnya lagi, maksudnya Puteri Lindungan Bulan. Rayuan itu meminta simpati kerana cukuplah sudah sekian lama jiwanya menderita dan di penjara. Ia ingin bebas lepas seperti manusia-manusia lain. Andainya jika diperbuat juga sebagai mencabar yang kerja-kerja itu merupakan usaha yang sia-sia. Batu nisannya itu diperbuat daripada batu bukit yang dipahat. Di bahagian kepalanya telah patah dua kerana dipijak oleh gajah pada suatu ketika dahulu.

Sultan Sulaiman Shah II mangkat di Aceh pada bulan Jamadil-akhir 1035. Putera baginda, Tunku Rijaluddin ditabalkan menjadi Sultan Kedah Ke-13 dalam tahun 1035M, bergelar Sultan Rijaluddin Muhammad Shah.

Pada masa itu ekonomi negeri Kedah berkembang semula. Saudagar-saudagar dari berbagai-bagai bangsa tidak lagi merasa khuatir terhadap gangguan perompak lanun. Baginda sendiri sangat mengambil berat dari segi pertahanan darat dan laut, dan kegiatan-kegiatan lanun telah dapat dipatahkan.

Baginda kemudiannya meninggalkan Kota Siputih, pada 10 Zulkaedah 1035 lalu pindah bersemayam di Kota Naga. Sepeninggalan baginda, Dato' Setia Raja dan Dato' Johan Pahlawan menjaga

Kota Siputih. Dalam masa tersebut, sebatang sungai telah dikorek dari Kuala Alor Janggus ke Sungai Baharu. Pada 13 Ramadan 1037 Tunku Othman Raja Bendahara mangkat lalu dimakamkan di Langgar Kota Naga.

Dalam tahun 1641, pihak Belanda membuka gedung perniagaan di Kuala Kedah tetapi sering berlaku kekacauan. Dengan sebab itu loji yang dikendalikan oleh Belanda itu terpaksa ditutup. Ini disebabkan tiada tertahan menerima tentangan dari kaum peribumi.

Sultan Rijaluddin berkahwin dengan Paduka Wan Timah dan beroleh tiga orang putera iaitu Tunku Muhyiddin Mansor Shah, Tunku Pengeran dan Tunku Rahimah. Baginda mangkat pada 1 Zulkaedah 1062 (bulan Oktober 1651).

Putera baginda Tunku Muhyiddin menggantikannya sebagai Sultan Kedah Ke-14 dalam tahun 1062H. Baginda bergelar Sultan Muhyiddin Mansor Shah. Adindanya Tunku Pengeran dilantik menjadi Raja Muda di Kota Naga. Manakala adinda baginda Tunku Rahimah dikahwinkan dengan Tunku Muhammad Akib Raja Bendahara.

Pada 17 Rabiul-akhir 1065 Baginda berpindah ke istananya yang baharu di Kota Sena. Dalam bulan September 1660 baginda menghantar ufti bunga emas dan bunga perak ke Benua Siam. Persembahan itu agak terlewat sedikit dari yang dijadualkan. Ini disebabkan semua kuala-kuala sungai dikepung oleh Belanda.

Sebelum itu dalam bulan Mei 1659, akibat pengepungan kuala-kuala sungai telah melumpuhkan perniagaan negeri ini. Pada 22 Januari 1661, Pegawai-pegawai Belanda datang ke Kedah kerana hendak menyelesaikan pertelingkahan itu. Pertemuan itu telah gagal. Sultan Kedah tidak menghiraukannya malah tidak gentar dengan tindakan Belanda itu.

Dengan Permaisurinya Wan Ngah Sara, baginda beroleh dua orang putera. Seorang bernama Tunku Dziauddin dan seorang lagi Tunku Zamzam. Pada 13 Jamadilawal 1072 (1661M) baginda pun mangkat dan dimakamkan di Kota Sena bergelar Marhum Sena.

Puteranya, Tunku Dziauddin ditabalkan menjadi Sultan Kedah Ke-15 dalam tahun 1072H (1661M), bergelar Sultan Dziauddin Mukarram Shah. Baginda bersemayam di Kota Sena selama dua tahun yang terletak di Kangar dalam daerah Dato' Seri Paduka Maha Menteri. Ringkasnya dipanggil Tuk Paduka.

Baginda, mendirikan kota istananya di Teluk Kayang, yang terletak di pinggir Sungai Perlis. Baginda sering menggunakan Bahtera Dirajanya yang bernama 'Lancang Kuning' untuk berangkat melawat jajahan takluknya.

Kota ini letaknya di suatu kawasan tinggi dinamakan Kota Indera Kayangan. Luas kawasannya kira-kira tiga batu persegi. Bersempadankan dengan Bukit Kayang, Bukit Lambung Panah, Bukit Nasi Sebungkus (besar dan kecil), Bukit Jagat Hitam, Bukit Wai

dan Bukit Menara. Baginda berangkat dan bersemayam di istana tersebut pada 8 Rejab 1075.

Di atas Bukit Menara inilah diletakkan meriam-meriam yang besar. Gunanya untuk mempertahankan dari serangan musuh yang datangnya mengikut jalan sungai. Dari atasnya itu jelas kelihatan Pulau Panjang yang sekarang ini di bawah pentadbiran Siam.

Kawasan kota ini meliputi di antara Kampung Wai di tebing utaranya sehingga ke Kampung Tuk Bandar. Kampung ini ramai diduduki orang, kira-kira tiga batu ke selatan Bandar Kangar yang letaknya tidak berapa jauh dari pekan Kuala Perlis. Kota Sena diberikan kepada Dato' Biram Pahlawan dan Panglima Jogar Alam menjaganya.

Zaman dahulu tumpuan orang ialah di pinggir sungai sebelah Sungai Kayang. Mereka membuat tempat tinggal di situ sambil bercucuk tanam dan berternak ayam itik. Orang-orang Cina pula datang berniaga dan setengahnya membuka kampung halaman.

Adalah dipercayai orang-orang Cina yang datang itu, lari dari Melaka sewaktu ditewaskan oleh Belanda. Akibat penyiksaan Belanda mereka meninggalkan Melaka terus ke Kayang.

Bentuk kota itu melengkong di bahagian utaranya bersempadankan dengan sungai. Sebahagian daripada di tembukkan dengan tanah. Tingginya kira-kira sepuluh kaki. Kota itu mempunyai dua buah pintu, satu di sebelah utara dan satu lagi di sebelah selatan.

Baginda ada kalendar berhubung dengan Kerajaan Siam tetapi cuma setahun sekali menghantar ufti bunga emas dan bunga perak kepada Raja Siam.

Baginda juga mempunyai seorang penasihat peribadi yang gagah perkasa, bernama Panglima Hitam. Panglima ini boleh memancing orang tanpa amaran ketika orang itu melintas di hadapan kenderaan diraja yang sedang bergerak. Sifat tubuh badannya besar dan tegap. Kulitnya sungguh hitam dan kuat sehingga boleh mengangkat batu yang sepecah besarnya.

Dalam zaman pemerintahan baginda, sebuah sungai telah dikorek dari Kayang ke Sungai Besar di Kampung Cik Madi. Setelah siap sungai itu, ramai orang membuka tanah baharu untuk membuat bendang.

Baginda mempunyai dua orang isteri. Dengan Wan Jingga anak Dato' Paduka Tuan baginda mendapat seorang puteri, namanya Tunku Sepora Negara. Kemudian puteri itu dikahwinkan dengan Raja Juang Tawa, anak Raja Bugis dari Makasar. Hasil perkongsian hidup mereka dapatlah menimang seorang putera lalu dinamakan Tunku Ngah Putera.

Dengan isterinya yang seorang lagi bernama Cik Sepa Chendera di Bukit Pinang mendapat seorang putera. Lalu dinamakan Tunku Atullah. Di antara kedua-duanya itu baginda lebih menyayangi cucudanya Tunku Ngah Putera. Ketika Tunku Ngah Putera berusia



Gambar: Muzium Negeri Kedah
 Dijumpai di Siputih, tertimbus dalam tanah. Ayat-ayat yang terdapat
 di muka 'Duit Emas' ini ialah 'Sultan Dziauddin Mukarram Shah',
 Sultan Kedah Ke-15 (1661-1687).

17 bulan dalam tahun 1678 ayahandanya Raja Juang Tawa pun mangkat.

Berita kemangkatan itu segera diberitahu kepada Dato' Biram Jaya yang memerintah di Kuala Bara. Dengan tidak berlembang lagi menyampaikan berita kesedihan itu kepada Raja Aceh. Istiadat permakaman seperti adat istiadat raja-raja dilakukan di Langgar Kota Indera Kayangan.

Ayahanda saudara baginda yang bernama Tunku Pengeran dilantik oleh baginda menjadi Raja Muda yang bersemayam di Kota Naga. Manakala Tunku Muhammad Akib sebagai Raja Bendahara dan puteranya, Tunku Sulaiman menjadi Raja Temenggung.

Hasrat baginda hendak melantik cucundanya menjadi Bakal Sultan Kedah. Dengan harapan supaya tidak terputus perhubungan zuriat Kedah-Bugis, tetapi bagi pembesar-pembesar Kedah termasuk Tunku Temenggung Anggota Desa telah sepakat hendak melantik Tunku Ataulah menjadi Bakal Sultan.

Mereka bimbang kerana dari desas desus kedengaran mengatakan baginda sendiri lebih berat pada cucundanya. Jika benarlah rancangan demikian, putuslah sudah zuriat Sultan Kedah kerana Tunku Ngah Putera itu keturunan Bugis.

Dalam masa tersebut baginda selalu berulang-alik bersemayam di Istana Bukit Pinang selama 40 hari, manakala di Istana Indera Kayangan pun demikian juga. Baginda berangkat mengikut jalan sungai dari Kayang ke Sungai Besar di Kampung Cik Madi.

Menunggu ketika yang baik, istiadat perlantikan Tunku Ataulah sebagai Bakal Sultan di Istana Bukit Pinang dipercepatkan. Waktu itu baginda masih berada di Istana Indera Kayangan. Setelah selesai pertabalannya itu dijalankan, baharulah dipersembahkan kepada baginda. Dengan perasaan terharu baginda menerimanya walaupun tindakan demikian telah membelakangkannya.

Berpunca dari peristiwa itulah, cucundanya merajuk lalu berangkat menemui nenekandanya di Bugis. Hasratnya memohon bantuan untuk menyerang Kedah, menuntut bela di atas perbuatan pembesar-pembesar Kedah terhadap Sultan dan dirinya sendiri.

Tunku Ngah Putera sendiri mengepalangi angkatan Bugis bersama dengan Panglima Tagok Kornam serta panglima-panglima perang handalan. Peperangan di antara Kedah dengan Bugis itu berlaku 6 Rabiulakhir 1098 (1687M). Kedua-dua pihak bertembung di Sungai Merbok. Masing-masing menanggung azab dan kemalangan. Raja Tagok Kornam terbunuh di sebuah kuala Sungai Kecil. Panglima-panglima yang lain juga turut terkorban.

Bagaimanapun penyerangan itu tidaklah begitu mudah dapat ditewaskan oleh angkatan Bugis. Cuma tinggal sebuah kapalperang Bugis sahaja yang tidak dapat melepaskan diri dari kepungan Kedah. Mereka terpaksa bersembunyi dan berehat di suatu tempat yang tidak berapa jauh dari Kota Lama, Pusat Kerajaan Kedah.

Di Kuala Merbok dipasang jujui dan jajar manakala di Kota Lama hulubalang Kedah menunggu dengan cukup alat senjata. Kapalperang Bugis beberapa kali cuba berikhtiar tetapi tidak juga berjaya. Akhirnya mesyuarat telah diadakan sesama mereka. Hasilnya sebatang anak sungai dikorek menembusi Sungai Muda terus ke laut. Demikianlah kebijakannya orang-orang Bugis yang terkenal sebagai ahli pelayaran. Mengambil sempena tempat yang terakhir ditinggalkan oleh angkatan Bugis itu, lalu dinamakan 'Sintok Bugis'. Nama itu kekal hingga sekarang.

Mereka belayar ke Beruas, Jeram dan Kelang. Tunku Ngah Putera tiba di Jeram juga dan cuba meminta bantuan nenekandanya sekali lagi tetapi gagal. Dengan demikian, ia menetap di situ dan beristeri serta mendapat dua orang putera.

Lepas setahun lamanya, Sultan Dziauddin pun gering kerana terlalu memikirkan masalah negeri dan cucundanya. Baginda mangkat pada 30 Jamadilakhir 1099 (bulan April 1687). Almarhum dimakamkan di Langgar Kayang dan bergelar Marhum Kayang.¹⁴

Putera baginda Tunku Ataullah Bakal Sultan ditabalkan menjadi Sultan Kedah Ke-16, tahun 1099H (1687M). Baginda bergelar Sultan Ataullah Muhammad Shah II. Lalu bersemayam di Istana Bukit Pinang. Pengikut-pengikut baginda juga turut berpindah ke Bukit Pinang. Manakala Kota Indera Kayangan ditinggalkan di bawah jagaan Dato' Andika Raja.

Baginda beristerikan Tunku Maheran dan beroleh tiga orang putera. Mereka ialah Tunku Abdullah Mu'adzam Shah, Tunku Ibrahim dan Tunku Latifah. Pada 13 Jamadilawal 1110H (bulan November 1698), Sultan Ataullah Muhammad Shah mangkat, lalu dimakamkan di Kota Bukit Pinang. Almarhum bergelar 'Marhum Bukit Pinang I'.

Putera baginda, Tunku Abdullah ditabalkan menjadi Sultan Kedah Ke-17, dalam tahun 1110H (1698M), bergelar Sultan Abdullah Mu'adzam Shah dan bersemayam di Kota Bukit Pinang. Kemudian baginda melantik adindanya, Tunku Ibrahim menjadi Raja Muda di Limbong menggantikan tempat Tunku Pengiran Raja Muda yang mangkat dalam tahun 1678. Dan juga Tunku Ishak yang dikahwinkan dengan adindanya, Tunku Latifah itu menjadi Raja Temenggung, bergelar Tunku Paduka Maharaja Temenggung Anggota Desa. Beliau menggantikan nenekandanya, almarhum Tunku Sulaiman Kota Giam.

Dengan isterinya, Paduka Bonda Wan Nung beroleh tiga orang putera iaitu Tunku Muhammad Jiwa, Tunku Ahmad Tajuddin

14. Dalam tahun 1961 dengan usaha Tan Sri Sheikh Ahmad bin Muhammad Hashim, Menteri Besar Perlis, Kerajaan Negeri Perlis telah membina sebuah bangunan yang berbumbung tiga. Ini melambangkan tiga buah Makam Diraja di dalamnya. Yang pertama Makam Sultan Dziauddin Mukarram Shah. Yang kedua Makam Raja Juang Tawa. Yang ketiga Makam Keluarga Diraja Kedah. Makam tersebut ada lagi nisannya yang asal iaitu diperbuat daripada sejenis kayu yang kuat dan tahan lama. Pembukaan rasminya dilakukan oleh Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj Perdana Menteri Malaysia.

Halim Shah dan Tunku Aishah. Baginda yang suka mengembara, berguru dengan Sheikh Abdul Jalil di Palembang. Kemudian baginda mengembara ke Tanah Jawa dan India selama enam tahun. Baginda akhirnya mangkat di Istana Bukit Pinang pada 13 Jamadilakhir 1118 (bulan September 1706). Almarhum dimakamkan di Kota Langgar bergelar 'Marhum Bukit Pinang II.'

Puteranya yang bernama Tunku Ahmad Tajuddin Halim Shah ditabalkan menjadi Sultan Kedah Ke-18 dalam tahun 1118H (1706M), bergelar Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah I. Baginda bersemayam di Istana Kota Bukit Pinang. Tunku Ibrahim Raja Muda Limbong, mangkat lalu dimakamkan di Kota Langgar. Satu lagi peristiwa ialah seorang Cina bernama Lim Chok bangsa Hokkien telah datang ke Kedah berusaha membuat kawah dan kual di mukim Lesong dan mukim Nawa. Hasil pengeluarannya dipasarkan dalam dan di luar negeri.

Pada 15 Zulhijah 1121 (bulan Februari 1709) Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah pun mangkat. Raja Bendahara dilantik menjadi Pemangku Sultan Kedah dari tahun 1121-1122H (1790-1710) dengan kerana almarhum tidak meninggalkan putera untuk mewarisi Kerajaan Kedah. Almarhum dimakamkan di Kota Langgar bergelar 'Marhum Bukit Pinang III'.

Apabila berita kemangkatan almarhum diketahui oleh paduka kekandanya, Tunku Muhammad Jiwa yang mengembara keluar negeri selama tujuh tahun pun berangkat pulang ke Kedah. Kepulangannya itu bersama-sama gurunya Sheikh Abdul Jalil. Kemudian baharulah ditabalkannya menjadi Sultan Kedah Ke-19 dalam tahun 1122H (1710M). Semasa di dalam pengembaraan itulah baginda belajar dasar-dasar pentadbiran serta undang-undang dan ajaran Islam.

Maka mulai daripada masa itu, sudahlah menjadi kebiasaan bagi putera-putera diraja berkahwin dengan orang kebanyakan atau pun dengan anak-anak menteri. Sungguhpun demikian, perkahwinan antara sepupu atau dengan puteri-puteri diraja luar negeri masih jadi kelaziman juga. Pemerintahannya berubah sedikit demi sedikit dan akhirnya kerajaan orang ramai (demokrasi).

3

LAHIRNYA KOTA SETAR DAN PUTERI LANGKAWI

Sultan Muhammad Jiwa Zainal Azilin Ke-2 (1710-1760) mempunyai dua orang isteri. Dengan Paduka Bonda Cik Puan baginda mendapat dua orang putera, seorang bernama Tunku Long Putera dan seorang lagi bernama Tunku Anjang. Dengan Tunku Puteri (Tunku Permaisuri) baginda mendapat tiga orang dua putera dan seorang puteri. Mereka ialah Tunku Rahmah yang kemudiannya dikahwinkan dengan Tunku Abdul Rahman (cucu Tunku Ibrahim Raja Muda Limbong), Tunku Abdullah dan Tunku Dziauddin, timang-timangan Tunku Dewa.

Dalam zaman pemerintahan baginda, banyak perubahan telah dibuat. Baginda melanjutkan pelajaran keluar negeri dan segala ilmu pengetahuan mengenai kemajuan dan pembangunan telah disemai dan ditanam kepada rakyat dan negerinya. Harapan baginda, supaya negeri Kedah menjadi sebuah negeri yang maju.

Baginda telah mengatur dan menyusun satu sistem pentadbiran yang lebih kemas. Diadakan sukatan timbang menimbang, ukuran keluasan tanah dan menetapkan penggunaan mata wang emas dan mata wang perak.

Ukuran tanahnya ialah:—


5½ hasta	bersamaan	1 jemba
11 jemba	"	1 tali
2 tali	"	1 penampang
4 penampang	"	8 tali atau 1 relong atau 484 tapak.

Nilai mata wang dalam negeri juga telah ditetapkan. Mata wang emas itu beratnya:—

4 saga	bersamaan	1 jempal atau seemas
2 emas	"	1 rial
2 rial	"	1 paha (sepaha)
4 paha	"	1 tahil atau 8 rial.

Tertulis di sebelah atas matawang itu dalam tulisan Jawi' dan di sebelah lagi Adil Shah 11147H'.

Mata wang perak dinamakan 'Derham' dan tertulis di sebelah



Gambar: Muzium Negeri Kedah

Atas — Duit emas bertulisan Jawi.

Tengah — Duit satu kupang bertulisan Jawi dengan gambar ayam di sebelahny.

Bawah — Duit dua kupang bertulisan Jawi dengan gambar ayam jantan di sebelahny.

menyebelah sama seperti mata wang emas juga. Nilai mata wang itu:—

1 derham	bersamaan	1 kupang (sekupang) atau 1 ½ pitis
4 derham	"	1 jempal (sejempal)
8 derham	"	1 rial (serial)
150 tera	"	1 derham (sederham)
1200 tera	bersamaan	1 rial (serial)
1 pitis	"	1 duit (seduit).

Kedah terkenal sebagai sebuah kerajaan yang besar. Baginda telah meluaskan jajahan takluknya hingga ke Tongka, Trang, Kupa dan Ranong. Daerah-daerah ini di bawah perintah. Siam, sehingga ke Mergui dalam negeri Burma. Siam cuba menyerang Kedah dalam tahun 1720 tetapi telah dapat dipatahkan, dan mereka berundur balik ke negerinya.

Mana-mana musuh yang menunjukkan ingkar kepada pemerintahannya, seperti perompak-perompak dan lanun yang bermaharajalela di pesisiran pantai barat Kedah, dengan kebijaksanaan baginda, semuanya dapat dihapuskan sehingga mereka tidak dapat bertapak lagi.

Semenjak itu kestabilan ekonomi di ibu negerinya kian bertambah kukuh. Kapal-kapal perniagaan dari India, Arab, Inggeris, Belanda dan Portugis semakin banyak masuk berniaga di Kedah. Pada ketika itu perniagaan di Melaka turut merosot.

Pada zaman baginda juga, beberapa batang terusan di sekitar kawasan Kota Setar telah dikorek. Tujuannya ialah untuk mencegah banjir sebab terdapat banyak alor-alor dan paya-paya di sekelilingnya.

Antara terusan yang agak besar dinamakan 'Sungai Raja'. Dua buah lagi terusan telah dikorek dari Alor Semadom terus ke Sungai Besar Pumpong dan satu lagi melalui Kanchut ke Sungai Besar Tambang Badak. Kedua-duanya mengalir ke cawang Sungai Besar Anak Bukit. Perparitan dan terusan yang sempurna ini bertujuan untuk mencegah banjir.

Selepas itu di antara tahun 1724 hingga tahun 1726, timbullah pula satu peperangan, merebut takhta kerajaan Kedah. Kota Kuala Kedah menjadi medan pertempuran dan dengan pertolongan orang-orang Bugis baginda kekal sebagai Sultan Kedah.

Musuh baginda meminta bantuan Raja Kechil dari Siak dan Kedah seterusnya memperkukuhkan pertahanan di Kota Kuala Kedah. Akhirnya baginda kekal di atas takhtanya.

Setelah itu sebuah kota daripada batu yang lengkap telah didirikan dalam tahun 1726 berhadapan dengan istana baginda yang baharu di Kota Setar. Di dalamnya dibangunkan istana, taman bunga, kolam dan rumah kediaman menteri-menteri serta pegawai-pegawai. Di luar kota dibina sebuah masjid, jambatan dan kota pertahanannya.

Di sebuah bangunan yang dikenali sebagai Balai Besar atau Balairong Seri atau Balai Penghadapan dilengkapkan dengan sebuah astaka dan singgahsana sultan. Baginda Sultan Muhammad Jiwa Zainal Azilin yang sebelum ini bersemayam di Istana Bukit Pinang lalu berangkat pindah ke Istana baharu di Kota Setar. Bermula pada 15 Disember 1735, terciptalah sejarah kelahiran Bandar Diraja Kota Setar.

Berdasarkan dari pengalaman baginda yang telah merantau selama tujuh tahun di Palembang dan beberapa buah pulau Melayu, maka baginda sendiri telah mengarahkan pembinaan Balai Besar itu dengan menggunakan kayu cengal yang banyak terdapat di negeri Kedah dan kedudukannya mengikut arah kiblat. Ini jelas disebabkan baginda adalah seorang yang kuat beribadat. Guru baginda, bernama Sheikh Abdul Jalil akhirnya dilantik menjadi Mufti Kedah.

Balai Besar dibina dalam tahun 1738. Tiang dan alang bangunan itu daripada kayu cengal yang banyak terdapat di negeri Kedah. Bumbungnya diperbuat daripada atap rembia.

Di bahagian hadapan Balai Besar itu didirikan dua buah tangga besar. Keadaannya melengkung di kiri kanan, untuk naik ke dewan. Bumbungnya itu bertingkat-tingkat, untuk membeza-bezakan dewan besar, lepau, rumahtangga, serambi kiri dan serambi kanan. Juga terdapat astaka dan singgahsana.

Balai Siak terletak di bahagian belakang sekali bangunan Balai Besar. Ada disediakan dua buah tangga untuk turun ke halaman istana. Di rusuk sebelah belakang balai itu diadakan dua buah bilik di kiri kanannya. Bilik-bilik itu tempat menyimpan barang kegunaan diraja seperti tetunggul, rawal, tombak, payung, ubur-ubur, perisai, bendera dan lain-lain.



Gambar: Muzium Negeri Kedah.
Bangunan Balai Besar yang lama sebelum tahun 1904.

Terdapat unsur rumah orang Melayu berbumbung panjang kiri dan kanannya dan berserambi. Serambi di sebelah kanan singgahsana ialah tempat anak-anak menteri, hulubalang, anak pembesar-pembesar dan rakyat kenamaan. Serambi di sebelah kiri ialah tempat alim ulama, saudagar-saudagar dan rakyat kenamaan.

Di bahagian tengah balai ialah tempat anak-anak ceteria. Mereka bertugas sebagai pemegang alat-alat kebesaran diraja bersama dengan sekalian menteri dan pegawai-pegawai kanan kerajaan. Mereka duduk mengikut taraf masing-masing, bersusun hingga ke belakang bagi memenuhi tempat yang disediakan untuk semua yang hadir.

Di rusuk bangunan Balai Besar ini diletakkan 18 pucuk meriam, sembilan pucuk di kiri dan sembilan pucuk lagi di kanan. Di antara meriam-meriam itu yang termasyhur ialah Arong Darah Dua Serupa (sepasang) dan Lela Tembaga.

Balai Besar itu dijadikan tempat bermesyuarat dengan pembesar-pembesar negeri, tempat mengumpulkan rakyat jelata kerana mengisytiharkan sesuatu pengumuman, dijadikan tempat upacara penabalan raja-raja, upacara menyambut surat-surat dari kerajaan asing dan juga menjadi dewan jamuan negeri.

Balai Besar digunakan juga sebagai tempat pertandingan membaca syair, berzanji dan membaca hikayat-hikayat lama. Di bangunan inilah juga dilakukan upacara berkhatan putera-putera raja dan adat-istiadat pertunangan.

Biasanya diadakan pesta di hadapan Balai Besar kerana menyambut peristiwa-peristiwa penting seperti yang di sebutkan di atas. Ketika pertunjukkan diadakan di waktu malam maka ramailah rakyat jelata berkumpul menyaksikan pelbagai jenis permainan.

Pegawai yang paling penting di atas Balai Besar itu ialah Dato' Maharaja Lela. Beliau bertugas sebagai juruacara diraja sekaligus menjaga keselamatan peribadi baginda. Ia sentiasa berdiri tegak di sebelah singgahsana dengan pedangnya terhunus, ketika sesuatu upacara diraja dijalankan. Sesiapa yang dipandanginya tidak bersopan di hadapan sultan, dengan sertamerta dan tidak teragak-agak lagi memengalkan leher orang itu tanpa sebarang amaran.

Pembinaan semula Balai Besar di bawah kelolaan Akitek Melayu Muhammad bin Lebai Thambi dari Pulau Pinang, dimulai dalam tahun 1314H (1896M). Beliau telah diarahkan membuatnya supaya rupa bentuk bangunan itu kekal seperti asalnya, untuk melambangkan ketinggian nilai seni orang-orang Melayu semenjak dari zaman dahulu lagi serta sesuai keadaannya sebagai sebuah Balai Penghadapan.

Kayu-kayu yang digunakan daripada jenis-jenis kayu merbau pucuk hitam, cengal emas dan giam dari Pulau Langkawi. Bumbungnya diperbuat daripada papan jenis kayu damar yang tahan panas dan hujan.


Asasnya ialah kayu-kayu bakau dari Batu Bara, dan disusun selang-seli membujur dan melintang di bawah tanah. Di atas asas-

asas ini dituangkan batu simen, pasir dan tanah, mengikut seperti-mana pelan yang disediakan oleh akiteknya.

Jurukir-jurukir tempatan telah dikumpul untuk menghiaskan seluruh bangunan ini dengan awan larat dan kerawang yang cantik dan ditambah pula dengan hasil kesenian orang-orang Melayu Kedah zaman silam, seperti ukiran-ukiran kayu, tebuk dan timbul berbentuk awan larat, bunga sulur bakung, daun budi, pucuk remayung dan lain-lain.

Pada tiangnya terdapat ukiran sulur paku tinjau meninjau ke atas langit. Di langit-langit, terdapat ukiran awan larat yang diraut halus dan bergulung-gulung. Di antara empat batang tiang itu dilekapkan ukiran bunga terung bersusun kuntum dalam jambak sebesar talam. Di langit-langit serambi, jambak bunga terungnya terkecil sedikit. Kesemuanya terdapat tujuh jambak besar dan empat jambak kecil.

Balai Besar mempunyai empat puluh dua batang tiang daripada kayu cengal emas, bersegi buah gelugur pecah delapan dan lurah enam belas. Tiang di bahagian tengah lebih tinggi daripada tiang di serambi. Yang tingginya itu dua puluh kaki dan yang rendahnya empat belas kaki.



Gambar. Arkib Negara Malaysia
Pemandangan Dewan di Balai Besar dengan tiang-tiang di tengahnya.

Tiang yang menungkat pisang sesikat, di hadapan balai dan dua ruang lagi yang tiada berlantai, menunjak tiga puluh empat kaki. Berjumlah semuanya tiga puluh enam batang. Enam di hadapan menjunjung pisang sesikat dan bumbung di hadapan yang tiada berlantai. Sepuluh di serambi kanan dan sepuluh di serambi kiri. Manakala sepuluh tiang lagi sebelah menyebelah ini menjunjung bumbung dari tanah, melindungi dewan balai yang dibuat kecil daripada bumbungnya.

Serambi yang kelihatan demikian itu sangat perlu kepada bangunan yang tiada bertingkap. Ia hanya berdinging setinggi dua kaki setengah sahaja. Yang berdinging litup hanya di belakang astaka iaitu di Balai Siak. Dinding-dinding rendah ini semuanya berukiran kerawang remayung dan sulur bakung di sebelah luar. Di sebelah dalam dindingnya diketam licin.

Di tingkat bawah tiang balai dibuat daripada batu setinggi sebelas kaki, dan boleh lulus gajah dara menyeberang lalu. Tiap-tiap batang tiangnya hampir-hampir sepemeluk setengah. Diacuankan seperti rupa kayu berluruh buah gelugur pecah enam belas dan berbunga sulur paku di kemuncak tiangnya daripada batu juga.

Bahagian belakang Balai Besar di sebelah bawah mempunyai tingkap, dan dinding. Bahagian ini ialah Pejabat Balai Besar. Bahagian bumbung yang merumahtangga agung dilengkapkan dengan cermin Cina berkeliling, berlapis-lapis berwarna kuning, biru dan merah.

Tiap-tiap selapis itu dikapit oleh sebaris awan larat. yang berlainan ukirannya. Semua tiang-tiang di sepanjang papan cantik di sebelah luar sekeliling balai, bertarah balak seperti gantang lurus dan licin menadah atap. Di kiri dan kanan kemuncak tiang bersudut dengan kayu panjang, di gantung sulur remayung yang diperbuat daripada besi tuang.


Astaka yang terletak di bahagian belakang Balai Besar ini diperbuat daripada kayu cempa. Kelarai-kelarai dan awan larat yang menghiasi astaka itu, sangatlah halus buatannya. Di atas astaka yang mempunyai dua anak tangga diletakkan singgahsana. Di rusuk astaka, kiri kanannya, terdapat dua buah pintu keluar ke Balai Siak yang letaknya di belakang.

Sekarang ini Balai Siak itu berhawa dingin. Jenang pintunya dihiasi dengan gelang-gelang dan rajah berantai. Awan larat seperti ini juga menghiasi bahagian atas astaka. Di kepala pintu diukir bunga tampuk manggis, bulat pinggan dan seekor burung tekukur.

Luas lantainya dari astaka hingga ke pintu besar ialah tiga puluh kaki lebar dan sembilan puluh kaki panjangnya. Kawasan bumbung yang merumahtangga agong ialah tiga puluh kaki lebar dan tiga puluh kaki panjangnya. Dua buah tangga besar di hadapan Balai Besar itu berliku dari atas ke bawah melengkung ke dalam.

Bumbungnya beratapkan keping-keping kayu damar. Perabungnya ditegakkan sebaris ukiran besi dari hujung ke hujung yang

panjangnya seratus empat puluh kaki merupakan seperti sirip ikan puyu. Di antara tingkat bumbung diletakkan silang gunting yang berkerawang juga.



Gambar: Tunku Rijaludin Mohamed
Bumbung Balai Besar yang asal dari atap rembia kemudian digantikan dengan papan jenis damar yang tahan panas dan hujan.

Di antara dua pintu besar di atas, terletak dua ukiran kayu yang diperbuat dengan indahnya oleh tukang-tukang yang mahir. Dicelah bunga yang diukir itu diletakkan sekeping papan peringatan yang bertulis, "Zaman Maulana Al-Sultan Abdul Hamid Halim Shah Sanah 1332" (tahun 1904M).

Baginda Sultan Muhammad Jiwa Zainal Azilin yang pernah bersemayam di Kota Bukit Pinang dan di Kota Setar telah mendirikan Kota Akar Peluru di Kota Setar.

Pada zaman baginda telah berlaku suatu peristiwa sedih yang benar di Pulau Langkawi. Tarikh yang tepat tidaklah dapat dikesan. Cuma kisah-kisah yang terpendam begitu lama didapati dari beberapa orang pencerita¹ yang boleh dipercayai dan juga dari sumber-sumber tulisan. Kisah yang dimaksudkan itu ialah 'Mahsuri' yang merupakan Sejarah Tempatan Pulau Langkawi.

¹ Ku Halim bin Ku Ismail dalam buku kecilnya, "Mahsuri Sebagai Sejarah Tempatan Langkawi" 1983. "Seminar Langkawi diambang Modernisasi".

Lebih kurang 500 tahun yang lampau, satu keluarga yang dikenali dengan nama Pandak Mayah² dan isterinya Mak Andak datang ke Pulau Langkawi dari negeri Siam (Selatan) lalu menetap di sebuah kampung yang dikenali sebagai Kampung Bukit Temin, Hulu Melaka.

Kehidupan Mereka hidup dalam kemiskinan dan bekerja sebagai petani, berhuma dan bercucuk tanam. Kadangkala mengambil upah membuat kerja lain untuk menambahkan pendapatan sara hidup. Sungguhpun begitu mereka suami isteri amat disayangi dan dikasihi oleh penduduk-penduduk kampung tersebut, Sebab mereka itu rajin, baik hati, jujur dan bersimpati dengan orang lain.

Pada suatu hari ketika Pandak Mayah mencari kerbaunya yang hilang, ia telah berteduh di sebuah pondok usang kerana hujan. Tiba-tiba ia mendengar bunyi tangisan kanak-kanak, Lantas dicarinya bunyi itu. Yang ada di situ cuma sekeping kerak nasi yang terselit di bumbung pondok itu, lalu ia pun mengambil kerak nasi itu dengan serta merta hilanglah bunyi tangisan tadi.

Untuk memastikan lagi ia telah meletakkan semula kerak nasi itu ditempatnya semula, maka kedengaranlah tangisan itu berulang pula. Setelah dicubanya beberapa kali, pastilah, kerak nasi itulah yang berbunyi, lalu dibawanya pulang dengan penuh rasa kehairanan. Ia ceritakan kepada isterinya, lalu Mak Andak pula mencampurkan kerak nasi itu bersama dengan beras untuk dimasaknya. Mengikut kepercayaan orang-orang Melayu tangisan itu adalah tangisan Maya Padi.³

Lebih kurang setahun kemudian, dengan kehendak Tuhan Mak Andak pun hamillah. Dalam tempoh kehamilannya inilah banyak kejadian yang ganjil berlaku pada mereka berdua, yang menunjukkan tanda-tanda tuah anak dalam kandungannya itu. Segala tanaman dan ternakan mereka sungguh subur.

Pada suatu ketika tatkala Pandak Mayah dan isterinya sedang mencuci dan membakar sampah di huma iaitu memerun, tiba-tiba Mak Andak melihat seekor ular berjalan dan masuk ke dalam sampah yang sedang dibakarnya itu. Kemudian datanglah keinginannya untuk memakan ular yang terbakar itu, lalu dimakannya, di tepi sungai itu hingga habis tanpa pengetahuan suaminya. Apabila didapatinya tidak cukup, ia cepat-cepat balik memberitahu suaminya, meminta suaminya mencari seekor lagi. Tetapi sayang, suaminya tidak dapat memenuhi permintaan Mak Andak. Menurut kepercayaan orang tua-tua, barang siapa dapat melihat atau memakan ular yang kemudiannya diketahui 'Ular Cinta Mani,⁴ maka orang itu dianggap bertuah.

2 Nama asalnya Mayah. Orang ramai memanggilnya Pak Ndak Mayah. Anak Sulung - Pak Long, Anak kedua - Pak Ngah, Anak ketiga - Pak Njang, Anak keempat - Pak Ndak dan Anak kelima - Pak Su. Mengikut sistem panggilan keluarga orang-orang Utara (Kedah dan Perlis).

3 Roh atau semangat padi.

4 Sejenis ular yang dianggap ganjil mendapat ketuahan barang siapa melihat atau memakannya.

Setelah genap bulannya, Mak Andak pun bersalinlah seorang anak perempuan, diberi nama Mahsuri. Pada malam lahirnya Mahsuri itu, air di perigi mereka⁵ telah menjadi beku. Dengan demikian tidaklah dapat digunakan air dari perigi itu, jadi terpaksa diambil dari perigi lain. Suatu peristiwa lagi yang menghairankan penduduk-penduduk kampung itu ialah daun sireh mereka menjadi besar dan melebar. Begitu juga dengan pokok serai dan pandan telah mengeluarkan bunganya. Lazimnya pokok-pokok ini tidak mempunyai bunga. Berita ini telah menjadi buah mulut penduduk-penduduk kampung itu. Mahsuri telah dipelihara dengan penuh kasih sayang seperti anak-anak lain juga oleh kedua-dua ibu bapanya dan keluarganya.

Selepas seminggu Mahsuri dilahirkan, Pandak Mayah telah bermimpi menyuruh ia memandikan anaknya di sebuah lubang yang berhampiran dengan rumahnya. Pandak Mayah pun menjalankan seperti kehendak mimpinya itu. Apabila selesai Mahsuri dimandikan, Pandak Mayah berjalan di kawasan lubang itu, tiba-tiba terlihat olehnya ketul-ketul besar seperti batu di bawah seponon yang besar. Ia pun mengambil sedikit benda itu lalu dibakarnya. Didapati baunya sangat harum seperti kembang, kemudiannya tempat ini dipanggil Lubuk Kembang.

Sebelum balik, Pandak Mayah mengutip ketul-ketul itu, lalu dibawanya kepada seorang tauke Cina yang menyatakan benda itu memanglah kembang. Melalui tauke inilah, Pandak Mayah menjualkan kembangnya ke Pulau Pinang. Dari semenjak itu hidup mereka beransur senang dan bertambah baik. Dengan cadangan Ngah, mereka berpindah ke Kampung Mawat dan terus menetap di situ. Pada ketika itu Mahsuri baharu sahaja berumur tujuh atau delapan bulan.

Semenjak lahirnya Mahsuri, ia memanglah terkenal sebagai seorang kanak-kanak yang cantik. Kulitnya putih, lehernya jinjang sehingga air yang ditelannya pun nampak berbayang. Pendik kata kecantikannya itu tidak ada tolok bandingannya. Setelah ia dewasa, Pandak Mayah telah bercadang untuk menjodohkan Mahsuri dengan anak saudaranya.

Peri kecantikan Mahsuri telah didengar oleh Dato' Seri Kama Jaya⁶ di Padang Matsirat yang memerintah seluruh Pulau Langkawi pada zaman itu. Dato' dan orang-orangnya telah datang sendiri ke Kampung Mawat untuk melihat wajah Mahsuri. Masa tibanya di rumah Pandak Mayah, suami isteri ini tiada di rumah. Maka berpandanglah Dato' akan wajah Mahsuri itu. Dato' telah terpicik dengan kecantikannya dan berniat untuk menjadikan Mahsuri isteri mudanya.

⁵ Perigi yang dimaksudkan itu bukanlah perigi Mahsuri yang airnya beku. Perigi itu telah hilang kerana kawasanannya telah dijadikan persawahan kira-kira suku batu dari makannya sekarang.

⁶ Berasal dari Indonesia (Batu Bara) demikianlah juga isterinya. Tetapi tidaklah diketahui semenjak bilakah mereka datang ke Langkawi.

Rancangan Dato' telah mendapat tentangan hebat dari isterinya yang bernama Wan Mahura. Alasannya Mahsuri merupakan seorang rakyat biasa dan tidak layak berkahwin dengan orang yang berpangkat Dato'. Dengan itu Dato' telah mengubahkan fikirannya untuk meminang Mahsuri yang bakal dijodohkan dengan adiknya yang bernama Mat Deris. Pada ketika itu Mat Deris adalah salah seorang pahlawan di Pulau Langkawi dan memang diakui tentang kebolehan dan keperwiraannya.

Peminangan itu telah diterima oleh Pandak Mayah dengan terpaksa kerana takut dan malu alah. Setelah itu perkahwinan pun diadakan secara besar-besaran. Kemudian Mahsuri dibawa oleh suaminya menetap di Padang Matsirat (Pengkalan).⁷ Selang beberapa bulan lamanya Mahsuri pun hamillah.

Pada suatu ketika Sultan Kedah menitahkan Mat Deris bersama-sama pahlawan-pahlawan Langkawi yang lain membantu persiapan peperangan dengan Aceh. Sungguhpun hatinya begitu berat hendak meninggalkan Mahsuri tetapi apakan daya, kerja raja dijunjung kerja sendiri dikelek. Pada kali ini dia sendiri merasakan ada sesuatu yang akan terjadi. Maka terpaksa ia ikuti dan patuhi perintah Sultan itu.

Dalam masa peninggalannya itu tersebutlah kisah seorang pemuda bernama Deramang, yang berasal dari Indonesia tetapi pernah tinggal di negeri Melaka, Pulau Pinang dan Perlis. Ia adalah seorang pemuda kakak, pandai pula membaca hikayat, bersyair dan berpantun tetapi hidupnya dalam kemiskinan.

Entah bagaimana pada suatu hari ia datang ke rumah Mahsuri. Oleh kerana kasihannya terhadap seorang miskin, Mahsuri mempelawa supaya ia tinggal di rumahnya. Bolehlah pemuda itu menghibur hatinya dengan membaca syair, pantun dan hikayat kesukaan Mahsuri.

Untuk membalas budi baik Deramang ini, Mahsuri telah menghadiahkan sebetuk cincin kepunyaannya sendiri yang diberi oleh ayahnya Pandak Mayah kepada Deramang. Selang beberapa hari selepas itu, Mahsuri pun melahirkan seorang anak laki-laki, lalu diberi nama Mat Arus.

Kini rumah Mahsuri menjadi tempat tumpuan orang-orang kampung untuk mendengar cerita. Tambahan pula Mahsuri itu disukai oleh penduduk-penduduk kerana ketinggian budi bahasanya, baik hatinya dan cantik pula rupa parasnya, lebih-lebih lagi dengan taraf kedudukannya selepas menjadi isteri Mat Deris. Hingga itulah Mahsuri telah disanjung tinggi oleh penduduk-penduduk keseluruhannya.

Memandangkan keadaan yang sedemikian menyebabkan Wan Mahura, isteri Dato' Seri Kama Jaya menjadi marah dan dengki. Sepatutnya dialah yang mesti mendapat sanjungan seperti itu. Maka

7 Dahulunya terkenal sebagai Pengkalan yang menjadi Pusat Pemerintahan Pulau Langkawi.

timbullah niat jahatnya terhadap Mahsuri, lebih-lebih lagi luka lama berulang semula iaitu pada suatu masa dahulu Mahsuri pernah diidami oleh suaminya.

Peluangnya tiba apabila suatu ketika Dato' tidak berada di Pulau Langkawi. Tatkala itu Dato' ditugaskan bersama-sama mengiringi Sultan Kedah. Wan Mahura telah menulis surat kepada Dato' menceritakan kisah ia melihat Mahsuri sedang berkasih-kasih (berzina) dengan Deramang, begitu juga tentang cincin Mahsuri yang dipakai oleh Deramang. Oleh kerana pintarnya, Wan Mahura menulis surat itu sehingga Dato' percaya dengan fitnah seperti yang tersebut di dalam surat tersebut.

Dengan tidak usul periksa lagi, Dato' telah mengutuskan utusan kembali ke Langkawi. Dia mengarahkan supaya Mahsuri ditangkap pada esok harinya. Setelah tibanya utusan itu Mahsuri pun ditangkap untuk dihukum bunuh, sementara menantikan kepulangan Dato' dari negeri Kedah bagi menjalankan upacara itu.

Pada hari pembunuhan, Mahsuri telah dibawa ke sebuah Padang Simpang Tiga⁸ di Padang Matsirat, lalu diikatnya pada sebatang pohon Asam Jawa.⁹ Dengan ratapan yang menyayu dan menyedihkan, Mahsuri berkali-kali menerangkan bahawa ia tiada bersalah dan memohon supaya dilepaskan.

Berita ini tersibar dengan cepat ke seluruh penduduk Pulau Langkawi dan juga kedua ibu bapanya di Kampung Mawat. Bapanya bersama keluarga dan penduduk-penduduk yang bersimpati telah membawa wang dan harta yang bernilai diisikan di dalam tujuh buah tempayan. Semua persembahan itu ditarik dengan anur ke Padang Matsirat. Tujuannya untuk menebus nyawa anaknya atau sekurang-kurang dapat menunggu kepulangan suaminya Mat Deris, tetapi tidak dilayan oleh Dato' Kama Jaya. Mahsuri tetap dihukum sula di hadapan khalayak ramai iaitu mengikut hukuman orang yang berzina.

Sebelum Mahsuri ditikam, ia telah memohon untuk melihat anaknya buat kali yang terakhir. Ini juga tidak diizinkan oleh Dato'. Hukuman dijalankan tetapi semua tikaman tombak tidak lut, lantas Mahsuri pun berkata jika mereka benar-benar hendak membunuhnya, pergilah ambil sebatang tombak yang tersimpan di rumahnya, Hanya senjata itulah sahaja yang dapat memadamkan riwayatnya.

Setelah itu Dato' pun memerintahkan orang-orangnya pergi mengambil tombak itu. Apabila Mahsuri ditikam dengan tombaknya di bawah tulang selangka sebelah kanan, dengan kehendak Tuhan turunlah angin ribut serta hujan yang lebat. Pada ketika itu orang-orang ramai telah menjadi kelamkabut menyelamatkan diri masing-masing. Dalam masa tersebut kelihatan darah Mahsuri memancut ke udara

⁸ Padang ini dikenali juga dengan nama Padang Hangus atau Padang Telanjang atau Padang Jarak Padang Tekukur.

⁹ Dalam tahun 1960 pohon ini hilang kerana projek pembinaan jalan raya.

berwarna putih seperti payung keadaannya tetapi kemudiannya tidak setitik pun jatuh ke bumi.

Sebelum Mahsuri mati, ia telah bersumpah bahawa selama tujuh keturunan keluarga Dato' yang memerintah Pulau Langkawi tidak selamat kerana kezaliman mereka ke atasnya yang mati teraniaya. Mayat Mahsuri telah diambil oleh bapanya lalu dibawa pulang ke Kampung Mawat dengan anur tadi juga dan dikebumikan di situ.

Sewaktu Mahsuri ditangkap, Deramang telah melarikan diri ke sebuah teluk di pantai Kuala Teriang, kemudiannya dikenali dengan nama Teluk Berembang. Ia bersembunyi di situ dan dengan pertolongan orang-orang yang baik hati, Deramang selamat belayar ke Kuala Perlis dan akhirnya kembali ke Batu Bara.

Disebabkan tragedi itu tidak berapa lama selepas Mahsuri dibunuh, ibu dan bapanya turut meninggal dunia. Mayat bapanya dikebumikan di samping kubur Mahsuri. Manakala ibunya telah dikebumikan lebih kurang sebatu dari situ yang letaknya di kaki sebuah bukit. Makam Mahsuri dan ibu bapanya boleh dilihat hingga sekarang. Anak Mahsuri dan keluarganya yang lain telah balik ke tempat asal mereka di Siam dengan meninggalkan kampung halaman mereka di sini.

Tidak lama kemudian, suami Mahsuri pun kembalilah bersam-sama pahlawan-pahlawan yang lain dengan mendapat kemenangan. Mat Deris telah pengsan waktu sampai di pantai Kuala Muda yang dahulunya adalah sebuah pelabuhan. Setelah mendengar segala berita sedih yang menimpa keluarganya, setelah sedar ia mengambil keputusan tidak akan balik ke Pulau Langkawi dan juga ke rumahnya di Padang Matsirat. Dia khawatir akan timbul sesuatu yang tidak diingini akan berlaku dengan abangnya sendiri.

Mat Deris telah bersumpah sambil membuang tiga ketul batu ke laut bahawa ia tidak akan kembali ke Pulau Langkawi selagi batu-batu itu tidak timbul, lalu ia pun belayar dengan kapal ke Siam untuk mengikuti jejak anaknya dan keluarga isterinya.

Orang-orang Aceh menamakan Pulau Langkawi sebagai 'Pulau Lada', kerana biji-biji lada tumbuh subur di seluruh kepulauan itu. Pedagang-pedagang yang datang kebanyakan berperahu dan ada yang bertongkang. Mereka datang dari Pulau Pinang dan Pulau Sumatera. Kadang-kadang kapal-kapal Eropah dari Belanda, Perancis dan juga Portugis, singgah membeli lada di Pulau Langkawi.

Tatkala orang-orang Pulau Langkawi sibuk memetik lada, saudagar-saudagar sibuk tawar menawar, angkatan laut Siam mendarat dengan banyaknya di Padang Matsirat dengan empat tugas penting iaitu membunuh siapa yang melawan, menawan orang-orang dewasa, memusnahkan rumahtangga, tanaman dan merampas harta benda yang berharga.

Kisah Mahsuri yang telah dibunuh oleh Dato' Kama Jaya tujuh purnama sebelumnya, masih belum reda dan hangat diperbuakan

orang. Langkawi pula menghadapi serangan dari Legor. Sungguhpun Siam berazam untuk menghancurkan pulau itu tetapi Dato' Kama Jaya dan penolongnya cekal sekali menentang musuh. Dato' Panglima Hitam sebulat kata mempertahankan Pulau Langkawi dan perairan sekitarnya.

Siam menjalankan gerakan bumi hangus membakar Langkawi. Berkoyan-koyan beras di gudang Dato' Kama Jaya, semuanya habis dibakar oleh Siam. Secara tiba-tiba hujan pun turun dengan lebatnya. Beras yang seharusnya terbakar telah kekal seperti beras, sekadar warnanya sahaja yang berbeza menjadi hitam seperti arang, di Kampung Raja, Padang Matsirat. Luasnya kira-kira tiga puluh kaki persegi yang tertanam di dalam tanah sedalam tiga kaki. Mengikut kajian para sains, pertanian dan sejarah, Beras Terbakar itu adalah beras sebenar berwarna hitam seperti arang dan tidak hancur atau musnah atau dimakan oleh binatang atau masa. Ianya bercampur bersama-sama pasir yang berwarna hitam. Mengikut teori mereka, padi-padi yang dibakar itu tidak musnah semua disebabkan hujan telah turun. Menurut pendapat orang tua-tua Pulau Langkawi, padi ini mungkin kepunyaan Mahsuri atau termasuk juga kepunyaannya, sebab itulah ia tidak terbakar dan hancur hingga ke hari ini.

Berhampiran dengan kawasan 'Beras Terbakar' itu di bawah pohon-pohon kelapa di situlah terbujur beberapa orang kesatria dan serikandi Langkawi yang terkorban. Setengahnya terdapat tanda misannya tetapi banyak yang tidak bernisan. Hingga sekarang ini 'Beras Terbakar' itu boleh dipungut oleh pelawat-pelawat di celah-celah pasir. Terkadang-kadang ada yang pulang hampa, sebutir pun tidak diperolehinya.

Sempena sumpahan Mahsuri, untuk meninggalkan kesan bagi tontonan generasi yang akan datang. Setengah orang khususnya pelawat dan pelancong merendamkan beras ini untuk penawar beberapa penyakit. Setengahnya pula memungutnya untuk kenang-kenangan yang mereka itu sudah menjejak kaki ke Pulau Langkawi yang penuh dengan sejarahnya.

Dari jauh mereka dapat melihat asap bergulung-gulung naik ke udara. Bumi Langkawi telah dibakar oleh Siam. Ada yang menyelamatkan diri ke Pulau Pinang.

Angkatan berperahu dari Kuala Kedah pun mereka temui. Angkatan ini ingin menuju ke Pulau Langkawi, mereka dinasihatkan supaya mengubah haluan ke selatan sahaja oleh kerana peristiwa yang sedang berlaku itu sangat membimbangkan. Namun demikian ada yang berperahu mengikut arus hingga ke Siak dan Aceh.

Dari persembendaan itulah agaknya, ramai didapati orang-orang Langkawi yang turun temurun tinggal menetap di Siak, Batu Bara Aceh dan sekitarnya. Mereka itu adalah dipercayai berasal dari pelarian perang Siam-Kedah. Di samping itu tidak kurang pula

orang-orang dari tempat-tempat tersebut turun temurun bermastautin di Pulau Langkawi.

Peperangan itu tidak mengenal batasan. Yang bernasib baik dapat mencari tempat perlindungan. Sebaliknya yang bernasib malang mereka ditawan oleh Siam, dibawa beramai-ramai ke tengah laut lalu dibunuh. Mana yang berumur panjang, cuping telinga mereka dicucuk dengan rotan sega. Kemudian diseret berbuntut-buntut menaiki perahu, seorang terjatuh maka yang lainnya terpaksa merendah diri. Mana boleh tahan seutas rotan sega sahaja mencucuk cuping telinga yang banyak.

Mereka yang menjadi orang tawanan itu dibawa ke Legor lalu dijadikan sebagai orang suruhan pembesar-pembesar Siam. Manakala perempuan-perempuan yang cantik rupa parasnya dijadikan penari wayang lakhon.

Nelayan-nelayan yang baharu balik dari laut bagaikan gila rasanya. Belum pun kering kain basahan di pinggang, terpaksa turun berkayuh ke tengah laut semula. Yang muda-muda masih tegap sasa diarahkan mempertahankan kampung halaman dan Pulau Langkawi bersama dengan satria Dato' Kama Jaya dan Dato' Panglima Hitam.

Dato' Kama Jaya menyusun rapi angkatan lautnya. Ia mengharapkan supaya keselamatan penduduk-penduduk pulau itu terjamin. Seperti yang telah diduga sebuah angkatan Siam tiba lagi, maka berlakulah pertempuran sengit dalam sejarah Langkawi di Selat Berhala Balik. Letaknya di antara Pulau Besar Langkawi dengan Pulau Bumbun.

Akibat pertempuran itu kedua belah pihak telah kehilangan banyak jiwa. Dato' Kama Jaya mendapat luka parah. Bagaimanapun ia tidak menghiraukan keperitan yang sedang dialaminya, lantas memekik arahan supaya pengikut-pengikutnya berjuang habis-habisan sehingga ketitisan darah yang terakhir. Tiba-tiba badannya dilontarkan ke dalam laut dan tidak sempat diselamatkan. Dari satu riwayat mengatakan ia telah dicincang badannya oleh tentera Siam dan dilontarkan ke laut dalam kawasan perairan Selat Berhala Balik.

Dato' Panglima Hitam juga turut mendapat luka di dadanya. Ia menghembuskan nafasnya yang akhir sama sehari dengan kehilangan Dato' Kama Jaya. Bagaimanapun mayat Dato' Panglima Hitam sempat dibawa ke darat, dikebumikan di Tanjung Peluru dalam Pulau Tuba, mukim Kuah.

Kubur Dato' Kama Jaya dan Dato' Panglima Hitam menjadi tanda tanya. Di Tanjung Tirai terdapat sebuah kuburan yang panjangnya tiga depa dan batu nisannya masih ada. Kononnya itulah kubur Dato' Kama Jaya, tetapi disangsikan oleh anak cucunya kerana Dato' Kama Jaya berkubur di laut.

Mengenai Dato' Panglima Hitam, setengah riwayat mengatakan bahawa kuburnya itu di Hujung Buluh iaitu sebuah tanjung yang paling selatan menghadap ke laut lepas. Di situlah kononnya ia menin-

jau layar-layar perahu musuh sepanjang hidupnya. Ada juga yang menganggap Panglima Hitam itu keramat Pulau Langkawi.

Kehilangan Dato' Kama Jaya dan Dato' Panglima Hitam itu semakin memarakan semangat rakyat pulau ini, tetapi isteri Dato' Kama Jaya iaitu Wan Mahura bersama-sama anaknya Muhammad Ali telah sempat melarikan diri ke Indonesia.

Sebuah angkatan Siam berjaya mendarat hingga ke Hulu Melaka. Mereka terpegun melihat orang-orang Melayu di Hulu Melaka telah meninggalkan rumahtangga dan berkumpul di masjid. Mereka lantas membakar masjid tertua¹⁰ di Pulau Langkawi, tetapi api tidak mahu marak, cuma kawasan masjid itu sahaja musnah dijilat api. Bangunan masjid sendiri tidak terbakar dan manusia-manusia menyerah diri dengan tenang kepada Tuhan.

Apabila masuk waktu Zohor, Imam pun memerintahkan bilal melaungkan azan, "Allahu Akbar, Allahu Akbar Allahu Akbar, Allahu Akbar". Ketika itulah tentera-tentera Siam mengundurkan diri sambil berpusu-pusu lari menuju arah ke pantai tempat perahu-perahu mereka ditambat.

Sebahagian besar orang-orang Hulu Melaka tidak mati di dalam masjid. Mereka yang bersembunyi di luar masjid menggempur orang-orang Siam yang berkeliaran supaya lebih cepat sampai ke pantai. Di sana perahu-perahu mereka sudah pun dirampas oleh orang-orang Melayu.

Dari Masjid Hulu Melaka ke pantai lebih kurang empat batu, tetapi tentera Siam ini memilih jalan yang lebih jauh seolah-olah memberi kesempatan kepada orang-orang Melayu menggunakan panah beracun mereka. Semua tentera Siam ini gugur.

Menurut kisah masjid itu, kesannya masih boleh dilihat dari dua batang tiang serinya, pada tiap-tiap hari Jumaat dikatakan mengeluarkan cecair yang berwarna merah seperti darah. Ketika bumbung masjid itu diganti baharu, tiangnya yang berumur seratus enam puluh tahun itu terdapat kelalai-kelalai kesan asap dan jelaga.

Berdebar juga mengenangkan orang yang tabah dan tebal imannya, sanggup berdiri di dalam masjid dengan tidak gentar sedikit pun kepada api yang menggila di luar. Ini menunjukkan imannya. Di samping masjid bertuah, ditemui pula sepasang nisan seorang serikandi yang syahid zaman itu.

Bagaimanapun di tempat-tempat lain sebagai tindakan untuk menentang orang-orang Siam, mereka yang terselamat meracun punca-punca bekalan air di Selat Pancur 'Telaga Racun' Hujung Buluh.¹¹ orang-orang Siam mengambil air di tempat tersebut. Dengan

10 Masjid Tertua itu telah dibina oleh seorang alim terkenal, namanya Tuk Iman Long dengan Ngah. Tempat itu pada mulanya merupakan sebuah kawasan tempat kerbau berehat dan bermain.

11 Nama itu tercipta selepas peristiwa itu ianya terletak di kawasan Seri Semudra sekarang.

kerana itu ramai orang-orang Siam yang mati dalam keadaan yang mengerikan.

Tindakan yang sangat berkesan itu telah menakutkan orang-orang Siam yang lain. Mereka berundur segera menyembunyikan diri dan menetap di pedalaman pulau itu. Hingga sekarang terdapat bahasa Siam dipertuturkan oleh penduduk-penduduk keturunan Siam dan juga orang Melayu. Tempat-tempat mereka itu seperti di Air Hangat, Pulau Tuba, Selat Pancur dan Teluk Apau.

Ketika Tunku Abdul Rahman Putra menjadi Pegawai Daerah Pulau Langkawi, Tunku telah membina 'Makam Mahsuri' buat kali pertamanya dalam tahun 1936. Tunku sebagai Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu dan Wakil Rakyat Kawasan Langkawi telah memperbesar dan memperindahkan 'Makam Mahsuri' untuk menarik para pelawat dalam dan luar negeri. Kalau dahulunya ianya cuma berteduh di bawah seponon cenderai yang besar dan rendah sahaja, kini 'Makam Mahsuri' sudah bertukar wajah, disaluti dengan batu marmar Langkawi.

Tiap-tiap yang patah akan tumbuh, yang hilang akan berganti tetapi yang sampai hukum Allah tidak akan kembali lagi. Sultan Muhammad Jiwa Zainal Azilin Mu'adzam Shah Ke-2 mangkat pada 1 Ramadan 1174 (1760) dan dimakamkan di Langgar kemudiannya disebut 'Marhum Kota Setar I'.

SULTAN ABDULLAH DAN TUNKU DZIAUDDIN RAJA MUDA KAYANG

Pada saat yang sempurna, Sultan Abdullah Mukarram Shah (1760-1797) telah ditabalkan menjadi Sultan Kedah Ke-20. Baginda bersemayam di Istana Kota Setar. Manakala Tunku Dziauddin menjadi Raja Muda Kayang (Perlis) dan Setol. Ia bersemayam di Istana Indera Kayangan.

Dalam tahun 1767, Siam telah menyerang Kota Setar kerana sultan terlewat menghantar bunga emas dan bunga perak ke Bangkok. Balai Besar turut menerima kerosakan dalam serangan itu. Bagaimanapun masih boleh digunakan sebagai Balai Penghadapan. Kemudian dalam tahun 1770, orang-orang Bugis telah menyerang Kedah. Mereka membakar bangunan Balai Besar itu. Pada kali ini Balai Besar menerima kerosakan teruk. Berikutnya dalam bulan April 1771, Kapten Francis Light tiba di Kedah.

Memandangkan berbagai-bagai pertempuran berlaku di Kota Kuala Kedah, baginda sebagai pewarisnya¹ telah menitahkan supaya kota itu dibina dengan lebih kukuh lagi. Kota Kuala Kedah terletak di sebelah kanan muara Sungai Kedah. Kedudukannya betul-betul di dalam Kampung Seberang Kota, Kira-kira 11.66 km dari bandar Kota Setar. Menurut sumber lisan, Kampung Seberang Kota itu adalah kampung yang pertama wujud di Kuala Kedah (Kuala Behang).

Bagi raja-raja, sungai menjadi sumber pendapatan yang mana pungutan cukai keluar masuk dikenakan. Apatah lagi pada zaman dahulu Kuala Kedah menjadi sebuah pusat perniagaan yang penting.


Kota Kuala Kedah mula-mula dibina dari tanah lumpur. Ianya menjadi tapak-tapak kubu yang tertua di Malaysia. Peranannya di muara Sungai Kedah sebagai benteng pertahanan. Bukan sahaja untuk ibu negeri di Kota Setar tetapi ianya juga mengawal jajahan takluknya termasuklah jalan darat yang merentasi ke Teluk Siam.

Meninjau kembali sejarahnya, Kota Kuala Kedah itu ialah sebuah kota Melayu lama dan pernah dialahkan oleh Portugis dalam tahun 1511. Kota itu dibina semula tetapi kemudiannya diserang pula oleh Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam dari Aceh dalam tahun

¹ Penerima harta pesaka yang ditinggalkan oleh simati.



Gambar: Muzium Negeri Kedah
Kampung Seberang Kota yang pertama sekali wujud di Kuala Kedah.



Gambar: Muzium Negeri Kedah
Pintu gerbang Kota Kuala Kedah yang asal tetapi telah runtuh sama sekali dalam tahun 1970.

1619. Sebuah kota yang baharu telah dibina. Pada akhir abad yang ketujuh belas, orang-orang Belanda cuba mengepung pantai Kedah, tetapi cubaan ini gagal.

Di antara tahun 1770-1771 sekali lagi perang saudara telah berlaku. Bugis telah dapat menawan Kota Kuala Kedah. Seterusnya baginda menitahkan supaya sebuah kota yang baharu dibina di sebelah kanan sungai hingga ke laut, bagi menentang musuh-musuh yang datangnya dari laut. Dato' Maharaja Kadi Sheikh Abdul Jalil Mufti telah ditugaskan membuat rekabentuk bangunan kota itu. Jurubata dan jurubatu didatangkan khas dari India. Kerja-kerja pembinaan kota itu bermula pada 10 Safar 1185 (bulan Mei 1771). Bahan-bahan tempatan telah digunakan. Kota itu siap dalam tahun 1194H (1780M).

Binaan kota itu terdiri daripada tembok dua lapis yang diperbuat daripada campuran batu bata dan ketul-ketul batu besi. Jaraknya enam kaki dan ruang kosong itu diisikan dengan tanah. Parit dikorek di sekeliling kota. Sebuah pintu gerbang yang hebat dibina pada pintu besar masuk ke dalam kota. Temboknya setinggi sepuluh kaki enam inci. Manakala tebal tiap-tiap satu itu dua puluh dua inci.

Kota Kuala Kedah dibuat melengkongi kawasan seluas lebih kurang lima ekar. Di dalamnya dilengkapi dengan Balai Penghadapan, tempat memasak, sebuah telaga, tempat simpanan peluru, tangga dan sebuah jambatan. Kini kesemua yang disebutkan itu hanya tinggal kesan sejarah belaka.

Pada tembok kota di bahagian selatan pinggir Sungai Kedah terdapat lubang-lubang meriam. Bagaimanapun tembok yang ada sekarang adalah tembok baharu. Tembok yang asal telah menerima hakisan² air laut, sudah pun runtuh dan tertimbus ke dalam sungai.

Di sepanjang tembok sebelah utara, dipasangkan sekurang-kurangnya dua belas pucuk meriam besar, diselit pula dengan lela rentaka buatan orang-orang Melayu Aceh, Terengganu dan Brunei.

Untuk kemudahan pengawal pantai melihat musuh dari tembok itu, dibuat tempat mengintai lima inci luasnya. Jarak dari lubang ke lubang ialah tiga kaki sepuluh inci. Di tembok sebelah timurnya terdapat pintu-pintu iaitu sebuah pintu hadapan, sebuah pintu besar dan sebuah lagi pintu maling yang digunakan ketika berlaku kecemasan.

Cuma yang masih kelihatan dengan gagahnya terbaring mengawal pantai Kuala Kedah ialah Meriam Katak Puru. Manakala Meriam Badak Berendam seolah-olah menyisihkan diri bersama dengan runtuhannya tembok di luar kota. Sedangkan muncungnya kelihatan menghalu ke pintu kuala menunggu kedatangan musuh.

Demikianlah kisah Kota Kuala Kedah yang telah beberapa kali menempuh sejarah penting semenjak ianya mula dibina lagi.

² Penghanyutan tanah.

Namun kota ini memang berfungsi sebagai sebuah kota yang tegap dan kukuh.

Istana Kota Kuala Kedah inilah sering digunakan untuk membincangkan perkara mengenai pemajakan Pulau Pinang dengan Syarikat Hindia Timur. Sepatutnya perbincangan yang seumpama itu dilakukan di Balai Besar tetapi telah tidak dapat dibuat demikian kerana bangunan Balai Besar itu mendapat kerosakan teruk akibat serangan Bugis.

Dalam tahun 1771, persahabatan Inggeris-Kedah semakin rapat. Sultan Abdullah amat gembira sekali apabila Kapten Light memohon memajak Pulau Pinang daripada Kerajaan Kedah. Ini bermakna baginda akan mendapat perlindungan dan bantuan Inggeris bagi menghalang kekacauan daripada Selangor, Siam dan Burma.

Setelah itu Kapten Light pun membuat perhubungan dengan Gabenor Madras mengenai Pulau Pinang itu tetapi jawapan yang didapati tidak tegas. Kemudian berutus pula dengan Syarikat perdagangannya, tidak dapat menggerakkan hati pegawai-pegawainya untuk memberi sokongan kepadanya. Lantas pada 17 Januari 1772 ia berutus pula dengan Warren Hastings menggesanya supaya memberi pertolongan kepada Sultan Kedah untuk menentang Selangor.

Akhirnya setelah dibuat gesaan itu, pegawai-pegawai di Madras menghantar wakil dan surat pengesahan ke Kedah. Sultan Kedah hanya inginkan jaminan pertolongan daripada Inggeris apabila Kedah diserang oleh Selangor.

Light bersungguh-sungguh benar hendak mengambil Pulau Pinang itu disebabkan lebih sesuai dengan kedudukannya di Selat Melaka dan hanya seminggu pelayaran jauhnya dari Pantai Koromandel.

Kapten Francis Light itu ialah seorang pegawai muda tentera laut. Ia menjadi Kapten Kapal Perniagaan Syarikat Hindia Timur Inggeris antara Madras dengan Kedah. Ia juga sebagai wakil, "Syarikat Jowdair, Sulivan dan De Souza" di Madras. Ketika ia tiba di Pulau Pinang dahulu kapalnya berlabuh di Tanjung Penaga yang kemudiannya disebut 'Tanjung' yang menjadi pusat bandar pulau itu. Sesungguhnya pada zaman itu orang-orang Melayu sudah mendiami Pulau Pinang. Sebab itulah untuk membandingkan sesuatu zaman yang silam dikatakan 'Zaman Datuk Nadur Berkajang Kain'.

Dalam tahun 1871, Sultan Abdullah menghantar ufti bunga emas dan bunga perak kepada Kerajaan Siam. Persembahan ufti ini semata-mata bertujuan untuk memulihkan keamanan Kedah-Siam. Pada 26 Syawal 1199 (31 Ogos 1785) Kapten Light datang mengadap Sultan Abdullah di Kedah dengan tujuan hendak meminta baginda bersetuju memberikan Pulau Pinang kepada Syarikat Hindia Timur.

Satu perjanjian baharu amatlah penting kepada Inggeris kerana ia merupakan dasar perundangan yang mengesahkan hakmilik Inggeris ke atas Pulau Pinang walaupun Inggeris mendudukinya

semenjak tahun 1786 iaitu sebelum perjanjian ditandatangani. Francis Light mendapat izin Sultan untuk menduduki Pulau Pinang secara tidak rasmi sementara menunggu kelulusan dari London khususnya mengenai syarat yang menghendaki Syarikat Hindia Timur memberi perlindungan tentera kepada Kedah.

Surat perjanjian Sultan Kedah berhubung dengan penyerahan Pulau Prince of Wales (Pulau Pinang) dalam tahun 1786 itu merupakan syarat yang dihendaki oleh Sultan Kedah kepada pihak Syarikat Hindia Timur Inggeris. Syarat-syarat³ itu adalah seperti berikut:—

- Pertama — Syarikat Hindia Timur hendaklah menjaga pantai laut negeri Kedah. Sebarang musuh yang menyerang Sultan Kedah adalah musuh kepada Syarikat Hindia Timur dan perbelanjaan melawan musuh itu ditanggung oleh Syarikat Hindia Timur. Syarikat ini sanggup memelihara dengan kapalperangnya bagi mengawal Pulau Pinang dan pesisiran pantai dalam perintah Sultan Kedah.
- Kedua — Semua kapal, tongkang, perahu kecil dan besar yang datang dari Timur dan Barat ke pelabuhan negeri Kedah tidak boleh ditahan atau diganggu oleh Wakil Syarikat Hindia Timur melainkan hendaklah dibiarkan sahaja dengan bebasnya mereka sama ada hendak berjual beli di Kedah atau di Pulau Pinang sebagaimana yang mereka fikirkan patut.
- Ketiga — Barang-barang seperti candu, timah dan rotan ialah sebahagian daripada hasil negeri Kedah. Oleh sebab Kuala Muda, Perai dan Kerian yang mengeluarkan hasil-hasil itu letaknya begitu dekat dengan Pulau Pinang iaitu tempat kediaman Residen Syarikat Hindia Timur, tentulah larangan kepada hasil-hasil itu diberhentikan dan Gabenor Jeneral hendaklah membenarkan Beta (Sultan Kedah) menerima wang daripada Syarikat Hindia Timur sebanyak 30,000 ringgit Sepanyol setiap tahun.
- Keempat — Sekiranya Wakil Syarikat Hindia memberi wang kepada sebarang keluarga Sultan Kedah, menteri-menteri, pegawai-pegawai atau rakyat Kedah, maka tidaklah boleh Wakil Syarikat Hindia Timur itu membuat apa-apa tuntutan kepada Sultan Kedah.
- Kelima — Sebarang orang yang menjadi rakyat negeri Kedah dengan tidak kecualinya sama ada iaitu putera atau saudara Beta yang menjadi musuh Beta adalah juga menjadi musuh kepada Syarikat Hindia Timur dan Wakil Syarikat itu tidak boleh melindungi mereka.

³ Haji Buyung Adil, *Sejarah Kedah*, DBP., KL., 1981 him. 40—41.

Keenam – Jika ada sebarang musuh yang menyerang Beta ikut jalan darat, Beta minta pertolongan askar-askar, senjata-senjata atau peluru dan Syarikat Hindia Timur hendaklah memberi benda-benda itu dengan perbelanjaan Beta.

Francis Light bersetuju dengan syarat-syarat itu tetapi ia telah mengambil sikap melambat-lambatkan perkara tersebut. Namun demikian, ia memberi jaminan bahawa permintaan baginda sedang mendapat perhatian pihak berkuasa di London. Bagaimanapun sebelum persetujuan syarat-syarat itu dicapai, Francis Light telah memaksakan perjanjian kepada Sultan Abdullah.

Pada 11 Ogos 1786, Francis Light telah mengambil Pulau Pinang di atas nama King George III. Tindakan Francis Light dan rombongannya ini telah menjadi suatu kekegalaan dan rahmat kepada Syarikat Hindia Timur. Inilah usahanya untuk mendapatkan sebuah petempatan dan pelabuhan perdagangan dan pangkalan perang yang sesuai di rantau ini. Matlamatnya yang sebenar ialah untuk mengawal jalan laut di kawasan Asia Tenggara. Bagaimanapun Francis Light telah tidak menepati pengakuannya itu. Sikap curang dan tidak jujur Francis Light ini telah membuatkan fikiran Sultan Kedah berubah.

Setelah mengambil masa selama kira-kira setahun, pada 17 Mei 1787 Kapten Light menulis dalam sebuah laporannya kepada Syarikat Hindia Timur menceritakan perihal pemerintahan Kedah yang tidak aman kerana sentiasa diganggu oleh Siam dan Burma. Dengan sebab itu patutlah Syarikat Hindia Timur membuat perjanjian dengan Sultan Kedah.

Laporan itu menekankan yang negeri Kedah menjadi tumpuan orang-orang Danish, Belanda dan Perancis. Light merasa khuatir sekiranya Sultan Kedah memberi keizinannya kepada mereka untuk menetap di Kedah, tatkala itu besar kemungkinan suatu perjanjian baharu akan diperbuat dengan mereka.


Bagi memelihara kepentingan persahabatan Inggeris-Kedah, Kapten Light menyarankan supaya Syarikat Hindia Timur mengambil tindakan segera terutama sekali mengawal dan membantu Sultan Kedah daripada angkara serangan Siam atau pertelingkahan sesama sendiri.

Selepas itu, perundingan demi perundingan telah dibuat olehnya dengan Sultan Kedah. Nampaknya Syarikat Hindia Timur tidak mendapat mandat dari ibu pejabatnya di London. Semakin jelaslah yang Syarikat Hindia Timur hanya hendak berdagang sahaja tanpa melibatkan diri dalam peperangan.

Dalam tahun 1788, Siam telah memohon bantuan 5,000 orang tentera dan 150 buah perahu daripada Kedah. Menurut rancangan mereka akan bersama-sama menyerang Burma di Pegu. Namun tujuan mereka yang sebenar ialah untuk melemahkan kekuatan Kedah supaya mereka dapat menikam dari belakang.



Gambar: Muzium Negeri Kedah
Meriam Katak Puru masih gagah mengawal di atas Kota Kuala Kedah.



Gambar: Muzium Negeri Kedah
Meriam Badak Berendam terbaring di atas runtuhuan Kota Kuala Kedah.


Berikutnya dalam bulan Jun tahun yang sama, setelah dipaksa oleh Sultan Kedah baharulah Light mengaku yang Syarikat Hindia Timur enggan memberi perlindungan tentera kepada Kedah. Memandangkan hal ini Sultan Kedah menuntut supaya Pulau Pinang dikembalikan.

Untuk lari daripada persoalan itu, Light membuat tawaran untuk membeli Pulau Pinang tetapi Sultan enggan. Pihak Syarikat Hindia Timur kemudiannya menawarkan gantirugi dan Sultan Abdullah menuntut 30,000 ringgit sepanyol setahun. Light hanya sanggup membayar 10,000 ringgit selama delapan tahun atau 4,000 ringgit untuk selama-lamanya.

Sultan Abdullah menegaskan jika pihak Syarikat Hindia Timur tidak dapat memenuhi syarat-syarat baginda maka syarikat mestilah meninggalkan Pulau Pinang, tetapi Lord Cornwallis, Gabenor Jeneral India dan Light menganggap Pulau Pinang sebagai Wilayah Inggeris mengikut syarat-syarat mereka sendiri.

Dalam bulan Februari 1791, Sultan Abdullah bersetuju menerima 10,000 ringgit selama-lamanya sebagai keengganan Inggeris memberi perlindungan. Light pula berjanji membayar 10,000 ringgit serta merta dan meminta Sultan menghentikan permusuhan sementara menunggu jawapan dari Benggala.

Bagaimanapun Light hanya membayar 5,000 ringgit dan berjanji untuk membayar bakinya hanya setelah lanun-lanun meninggalkan



Gambar: Muzium Negeri Kedah
Berkibarlah Bendera Union Jack di Pulau Pinang pada 11 Ogos 1786.

Perai. Sultan Abdullah murka dan seterusnya memberi kata dua sama ada Light membayar 5,000 ringgit bersama-sama 10,000 ringgit setahun sebagai tunggakan semenjak tahun 1786 atau Inggeris meninggalkan Pulau Pinang. Sultan Abdullah juga memperkuatkan kubu-kubu di Perai.

Light menganggap kata dua Sultan Abdullah itu sebagai mengisytiharkan perang. Tanpa membalas kata dua itu Light terus mengarahkan Kapten Andrew Glass menyerang Perai secara mengejut pada 12 April 1791. Serangan itu dilakukan pada jam 4.00 pagi dengan menggunakan empat buah kapal iaitu Dolphin, Princess, Augusta dan Valient dengan 3 kompeni askar Sipahi. Serangan itu berlanjutan hingga 16 April. Akhirnya angkatan Kedah telah dapat ditewaskan.

Sultan Abdullah telah terpaksa mengakui kalah dan berdamai melalui syarat bagi suatu perjanjian dengan Syarikat Hindia Timur yang dipersetujui pada 20 April di Fort Cornwallis. Perjanjian itu ditandatangani pada 1 Mei tahun yang sama.

Perjanjian⁴ itu ditandatangani oleh Tunku Shariff Muhammad, Tunku Alang Ibrahim dan Dato' Penggawa Telebon selaku wakil Sultan Kedah dengan Francis Light, wakil syarikat itu. Syarat-syarat yang termaktub dalam perjanjian itu ialah Syarikat Hindia Timur dengan tulus ikhlas menyatakan persahabatan dengan Duli Yang Maha Mulia Yang Dipertuan Negeri Kedah, pembesar-pembesar negeri dan rakyat baginda sekalian. Sehingga ini kedua-dua belah pihak sentiasa berada di dalam keadaan aman damai baik dari laut mahupun dari darat. Diharapkan perhubungan yang telah terjalin sekian lama itu terus berpanjangan selagi matahari dan bulan memancarkan cahayanya.

Syarat-syarat itu mengandungi sembilan perkara semuanya:

- Pertama — Syarikat Hindia Timur akan membayar 6,000 ringgit Sepanyol tiap-tiap tahun kepada Sultan selagi Pulau Pinang menjadi hakmilik Inggeris.
- Kedua — Yang Maha Mulia Yang Dipertuan Negeri Kedah bersetuju tidak akan menghalang atau mengenakan cukai ke atas apa-apa bekalan yang dibeli di Kedah bagi keperluan Pulau Pinang dan kapal-kapal Syarikat Hindia Timur.
- Ketiga — Semua hamba yang lari dari Kedah ke Pulau Pinang atau dari Pulau Pinang ke Kedah akan dikembalikan kepada tuannya masing-masing.
- Keempat — Semua orang yang lari dari hutang sama ada dari Kedah atau Pulau Pinang akan diserahkan kepada si pemberi hutang.
- Kelima — Yang Maha Mulia Yang Dipertuan Negeri Kedah

4 Arkib Negara Malaysia, *Hari Ini Dalam Sejarah*, Jilid I, 1980 hlm. 75-77.

- tidak akan membenarkan mana-mana kuasa Eropah yang lain menduduki mana-mana tempat di Kedah.
- Keenam** – Pihak Syarikat Hindia Timur tidak akan melindungi orang-orang yang menderhaka atau memberontak terhadap baginda Sultan.
- Ketujuh** – Semua orang yang lari dari Kedah ke Pulau Pinang atau dari Pulau Pinang ke Kedah kerana kesalahan membunuh akan ditahan dan dipulangkan dengan ikat jamin.
- Kedelapan** – Semua orang yang melakukan penipuan hendaklah ditangkap dan diserahkan kepada kedua-dua belah pihak.
- Ke-sembilan** – Yang Maha Mulia Yang Dipertuan Negeri Kedah tidak akan membekalkan apa-apa barangan keperluan kepada mereka yang bermusuhan dengan Syarikat Hindia Timur.

Sultan Abdullah mangkat pada 10 Rabiulawal 1212 (dalam tahun 1797M). Almarhum dimakamkan di Kota Langgar. Suatu perebutan kuasa telah terjadi di kalangan putera almarhum baginda. Sebenarnya almarhum Sultan Abdullah mempunyai dua orang isteri. Seorang bernama Wan Meh dan seorang lagi Wan Mas.

Adapun Wan Mas itu ialah Wan Kamaliah anak Paduka Raja Laksamana. Selain itu ada lagi empat orang isteri baginda yang bukan gahara. Mereka ialah Cik Bonda, Cik Mas, Cendera Sari dan Bida Sari. Dengan isterinya yang pertama tidak mendapat anak. Isterinya yang kedua melahirkan empat orang putera iaitu Tunku Pengeran (Tunku Ahmad Tajuddin), Tunku Yaakob (Tunku Embom), Tunku Bisnu (Tunku Seraja Wang) dan Tunku Zamzam yang kemudiannya berkahwin dengan Tunku Long Putih, putera Raja Siak di Pulau Bengkalis.

Cik Bonda melahirkan Tunku Ibrahim, Tunku Sulaiman, Tunku Busu dan seorang puteri. Dengan Cik Mas berputerakan Tunku Daud. Cendera Sari melahirkan Tunku Muhammad dan dua orang puteri. Dengan Bida Sari baginda mendapat dua orang puteri.

Setelah baginda mangkat, Tunku Dziauddin Raja Muda Kayang menjadi Pemangku Sultan Kedah (1797-1803). Tunku Pengeran telah membuktikan yang dia adalah putera sulung almarhum ayahandanya. Meskipun Wan Mas hanya isteri kedua almarhum Sultan Abdullah tetapi isteri pertamanya Wan Meh tidak mempunyai waris negeri. Menurut perhitungannya, dialah yang berhak menjadi sultan.

Bagaimanapun pengiktirafan menteri-menteri dan pembesar-pembesar serta Syarikat Hindia Timur atas Tunku Dziauddin semakin menyulitkan tuntutan itu. Tunku Pengeran sedar betapa perlunya ia mesti mendapat bantuan. Lalu ia pun pergi berjumpa dengan Gabenor di Singgora di antara tahun 1801-1802. Tindakan ini

ialah sebagai saluran untuk menarik perhatian Kerajaan Bangkok.

Tunku Pengeran sungguh bernasib baik. Raja Rama I yang bernama Phra Putta Yot Fa Chulalok (Jeneral Chakkri 1782-1809), pengasas dinasti yang menubuhkan ibu negara di Bangkok, memang berhasrat untuk meluaskan pengaruhnya ke Kedah. Lebih-lebih lagi ia sendiri tidak berpuas hati di atas tindakan Tunku Dziauddin menyerahkan Seberang Perai kepada Inggeris.

Suatu perjanjian persahabatan⁵ dan perikatan di antara Inggeris dengan Sultan Kedah telah dipersetujui dan ditandatangani pada 6 Jun 1800. Sir George Leith, Leftenan Gabenor Pulau Pinang mewakili Syarikat Hindia Timur dan Tunku Dziauddin, Raja Muda Kayang dan juga Pemangku Sultan Kedah.

Tunku Dziauddin mengambil langkah segera bersetuju dengan penyerahan Seberang Perai itu berdasarkan kedudukan baginda sebagai Pemangku Sultan Kedah yang baharu dilantik iaitu menggantikan tempat kekandanya almarhum Sultan Abdullah Mukarram Shah. Dengan mengadakan persetiaan itu, dia mengharapkan Inggeris akan memperkukuhkan kedudukannya lagi. Tujuan utamanya ialah baginda berkehendakkan perlindungan negeri yang di bawah perintahnya menentang ancaman dari laut. Harapannya yang lebih besar ialah untuk menambahkan pendapatan dengan pajakan yang baharu itu di samping 6,000 ringgit Sepanyol setahun sebagai tunggakan semenjak tahun 1798.

Perkara-perkara penting yang menjadi syarat persetiaan itu ialah seperti berikut:—

- Pertama — Syarikat Hindia Timur bersetuju membayar Duli Yang Dipertuan Raja Muda Kedah/Perlis sejumlah 10,000 ringgit setiap tahun, selagi Inggeris menguasai Pulau Pinang dan kawasan pantai bersetentang dengan Pulau Pinang.
- Kedua — Duli Yang Dipertuan bersetuju menyerahkan kepada Inggeris semua kawasan pantai di antara Kuala Kerian dan tebing sungai kawasan Kuala Muda hingga ke daratan sejauh 60 relong (6,400 ela persegi kira-kira 1½ ekar). Syarikat Hindia Timur akan mengawal kawasan pantai tersebut dari musuh, perompak dan lanun yang mungkin datang dari arah utara ke selatan.
- Ketiga — Duli Yang Dipertuan bersetuju bahawa semua jenis bekalan yang dibeli di Kedah untuk keperluan Pulau Pinang, kapal perang-kapal perang dan kapal-kapal kepunyaan Syarikat tidak akan ditahan atau tertakluk kepada cukai dan kastam, semua perahu yang datang dari Pulau Pinang untuk mendapatkan keperluan di Perlis dan Kedah akan

⁵ Arkib Negara Malaysia, *Hari Ini Dalam Sejarah*, Jilid II, 1981 hlm. 263–265.

- dikehendaki mempunyai paspot yang betul supaya ianya tidak dikenakan cukai.
- Keempat – Semua hamba yang lari dari Perlis dan Kedah ke Pulau Pinang atau sebaliknya mestilah diserahkan semula kepada tuannya.
- Kelima – Semua si piutang yang lari dari pemberi hutang dari Perlis dan Kedah ke Pulau Pinang dan sebaliknya, jika tidak membayar hutang mereka hendaklah diserahkan tubuh badan mereka kepada si pemberi hutang.
- Keenam – Duli Yang Dipertuan bersetuju tidak akan membenarkan orang-orang Eropah dari negara lain menetap di mana-mana jajahan takluknya.
- Ketujuh – Pihak Syarikat Hindia Timur bersetuju tidak akan menerima orang-orang yang telah melakukan penentangan atau menderhaka terhadap Duli Yang Dipertuan.
- Kedelapan – Orang-orang yang bersalah melakukan pembunuhan yang lari dari Perlis dan Kedah ke Pulau Pinang atau sebaliknya mestilah diserahkan dengan ikat jamin.
- Kesembilan – Orang-orang yang curi Cap Mohor (pemalsuan) hendaklah diserahkan dengan sewajarnya.
- Kesepuluh – Duli Yang Dipertuan bersetuju tidak akan membantu mereka yang menjadi musuh kepada Syarikat Hindia Timur.
- Kesebelas – Kesemua orang-orang Duli Yang Dipertuan yang membawa hasil-hasil negeri pergi ke Kuala tidak akan dirampas atau ditahan oleh orang-orang pihak Syarikat.
- Kedua-belas – Barang-barang yang diperlukan oleh Duli Yang Dipertuan dari Pulau Pinang akan disediakan oleh Syarikat Hindia Timur dan bayarannya akan ditolak dari bayaran sepuasnya.
- Ketiga-belas – Sebaik-baik sahaja perjanjian ini diperakui, bayaran suguhati yang perlu dibayar kepada Duli Yang Dipertuan menurut sepertimana Perjanjian dan Persetujuan yang terdahulu mestilah dibayar secepat mungkin.
- Keempat-belas – Di atas pengiktirafan Perjanjian ini semua perjanjian yang terdahulu adalah terbatal dan tidak sah.

Dengan perjanjian ini negeri-negeri Perlis, Kedah dan Pulau Pinang tercantum menjadi sebuah negeri. Perjanjian ini telah diluluskan dan disahkan oleh Gabenor Jeneral yang bertugas dalam bulan November 1802.

Akhirnya Tunku Pengeran diiktiraf sebagai Sultan oleh Siam dan kepadanya dijanjikan pertolongan. Sebagai balasannya, Sultan yang baharu terpaksa mengakui pertuanan dan kesetiannya kepada Siam. Dalam bulan September 1803, Tunku Pengeran pulang ke Kedah. Ia diiringi 5,000 orang Siam. Oleh kerana itu dengan sendirinya, Tunku Dziauddin Pemangku Sultan Kedah turun daripada takhta Kerajaan Kedah. Bagaimanapun Tunku Dziauddin tetap menjadi pemerintah Kayang.

Tunku Dziauddin dengan isterinya Wan Tam mendapat tiga orang putera. Yang sulung bernama Tunku Sofiah timang-timangannya Tunku Tunjung dikahwinkan dengan Syed Abu Bakar atau Tuan Harun bin Syed Ahmad Jamalullail. Yang tengah bernama Tunku Yusof, mangkat di Melaka manakala yang bongsu bernama Tunku Muhammad mangkat semasa kecil.

Beberapa tahun berselang, Syed Harun Jamalullail⁶ dengan Tunku Sofiah masih belum mendapat putera atau puteri. Dengan kerana itu Tunku Sofiah merestui suaminya berkahwin lagi. Beliau mengesyorkan Puteri Dato' Johan, seorang menteri kanan ayahandanya. Nama puteri itu ialah Wan Fatimah timang-timangannya Wan Fatam. Cadangan itu dipersetujui oleh Syed Harun. Akhirnya peminangan pun dibuat dan perkahwinan pun dilangsungkan. Daripada perkahwinan itu mereka mendapat dua orang putera dan dua orang puteri. Mereka ialah Syed Husain, Syed Abdullah, Sharifah Aminah dan Sharifah Aishah. Akan Syed Husain itu kemudiannya dijadikan putera angkat Tunku Sofiah.

Tunku Dziauddin melantik menantunya Syed Harun menjadi Penghulu memerintah mukim Arau. Dalam pemerintahan Tunku Dziauddin di Kayang itu, sebuah istana telah didirikan. Kawasan kota itu terletak di atas tebing terusan yang telah dikorek. Ia dinamakan Kota Indera Kayangan Kedua. Beberapa keping pecahan tembikar telah dijumpai di situ. Dalam tahun 1815, Tunku Dziauddin mangkat. Almarhum dimakamkan di Langgar Kayang Kedua di Kampung Langgar, Mukim Kayang.

Dalam tahun 1825, Syed Harun Jamalullail mangkat di Arau lalu dimakamkan di Permakaman Diraja, Arau. Putera sulungnya Syed Husain Jamalullail menggantikan almarhum ayahandanya menjadi Penghulu Arau Ke-2.

⁶ Ahmad bin Ismail, "Kelopak Jantung PSMCK", Stensil mengenai 'Sejarah Negeri Perlis Indera Kayangan' November 1982 hlm. 7.

5

MARHUM MELAKA 1803—1843

Suatu istiadat gilang-gemilang dan penuh kebesaran telah diadakan di Kota Setar, ibu negeri Kedah Darulaman. Tarikh yang bersejarah itu ialah pada bulan Jamadilakhir 1219H (bulan September 1803) iaitu sempena pertabalan Tunku Pengeran menjadi Sultan Kedah Ke-21. Baginda bergelar Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah, bersemayam di Istana Kota Kuala Kedah. Adindanya Tunku Ibrahim (Putera Cik Bonda) dilantik menjadi Raja Muda. Ribuan rakyat berhimpun di hadapan Balai Besar menghadiri majlis membaca Al-Quran dan bertahlil serta jamuan besar yang berlangsung selama seminggu.

Tembakan meriam dilepaskan sebaik sahaja Tunku Pengeran ditabalkan menjadi raja disambut dengan laungan 'Daulat Tuanku' oleh rakyat yang membanjiri perkarangan Balai Besar. Hasil perkongsian hidup dengan isterinya Wan Fatimah baginda beroleh seorang putera, dinamakan Tunku Abdullah, manakala dengan isterinya Cik Arshid baginda mendapat seorang putera, namanya Tunku Zainal Rashid.

Selepas upacara tersebut, baginda menitahkan supaya ibu negeri dipindahkan dari Kota Setar¹ ke Kota Kuala Muda. Tujuan perpindahan itu ialah untuk mengelakkan ancaman serangan Siam. Baginda menitahkan Dato' Bendahara dan beberapa orang menteri supaya mengawal Kuala Kedah yang menjadi benteng utama untuk menghalang musuh.

Kota Kuala Muda menjadi sebuah pekan yang kaya dan makmur apabila cukai dikenakan ke atas barang-barang termasuk bijih yang dibawa masuk ke pedalaman sungai itu. Tindakan ini menambahkan kemakmuran Pulau Pinang dan merosotnya perniagaan di Kuala Kedah. Pada masa itu Kota Kuala Muda maju sebagai sebuah pelabuhan kecil tempat mengumpul bijih timah dari Kroh dan Baling.

Di sebalik kemewahan dan kekayaan ibu negeri itu baginda tidak sunyi menghadapi masalah perebutan kuasa di antara saudara-saudara baginda. Mereka menuntut perkongsian wang pajakan tahunan sebanyak 10,000 ringgit dari Syarikat Hindia Timur. Pen-

1 Diserahkan kepada seorang saudagar Culia, Baba Kunder untuk menjaganya dalam tahun 1804.



Gambar: Muzium Negeri Kedah
Pintu Gerbang Kota Kuala Muda.

cabar utamanya ialah Tunku Ibrahim dan Tunku Bisnu (Tunku Scraja Wang). Manakala pemberontakan Tunku Daud (Putera Cik Mas) telah dapat dipatahkan oleh Dato' Laksamana.

Dalam tahun 1805, baginda meminta pertolongan Inggeris mengawal saudara-saudaranya supaya kedudukannya lebih tenteram. Tindakan itu juga merupakan langkah berjaga-jaga jika Siam menyerang. Walau bagaimanapun, usaha ini gagal kerana Inggeris tidak mahu mengambil tanggungjawab itu. Bagi menyelesaikan masalah ini, Gabenor Singgora telah datang sendiri ke Kedah dalam bulan Januari 1808. Baginda kekal dengan pemerintahannya dan kepada Tunku Ibrahim iaitu Raja Muda, dikurniakan daerah Sungai Muda. Kepada Tunku Bisnu pula diserahkan daerah Setol dan terus tinggal di Mambang Segara, ibu daerah tersebut.

Pada zaman pemerintahannya, baginda menambahkan tangkai pada bunga emas dan bunga perak yang dihantar sebagai ufti kepada Raja Siam setelah baginda sendiri berangkat mengadap Raja Siam.

Alat yang lain seperti *semerap*² yang mengiringi bunga emas itu tidak berubah, sama seperti dahulu juga. Hanya bunga emas dan bunga perak serta lembing sepuluh rangkap itulah sahaja diperbuat sampak tembaga. Tetapi raja-raja dahulu berseret dengan benang sahaja.

Banyak emas yang ditempah untuk membuat bunga emas dan sampak tombak dua itu, berat emasnya tujuh ringgit. Bunga perak bersama dengan kedua sampak tombak itu beratnya dua belas ringgit. Lebihan daripada yang ditempah itu disumbangkan balik kepada Sultan.

Tinggi bunga emas dan bunga perak itu ialah satu hasta orang yang ugahari.³ Kayu yang menjadi tapak atau pangkalnya, apabila sudah dipeteri ialah sebesar empat jari lilit sementara hujungnya tiga jari lilit. Rantingnya tiga tingkat dan pada setiap tingkat tempat ranting itu dicacakkan bergelang belah kangkung.

Dalamnya berisi pandam sebesar rotan saga yang ugahari. Beradik-adik di dalam tiga gelang. Jadi tiga gelangnya tempat cacak ranting itu. Pada satu tingkat ada empat rantingnya dan tiap-tiap ranting itu ada dua puluh ditambah dengan candeknya. Kemudian dipeteri pada tengah ranting itu berselisih, maka jadilah bercabang tiga di hujung ranting itu. Jumlah ranting itu dua belas semuanya.

Setiap cabang mempunyai tiga helai daun. Buluhnya pun tiga lalu dicucuk seperti malai kemudian digantung di hujung ranting dengan tali pengarang bunga emas.

Dengan itu setiap ranting mengandungi sembilan helai daun dan sembilan buluh. Jumlah daun pada keseluruhannya ialah seratus lapan helai, demikianlah juga jumlah buluhnya. Daunnya yang di bawah sekali sebesar daun inai yang besar. Pada tingkat yang di tengah seperti daun inai yang ugahari. Pada tingkat yang di atas seperti daun inai yang kecil.

Panjangnya buluh-buluh itu sepanjang lebar ibu tangan orang yang ugahari. Yang di tengah seperti jari tengah dan yang di atas seperti lebar jari telunjuk. Besarnya semua buluh itu ialah seperti tulang daun kelapa.


Keseluruhan hujung ranting cabang itu berbunga lawang patah enam dan berkuntum. Besar bunga lawang itu sebesar yang asli tetapai ranting bunga lawang yang di bawah sekali besar sedikit, kira-kira dua jari hujung orang yang ugahari manakala yang di tengah itu kecil sedikit.

Setiap pangkal cabang ranting mengandungi daun sonak yang besar dan panjangnya seperti daun delima yang kecil. Daun sonak ini berjumlah dua belas helai semuanya.

Ranting dan candeknya diperbuat daripada dawai tembaga. Besarnya seperti tulang daun kelapa yang sebelah pangkalnya. Ia

2 Disbut juga *semerap* iaitu tepak sirih atau bekas sirih

3 Yang sederhana.



Gambar: Muzium Negeri Kedah
Bunga Emas sebagai ufti daripada Kerajaan Kedah kepada Kerajaan Siam yang dihantar tiap-tiap tiga tahun sekali.

dilit dengan perak yang telah dicanai nipis. Terdapat bunga lawang patah delapan yang besarnya tiga jari hujung orang yang ugahari.

Maka kedelapan hujung bunga lawang itu digantung pula daun sehelai yang bertakuk seperti daun keledak. Besarnya lebih sedikit daripada daun yang ada pada ranting yang di bawah sekali. Tiap-tiap satu buluh itu akan menjadi tali daun ini. Panjang buluh-buluh itu terpendik sedikit daripada buluh-buluh pada ranting yang di atas.

Panjang kemuncaknya ialah tiga jari hujung orang yang ugahari. Besarnya seperti pinang muda yang ugahari. Kuntum itu dipahat berkelopak rebung kesemuanya dan bunga lawang dikuris-kuris seperti urat daun kayu.

Jumlah daun dengan sonak dan yang tergantung pada bunga lawang kemuncak itu ialah seratus delapan helai. Jumlah bunga lawang kecil dan besar dengan yang di atas sekali ialah tiga puluh tujuh.

Jumlah kemuncak kuntum ranting dan kemuncak yang di atas ialah tiga puluh. Jumlah buluh ialah seratus enam belas, iaitu yang panjang dan pendek. Demikianlah sifat bunga emas dan bunga perak dipaparkan di sini sebagai gambarannya.

Dalam pemerintahan Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah, baginda menghadapi ujian akan kesetiiaannya kepada Siam. Hal ini ternyata sekali apabila berlaku pemberontakan di Patani. Siam meminta bantuan Kedah tetapi ditentang oleh menteri-menteri dan pembesar-pembesar negeri.

Satu masalah lagi ialah ancaman Bodawpaya (Raja Burma)⁴ putera Alaungphya yang membuat rancangan hendak menakluki Segenting Kra dan Kedah. Masalah menjadi semakin rumit apabila Tunku Bisnu cuba menjadikan dirinya calon yang ketiga menaiki takhta. Bersama-sama dengan Gabenor Singgora, dia pergi mengadap Raja Rama II (1809-1824) di Bangkok pada awal tahun 1810. Inilah caranya dia mula mengubah kedudukannya bagi mencapai cita-cita itu. Dia memberitahu ketidak-setiaan sultan yang cuba membuat pakatan dengan Burma.

Bagi menghadapi masalah ancaman Siam, sekali lagi baginda meminta perlindungan Inggeris. Baginda memutuskan iparnya Tunku Long Putih, Maharaja Lela dan Seri Paduka Tuan ke Pulau Pinang dalam bulan Mei 1810. Pemergian ini ialah untuk membuat rundingan dengan C. Bruce, Gabenor Pulau Pinang.

Inggeris bersikap tidak mahu campur tangan kerana mereka sedar bahawa pertelingkahan dengan Siam itu sangat merugikan. Lebih-lebih lagi pada saat-saat akhir ia sedang menghadapi masalah dengan Burma. Mahu tidak mahu, Kedah terpaksa menghantar bunga emas dan bunga perak. Di samping itu Kedah juga terpaksa menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan feudal termasuk juga tentera dan perbekalan makanan. Di sinilah puncanya yang menyebabkan kedudukan ekonomi dan politik negeri Kedah menjadi lemah pada ketika itu.

Dalam bulan September 1810, Siam telah meminta bantuan askar seramai 1,500 orang dan 100 buah perahu cukup dengan bekalan makanan untuk menyerang Thalang dalam negeri Burma. Dato' Bendahara berjaya menawan Thalang bagi pihak Siam dalam tahun itu juga.

Sepanjang pergolakan itu, Kedah sentiasa terdedah dengan bebanan Siam. Dari semasa ke semasa baginda Sultan Ahmad Tajuddin tidak berputus asa untuk mendapatkan bantuan Inggeris. Ketika itu dalam tahun 1811, Lord Minto singgah di Pulau Pinang. Sultan berusaha menemuinya tetapi gagal. Dengan hal demikian baginda terpaksa tunduk kepada Siam.

Semasa rombongan Kedah yang dipimpin oleh Dato' Bendahara dan Tunku Abdullah (putera baginda) mengadap Raja Rama II

4 D.G.E. Hall, "Sejarah Asia Tenggara" Edisi Pertama (Melayu) 1972 hlm. 550.

di Bangkok ditemani oleh Gabenor Nakhon Sri Thammarat di antara tahun 1812-1813, Kedah mengulangi pernyataan taat setia yang berterusan.

Siam memberitahu keinginannya hendak menyerang Perak. Dato' Bendahara lalu mengesyorkan kepada Raja Rama II, biarlah Kedah sahaja menyerang Perak bagi pihak Siam. Tindakan ini ialah untuk memelihara Kedah daripada dijadikan pangkalan askar Siam.

Dalam tahun 1814, baginda mengutuskan tiga orang pegawai tingginya ke Perak. Mereka ialah Seri Raja Wangsa, Seri Raja Diraja dan Raja Setia Lela. Tujuannya bagi memujuk Sultan Mansor supaya mengirimi bunga emas dan bunga perak ke Bangkok. Permohonan itu telah ditolak oleh Sultan Perak.

Dalam bulan November 1816, Sultan Kedah diperintah oleh Siam menyerang Perak. Angkatan Kedah dipimpin sendiri oleh Dato' Bendahara. Dalam bulan Disember tahun itu juga, mereka pun meninggalkan Kuala Kedah dengan 5,000 orang askar dan 200 buah perahu. Mereka bertemu dengan angkatan Dato' Lakamana di Kerian.

Setelah kedua-dua pihak bertembung maka berlakulah pertempuran. Perak telah berjaya ditakluki oleh Kedah hingga ke Kota Lama Kuala Kangsar dalam bulan September 1818. Meskipun Sultan Kedah berusaha bersungguh-sungguh untuk memelihara kedaulatan negerinya, namun ancaman dari Siam tidak juga berubah. Seramai 2,500 orang askar diminta untuk menghalau orang-orang Burma di Pulau Tongka. Dalam serangan itu Kedah menderita teruk. Ramai askarnya yang terkorban.

Pada hari Ahad 12 November 1821,⁵ berlangsung upacara perkahwinan anak Dato' Bendahara yang sulung, Wan Mek dengan Wan Muhammad Saman, anak Dato' Paduka Seri Maharaja Lakamana dalam Kota Kuala Kedah. Pada ketika itu, Kota Kuala Kedah dipertanggungjawabkan kepada Dato' Bendahara tanpa peraturan dan kuasa yang cukup.

Dalam upacara tersebut, Tunku Abdullah putera baginda dan Tunku Zamzam saudara baginda yang berkahwin dengan Tunku Long Putih dari Bengkalis, negeri Siak telah hadir mewakili Sultan. Ketika upacara berlimau kedua-dua pengantin itu dijalankan, rakyat Kedah bertemasya menyambut perayaan itu.


Dalam masa tersebut maka datanglah 100 buah perahu Siam cukup dengan askar-askarnya masuk berlabuh di Kuala Kedah. Mereka membuat helah cuma singah sementara hendak mengambil bekalan makanan untuk menyerang Burma tetapi telah menyerang Kedah, menyebabkan rakyat Kedah kelam-kabut kerana tindakan yang mengejut itu. Dato' Bendahara dan Tunku Zamzam tertawan dan dibawa ke Legor manakala Dato' Temenggung, Dato' Shah-

5 Wan Yahya bin Wan Muhammad Taib, "Salasilah atau Tarikh Kerajaan Negeri Kedah" Cetakan Kedua 1946H (1927M) hlm. 8-9.

bandar dan Dato' Laksamana serta sekalian pegawainya habis terbunuh.

Sebilangan daripada askar-askar Siam itu mudik ke Sungai Merbok. Pada ketika itu baginda sedang asyik menyaksikan rakyat jelatanya mengorek sebatang terusan menyambungkan Sungai Merbok dengan Sungai Kuala Muda. Pemerintahan negeri Kedah tidak sekukuh dahulu lagi. Akhirnya baginda diberi perlindungan oleh pengiring-pengiringnya ke Pulau Pinang mendapatkan adindanya Tunku Sulaiman.

Sebahagian lagi angkatan Siam itu menuju Pulau Langkawi. Mereka hendak merampasnya dan menjadikan pulau itu padang jarak padang tekukur. Manakala angkatan daratnya telah mara dan menawan bandar Kota Setar. Pihak Syarikat Hindia Timur berpendapat selagi Sultan Kedah di Pulau Pinang, keselamatan baginda tidak terjamin. Maka berangkatlah baginda dengan kapal kerajaan Pulau Pinang ke Melaka. Baginda bersemayam di dalam sebuah kampung di tepi laut kira-kira $\frac{3}{4}$ batu ke tenggara pelabuhan Melaka.



Dua pucuk meriam ini telah dijumpai di Sungai Merbok. Adalah dipercayai meriam-meriam ini digunakan semasa perang Siam-Kedah 1821-1842. Sekarang ini menjadi bahan sejarah di Muzium Negeri Kedah.

Orang tua-tua pandai menceritakan kisah Mahsuri kepada anak cucu mereka. Apabila ada orang-orang Legor khususnya dari Kampung Pulau ke Pulau Langkawi, lazimnya mereka memesan supaya membawa balik air dari Tasik Dayang Bunting. Kononnya air itu berkhasiat diminum oleh anak cucu mereka yang mandul.

Sebelum berakhirnya tahun 1821 itu sekurang-kurangnya dua kali Siam dari Legor menyerang Kedah secara besar-besaran. Pemerintah Legor marah kepada Langkawi bukan kerana keindahan dan kemasyhurannya tetapi kerana kedudukannya yang strategis.

Dalam satu serangan bulan Disember, angkatan tentera Siam telah mendapat bantuan dari Setol dan Langu. Angkatan itu tiba-tiba diserang oleh orang-orang Langkawi yang muncul dari celah-celah pulau yang tidak berpenghuni. Akibat serangan itu didapati ramai yang tidak dapat balik ke Setol dan Langu.

Semenjak Kedah di bawah penjajahan Siam, beberapa siri pemberontakan telah diatur oleh Sultan dan pemimpin-pemimpin Kedah. Namun demikian rancangan untuk menguasai Kedah semula gagal belaka. Kegagalan ini berpunca daripada beberapa faktor. Di antaranya ialah pemberontakan itu tidak terancang. Siam pula mendapat bantuan Inggeris dengan membuat kepungan di laut sebagai kemudahan laluan untuk menyerang Kedah. Selain itu berlakunya perpecahan di kalangan golongan atasan sendiri seperti tindakan Tunku Yaakob (Tunku Embom) yang berpangkat Raja Muda selepas Tunku Ibrahim. Dia telah memihak kepada Siam sambil itu membantu menyerang Kedah. Dengan itu bermakna kepentingan peribadi lebih diutamakan. Punca utama ialah kerana penolakan Sultan di atas permohonannya hendak menjadi pemerintah Perlis dan Setol. Sultan berhasrat mahu melantik Tunku Yusuf, putera Tunku Dziauddin yang telah mangkat dalam tahun 1815.

Sementara Tunku Yusuf dewasa, Kayang ditadbirkan oleh Dato' Seri Paduka Anggaraha Dewa, Maharaja Putera, Paduka Perba Wangsa, Dato' Bijaya Indera dan Kadi Kayang Sheikh Aminuddin.

Raja Rama II meninggal dunia pada 20 Julai 1824. Tempatnya digantikan oleh puteranya Phra Nang Klao bergelar Raja Rama III menjadi Raja Siam (1824-1851).

Dalam tahun 1826, Syed Zainal Abidin (timang-timangannya Tunku Kudin), Tunku Long Putih dan Tunku Sulaiman yang menjadi ipar dan adinda Sultan telah memimpin satu pemberontakan. Mereka telah membawa angkatan berperahu melanggar Kota Kuala Kedah, malangnya rancangan itu gagal dan mereka tewas.

Lima tahun berselang, satu serangan lagi telah dibuat oleh Tunku Kudin. Kali ini persiapannya lebih lengkap dan teratur. Kuala Kedah diserang. Ketika itu Gabenor Siam di Kota Kuala Kedah dapat dibalau keluar. Selama tiga bulan Tunku Kudin dapat menguasai negeri Kedah.

Kedah pada ketika itu di dalam keadaan berjaga-jaga. Chao Phya di Legor membawa bala tenteranya ikut jalan darat menyerang Kedah. Di lengkungnya Tunku Kudin dan orang-orangnya di Kota Kuala Kedah. Selama itu kota tersebut diletakkan sebagai kawasan larangan. Sesiapapun tidak dibenarkan masuk ke dalam kota. Makanan juga disekat selama lima bulan. Akibat itu, Tunku Kudin dan orang-orangnya terperangkap dan mati kelaparan di dalam kota.



Gambar : Tunku Rijaludin Mohamed
Bendera yang digunakan oleh Dato' Muhammad Ali untuk menahan Pulau Langkawai daripada serangan orang-orang Siam.

Ayat bahagian atas:—

“BISMILLAAHIR RAHMAANNIR RAHIM”.

Dengan nama Allah yang maha Pemurah lagi Maha Penyayang.

“INNA FATAHNA LAKAFATAM MUBI NA LIYAGHFIRA LAKKALAHU MA TAQADDAMA MIN ZAMBIKA WAMA TA AKH'AR WAYUTIM MANI' MATAHU 'ALAIKA WAYAH DIYKA SWIRA TZAL MUSTAQI MAN. WAYAN SYURAKALLAHU NASYRAN AZIZA”.

Bahawasanya, sunggupun kami telah buka bagi Engkau sebagai bukaan yang menyata (kemenangan), supaya mengampuni bagi Engkau Allah, barang yang kamu mendahulukan daripada kesalahan kamu, dan barang yang terkemudian (supaya kami mengampuni). Dan menyempurnakan nikmatnya di atas kamu dan memberi petunjuk pada kamu jalan yang lurus. Dan memberi pertolongan kepada kamu oleh Allah sebagai pertolongan yang sehabis cemerlang. Ayat bahagian tengah mengandungi perkataan Arab. Di bawahnya itu tulisan nombor Arab iaitu (112-4881-4-169-373). Maksudnya ialah kiraan nombor Abjad. Dan di bawah perkataan ini juga ada ditulis Sanah 1254.

Ayat bahagian bawah sekali dipetik daripada ayat Kursi:—

“WALA YAUDUHU HIFDZUHUMA WAHUWAL 'ALI YUL AAZIM”.

Dan tidak menyusahkannya memelihara keduanya dan ia amat tinggi dan amat mengetahui.

Pemberontakan yang lebih besar berlaku dalam bulan Julai 1838. Tunku Muhammad Saad telah melancarkan angkatan perangnya dari Kuala Merbok mara ke Trang sekaligus mengusir Siam dari bumi Kedah. Dengan mengambil masa yang lama juga baharulah Siam dapat diundur ke Singgora.

Tunku Muhammad Saad adalah anak saudara Sultan. Pernah menjadi tawanan Siam di Legor pada suatu ketika dahulu. Cuping telinganya masih berkerutu seperti kulit limau purut. Itulah kesan dicucuk dengan rotan saga beliau dibantu oleh Tunku Muhammad Akib yang juga anak saudara Sultan. Mereka merancang segala-galanya dengan penuh teliti. Tunku Abdullah putera sulung Sultan dilantik menjadi Ketua Jemaah Panglima Perang. Satu angkatan laut yang berdisiplin diwujudkan di bawah pimpinan Laksamananya, Dato' Muhammad Ali bin Dato' Kama Jaya yang bergelar Dato' Setia Segara dari Pulau Langkawi.

Syarikat Hindia Timur secara langsung telah menghantar kapal perang 'Hyacinth' mengawal Kuala Kedah. Tujuannya bukan untuk kepentingan perjanjian Inggeris-Kedah tetapi untuk kemudahan angkatan Siam melancarkan serangan ke atas Kedah. Setelah berlaku pertempuran, Kota Kuala Kedah telah dapat ditawan dan dikuasai oleh Siam.

Tunku Muhammad Saad dan orang-orangnya yang tinggal lalu berundur ke Pulau Pinang. Kisahnya tidak sunyi setakat itu sahaja. Dia diadukan oleh pihak Inggeris dikatakan menyerang Kedah secara merompak. Perbicaraan itu dijalankan di mahkamah Pulau Pinang. Keputusannya kes itu dibuang bicara.

Setelah itu Dato' Muhammad Ali diutuskan oleh Tunku Muhammad Saad ke Batu Bara untuk beberapa lama. Utusan ini untuk melengkapkan sebuah angkatan laut yang besar mengandungi beratus-ratus buah perahu besar dan perahu panjang. Ia dibantu oleh Panglima Muhammad Taib Hitam.

Kali ini orang-orang Melayu melancarkan perjuangan akhir. Dari Aceh ke Sumatera, dari Patani dan Perak, dari Pulau Pinang dan Langkawi termasuk dari tanah yang terjajah Setol, Trang, Kedah dan Perlis. Mereka turut memberi sokongan simpati moral dan bantuan tenaga. Simpati ini menunjukkan semangat jihad dan sabil kepada saudara yang seagama dengan mereka.

Angkatan laut Tunku Muhammad Saad bermalam di Pulau Empat Beradik. Pulau-pulau itu ialah Pulau Bunting, Pulau Telur, Pulau Songsong dan Pulau Bidan. Sewaktu mereka sedang tidur nyenyak, angkatan yang berteduh di Pulau Songsong dan Pulau Bidan telah diserang oleh sebuah angkatan laut kecil pihak Siam.

Seorang panglima yang perkasa berasal dari Selibis, namanya Panglima Yu mengepalai angkatan itu, lalu bertemu muka dengan Dato' Muhammad Ali Setia Segara di pantai Pulau Songsong. Mereka berdua telah beradu kekuatan dan kesaktian. Masing-masing menggunakan tipu muslihat ilmu peperangan, ilmu sihir dan sebagainya.

Seorang lagi hulubalang Siam bernama Barim, namanya yang sebenar ialah Ibrahim. Orangnya gagah dan berani tetapi dia telah tersasul masuk menyebelahi pihak Siam. Kehandalannya sukar ditandingi. Ia boleh melontar lembing batang pendek dari perahunya sejauh lima puluh ela. Kemudian lembing itu tepat menemui sasaran di tengah-tengah belakang perwira Melayu. Ramai pejuang Melayu yang sedang berehat pada malam itu menemui ajal di Pulau Songsong dan Pulau Bidan.

Pertarungan sengit di antara Panglima Yu dengan Dato' Muhammad Ali masih berlaku lagi. Habis senjata di badan telah dipergunakan sehingga ia terpaksa menggunakan kayu-kayu kapal untuk membelasah Dato' Muhammad Ali. Entah bagaimana, ia tergelincir lalu jatuh ke laut tetapi cepat-cepat ia melonjak naik ke atas perahunya.

Melihatkan itu, oleh Dato' Muhammad Ali dicapainya sebatang lembing panjang lalu ditikamnya paha Panglima Yu. Manakala lembing sesat di tangannya menembusi paha musuhnya. Lantas Panglima Yu bertempik memerintah anak buahnya melarikan diri ke tanah besar Kuala Sala.

Dengan tidak berlengah-lengah lagi angkatan Tunku Muhammad Saad mengejar mereka. Panglima Yu mengarahkan orang-orangnya berkayuh habis-habisan di dalam suasana gelap malam itu. Jadi tidaklah sempat siapa pun menangkap mereka. Dari situ mereka terus sampai ke Bukit Pinang. Apabila hari siang, baharulah Bukit Pinang dapat dikepung. Panglima Yu dan orang-orangnya ditangkap. Kemudian mereka dibawa ke Pulau Songsong.

Askar-askar Siam di Kuala Kedah dan di tempat-tempat lain juga tidak sedikit pun memberi perhatian. Mereka menganggap drama kejar mengejar itu berlaku di antara sesama orang Melayu sahaja. Bukan untuk membela kepentingan Siam.

Setibanya di Pulau Songsong, Panglima Yu dan pengikut-pengikutnya cuba hendak melawan. Dengan sebab itu mereka terpaksa diikat kecuali Panglima Yu sahaja tidak dapat dibuat demikian. Ia sangat kuat dan tangkas. Ketika itulah kelihatan pahunya mengalir darah hingga ke tumit. Mukanya bengis memandang orang yang menundukkannya. Di dalam kelam-kabut itulah, beberapa orang pengikutnya telah terlepas lari. Mereka menaiki perahu masing-masing lalu melarikan diri.

Tunku Muhammad Saad terpaksa mengeluarkan hukuman supaya pengkhianat-pengkhianat negara dibunuh sahaja. Bagaimanapun ramai orang Melayu yang setia telah terkorban. Mereka telah dibunuh curi oleh orang-orang Panglima Yu sewaktu mereka sedang tidur.

Suatu keanehan berlaku, Panglima Yu tidak dapat dipengapakan. Kulitnya keras dan tulangnya sasa seperti besi. Hanya lembing sesat sahaja yang dapat melakukannya. Menurut petua guru, orang yang kahar seperti itu jika dipaksa menjilat besi panas baharulah dapat dilemahkan. Itulah sahaja sumpahan yang berkesan kepadanya.

Setelah itu Tunku Muhammad Saad mengeluarkan arahan, "Ambilkan sekeping mata cangkul, bakar sehingga merah. Kemudian paksa Panglima Yu menjilatnya." Apabila arahan itu dibuat, apa lagi manakala tercecah sahaja besi panas itu ke lidahnya, meraunglah ia kerana kesakitan yang amat sangat.

Sebelum tindakan itu dilakukan, Panglima Yu sudah tahu kelemahannya. Lalu ia pun segera meminta kasihan kepada Tunku Muhammad Saad seraya katanya, "Mulai hari ini, aku bertaubat, aku bertaubat tidak mahu menyebelahi Siam lagi." Tetapi sudah terlewat, pintu taubat untuknya telah tertutup rapat. Ia telah pergi dahulu, pergi yang tidak akan kembali.

Akan hal Panglima Barim, ia terbunuh lebih awal daripada Panglima Yu. Kubur mereka berdua dikatakan ada di pinggang Pulau Songsong. Diatur bersama-sama dengan kesatria-kesatria lain yang beragama Islam. Ada pun yang terkorban itu terdiri daripada mangsa-mangsa perbuatan mereka.

Ekoran daripada pemberontakan itu, Gabenor Pulau Pinang mengeluarkan pengisytiharan kepada orang-orang Melayu supaya jangan mencebur diri dengan kegiatan-kegiatan menentang Siam. Orang-orang yang menarik diri akan diberi pengampunan oleh Kerajaan Pulau Pinang.

Sungguhpun Kapten Stanley dengan Kapal Wolfnya diarah membantu Siam, jika ada orang-orang Melayu yang cuba merebut Kota Kuala Kedah, namun Stanley sudah terlambat. Ketika ia sampai di Kuala Kedah, kota ini telah pun diduduki oleh orang-

orang Melayu semenjak 2 Ogos 1838 lagi. Pertahanannya telah dikawal kuat oleh Penghulu Kota Syed Hussain.

Kemudian Kapten Warren, Laksamana kapal perang Inggeris dengan Kapal Hyacinth yang dipanggil oleh orang-orang Melayu 'Hai Seng' dibantu Kapal-kapal Victor, Diana, Diamond, Pearl dan Emerald meronda dari Pulau Pinang ke Setol tiap-tiap hari.

Ia menemui Ketua-ketua Melayu di Kota Kuala Kedah dan memujuk mereka menyerah negeri Kedah kembali kepada Siam. Tunku Abdullah, Tunku Muhammad Saad, Tunku Muhammad Akib, Panglima Muhammad Taib Hitam dan Dato'-dato' yang lain menerima Kapten Warren dengan baik tetapi bukanlah bermakna menerima tawaran Inggeris yang terang-terang menyebelahi Siam.

Pada suatu ketika yang lain, Warren telah berlabuh di luar teluk yang cantik di Trang lalu berdayung ke pangkalan dan dilihatnya satu kawasan yang berpagar batang-batang nibung terikat kemas dengan rotan. Di dalam teluk itu terkumpul sekurang-kurangnya lima puluh buah perahu orang Melayu. Tiap-tiap sebuah perahu itu boleh muat dua puluh lima hingga lima puluh orang askar. Perahu-perahu itu dilengkapi dengan lela rentaka iaitu meriam-meriam kecil yang boleh dipusing dan meriam-meriam katak.

Apabila sampai di situ, Warren terkejut kerana disambut oleh satu barisan kehormatan. Mereka terdiri daripada seratus orang askar laut yang berkeris dan berlembing. Dato' Muhammad Ali Setia Segara menanti di balai dengan senyum yang penuh bermakna.

Perbualan ringkas antara dua orang Laksamana Laut itu berakhir dengan cabar mencabar. Warren menuduh Dato' Muhammad Ali menjadi lanun manakala Dato' Muhammad Ali pula menuduh Warren sebagai sahabat yang tidak mengengang budi.

Bagaimanapun Warren telah dibenarkan meletak kertas-kertas kenyataan pada pokok-pokok kelapa. Kenyataan itu memberitahu orang-orang Melayu supaya jangan menentang Siam. Jika berbuat demikian mereka akan dihukum sebagai lanun.

Dato' Muhammad Ali menegaskan bahawa beliau berani mengasapi seluruh badan Warren dan Kapal Hai Seng dengan kemian, kiranya ada sekerat Melayu yang ingin balik ke Pulau Pinang kerana enggan menebus kembali tanahair mereka. Warren pula mendesak Dato' Muhammad Ali, mengeluarkan perahu-perahu dari dalam teluk itu ke laut terbuka supaya mereka boleh beradu kekuatan di sana. Dato' Muhammad Ali mencabar Warren supaya Kapal Hai Seng mudik ke dalam teluk baharulah tahu langit tinggi rendah.

Ia memberitahu Warren lagi yang orang-orang Melayu telah berjaya mengusir Siam di mana sahaja. Jikalau dengan tidak gangguan Inggeris sudah tentu Siam dapat diusir dari bumi Melayu lebih lama dahulu lagi. Dato' Muhammad Ali menyeru Warren mempengaruhi Inggeris supaya mengubah sikap mereka menyebelahi orang-orang Melayu yang berjuang menuntut hak dan menegakkan kebenaran.

Warren bangun berkali-kali untuk meluahkan sesuatu kepada jurubahasanya dan berkata, "Suatu hari kita ajar dia. "Lalu naik balik ke kapalnnya. Warren berkeyakinan penuh, dia dapat mengajar Dato' Muhammad Ali kerana pengiring-pengiring Kapal Hyacinth semuanya handal. Yang paling terkenal ialah Kapal Diana. Bagaimanapun Dato' Muhammad Ali tidak mahu mengukur kekuatannya dengan kekuatan Inggeris. Dia tidak ingin berseteru dengan Syarikat Hindia Timur yang besar kuasanya.

Pada masa itu angkatan darat Siam diketuai oleh anak Raja Legor sendiri iaitu Phya Sina Nonchit bermarkas di Alor Ganu. Menurut pendapat Tunku Anum tidak akan berkesudahan jadinya dengan peristiwa pertempuran itu. Ia pun menjalankan ikhtiar menemui Pemerintah Angkatan Darat Siam di Alor Ganu berpura-pura sebagai puak kiri menyokong Siam. Sambil itu ia meminta 'Surat Sokongan' daripada anak Raja Legor. Mendengar itu terlalu sangat sukacita Phya Sina Nonchit menerima tawaran Tunku Anum dan di dalam suratnya itu ia memuji-muji langkah bijak Tunku Anum.

Menurut sejarah setelah itu Tunku Anum berangkat ke Legor. Apabila tiba di sana ia menceritakan keburukan pemerintahan Kedah kepada Raja Legor seolah-olah dia tidak suka tinggal di Kedah lagi, yang sebenarnya itu adalah satu taktik belaka.


Sebelum Tunku Anum meninggalkan Kedah, ia telah sempat menyaksikan panglima-panglima dan orang-orang Kedah yang mati kerana menentang Siam. Pertempuran yang membabi-butakan itu tidak akan memberi faedah kepada orang-orang Kedah.

Bagaimanapun, sebagai seorang perwira, musuh tetap dianggap musuh. Mereka pasti ditentang walau dengan apa cara sekalipun. Sebab itu Tunku Anum telah membuat kubu yang menjadi benteng angkatan Kedah apabila diserang. Seramai empat puluh orang dato' panglima dan orang-orang harapan handalan telah dipilih menjadi barisan pengempur. Manakala yang lainnya berdiri teguh di belakang pucuk pimpinan dan sedia memberi pengorbanan jiwa raga demi untuk mempertahankan bumi Kedah.

Latihan secara gerila telah diadakan di dalam Gua Kerbau, Bukit Kapelu, Kodiang. Mereka semuanya berikrar taat setia dan tidak akan membocorkan rahsia. Tunku Anum sentiasa memberi semangat dan perangsang kepada anak buahnya supaya pada suatu hari nanti Kedah akan pulang ke pangkuan sejati.

Dengan tindakan yang dilakukan itu, pertahanan Raja Legor telah menjadi lemah tetapi dia tidak memikirkan yang orang-orang Kedah masih kuat. Lantas dia mengajak Tunku Anum berunding, sambil itu mempelawa mewakilinya menjadi ketua di Kedah. Tujuannya ialah untuk mententeramkan suasana keruh yang sering terjadi.

Bagi Tunku Anum, ia menolak pelawaan itu kerana matlamat asalnya belum tercapai. Tunku Anum berpura-pura tidak mahu menerima tawaran balik ke Kedah. Ia takut apabila balik nanti



Gambar: Muzium Negeri Kedah
Gua Kerbau di Bukit Kapelu.

orang-orang Kedah akan membunuhnya. Semenjak itu berkali-kali Chao Phya Nakhon Sri Thammarat memujuk dan mendesaknya, namun hasratnya tidak berubah.

Selang sepumama, Chao Phya telah menerima aduan lagi daripada anaknya di Alor Genu. Laporan itu menjelaskan kesukaran memerintah negeri Kedah bertambah buruk. Kemungkinan keadaan itu semakin membimbangkan. Oleh itu bala bantuan hendaklah dikirimkan segera supaya serangan yang tidak mengenal batasan dapat dilakukan.

Chao Phya tidak menunaikan permohonan anaknya. Sebaliknya ia mengutuskan sepucuk surat rasmi kepada Tunku Anum. Antara lain kandungan surat itu menyatakan yang pihak Kerajaan Siam tidak akan campur tangan hal ehwal dalam negeri Kedah.

Bagaimanapun sebagai tanda muhibah yang tidak berkeputusan mengikut adat istiadat raja-raja dahulu ufti bunga emas dan bunga perak tiap-tiap tiga tahun sekali diteruskan. Di samping itu semua orang tawanan Kedah yang berada di Legor akan dibebaskan dan diserahkan kepadanya sebagai pembantu-pembantu apabila pulang ke Kedah.

Setelah mandat itu diperolehi, maka kembalilah Tunku Anum dengan diiringi orang-orangnya. Kepulangannya itu disambut secara besar-besaran dengan penuh kehormatan dan sanjungan daripada seluruh rakyat Kedah di Istana Anak Bukit.

Sambutan itu dibuat kerana memperingati jasanya sebagai seorang perwira yang telah berbakti kepada negerinya iaitu mengembalikan kedaulatan yang diidam-idamkan semenjak bertahun-tahun lamanya. Tunku Anum yang baharu pulang itu merupakan orang yang paling berkuasa di Kedah. Jika ia mahu menjadi Sultan Kedah pada masa itu memang sudah boleh tetapi bukanlah itu tujuannya.

Berita kepulangannya segera dipersembahkan kepada Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah yang sedang bersemayam di Melaka. Bagaimanapun Tunku Anum tetap berkuasa hingga saat keberangkatan pulang rajanya. Sementara itu Tunku Anum menyusun semula pentadbiran negeri Kedah. Putera Sultan, Tunku Zainal Rashid, timang-timangannya. Tunku Daii sahaja berangkat pulang ke Kedah mewakili paduka ayahandanya. Ia ditabalkan menjadi Pemangku Sultan.

Dalam tahun 1842, Sultan Ahmad Tajuddin telah menyedari keupayaan Tunku Anum. Lalu baginda mengutus puteranya Tunku Zainal Rashid bersama dengan Tunku Anum ke Bangkok. Mereka mengadap Phra Nang Klao, Raja Rama III (1824-1851)) untuk mengadakan rundingan.

Akhirnya suatu perjanjian telah dibuat mengenai penyerahan balik negeri Kedah. Kandungan perjanjian itu ialah penghantaran bunga emas dan bunga perak tiap-tiap tiga tahun sekali dan negeri Kedah di bawah naungan Kerajaan Siam. Perjanjian itu ditandatangani oleh Tunku Zainal Rashid bagi pihak Sultan Kedah.

Penyerahan rasmi negeri Kedah itu telah dilakukan oleh Pegawai dari Kerajaan Siam. Setelah itu Tunku Anum sendiri memohon limpah perkenan Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah berangkat pulang ke Kedah. Pada masa itu baginda singgah berehat di Pulau Pinang dan bersemayam di Istana Kota Kuala Muda. Seterusnya baginda pun berangkat pulang ke Kota Setar sekaligus menaiki takhta Kerajaan Negeri Kedah yang telah ditinggalkan selama 18 tahun semenjak tahun 1825.

Atas perkhidmatan cemerlang yang telah melepaskan Kedah dari belunggu Siam dan berkerajaan sendiri dalam tahun 1824, pemerintahan Kedah diperkecilkan. Kepada Tunku Anum baginda menganugerahkan dua puluh empat buah mukim dan melantiknya sebagai Raja Kubang Pasu yang berpusat di Pulau Pisang. Syed Hussein Jamalullail memerintah Perlis berpusat di Arau. Tunku Bisnu (Tunku Seraja Wang) memerintah Setol berpusat di Mambang Segara.

Menurut Salasilah atau Tarikh Kerajaan Kedah, adapun perenggan atau sempadan Kubang Pasu itu ialah di antara tebing Sungai Kedah sebelah utara dari Kuala Sungai Alor Madi sampailah ke Hulu Sungai Padang Terap, dari Kuala Alor Madi ke utara melalui jalan sungai menuju ke Perlis sehinggalah sampai ke sebuah tempat yang bertumpu dengan negeri Perlis. Tempat itu ialah Kurung Anai yang sekarang ini dalam mukim Jelempok.

Kedah terpaksa terus mengaku pertuanan Siam tetapi dapat menikmati kebebasan menguruskan hal chwalnya sendiri. Sebagai hukuman orang yang menderhaka kepada Sultan, baginda telah memerintahkan Dato' Temenggung Anggota Desa, menggali semula kubur dan mayat Tunku Yaakob (Tunku Embom) di Permakaman Langgar, kemudian dikuburkan di luar kawasan makam itu.

Dalam penyusunan semula pentadbiran negeri Kedah, Sultan Ahmad Tajuddin melantik datuk kepada Wan Muhammad Saman menjadi Dato' Seri Paduka Raja Laksamana dan bapanya Wan Ismail menjadi pembantu kepada Dato' Laksamana.

Setelah itu, Dato' Seri Paduka Raja Laksamana, Tunku Anum Paduka Raja Jambangan dan pembesar-pembesar negeri lain menjunjung titah menjalankan tugas masing-masing. Peranan utama mereka ialah menguatkan hubungan diplomatik dengan Kerajaan Siam di Bangkok dan Kerajaan Inggeris di Pulau Pinang.

Selang tidak berapa lama baginda memerintah, dalam bulan Rabiulawal 1259 (bulan April 1843) Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah pun mangkat. Almarhum dimakamkan di Permakaman Langgar bergelar 'Marhum Melaka'. Tunku Zainal Rashid putera almarhum ditabalkan menjadi Sultan Kedah Ke-22 bergelar Sultan Zainal Rashid Al-Muadzam Shah I. Baginda menjalankan pentadbiran dengan dibantu oleh Tunku Anum dan pembesar-pembesar lainnya.

Sebagai Raja Kubang Pasu, Tunku Anum memerintahkan rakyatnya membina sebuah kota parit dan pekan pesara di Pulau Pisang, pusat pemerintahan Kubang Pasu. Maka wujudlah Kerajaan Kubang Pasu dengan adil saksamanya. Ramailah orang datang berniaga di pekan pesara itu.

Tunku Anum membuka sebuah perusahaan kain pada satu tempat yang akhirnya tempat itu dikenali sebagai Kampung Pulau Ka-in (Kain). Manakala di sebuah tempat yang lain dibina pula penjara khusus untuk orang-orang salah. Kemudiannya tempat ini dipanggil Kampung Penjara.



Gambar: Muzium Negeri Kedah
Di sinilah letaknya Kampung Penjara pada zaman Tunku Anum.



Gambar: Muzium Negeri Kedah
Inilah kesan Sungai Tunku Anum yang dijadikan taliair untuk persawahan.

Sebatang sungai yang mengalir dari Kampung Pulau Pisang menghala utara-selatan telah dikorek semasa Kubang Pasu di dalam pemerintahannya. Gunanya bagi memudahkan perhubungan. Sungai Tunku Anum digunakan selain daripada jalan denai untuk gajah-gajah. Kesan sungai itu boleh dilihat pada masa ini.

Penduduk-penduduk Kampung Raja Pulau Pisang khasnya dan Kubang Pasu juga Kedah amnya tentu masih terbayang kenangan lama, sewaktu Tunku Anum memerintah selama 17 tahun hingga mangkatnya pada 22 Syaaban 1269 (31 Mei 1853).

Semasa Tunku Anum menjadi Raja Kubang Pasu, pembantu-pembantunya yang lain terdiri daripada anaknya sendiri, Tunku Muhammad bergelar Tunku Seri Paduka Raja. Sepupunya Tunku Su dilantik menjadi Tunku Paduka Raja Temenggung Anggota Desa. Manakala menantunya dengan Tunku Midah sebagai Tunku Seri Paduka Maha Menteri.

Dari semenjak itu, Raja Siam tidak lagi berlaku kasar terhadap negeri Kedah. Perhubungan yang aman mesra dierat kuat oleh ikatan peribadi keluarga Diraja Kedah dengan keluarga Diraja Siam. Persembahan bunga emas dan bunga perak ke Bangkok, dibalas dengan bingkisan-bingkisan yang tidak kurang nilainya kepada Sultan Kedah. Maharaja Mongkut, Rama IV iaitu saudara kepada Rama III (1851-1868) dan Maharaja Chulalongkorn, Rama V iaitu putera Rama IV (1868-1910) memandang putera-putera Sultan Kedah seperti anak-anak mereka sendiri.

Oleh kerana putera Tunku Anum yang bernama Tunku Muhammad mangkat pada 2 Rabiulakhir 1264 (tahun 1847M), maka cucunda Tunku Anum iaitu Tunku Ishak diangkat oleh Sultan Kedah menggantinya sebagai Raja Kubang Pasu. Ia dibantu pula oleh sepupunya Tunku Muhammad Saman iaitu putera Tunku Midah menjadi Raja Muda Kubang Pasu.


Dalam pemerintahan itu, Tunku Ishak ini tidak digemari oleh para menteri dan pembesar-pembesar lainnya. Ia dikatakan bengis dan suka memukul rakyat. Dengan hal yang demikian Kubang Pasu menjadi retak di sana sini. Sungguhpun lebih kurang sepuluh tahun ia menjadi raja di situ, rakyat tidak memberi sokongan kepadanya. Akhirnya Tunku Ishak terpaksa menyerahkan Kubang Pasu kepada Sultan Kedah kembali.

Walaupun negeri Kubang Pasu sudah tiada lagi dan ia menjadi sebuah daerah sahaja pada masa ini namun nama Tunku Anum tidak patut dilupakan. Jasanya kepada sultan dan rakyat amat besar. Masa yang diambil oleh Tunku Anum memperhambakan dirinya kepada Raja Legor itu bukanlah sehari dua tetapi bertahun-tahun lamanya.

Dia seorang yang sabar dan tabah. Dia bijak dan berani dan dialah yang telah berjaya mengembalikan hak ketuanan Kedah kepada sultannya. Baginda Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah

sendiri mengakui jasa-jasanya. Baginda mahu jasanya dikenang oleh sekalian anak cucunya dan rakyat Kedah umumnya hingga ke akhir zaman.

Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebidang tanah senjuru luasnya untuk makam almarhum Tuk Raja, di Langgar Kampung Raja, Pulau Pisang. Setakat ini di dalamnya terdapat sebuah makam yang berturap simen. Luasnya kira-kira 12' X 10' dan berpagar di sekeliling makam itu serta dinaungi oleh seponon halban. Berdekatan dengan makam itu terdapat tiga pasang batu nisan dipercayai makam keluarganya yang terdekat ataupun anaknya. Kawasan makam itu lebih dikenali dengan nama 'Makam Tuk Raja, Tunku Anum Paduka Raja Jambangan'.



Gambar: Tunku Rijaludin Mohamed
 Inilah sepucuk geran tanah yang tertulis kira-kira dalam tahun 1850 Masihi zaman Tunku Anum menjadi Raja Kubang Pasu di Pulau Pisang.

Terjemahan tulisan Jawi yang terdapat di dalam surat geran tanah zaman almarhum Tunku Anum Paduka Raja Jambangan ini ditulis kira-kira dalam tahun 1850 Masihi adalah seperti berikut:—

Benar surat ini perak sepuluh kupang⁶ harga tanah yang tersebut sudah kami terima.

Min Hadratun-Nabi Salallahu 'Alaihi Wa-salaam⁷ scribu dua ratus enam puluh enam tahun dal awal pada sebelas haribulan Ramadan hari Sabtu zaman Hadrat Maulana Raja Anum Yang Maha Mulia baginda semayam di Takhta Kerajaan Bandar Pulau Pisang memerintah negeri Kubang Pasu Darulqiam.⁸

Bermula pada ketika itu menyatakan mari Ali anak saudara Lebai Din berdatang sembah maklum pada Kebawah Tapak Cerpu Duli Tuk Raja⁹ Yang Maha Mulia memohonkan beli tanah bendang di dalam daerah mukim Malau nama Padang Perupuk.

Sifat kedudukan melentang matahari kepala selatan tertumpu Bandar Korok kaki utara tertumpu Kampung Wan Ngah dan rusuk matahari naik seperenggan tanah Tuk Kari dan rusuk matahari jatuh seperenggan tanah Mek Eran yang jadi milik raja.

Maka asal tanah bendang itu tanah Tuk Ku Mat Tambang maka diberi tuha¹⁰ muda di dalam mukim Malau siasat sukat iaitu Penghulu Masjid Hamid dan Imam Mael¹¹ dan Khatib Muhammad Ali disukatnya dengan jemba yang teradat panjang tengah enam hasta orang yang sederhana.

Maka longkang kepala sebelah selatan dua puluh tiga jemba dan longkang kaki sebelah utara dua puluh delapan jemba dan lanjutnya tujuh puluh delapan jemba. Dikira-kira tanah bendang itu jumlah jadi lebih kurang sedikit tengah lima relong.

Maka Ali ini pun jadi anak tiri Tuk Ku Mat masa Tuk Ku itu kira membeli tanah bersama emaknya Ali ini. Kepada adatnya tanah bendang itu jadi syarikat dengan emaknya Ali, patutlah ia mewarisi membeli. Maka telah Duli Yang Maha Mulia ampun kurnia membenar beri tanah bendang itu.

Maka inilah kurnia titah Duli Yang Maha Mulia suruh Hakim perbuat surat serta terpalu titah meterai Duli Yang Maha Mulia di kepala sijil ini serahberi akan Ali. Maka akan tanah bendang yang tersebut ini khabd¹² jadi milik dirinya turun pusaka sampai kepada anak cucunya.

6 Bersamaan 100 duit iaitu seringgit.

7 Surat-surat beradat zaman dahulu yang digunakan oleh Sultan-sultan Kedah disulami awal dan akhirnya dengan bahasa Arab. Maksudnya lebih kurang, "Segala puji-pujian daripada Nabi S.A.W."

8 Negeri Yang Berdiri Teguh.

9 Tunku Anum Paduka Raja Jambangan 1809-1853.

10 Tua misalnya ketuha (ketua).

11 Diringkaskan daripada Ismail.

12 Dari perkataan Jawi 'khaf ba dzud'

Demikianlah adanya maka tatkala diperintah perbuat surat ini saksi Tuan Penghulu barang yang hadir menurunkan khat cap¹³ pada sijil ini. Maka inilah akan shahidu sawakafa billahi 'alima wa kutubih mat-taan tahiyal-kalam.¹⁴



Gambar: Muzium Negeri Kedah
*Makam Tunku Anum Paduka Raja Jambangan di Kampung Raja,
Pulau Pisang.*

¹³ Cap Mohor Kerajaan.

¹⁴ Maksudnya lebih kurang bagi mengakhiri surat itu, "Bersaksi dengan nama Allah yang sangat mengetahui dan segala kitab-kitabnya disudahi dengan madah kesejahteraan."

6

PANGLIMA BUSU DAN LAWATAN LOGAN KE KEDAH

Ini adalah satu sejarah mengenai bangsa dan negara kita iaitu sejarah zaman dahulu. Mudah-mudahan segala jasa-jasa yang telah disumbang oleh pahlawan-pahlawan kita itu dapat menjadi renungan dan contoh teladan bagi kita yang masih hidup hari ini dan anak-anak cucu kita yang akan datang.

Setelah terjadinya peperangan antara orang-orang Siam dengan orang-orang Kedah, sekalian panglima-panglima pun dikerah oleh Sultan Kedah untuk menahan serangan Siam. Masing-masing diberi tugas untuk mengawal istana, wilayah dan kampung.

Demikianlah terjadinya kepada Panglima Busu¹ seorang Dato' Panglima yang terkenal gagah di tempat itu. Dia dilantik menjadi penolong kepada panglima tua. Dengan ini bermakna dia tidak boleh melakukan sesuatu perkara bersendirian tanpa mendapat kebenaran terlebih dahulu dari Panglima Tua.

Dalam masa tersebut serangan Siam makin menjadi-jadi. Orang Siam merompak dan membunuh. Mereka tidak ada perasaan belas kasihan, sekalipun kanak-kanak di dalam buaian.

Pada suatu malam, Dato' Panglima Busu datang mengunjungi kerumah Dato' Panglima Tua. Niatnya untuk mengadakan perbincangan cara-cara mengadakan pakatan bagi menahan serangan orang-orang Siam yang semakin hampir.

Di dalam perundingan itu, segala rancangan Dato' Panglima Busu dibangkang oleh Dato' Panglima Tua. Di sini persengketaan terjadi hingga masing-masing menghunuskan keris, tetapi kembali tenang.

Menurut fikiran Dato' Panglima Tua, lebih baik menyerah diri daripada berperang dengan orang-orang Siam itu kerana katanya, "Kalau kita perang sekalipun kita akan kalah". Dato' Panglima Busu tidak bersetuju, Bahkan ia berazam untuk memerangi orang-orang Siam itu. Ia rela berputih tulang daripada hidup berputih mata,² apatah lagi untuk belot³ kepada raja, bangsa, tanahair dan agama.

1 Kalam Al-Mahmudi "Dato' Panglima Busu" dalam PGMK 5 tahun (Jawi) 1951 hlm. 107-109.

2 Daripada berharap-harap biarlah mati.

3 Menolong pihak musuh.

Menurut rahsia-rahsia yang didapati dan didengarnya bahawa sudah nyata Dato' Panglima Tua akan menyebelahi orang-orang Siam. Dengan beberapa orang yang setia kepadanya, dia mulai mengatur langkah-langkah perang. Peperangan yang hebat telah terjadi, akhirnya angkatan Panglima Busu terpaksa mengundurkan diri, disebabkan angkatan Siam lebih ramai tambahan pula Dato' Panglima Tua telah menyebelahi Siam.

Pengunduran mereka tidak dapat diteruskan kerana orang-orang Siam telah berada di hadapan. Bila sampai masanya yang baik angkatan Dato' Panglima Busu pun menuju arah ke selatan dengan menanggung azab sengsara. Sambil memberi selamat tinggal kepada tempat tumpah darahnya wilayah Setol yang dicintai.

Lebih kurang tiga bulan lamanya mereka menderita di dalam perjalanan itu. Mereka telah menyaksikan beberapa perkara yang menyedihkan seperti tangisan kanak-kanak yang sedang menyusu kepada ibunya yang terbaring meninggal di hutan belantara. Ibu dan ayah meratapi anak yang terpaksa dikuburkan di dalam hutan dan si isteri meratapkan suaminya yang terbujur menjadi mayat.

Di tengah-tengah tanah persawahan yang sudah menjadi arang dibakar oleh orang-orang Siam. Beberapa orang kanak-kanak dan orang tua sedang mencungkil buah-buah padi dicelah-celah rekahan tanah untuk ditanak dan dimakan bersama-sama umbutnya, pucuk-pucuk kayu, ubi-ubi yang didapati di dalam hutan.

Akhirnya sampailah mereka di Kuala Sungai Kerian bersama-sama angkatan Raja Usuh (Yusof) yang lari itu. Dari Kuala Sungai Kerian dengan beberapa buah rakit mereka mudik ke hulu sungai itu. Tidak berapa lama sampailah angkatan Raja Usuh di suatu tempat yang difikirkan selamat dari serangan Siam.

Raja Usuh dan orang-orangnya pun berehat di situ. Sambil itu mereka meneroka tanah lalu mendirikan rumah serta membuka kampung halaman masing-masing. Kemudiannya tempat itu dinamakan 'Kampung Raja' dan kekal hingga sekarang.

Sewaktu Dato' Panglima Busu menuju ke kaki sebuah bukit, yang letaknya lebih kurang dua batu dari kampung itu. Dato' Panglima Busu telah mendirikan sebuah pondok berhampiran dengan sebuah batu besar. Dia juga membuka kampung halaman di situ. Ditanaminya dengan pokok buah-buahan dan bersawah padi.

Tidak berapa lama Dato' Panglima Busu menetap di situ, dia menjemput Tuk Pawang Sulaiman dan Tuk Kampung datang mengunjunginya.

Tuk Panglima Busu mengeluarkan gula dengan banyaknya dari kebun kelapanya kerana gula kelapa itulah dia digelar orang 'Tuk Gula' dan sekaligus kampung yang dibukanya itu dinamakan 'Kampung Bukit Tuk Gula'. Kampung itu terletak berhampiran dengan Pekan Sungai Kecil Hulu di dalam daerah Bandar Baharu.

Sebagai seorang panglima yang bersemangat kasihkan bangsa dan tanahair tentulah ia tidak lupa berkorban untuk kepentingan bangsa, tanahair dan agamanya. Dato' Panglima Busu atau Tuk Gula selalulah menyumbang khidmatnya apabila diminta oleh seorang pembesar yang memerintah Bandar Baharu. Masa itu Bandar Baharu lebih dikenali dengan nama 'Seberang Haji Ali'.

Sekiranya tercetus rusuhan yang berbangkit selepas hukuman bunuh dijalankan di Seberang Haji Ali, Tuk Gula, Tuk Kampung dan Tuk Pawang Sulaiman itulah yang dipanggil untuk mengawal huruhara dari waris-waris orang yang kena bunuh itu.

Sungguhpun mereka sudah lama meninggal dunia namun jasa yang dihamburkan itu bukan sedikit. Sehingga lahirnya 'Kampung Raja dan Kampung Tuk Gula', tetapi riwayat perjuangan mereka telah dilupakan. Mungkin ada orang yang tidak mengetahuinya. Ada yang menganggap Tuk Gula dan Tuk Pawang Sulaiman sebagai Keramat.

Sekarang marilah kita meninjau pula apa yang telah berlaku pada zaman Sultan Zainal Rashid Al-Mu'adzam Shah (1843-1854).⁴ Dalam *Journal of Indian Archipelago and Eastern Asia* Jilid V terbitan Singapura, J.R. Logan telah menulis kisah pelayarannya ke Kedah dalam tahun 1851.

Adalah diharapkan mudah-mudahan kisah ini tidak kurang pentingnya dari kisah pelayaran Abdullah ke Pahang, Terengganu dan Kelantan yang telah berlaku tiga belas tahun sebelumnya.

Setiap artikelnya ditulis secara objektif. Semua yang dilihat dicatatkan. Keterangannya yang jelas dan teliti menjadi pedoman kepada orang-orang yang hendak melawat ke Kedah.

J.R. Logan ialah seorang peguam berbangsa Scottish. Dengan usahanya yang gigih dia telah mengembara dan membuat kajiselidik mengenai negeri-negeri Melayu dan raja-rajanya. Dia juga merupakan wartawan yang ulung di Negeri-negeri Selat pada pertengahan abad yang kesembilan belas.

Dia disebut sebagai peneroka penulisan sejarah Tanah Melayu. Jasanya tercatat oleh Universiti Malaya dan Singapura. Jalan Logan di Pulau Pinang ialah mengambil sempena namanya.

Logan dan rombongannya ke Kedah kerana hendak mencari Semang dan sampai di Kuala Kedah pada 10 September 1851. Menurut Logan, pada pagi itu mereka sampai di Kuala Kedah dan sungai itu cetek airnya. Mereka pun berlabuh tidak jauh dari kota yang rosak dan terbakar. Kota yang dimaksudkan oleh Logan itu ialah Kota Kuala Kedah. Apabila air pasang baharulah mereka boleh mudik sungai itu.

Dengan melalui sebatang selekoh sampailah di Kampung Seberang Nyonya. Di sini terdapat lima belas buah rumah. Di

4 Ahmad bin Salleh B.A. (Iton): Kedah Dalam Tahun 1851, dalam KDSS Jilid II, Bil: 1 Mei 1976, Alor Setar.

antaranya ada sebuah sahaja yang besar, dipunyai oleh Wan Smae (Ismail). Sekeliling kawasan rumah itu berpagar dan terdapat sebuah perahu di hadapannya. Nampaknya dialah orang yang terkemuka di tempat itu.

Tiap-tiap selekoh sungai itu diukur kedudukannya dan menggunakan semua nama kampung, gunung, bukit yang dilihatnya. Begitu juga nama anak-anak sungai yang mengalir ke Sungai Kedah termasuk tanaman dan tumbuhan yang didapati.

Terdapat pokok nipah yang besar daunnya. Kelihatan juga Gunung Keriang. Di sebelah kanannya terdapat sawah padi. Pohon-pohon kelapa kelihatan di belakang pohon nipah dan hutan. Ada beberapa buah rumah di sebelah kanan. Tanah yang luas di tebing sebelah kiri itu diselangi dengan pohon-pohon kayu. Gunung Jerai kelihatan di sebelah selatan. Demikianlah keterangannya.

Rumah-rumah tadi rupa-rupanya ialah Kampung Alor Setar. Di situlah tempat kediaman Pemerintah Negeri Kedah. Logan mengutuskan jurutulisnya masuk ke dalam kota. Setelah itu kembalilah jurutulis bersama dengan seorang Melayu dan seorang Keling. Mereka diberitahu oleh dua orang Menteri Kedah yang Sultan timang-timangan Tunku Daii tiada di Alor Setar.

Dengan sebab Menteri-menteri itu suka hendak bertemu dengan Logan, dia dengan tidak berlelah lagi lalu berjalan melalui satu lorong yang panjang dan becak. Di kiri kanannya terdapat kedai-kedai yang kelihatan kotor. Di dalamnya ada kain berlonggok-longgok. Kedai-kedai lain menjual barang-barang yang selalu digunakan oleh orang-orang Melayu. Di hujung kampung itu mereka menyeberang sebatang parit dengan melalui sekeping papan yang robek. Kemudian berpusing ke kanan dan tidak jauh dari situ nampaklah Kota Setar.

Kota itu diperbuat daripada batu bata tetapi sudah rosak. Di luarnya terdapat sebuah rumah yang belum siap lagi. Cuma tiang dan bumbungnya sahaja yang terdiri. Kayunya besar-besar belaka bekas pertukangan orang Bugis. Di tengah-tengah rumah itu berselerak dengan papan dan serbuk gergaji. Selain itu ada pula beberapa buah kerusi.


Menteri Kedah keluar menyambut Logan. Seorang daripada menteri itu sudah tua. Logan teringat menteri itu pernah menjadi saksi dalam perbicaraan Tunku Muhammad Saad, anak saudara Sultan di Pulau Pinang. Tunku Muhammad Saad itu dituduh menyerang Kedah kira-kira sepuluh tahun dahulu. Seorang lagi Logan kenal sewaktu di Singapura atas urusan pemerintah tidak berapa lama dahulu. Kedua-duanya memberitahu yang sultan telah berangkat ke hulu kerana mengelak diri dari penyakit cacar.

Logan menerangkan tujuannya hendak mengadap Sultan dengan tidak melanggar pantang larang. Menteri itu berjanji akan memberi seorang penunjuk jalan kepada Logan. Pada malam itu Logan pun

mudik ke Bukit Pinang. Di situ ada sebuah Balai Karentin⁵ iaitu menjadi tempat menahan orang keluar masuk. Perahu-perahu yang sampai di waktu siang dibenarkan meneruskan pelayaran pada malam hari.

Semua perahu ditambatkan di pengkalan, menyebabkan menjadi tempat itu bising. Lagi pun tiada rumah orang tinggal di situ. Mereka kedengaran bercakap sesama sendiri, ada yang memasak dan ada pula yang tawar menawar ikan kering dengan mata-mata yang mengawal di balai itu.

Tebing sungai itu lebih kurang dua puluh hingga tiga puluh langkah. Dibiarkan dan dipenuhi dengan rumput, pohon-pohon kecil dan pohon-pohon buluh.



Gambar: Muzium Negeri Kedah

Pemandangan Sungai Kedah.

Logan berdiri di pesisiran tanah pamah yang luas itu, katanya, "Cuma boleh dibandingkan dengan tanah pamah di Benggala. Tiada yang seumpamanya di Semenanjung ini. Segala-galanya sawah padi yang cukup luas hanya dipisahkan oleh barisan pohon-pohon kayu."

Logan menjelaskan lagi, "Cuma sebahagian kecil sahaja yang dikerjakan orang pada masa itu. Setengah-setengahnya sedang dibajak dengan lembu dan kerbau. Pada bahagian lain kelihatan orang-orang perempuan menanam padi."

Perjalanan itu diteruskan, lalu berjumpa dengan beberapa buah rumah orang-orang Melayu. Mereka menyatakan kepada Logan

5 Karantina (quarantine).

yang tanah di situ tiada sebaik tanah di Seberang Perai. Di sana tanahnya baharu tetapi di tempat mereka tanahnya lama. Hasilnya hitung panjang lebih kurang sekunca untuk serelong. Pada hal tanah yang baharu seperti di Alor Setar yang lebih dekat dengan laut hasilnya lebih kurang dua kunca.

Setengah daripada mereka itu telah berpindah ke Seberang Perai, sungguhpun mereka gemar tinggal di situ tetapi hujan emas perak di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri, baiklah di negeri sendiri. Di antaranya pula ada yang bersungut yang mereka dikehendaki bekerja dengan Sultan dengan tiada tentu masa umpamanya mereka dikerah mencari bahan-bahan untuk mendirikan istana Sultan yang baharu;

Ketika Logan sedang mengukur kedudukan gunung-gunung dan bukit-bukit dari Pengkalan Bukit Pinang, tiba-tiba meluncur sebuah perahu dengan lajunya. Di dalam ialah Wan Mud (Mahmud) seorang Menteri Kedah. Lurus dan baik orang serta berbudi bahasa pula.

Menteri itu diutuskan oleh Sultan untuk menjemput Logan. Lalu mereka pun berangkat dengan perahu Wan Mud itu. Tatkala melalui kawasan itu Logan menceritakan yang sungai itu semakin bertambah cetek sekarang. Perut sungai itu berpasir dan berlumpur. Tebing sungai itu semakin cantik kelihatan. Dipenuhi dengan pohon-pohon kecil dan pohon-pohon buah-buahan. Di situlah perenggan tanah pamah dan tanah tinggi.


Istana Sultanuduknya di Bukit Pinang. Kawasan tanahnya tinggi. Logan pun disambut di sebuah balai yang didirikan menganjur ke dalam sungai dari tebingnya. Keadaan balai itu bertingkat-tingkat. Dari pengkalan ke Balai Pengadapan itu beralaskan dengan permadani merah. Terdapat sebuah meja dan dua buah kerusi di situ.

Memandang putera-putera baginda yang seramai empat orang itu, Logan sangat tertarik hati. Mereka memakai pakaian sutera yang bersulamkan benang emas dan juga memakai kalung emas. Mereka duduk di atas hamparan bersama dengan Sultan.

Wan Mud dengan Menteri-menteri yang lain duduk di tingkat bawah. Sultan menyambut Logan dengan penuh mesra. Seterusnya Sultan menyatakan rasa dukacitanya kerana tiada dapat memberi Semang kepada Logan. Sebab mereka mengembara ke lembahan Sungai Kedah.

Kemudian Sultan bertitah supaya Logan pergi ke Sungai Muda atau Sungai Kerian. Di sana masih banyak terdapat Semang. Sesungguhnya Semang-semang itu telah lama meninggalkan Yan dan lembahan sungai yang mengalir dari Gunung Jerai.

Apabila dipersembah maklum yang Logan ingin melawat ke Makam Langgar, Sultan menitahkan supaya dilengkapkan dengan enam ekor gajah. Putera baginda yang sulung bersama dengan Wan Mud membawa Logan kesana dan mereka diiringi oleh beberapa orang pengikut.



Makam Diraja, Langgar.

Perjalanan mereka melalui di tebing sungai menempuh tanah-tanah kering yang dipenuhi rumput dan kayu-kayu termasuk tanah-tanah bendang. Gajah-gajah itu mengharung bendang-bendang yang belum dan yang sudah bertanam.

Rangga gajah mempunyai satu pelana yang besar, terletak melengkung di atas belakang gajah, berbumbungkan buluh yang beranyam. Di hadapan dan di belakangnya mempunyai telinga. Semua itu untuk penggunanya memegang bila mendaki atau menuruni tanah tinggi dan rendah.

Beberapa jam lamanya diperjalanan melalui bendang padi. Mereka pun sampai pada sebatang jalan yang dinaungi oleh pohon-pohon kayu, lalu menyeberang sebatang anak sungai yang dahulunya sebahagian daripada Sungai Kedah. Akhirnya mereka pun sampailah ke Makam Langgar.

Makam itu di kelilingi oleh sebuah kota tua yang diperbuat daripada batu bata. Tiada terdapat peringatan yang bertulis di situ, sebab itu Logan tidak berminat untuk mengetahuinya. Cuma terdapat makam almarhum Tunku Abdullah (Sultan yang tiada beruntung). Dan juga dua buah Makam Sultan yang terdahulu daripadanya telah ditunjukkan. Makam Raja-raja yang lebih tua tiada dapat dilihat. Iaitu Makam Raja-raja yang memerintah semasa pengaruh Hindu.

Rombongan Logan balik mengikut jalan lain ke Bukit Pinang, dengan menyeberangi beberapa batang sungai yang dalam me-

nyebabkan gajah-gajah terpaksa berenang. Waktu petang baharulah mereka sampai. Ketika itu Logan mendapati pengikut-pengikutnya sedang makan.

Pada petang itu Logan diperintah mengadap Sultan sekali lagi. Di dalam pertemuan itu Sultan menerangkan kedudukan dan harapan baginda. Logan menasihatkan supaya kerjasama dengan pihak Inggeris hendaklah diperkukuhkan. Sementara hubungan baik dengan Kerajaan Siam hendaklah dijaga.

Hubungan dengan Kerajaan Siam mendatangkan masalah kepada Sultan. Ini bukanlah kerana diri baginda sendiri, tetapi untuk masa hadapan putera-putera baginda. Logan sendiri berasa sedih kerana Kerajaan Inggeris tidak dapat membantu.

Keesokkan paginya, Logan pun belayar menghilir Sungai Kedah, membawa sepucuk 'Surat Pengenalan' dari Sultan, untuk diberikan kepada Penghulu Kerian. Rancangan hendak pergi ke Sungai Muda terpaksa ditangguh kerana arusnya deras.

Kata Logan lagi, tanah pamah di Kedah tersangat luas, dan boleh menghasilkan padi menyara penduduk yang ramai tetapi lebih kurang seratus ribu orang di dalam keadaan terbiar dan miskin.

Kawasan itu bersema samun dan terletak berhampiran dengan Pulau Pinang, yang membekalkan seperti beras, kerbau lembu dan makanan kepada anak negeri.

Di Kedah lembu berharga di antara \$3.00 sampai \$6.00 seekor. Kerbau di antara \$5.00 dan \$6.00 seekor. Ayam \$3.00 seratus ekor. Padi pada masa itu \$3.00 sekunca tetapi selepas menuai \$2.00 sahaja harganya menjadi tidak aman lagi dan banyak pengikut baginda telah balik ke tempat asal akibat dari serangan Siam.

Walaupun demikian, tindakan Siam masih tidak dapat menenteramkan keadaan. Sebelum itu penduduk Kedah dalam lingkungan lima puluh ribu orang. Tetapi semasa pendudukan Siam semakin berkurangan. Sebahagian besar mereka menetap di Seberang Perai atau pun di tempat-tempat yang lebih jauh lagi.

Penduduk Kedah pada zaman itu mengikut keterangan Sultan dan Menteri-menteri ialah di kawasan tanah pamah 4,500 orang di Jajahan Tunku Anum 2,500 orang, di kawasan Muda 1,300 orang, di Perlis 2,500 orang dan di Setol 1,000 orang. Jajahan baginda di bahagian selatan Sungai Kedah, meliputi bahagian tanah pamah yang terpenting di negeri itu. Kawasanya dari Sungai Muda hingga ke Sungai Kedah termasuk juga lembahan Bukit Pinang.

Pada masa itu Kerajaan Siam tiadalah meminta apa-apa ufti dari Kedah. Cuma bunga emas yang berharga tiga ribu ringgit dihantar ke Bangkok tiap-tiap tiga tahun sekali.

Matawang yang digunakan ketika itu ialah 'Tera' merupakan duit bulat yang diperbuat daripada timah, dan berlubang di tengah. Nilainya seratus enam puluh tera bersamaan setali dan delapan tali jadi seringgit.

Dalam pelayaran itu Logan menyebutkan keluasan tiap-tiap buah kampung yang dilalui di kiri kanan sungai itu. Dari Kuala Kedah ke Bukit Pinang memakan masa selama dua belas jam dan dari Bukit Pinang ke Padang Terap selama sehari setengah.

Dari situ ke Pulai mengambil masa empat hari dan dari Pulai ke Peranginan Patani mengambil masa setengah hari. Dari sempadan itu ada sebuah bukit ganjil bernama Bukit Sebelah. Keadaannya tersangat curam bahagian yang di dalam negeri Kedah tetapi pamah di bahagian di dalam negeri Patani.

Logan dapat memerhati Gunung Jerai dari semua sudut kecuali dari timur gunung itu kelihatan panjang dan megah. Ini membenarkan kepercayaan orang-orang Melayu yang mengatakan Gunung Jerai itu empat segi tapaknya.

Menurut Logan gunung itu lebih menyerong dari barat laut ke tenggaranya. Tidak dari timurlaut ke baratdaya. Di sebelah barat gunung itu menjulur sampai ke laut. Logan dapat melihat banjaran Gunung Jerai sewaktu dalam perjalanan dari Pulau Pinang ke Kedah.

Bahagian lain di kelilingi oleh tanah pamah. Di bahagian utara timur dan selatannya adalah curam. Berlainan sekali dengan keadaannya dengan gunung-gunung yang berbatu geranit yang kepadatan di pulau-pulau lain di Semenanjung.



Gambar: Jabatan Pertanian Negeri Kedah
Gunung Jerai menjadi gunung kebanggaan Kedah.

Lerengnya dilitupi dengan hutan-hutan. Kadang-kadang lurah terlampau curam dan hutannya tebal. Setengahnya terdiri daripada batu pejal dan tiada tumbuhan. Logan mengira ada enam cerun yang curam dapat air terjun. Terdapat hakisan laut di bahagian sebelah pantainya.

Logan menekankan tidak syak lagi bahawa Gunung Jerai terdiri daripada batu-batu berlapis yang telah dihimpit oleh gerakan gerak-gempa. Pendapat ini berdasarkan teori pembentukan gunung bagi kawasan yang mempunyai gerak-gempa bumi.

Yang menarik perhatiannya ialah tentang bahasa. Sungguhpun sama dengan bahasa yang digunakan di selatan tetapi cuma sebutan sahaja yang berlainan. Orang-orang Kedah bercakap seolah-olah suaranya datang dari kerengkong. Hal ini samalah seperti penduduk pedalaman di selatan tetapi tidaklah ketara.

'Ro' nya berbunyi 'ghain', dan perkataannya banyak yang diringkaskan dan dibunyikan dengan cepat. Contohnya pada nama orang-orang Melayu yang diringkaskan seperti 'Mat' bagi 'Muhammad', 'Mud' bagi 'Mahmud', 'Smae' bagi 'Ismail' dan lain-lain lagi.

Logan merasa kesal sebab lawatannya ke utara singkat hanya 2 hari sahaja. Beberapa buah pulau tiba-tiba timbul tegak dari laut seperti Gunung Keriang dari tanah pamah. Demikian juga gunung-gunung di Pulau Langkawi. Semuanya itu tidak berapa jauh dari Kuala Kedah.

Setelah meninggalkan Kedah pada 15 September 1851, Logan berlepas ke Kerian, melalui sungai. Ramai orang tinggal di tebing kanannya. Di tebing kirinya kurang didiami orang.

Logan menemui beberapa buah dusun buah-buahan, kampung-kampung kecil dan dua buah ladang tebu kepunyaan orang Eropah. Yang satu daripadanya mempunyai sebuah rumah banglo yang cantik terletak di tepi sungai itu. Akhirnya mereka pun sampai ke Bukit Tunggal iaitu suatu tempat yang paling selatan Seberang Perai.

Setelah mengalami sedikit kesukaran baharulah Logan berjumpa dengan rumah penghulu. Lalu 'Surat Pengenalan' itu pun diberikan kepada penghulu yang berjanji hendak menghantarkan orang-orangnya pergi mencari Semang pada esok harinya. Apabila tiba masanya puas Logan menunggu, Semang tidak juga didapati. Logan pun membongkar sauh lalu belayar ke hulu melalui Kuala Samagaga dan terus ke Kampung Raja.

Suatu hal yang Logan sebut ialah kawasan Bukit Pancur yang terkenal kerana hasil padi. Mereka tidak menggunakan tenggala tetapi hasilnya dua hingga dua setengah kunca untuk serelong. Manakala kawasan berdekatan dengan laut hasilnya empat kunca serelong. Di Bukit Pancur inilah Logan mendapat Semang yang kemudian dihantar balik ke Bagan Lama.



Gambar: Jabatan Pertanian Negeri Kedah

Petani-petani sedang menjemur dan menganginkan padi tidak jauh dengan Gunung Keriang.

Pada masa orang-orang Siam menyerang Kedah dalam tahun 1821, nampaknya mereka tidak mengetahui yang selatan Sungai Muda itu masih lagi dalam negeri Kedah dan mereka tidak pernah menawan daerah Kerian yang terus dikuasai oleh Raja-raja Melayu.

Tunku Kudin telah datang dan membuat tempat kediaman di Kerian, sambil memerintah dan memungut cukai daripada hasil seperti damar, rotan dan bijih timah dipajak kepada seorang Cina bernama Ku Tin. Ia dikenali sebagai Baba Melaka. Kediaman Tunku Kudin itu berhampiran dengan Bukit Tunggul dan dia tinggal di situ selama empat tahun.

Bila Perak membuat persetiaan dengan Syarikat Hindia Timur, Sungai Kerian tidak disebut menjadi sempadan negeri Perak, Baginda dipaksa meninggalkan bahagian selatan lembahan Sungai Kerian dalam tahun 1848 sebab Inggeris memasukkan kawasan ini sebagai negeri Perak. Sungguhpun demikian, orang-orang Melayu yang dijumpai sebulat fikiran menyatakan seluruh lembahan itu, sememangnya sebahagian negeri Kedah.

Penghulu Smac telah tinggal di situ selama sepuluh tahun. Kuasanya meliputi dari Sungai Kerian ke Perai. Penduduknya lebih ramai di Kerian sedangkan di kawasan Sungai Muda masih hutan.

Penghulu itu berkuasa mengenakan cukai satu per sepuluh dari hasil padi, gala/damar dan atap. Selain itu dikenakan cukai \$4.00 bagi tiap-tiap bahara bijih dan \$2.00 bagi tiap-tiap keluarga yang tinggal di tanah yang dikerjakan gading gajah juga dikenakan cukai.

Penghulu itu juga diberi kuasa mencukai barang-barang masuk tetapi ia tidak melakukannya. Di kawasan Bukit Tunggul ini terdapat sedikit bijih timah. Daripada penghulu dan beberapa orang lagi ia mendapat kisah sejarah daerah tersebut. Tetapi tidak siapa pun yang dapat menerangkan kisah sebelum Indera Sakti menguasai hingga ke Kerian.

Indera Sakti tinggal di Kampung Raja. Anaknya bernama Penghulu Long, kemudiannya mendapat gelaran Raja Setia Jaya. Selama tiga puluh tahun ia memerintah di situ menggantikan ayahandanya. Daerah kekuasaannya termasuklah seluruh lembah Sungai Kerian hingga ke Lembah Kurau.

Raja Setia Jaya telah diganti oleh Penghulu Jumaat. Nakhoda Kudin menjadi Penghulu Kurau pada masa itu dan Tunku Nu pula memerintah kawasan Batu Kawan hingga ke Tanjung Piandang. Bagaimanapun pihak yang berkuasa Pulau Pinang selalu menganggap Sungai Kerian itu sebagai sempadannya.

Di dalam sebuah makalah pendek yang ditulis oleh Topping mengenai Kedah, dipetik butir-butir yang diberi oleh Kapten Light sebelum Inggeris menguasai Seberang Perai, ada tersebut, daerah Kerian mengeluarkan hasil rotan dan inilah bahagian Kedah yang paling selatan. Selepas itu ialah negeri Perak.

Di sini perkataan Kerian kemungkinan bermaksud lembahan, bukannya sungai seperti yang biasa digunakan oleh orang-orang Melayu. Demikianlah kisah pelayaran Logan itu.

DUA TOKOH DALAM TIGA ZAMAN

Dua tokoh dalam tiga zaman ialah Wan Muhammad Saman dan Tunku Kudin Kelang. Tokoh pertama ialah Wan Muhammad Saman dilahirkan di sebuah kampung yang terletak di tebing sebatang anak sungai. Dipercayai kampungnya itu terletak di Alor Jangus yang jauh dari gangguan tentera Siam. Namun orang-orang Melayu sibuk dengan gerakan-gerakan gerilanya menyerang tentera-tentera Siam yang menduduki Kota Kuala Kedah, Alor Setar dan Alor Ganu.

Wan Muhammad Saman mendengar berita-berita langgaran Tunku Muhammad Saad untuk mengambil semula Kota Kuala Kedah dan bagaimana Tunku Kudin telah berjaya menguasai kota tersebut dalam tahun 1838. Wan Muhammad Saman hairan mengapa pihak Ingeris di Pulau Pinang yang begitu mesra dengan Sultan tidak silu-silu memberi bantuan kepada Siam. Bagaimanapun Kedah tidak berhenti-henti mengganggu Siam hingga kerajaannya di Bangkok terpaksa mengembalikan Kerajaan Kedah kepada Sultan Ahmad Tajuddin dalam tahun 1842.

Wan Muhammad Saman mengikuti bapanya pulang ke Alor Setar dan melibatkan diri dalam kerja-kerja pembangunan bandar Alor Setar dan seluruh negeri Kedah. Dia tidak dapat mengelakkan diri dari menyaksikan kesibukan datuknya sendiri Dato' Seri Paduka Raja Laksamana. Bapanya sendiri Wan Ismail diberi tugas mentadbirkan Pulau Langkawi.

Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah yang seperingkat dengan Wan Muhammad Saman menggantikan ayahandanya almarhum Sultan Zainal Rashid yang mangkat pada 13 Jamadilakhir 1270 (13 Mac 1854). Baginda yang bergelar Marhum Kota Setar III, dimakamkan di Permakaman Diraja di Langgar.

Pada masa pemerintahannya, bapa Wan Muhammad Saman iaitu Wan Ismail, telah menjadi lebih berpengaruh, seolah-olah ianya mewarisi sikap Dato' Seri Paduka Raja Laksamana. Pengaruhnya semakin bertambah. Mengikut riwayat kononnya, ini telah menimbulkan huruhara. Suatu peristiwa perebutan kuasa dari anak-anak raja hampir-hampir berlaku sewaktu Sultan Ahmad Tajuddin hendak diletakkan di atas astaka di Balai Besar.

Wan Ismail tampil lantas bertempok dan mencabar sesiapa sahaja yang mahu menderhaka supaya melangkah mayatnya dahulu.



Gambar: Tunku Rijaluddin Mohamed
*Dato' Wan Muhammad Saman bin Wan Ismail, Perdana Menteri
Kedah (1870–1898).*

Setelah itu perisytiharan pun dibuat, nobat pun dipalu sekaligus dan meriam pun dibedil oranglah sebanyak dua puluh satu das. Tatkala itu sekalian yang hadir termasuk Tunku Muhammad Said Raja Muda (menantu baginda) bersama dengan pengikut-pengikutnya bertelut menyembah dan menjunjung duli, "Daulat Tuanku".

Sultan Ahmad Tajuddin bersedia menerima pendapat dan nasihat daripada pembesar-pembesar baginda. Mereka ialah Wan Ismail, Wan Ibrahim (bapa saudara Wan Muhammad Saman), Syed Abdullah Al-Jafri, Haji Muhammad Taib Al-Mas'udi Mufti dan Haji Muhammad Saleh Penaga (seorang ulama). Pada masa inilah negeri Kedah menempuh zaman pembangunan. Pekan Alor Setar yang dijadikan ibu negeri Kedah diperbesarkan. Jalanraya-jalanrayanya dan bangunan-bangunan banyak didirikan.

Saudagar Cina dan India menjalankan perniagaan di Kedah terutama sekali di Alor Setar, di Kota Kuala Muda dan di Baling. Di samping itu mereka menubuhkan Pasukan Polis, membuka sekolah di Jalan Baharu, mengadakan Perkhidmatan Perubatan dan membina limbongan kapal di Limbong Kapal. Baginda sendiri mempunyai sebuah kapal dan sebuah sekunar. Baginda gemar menunggang kuda sewaktu melawat ke kampung-kampung untuk melihat rakyatnya. Dua buah kota telah dibina semasa pemerintahan baginda iaitu Kota Tanah di Seberang Perak dan Kota Rentang di Titi Gajah.

Sultan Ahmad Tajuddin telah berkahwin dengan puteri Wan Ismail iaitu Wan Hajar semasa usianya masih muda. Beliau dikenali juga sebagai Paduka Wan Besar; Beliau dilahirkan pada 27 Ramadan 1257 (1841M) dan meninggal dunia pada 16 Muharam 1327 (1909M). Paduka Wan Hajar ialah kakak kandung Wan Muhammad Saman

Mereka memperolehi delapan orang putera dan puteri hasil dari perkahwinan tersebut. Mereka ialah: -

1. Tunku Aminah dilahirkan pada 23.12.1275 Hijrah bersamaan 24.7.1859 Masihi.
2. Tunku Rokiah dilahirkan pada 6.5.1279 Hijrah bersamaan 30.10.1862 Masihi.
3. Tunku Abdul Hamid dilahirkan pada 28.12.1280 Hijrah bersamaan 4.6.1864 Masihi.
4. Tunku Hafsal dilahirkan pada 26.3.1285 Hijrah bersamaan 17.7.1868 Masihi.
5. Tunku Abdul Aziz dilahirkan pada 7.2.1287 Hijrah bersamaan 9.5.1870 Masihi.
6. Tunku Asiah dilahirkan pada 4.10.1288 Hijrah bersamaan 17.12.1871 Masihi.
7. Tunku Jiwa dilahirkan pada 24.3.1292 Hijrah bersamaan 30.4.1875 Masihi.
8. Tunku Mahmud dilahirkan pada 27.3.1293 Hijrah bersamaan 22.4.1876 Masihi.

Perkahwinan Sultan Ahmad Tajuddin dengan Wan Jah binti Luang Nik Abidin, anak angkat Maharaja Siam yang berasal dari Patani, telah menghasilkan delapan orang putera dan puteri:—

1. Tunku Zainal Rashid dilahirkan pada 14.1.1274 Hijrah bersamaan 4.9.1857 Masihi.
2. Tunku Fatimah dilahirkan pada 10.11.1275 Hijrah bersamaan 11.6.1859 Masihi.
3. Tunku Jahara dilahirkan pada 4.12.1278 Hijrah bersamaan dengan 2.6.1862 Masihi.
4. Tunku Kassim dilahirkan pada 24.3.1280 Hijrah bersamaan dengan 8.9.1863 Masihi.
5. Tunku Abdul Jalil dilahirkan pada 1281 Hijrah bersamaan dengan 1864 Masihi.
6. Tunku Azahari dilahirkan pada 7.1.1287 Hijrah bersamaan dengan 9.4.1870 Masihi.
7. Tunku Zainal Abidin dilahirkan pada 20.10.1288 Hijrah bersamaan dengan 20.1.1872 Masihi.
8. Tunku Marodziah dilahirkan pada 1.4.1290 Hijrah bersamaan dengan 9.5.1873 Masihi.

Dalam tahun 1865 Wan Muhammad Saman mengiringi Sultan Ahmad Tajuddin ke negeri Siam dengan tujuan untuk melihat pembangunan di negeri itu. Rombongan Diraja Kedah telah disambut oleh Maharaja Mongkut dengan penuh penghormatan. Sekembalinya baginda dari lawatan itu baginda telah menyusun pentadbiran negeri Kedah.

Pada 6 Mei 1869, satu perjanjian¹ mengenai kedudukan hubungan Inggeris — Kedah telah ditandatangani oleh Konsul Jeneral British di Siam, Thomas George Knox, bagi pihak Kerajaan British dengan Perdana Menteri Siam, dan Chao Phya Sri Suriwongsa Phra Kalahome, bagi pihak Raja Siam. Antara lain perjanjian ini memperuntukkan bahawa: -

- Gabenor Negeri-negeri Selat hendaklah membayar \$10,000/-setahun kepada Yang Dipertuan Negeri Kedah selagi Kerajaan British memiliki Pulau Pinang dan kawasan-kawasan yang bersempadangan dengannya di Tanah Besar.
- Yang Dipertuan Negeri Kedah hendaklah mengakui sebagai wilayah British kawasan-kawasan di Tanah Besar yang bersempadangan dengan Pulau Pinang dan bersempadankan laut di sebelah barat, bersempadankan tebing kanan Sungai Muda di sebelah utara, tebing kanan Sungai Kerian di sebelah selatan dan dari tebing kanan Sungai Muda hingga ke timur Bukit Mertajam serta dari tebing kanan Sungai Kerian hingga ke timur Bukit Tunggul bagi sempadan di sebelah timur.

1. Arkib Negara Malaysia, *Hari Ini Dalam Sejarah* mengenai "Perjanjian Inggeris-Siam 1869 (Hubungan Inggeris-Kedah)" Jilid 11, 1981 hlm. 141-143.



Gambar: Tunku Fariduddin Haji
Wan Hajar binti Wan Ismail bin Dato' Seri Paduka Raja Laksamana.

- Kerajaan Negeri-negeri Selat dan Yang Dipertuan Negeri Kedah bersetuju untuk mendirikan batu-batu sempadan dalam jarak satu batu bagi tiap-tiap satu negeri untuk menandakan sempadan sebelah timur wilayah yang diserahkan itu.
- Kedua-dua belah pihak (Gabenor Negeri-negeri Selat dan Yang Dipertuan Negeri Kedah) hendaklah saling menyerahkan pesalah-pesalah yang terhukum, ataupun yang masih menunggu perbincangan ataupun yang diperintah tangkap

yang cuba bersembunyi di kawasan mana-mana pihak yang berkenaan.

Yang Dipertuan Negeri Kedah tidak dibenarkan mengenakan cukai yang lebih tinggi daripada kadar yang ada ke atas binatang-binatang ternakan, biji-bijian dan lain-lain barangan yang diekspot ke Wilayah British, melainkan jika berlaku kemarau tetapi notis hendaklah diberikan tiga bulan lebih dahulu kepada Kerajaan British di Pulau Pinang.

Dengan perjanjian ini maka mansuhlah perjanjian-perjanjian yang terdahulu yang bertarikh 1786, 1791, 1802, 1831 dan 21 Mac 1868.² Perjanjian 21 Mac 1868 itu yang ditandatangani oleh Sir Harry Ord tidak dianggap sah oleh pihak berkuasa di England kerana ia tidak mengikut peraturan-peraturan yang lazim dibuat. Pihak berkuasa di London menentukan bahawa sebarang perjanjian dengan Kedah hendaklah ditandatangani di Siam oleh Konsul-Jeneral British di Siam dengan Raja Siam kerana Kedah dianggap sebagai Wilayah Siam.

Dalam susunan pemerintahan Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah pada tahun 1870, Wan Muhammad Saman telah dilantik menjadi Perdana Menteri dengan dibantu oleh pembesar-pembesar negeri yang terdiri dari Raja Bendahara yang bergelar Seri Paduka Maharaja Sura.

Yang lainnya ialah Menteri Keempat bergelar Seri Paduka Maha Menteri, Seri Paduka Raja Laksamana, Paduka Maharaja Temenggung Anggota Desa dan Seri Maharaja Putra Dewa.

Menteri kedelapan bergelar Seri Paduka Tuan, Maharaja Derma Wangsa, Maharaja Jambangan, Maharaja Kadi, Seri Paduka Anggaraha Dewa, Maharaja Anggaraha, Paduka Maha Wangsa Perbendaharaan dan Maharaja Lela Penghulu Segala Hulubalang.

Menteri keenam belas bergelar Dato' Seri Indera Mambang Sanggara Shahbandar, Paduka Purba Wangsa, Paduka Seri Indera, Raja Indera Sanggara, Raja Perdana Indera, Paduka Lela Putra, Seri Andika Raja, Dato' Seraja Wang, Dato' Berma Raja, Dato' Bentara Wang Seri, Dato' Setia Raja, Dato' Seraja Imam, Dato' Perbendaharaan, Dato' Tan Perda Wangsa, Dato' Setia Mahkota dan Dato' Mambang Mahkota.

Yang berpangkat Hulubalang Pahlawan bergelar Dato' Lela Angkasa, Dato' Kama Jaya Pulau Langkawi, Dato' Tan Perkasa, Dato' Tan Jaya Indera, Dato' Nila Pahlawan, Dato' Jaya Pahlawan, Dato' Gedang Pahlawan, Dato' Lela Pahlawan, Dato' Johan Pahlawan, Dato' Johan Perkasa, Dato' Pahlawan, Dato' Biram Pahlawan, Dato' Tan Derma Dewa, Panglima Jaya, Panglima Jogar Alam dan Panglima Silam Jaya.

² Treaties and Engagements Affecting the Malay States and Borneo, ed. Sir William George Maxwell (Chief Secretary to Government F.M.S.) and William Summer Gibson (Legal Adviser F.M.S.), Suffolk Lane, E.C. Jas Truscott & Son Ltd., 1924 hlm. 85.

Selain dari itu pangkat-pangkat gelaran kerabat-kerabat diraja zaman dahulu³ ialah Tunku Seri Raja Muda, Tunku Seri Raja Wangsa, Raja Setia Perkasa, Raja Putra Indera, Raja Setia Muda, Megat Setia Warna, Tun Raja Indera, Raja Paduka Indera, Tun Setia Jaya, Tunku Temenggung Seri Raja dan Tunku Maharaja Setia.

Manakala gelaran bagi dato'-dato' ialah Dato' Bendahara, Dato' Maharaja, Dato' Laksamana, Dato' Seri Raja Putra, Dato' Seri Wangsa, Dato' Paduka Seri Nara Diraja, Dato' Seri Paduka Tuan dan Dato' Raja Lela Muda Panglima Prai.

Sebagai seorang pegawai tadbir yang banyak pengalaman, Wan Muhammad Saman telah banyak menabur jasa untuk pembangunan negeri Kedah sehingga mengharumkan namanya ke luar negeri. Wan Muhammad Saman telah berusaha dalam tahun 1873 supaya mata-wang diselaraskan dengan negeri-negeri Melayu yang lain. Langkah ini dibuat demi untuk kepentingan perhubungan dan perdagangan dengan Pulau Pinang dan negeri-negeri Melayu lain di samping memberi kesempatan bagi negeri Kedah menggunakan mata wang Negeri-negeri Selat.

Tugas lain yang telah dijalankan oleh Wan Muhammad Saman ialah membuat persiapan menyambut keberangkatan Mongkut, Raja Siam, ke Kedah dalam perjalanannya pulang dari Eropah pada bulan April 1874. Wan Muhammad Saman telah mengaturkan istiadat selayak menyambut raja-raja dunia yang besar-besar. Raja Mongkut dengan rombongan pembesar-pembesarnya bersemayam di Alor Setar selama enam hari. Rombongan Diraja Siam berangkat balik ke Bangkok melalui Singgora dan kagum melihat sambutan yang sungguh mengembirakan.

Dalam bulan Disember 1876, Raja Ismail sebagai Raja Bendahara Perak telah berkelana di daerah Baling. Beliau mengundurkan diri disebabkan fitnah yang melibatkannya dalam pembunuhan Residen British Perak, J.W.W. Birch di Pasir Salak, pada 2 November 1875.

Pemerintah Inggeris Negeri-negeri Melayu Bersekutu mempunyai penuh kepercayaan kepada kebolehan Wan Muhammad Saman dengan meminta kerjasamanya untuk mendapatkan Raja Ismail dan pengikut-pengikutnya. Wan Muhammad Saman telah berjaya memujuk Raja Ismail supaya berehat di Kota Kuala Muda sebagai tetamunya. Bagaimanapun Raja Bendahara Perak yang sukar dipengaruhi itu telah tinggal di Kota Kuala Muda selama enam bulan sebelum berangkat untuk menyerahkan diri kepada Inggeris di Pulau Pinang. Raja Ismail mempunyai pengikut yang tidak kurang dari 300 orang dan 20 ekor gajah cukup lengkap dengan alat senjata.

Tugas Wan Muhammad Saman yang paling berat ialah memakamkan almarhum Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah yang telah mangkat pada 2 Rejab 1296 (22 Jun 1879). Almarhum bukan sahaja

3 *Kedah Dari Segi Sejarah* Bilangan 1 Jilid III, Jun 1968 him. 31-32. Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah.

Sultan yang amat dikasihi tetapi juga sahabat yang karib dan paling setia dengannya.

Wan Muhammad Saman menghadapi keadaan yang lebih merun-singkan apabila pembesar-pembesar negeri di antara kerabat-kerabat diraja yang tertua seperti Tunku Kassim dan Tunku Dziauddin telah berbalah mengenai pengganti Sultan. Sewaktu pembesar-pembesar berangkat ke Bangkok untuk memperolehi kepastian dari Maharaja Siam, Wan Muhammad Saman memangku negeri. Maharaja Siam bersetuju Tunku Zainal Rashid menjadi Sultan Kedah Ke-24 bergelar Sultan Zainal Rashid Al-Mu'adzam Shah II (1879-1881).

Setelah Sultan Zainal Rashid Al-Mu'adzam Shah memerintah selama dua tahun, baginda mengutuskan Wan Muhammad Saman ke Bangkok untuk menyelesaikan beberapa masalah negeri. Ketika Wan Muhammad Saman sampai di Singapura, Sultan Zainal Rashid mangkat pada 27 Syawal 1298 (22 September 1881) dan dimakamkan di Langgar. Bagaimanapun Wan Muhammad Saman meneruskan perjalanannya. Semasa di Bangkok dia telah menemui rombongan Kedah yang tiba melalui Singgora. Tujuan mereka ke sana supaya Maharaja Siam berkenan kepada penabalan Tunku Abdul Hamid menjadi Sultan Kedah Ke-25 bergelar Sultan Abdul Hamid Halim Shah.

Baginda yang belum lagi genap usia 18 tahun telah dibebankan dengan tugas menggantikan kekandanya yang telah mangkat. Wan Muhammad Saman ialah bapa saudara kepada baginda Yamtuan.

Ekonomi negeri Kedah kukuh dan stabil jika dibandingkan dengan keadaan yang berlaku di negeri-negeri Melayu lain pada masa itu. Kewangan Kerajaan Kedah dipegang sendiri oleh Sultan Kedah. Namun demikian baginda sentiasa membuat perundingan dengan Menteri Besar Wan Muhammad Saman bagaimana menggunakan wang negeri untuk faedah rakyat yang bertambah ramai.

Sultan Abdul Hamid memerintahkan Wan Muhammad Saman mengorek terusan dari Alor Setar hingga ke kaki Gunung Jerai dengan tujuan membuka tanah-tanah sawah yang luas untuk menambahkan hasil negeri. Dalam tahun 1886, Wan Muhammad Saman mula mengorek terusan yang lebih dikenali sekarang sebagai 'Terusan Wan Muhammad Saman'.

Satu daripada jasanya yang tidak luntur dik panas dan lembab dik hujan ialah penggalian Terusan Wan Muhammad Saman yang panjangnya 22 batu, lebarnya 24 kaki dan dalamnya 5 kaki dari tebing Sungai Kedah di Alor Setar hingga ke kaki Gunung Jerai di Gurun melalui tanah-tanah pamah, berpaya dan bercaruk-caruk.

Terusan itu penting sebagai alat pembendung banjir yang boleh merosakkan tanaman padi. Banjir itu lazimnya berlaku dalam musim tengkujuh pada bulan September dan Oktober tiap-tiap tahun. Alat tersebut juga menjadi saluran yang boleh mengeringkan kawasan-kawasan lembab dan paya yang digunakan untuk persawahan.

Kawasan padi yang sekarang menikmati faedah dari Terusan

Wan Muhammad Saman asalnya ialah sebuah kawasan yang diliputi oleh pokok-pokok perupok, menerung, jelai, nipah, riyong, peru dan jeruju. Kawasan ini sekarang telah boleh ditanami padi dan menarik para penduduk untuk memacak gawar, membuat bendang dan kampung halaman.

Sungai adalah perlu untuk dijadikan sebagai jalanraya. Ini memberi kemudahan untuk membawa sayur-sayuran, buah-buahan, padi beras dan ayam itik dari tempat-tempat yang tidak dihubungi oleh sungai besar ke Alor Setar. Penduduk-penduduk tidak dibenarkan membuat jambatan menyeberangi sungai itu melainkan di tempat-tempat yang dikhaskan sahaja.

Anak-anak pesawah zaman ini ramai mendendangkan nyanyian:

Hujan oh hujan
Turun lebat-lebat
Balik sini gantung alu
Balik sana gantung pahat.

Terusan Wan Muhammad Saman mulanya dikorek dari hujung Sungai Pengkalan Kundur. Di situ terletak sebuah lubang yang bernama Lubuk Katong. Kemudian beransur-ansur hingga ke Kota Sarang Semut. Tempat yang bernama Lubuk Katong itu sekarang dipanggil 'Tandop'. Di sinilah telah dibinakan sebuah tandop atau empangan yang boleh mengawal air supaya tidak berubah kedudukannya semasa tengkujuh atau kemarau. Peranannya sebagai jalanraya tidak terjejas.

Dari Kota Sarang Semut sungai ini beransur-ansur dikorek sehingga ke kaki Gunung Jerai. Langkah yang akhir ialah mengorek terusan ini dari Tandop ke tebing Sungai Kedah di Bandar Alor Setar.

Pengorekannya selesai pada 10 Syawal 1303 (13 Ogos 1885). Umur terusan ini telah melebihi 100 tahun. Dari Tandop terdapat beberapa kerat pantun yang masih dikenang oleh orang tua-tua. Di antaranya ialah:—

Tanah Tandop tanah lembah
Teluk Bagan tebing tinggi
Tanah Tandop tanah bertuah
Mencari makan sebelum mati.

Tanah Tandop tanah lembah
Tanam keduduk bercabang dua
Tanah Tandop tanah bertuah
Habuan duduk sehari dua.

Batu Peringatan di Kuala Terusan ini di tebing Sungai Kedah tertulis dengan catatan yang berbunyi "Sanah 1303, 10 haribulan Syawal. Kadam Wan Muhammad Saman ibni Wan Ismail, mulai

korek Sungai Korok di hujung Sungai Pengkalan Kundur tuju ke Gunung Jerai dan muka kualitasnya di seberang tentang dengan Balai Air Kota Setar ini, tamat.”

Alat-alat perkakas yang digunakan untuk mengorek terusan ini ialah cangkul, cam, cop dan parang semata-mata. Rakyat yang dikerah oleh Menteri Besar melalui Penghulu-penghulu telah diatur menjalankan kerja tersebut supaya tidak timbul masalah-masalah seperti sawah yang terbiar.

Kadang-kadang terdapat kawasan-kawasan yang terpaksa di-segerakan pengorekannya untuk mengelak musim hujan, kesibukan musim menuai dan membajak. Pada masa-masa yang demikian, penghulu-penghulu mengerahkan rakyatnya bekerja siang dan malam. Penghulu-penghulu melantik pula Panglima-panglima dan Tuk Kweng membantunya mengarahkan orang-orang bekerja.

Orang-orang yang tidak dapat bekerja sebab tua atau uzur dikehendaki membekalkan beras dan minuman kepada pekerja-pekerja untuk beberapa hari. 'Kerah' ini ialah sebagai 'buruh paksa' yang dilakukan secara bergilir-gilir dengan semangat bergotong royong. Berlaku juga kerja secara 'berderau' yakni penduduk sebuah kampung berpakat bekerjasama dengan penduduk di sebuah kampung lain. Kemudian sekalian penduduk dari dua buah kampung itu berpakat menyudahkan kerja yang ditugaskan bagi kedua-dua buah kampung itu.

Tukang pelan yang membuat terusan itu supaya lurus ialah Embi manakala dua orang juru ukurnya ialah Haji Kechik dan Fakhruddin. Di samping itu ada beberapa orang pegawai dari Siam yang turut datang ke Kedah memberi nasihat teknik. Tidaklah dapat dinafikan bahawa Dato' Perdana Menteri mendapat ilhamnya dari 'klong' yang banyak terdapat di negeri Siam.

Dato' Wan Muhammad Saman sendiri mencadangkan supaya tanah yang dikorek itu dilonggokkan di sebelah kiri sungai supaya dapat dijadikan jalanraya pada satu masa kelak. Dia bukanlah seorang jurutera tetapi kejayaannya mengorek Sungai Korok sungguh mengagumkan. Dia cuma berpandukan kepada petua orang tua-tua yang telah matang dengan kerja seumpama ini. Lagi pun pengorekan Sungai Korok bukanlah satu perkara pelik bagi sebuah negeri yang luas dengan sawah padi.

Sungai Korok yang paling tua di Kedah ialah sebatang sungai yang dikorek oleh Sultan Dziauddin Mukarram Shah (1661-1687) dari Kayang hingga ke Anak Bukit. Terdapat pula Sungai Korok Alor Gunung menyambung bengkok utara di Kampung Anak Bukit dengan bengkok di Alor Madi. Sungai Terus dikorek dari Mergong ke Pumpung. Sungai Baru Kubang Rotan dikorek dalam tahun 1771.

Dalam tahun 1815, Wan Ismail bapa kepada Wan Muhammad Saman mengorek sebatang Sungai Korok di mukim Rambai. Ianya terletak di antara Padang Kerbau dengan Bukit Kerek. Dalam tahun 1818, Sungai Terus dikorek dari Sungai Simpor ke Sungai Muda.

Wan Muhammad Saman terpaksa bergantung kepada kaedah-kaedah sendiri. Orang-orang tua masih ingat lagi bagaimana penghulu mengerahkan orang-orang kampung membuat rimbunan api dari tempat ke tempat dengan tujuan supaya menjadi pedoman kepada pengorek-pengorek meluruskan terusan itu. Longgok-longgok api itu dibakar sepertimana yang diarah mengikut peta yang dibuat oleh Tukang Pelannya.

Apabila terusan ini siap dibina ia dinamakan 'Sungai Korok Wan Muhammad Saman'. Wan Muhammad Saman diberikan ampun kurnia dua puluh relong tanah sepanjang-panjang tebing kanan dan dua puluh relong pula sepanjang-panjang tebing kiri dari Alor Setar ke kaki Gunung Jerai. Dua puluh relong lebar itu samalah dengan 2/3 batu bukannya.

Sultan memberi izin kepadanya untuk menjualkan tanah tersebut kepada peneroka-peneroka sawah dengan harga tiga ringgit serelong. Pesawah-pesawah yang tidak dapat membeli tanah Wan Muhammad Saman dibenarkan memungut sewa 50 sen serelong tiap-tiap tahun daripada orang-orang yang membuka sawah di dalam kawasan ampun kurnianya.

Pendapatan Wan Muhammad Saman pada ketika itu adalah lebih semata-mata untuk menampung perbelanjaannya yang telah dikeluarkan dalam masa mengorek sungai ini dahulu. Dapatlah diagakkan barangkali Wan Muhammad Saman telah dapat mengumpul sebanyak \$70,000.00. Perbelanjaan mengorek sungai itu dahulu tidak lebih dari \$35,000.00.

Sebagai seorang menteri, Wan Muhammad Saman dapat mengerahkan orang-orang Melayu bekerja dengan percuma untuknya. Tetapi bukanlah keseluruhan kawasan yang dilalui oleh terusan ini didiami oleh manusia. Dia terpaksa mengupah kuli-kuli Cina untuk mengorek di tempat-tempat yang tidak diduduki oleh orang-orang kampung.

Orang-orang Cina mengadakan sistem kontrak. Beberapa kali mereka mengancam hendak membunuh Wan Muhammad Saman kerana bayarannya yang tidak terjawab. Dia terpaksa menggunakan budi bicaranya bagi mengumpul wang untuk membayar kepada orang-orang Cina yang menganggap diri mereka sebagai rakyat British.

Sungguh pun projek membuka sesebuah terusan itu memerlukan pengorbanan yang banyak, ramai orang yang sanggup memohon ampun kurnia mengorek terusan-terusan setelah melihat contoh teladan dari Wan Muhammad Saman. Sebatang terusan lagi telah diusahakan oleh Wan Muhammad Saman sendiri. Terusan itu dari Tanah Merah, Pendang hingga ke Kuala Kangkong. Wan Yunus mengorek Sungai Daun, Sungai Limau dan Sungai Sedaka.

Tunku Minah mengorek Sungai Dulang. Syed Othman mengorek Sungai Yan Kechil. Tunku Yaakob mengorek Sungai Alor Changliih iaitu dari Jitra ke Kuala Jerlun. Akhirnya Wan Yahya, Setiausaha

Kerajaan Kedah telah mengorek Sungai Korok Wan Yahya dari Kodiang ke Kuala Sanglang.

Pengorekan terusan di Kedah ialah projek yang membawa banyak faedah kepada pentadbiran di negeri Kedah. Dengan adanya terusan-terusan itu penduduk-penduduk memberanikan diri membuka tanah sawah dan kampung halaman. Mereka sebagai rakyat tidak beranjak dari kawasan terusan yang telah diwujudkan dengan dorongan semangat untuk berdikari. Mereka mempunyai kepercayaan bahawa zuriat mereka juga akan turut mendapat faedah dari terusan-terusan tersebut.

Seorang Gabenor Negeri-negeri Selat telah berkata dalam tahun 1890, 'Bahawa Negeri Kedah telah muncul di antara negeri-negeri Melayu lain di Semenanjung ini sebagai sebuah negeri yang mempunyai pentadbiran yang berjaya dan bijak.'

Mengikut adat Kedah, seseorang yang berhutang lebih dari \$30.00 dengan tidak sebarang cagar, hendaklah tinggal menjadi pekerja percuma di rumah atau di sawah orang yang memberi hutang kepadanya sehingga terjelus hutangnya. Adat ini diakui sah di sisi undang-undang negeri. Syaratnya orang yang mengeluarkan hutang hendaklah menyediakan makan minum, pakaian dan perubatan serta tempat tinggal kepada orang yang berhutang itu. Biasanya orang yang berhutang itu enggan bekerja keras untuk menjelaskan hutangnya. Mereka lebih senang tinggal menjadi pekerja kepada orang-orang kaya.

Dalam tahun 1892, Wan Muhammad Saman mengarahkan supaya semua surat-surat perjanjian hutang piutang di bawah adat ini hendaklah didaftarkan di Pejabat Tanah. Bayaran dikenakan sebanyak \$25.00 sebagai bayaran pengesahan di atas perjanjian yang baharu. Tindakan ini ialah untuk membasmi adat tersebut secara beransur-ansur. Orang-orang berhutang diberi peluang untuk menjadi orang bebas semula. Wan Muhammad Saman memandang bahawa tenaga orang yang bekerja itu sebagai sebahagian dari penjelasan hutang.

Dari tahun 1870 hingga kembalinya ke alam baqa pada 14 Disember 1898 Wan Muhammad Saman ialah seorang Menteri Besar yang bertanggungjawab sehingga ia dapat meletakkan negeri Kedah di tempat yang begitu cemerlang. Selepas tahun 1909, Inggeris datang ke Kedah hanya untuk membersihkan dan meluaskan taliair-taliair yang telah disediakan oleh orang-orang Melayu.

Demikianlah kisah Dato' Wan Muhammad Saman. Tanpa menggunakan teknologi moden ia telah mengharumkan nama negeri Kedah. Sepeninggalannya 'Terusan Wan Muhammad Saman' menjadi bukti. Terusan itu masih lagi boleh kelihatan di sepanjang Lebuhraya Sultan Abdul Halim.

Sebatang jalan yang dinamakan 'Lorong Wan Mat Saman' berhampiran dengan Pasar Besar Alor Setar dan sebuah 'Sekolah Rendah Dato' Wan Muhammad Saman' menggantikan nama Sekolah Ke-


bangsaan Tandop telah dibina untuk memperingati jasa baik Wan Muhammad Saman.

Tokoh yang kedua terkenal dengan nama 'Tunku Kudin Kelang'. Namanya yang sebenar ialah Tunku Dziauddin, putera Sultan Zainal Rashid Al-Mu'adzam Shah I (1843—1854) dan adinda kepada Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah (1854—1879) serta bapa saudara kepada Sultan Zainal Rashid Al-Mu'adzam Shah II (1879—1881) dan Sultan Abdul Hamid Halim Shah (1881—1943).

Pada 10 Safar 1276 (8 September 1859) Tunku Kudin telah dilantik menjadi Raja Muda Kedah. Sebuah istana⁴ yang mempunyai dua tingkat telah dibina di Bukit Tinggi. Ianya merupakan sebuah bangunan yang bersejarah. Manisan lebah telah digunakan untuk mengganti simen untuk membina bangunan tersebut.

Menurut cerita orang tua-tua, pekerja-pekerja yang membina istana itu hanya dibayar sebanyak \$6.00 sebulan dengan wang tembaga satu sen. Wang-wang itu dibawa dengan kereta lembu melalui lorong-lorong kecil ke Bukit Tinggi.

Di hadapan istana itu dihiasi dengan taman bunga cempaka dan lain-lain pokok bunga. Tunku Kudin telah melantik beberapa orang



Terusan Wan Muhammad Saman terpelihara di Lebuhraya Sultan Abdul Halim, Alor Setar.

4 Abdul Halim Taib, "Istana Legenda Perlukan Penjagaan Rapi" dalam *Nadamingu* 14 Februari 1982.

panglima dan ketua untuk melicinkan pekerjaan itu.

Kota atau Istana Tunku Kudin itu letaknya berhampiran dengan Sungai Bukit Pinang. Waktu itu sungai adalah menjadi nadi pengangkutan zaman silam di Kedah. Kedudukan istana itu sekarang kira-kira 1.6 km. dari Kepala Batas hanya 2.4 km. dari Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim manakala dari Bandar Diraja Alor Setar cuma 12.4 km.

Pada 4 Januari 1865, Sultan Ahmad Tajuddin yang mengadakan lawatan kali yang ketiga telah mencapai satu persetujuan dengan Maharaja Siam. Sebatang jalanraya menyambungkan dari pekan Kota Setar ke sempadan Kedah-Siam dibina oleh Kerajaan Kedah manakala dari sempadan Kedah-Siam ke Singgora oleh Kerajaan Siam.

Tunku Kudin telah dititahkan oleh baginda mengawasi projek pembinaan jalanraya tersebut. Semua penghulu-penghulu diberitahu supaya mengerahkan rakyat yang tinggal di sepanjang jalan itu. Mengikut Tunku Kudin jalan itu akan dapat disudahkan dalam tahun 1866.

Tunku Kudin mempunyai ramai rakan yang terdiri dari orang-orang Inggeris di Pulau Pinang dan di Singapura. Dia seringkali melawat ke tempat-tempat itu. Dia juga mempunyai sebuah sekunar yang bernama Jentayu. Sekunar itu dibina oleh tukang-tukang Melayu di Limbong Kapal dekat Kota Setar.

Kapten Jentayu bernama Syed Mohamed Shahabudin atau gelarannya Tuan Teh Kapten. Dia itu menjadi sahabat karib dan ejen luar negeri kepada Tunku Kudin. Dalam tahun 1867, Tunku Kudin telah berkahwin dengan Tunku Arfah, puteri kepada Sultan Abdul Samad ibni Sultan Abdullah, Sultan Selangor Ke-IV dan menetap di Kelang. Semenjak itulah istana di Bukit Tinggi itu telah ditinggalkan. Perkahwinan itu menghasilkan seorang puteri bernama Tunku Mahrum yang dikahwinkan dengan Raja Sulaiman, putera kepada Raja Musa.

Pada hari Rabu 5 Rabiulawal 1285 (26 Jun 1868), Tunku Kudin telah dilantik menjadi Wizurai negeri Selangor. Surat Kuasa bagi membolehkan Tunku Kudin menjalankan tugasnya telah dianugerahkan oleh baginda kepadanya pada tarikh tersebut. Pada ketika itu Sultan Abdul Samad bersediam di atas takhta Kerajaan Selangor di Bandar Termasa.

Antara lain kandungan 'Surat Kuasa' itu mengisytiharkan Tunku Dziauddin putera kepada almarhum Sultan Zainal Rashid Al-Mu'adzam Shah yang menjadi anak (menantu) baginda. Dan sekarang baginda mengesahkan kepada semua putera-putera raja, pembesar-pembesar dan daerah-daerah di bawah kekuasaan baginda bahawa negeri ini bersama jajahan takluk baginda menganugerahkan kepada Tunku Dziauddin. Kuasa yang diberi padanya untuk memerintah dan membangunkan bagi pihak baginda dan putera-putera baginda termasuk Raja Musa, Raja Kahar, Raja Yaakob serta semua rakyat negeri Selangor juga.



Gambar. Tunku Rijaludin Mohamed
*Tunku Dziauddin ibni Almarhum Sultan Zainal Rashid Al-
Mu'adzam Shah I. Wakil Sultan dalam Pemerintahan
Selangor 1868—1878.*



Gambar: Arkib Negara Malaysia
Istana Tunku Kudin di Bukit Tinggi.



Kawasan Istana Bukit Tinggi mulai dibangun dengan projek perumahan.

Sementara itu baginda mengesahkan yang Langat dikurniakan menjadi milik Tunku Dziauddin sebagai tempatnya untuk menjalankan pentadbiran negeri. Putera-putera Sultan seperti Raja Yaakob dan Raja Kahar merasa cemburu terhadap abang ipar mereka. Begitu-lah juga Raja Bot (Lukut), Raja Itam (Bernam) dan Raja Mahadi (Kelang). Mereka tidak bersetuju dengan pemerintahan cara baharu ala Barat yang dibawa oleh Tunku Kudin dari luar. Mereka masih mempertahankan semangat konservatif dan naluri kepahlawanan.

Raja Mahadi itu putera kepada Raja Sulaiman dan cucunda kepada Almarhum Sultan Muhammad, Sultan Selangor Ke-III. Ia juga menjadi anak saudara sepupu kepada Sultan Abdul Samad. Dalam saat genting itu, Tunku Kudin pulang ke Kedah pada penghujung tahun 1870 menziarahi paduka bondanya yang sedang gering. Isterinya Raja Arfah dan baginda Sultan Abdul Samad tinggal bersama-sama di Langat. Pada masa ini Kelang tidak aman.

Sekembalinya ke Selangor, Tunku Kudin membawa bersamanya 500 orang Kedah. Setengahnya dihantar ke Langat dan yang selebihnya ke Kelang untuk mengawal keadaan. Tunku Kudin menemui Raja Ismail anak Raja Abdullah untuk memohon supaya perselisihan kedaerahan dipadamkan dengan segera. Ia berusaha mengembalikan haknya yang telah diambil oleh Raja Mahadi.

Tunku Kudin cuba menjelaskan mengenai Raja Mahadi. Malangnya dia menolak untuk menemuinya. Sebaliknya dia terus mengasingkan diri tidak mahu mencampuri hal orang lain. Raja Mahadi mendakwa yang Tunku Kudin memerintah itu di bawah kuasa asing dan tidak pernah ditandatangani oleh Sultan. Berpunca dari sinilah maka berlakunya pergaduhan di antara Raja Mahadi dengan Tunku

Kudin dan seterusnya perang Selangor bermula. Demikian menurut pendapat Wilkinson.⁵

*Pesaka Selangor*⁶ pula menyatakan bahawa perkelahian itu bermula disebabkan seorang anak Batu Bahara yang bernama Rasul telah dibunuh. Ianya dilakukan oleh orang-orang Bugis yang diketuai oleh Wak Siliwatang dan Wak Sigalah. Orang-orang Aceh yang tinggal di Kelang di bawah pimpinan Muhammad Akib telah mengadu peristiwa itu kepada Raja Abdullah. Sebagai Pentadbir Kelang, Raja Abdullah telah menolak pengaduan itu dan tidak pula mengambil sebarang tindakan ke atas pembunuh itu.

Muhammad Akib telah merasa kecewa seolah-olah tidak mendapat pembelaan yang adil lalu dia berpaling tadah lantas menyertai Raja Mahadi. Oleh sebab Raja Mahadi memang menaruh dendam terhadap Raja Abdullah dia bersetuju membantu Muhammad Akib. Tunku Kudin cuba campur tangan bagi pihak Raja Sulaiman iaitu putera Raja Abdullah kerana murka dengan alasan perbuatan yang menyakitkan hatinya.

Raja Mahadi memang terkenal dengan kegagahannya, kepintarannya dan keperwiraannya. Dia mempunyai ramai pengikut di Selangor berbanding dengan Tunku Kudin yang disifatkan sebagai orang luar yang tidak begitu popular. Tunku Kudin mempunyai sedikit pengikut. Itu pun hanya terdiri dari penyokong-penyokong Kedah dan beberapa orang dari Selangor yang bermusuhan dengan Raja Mahadi.

Bila perkelahian berlaku, Raja Abdullah dan keluarganya berlepas ke Melaka. Dia tinggal bersama puteranya Raja Ismail dan Raja Hassan untuk menentang Raja Mahadi. Pada hakikatnya sebahagian kecil sahaja orang-orang Melayu Selangor yang turut berperang. Kebanyakan daripada mereka sibuk dengan urusan perladangan dan tinggal di kampung mereka sendiri.

Sungguh pun demikian sebarang serangan tidak dilakukan oleh Tunku Kudin. Dia sedar jika ia berbuat demikian sudah pasti dia akan dikalahkan oleh angkatan Raja Mahadi yang lebih besar itu. Dia cuma menyerang kubu di Kota Seberang Sungai Kelang selama delapan belas bulan. Ini menyebabkan Raja Mahadi telah kekurangan senjata dan bekalan.

Wan Muhammad Said bapa kepada penulis mahkamah Wan Mohd. Amin, diutuskan oleh Raja Mahadi ke Melaka dengan tujuan untuk meminjam wang dari seorang saudagar Cina yang bernama Baba Teck Chang. Raja Mahadi mengatur tentera yang terdiri dari orang-orang Mandeleng yang tinggal di Kuala Lumpur. Semenjak itulah Raja Asal dan Raja Barnang yang dahulunya menjadi pengikut setia Raja Ismail telah berpaling tadah lalu menyebelahnya. Raja Abdullah pulang dari Melaka dengan membawa bekalan makanan bersama dengan Raja Ismail.

⁵ R.J. Wilkinson, "A History of the Peninsular Malays" MJRAS 1928.

⁶ Wan Mohd. Amin bin Wan Mohd. Said (Dato' Amar Diraja, Penghulu Istiadat Selangor Darul-Ehsan, cetakan kedua (Rumi) 1966.

Disebabkan penaklukan yang begitu lama pengikut-pengikut Raja Mahadi yang ramai itu telah meninggalkan pemimpin mereka. Raja Mahadi terpaksa meninggalkan kubu Kelang. Tugas itu telah diambil alih oleh Tunku Kudin yang juga mentadbir Kelang, Hulu Langat dan Hulu Selangor. Angkatan Raja Mahadi berundur ke Kuala Selangor lalu menyerang kubu orang-orang Belanda yang kukuh di muara Sungai Selangor. Tetapi kubu itu masih dikuasai oleh Sultan.

Sebaik sahaja berlaku peristiwa itu Tunku Kudin memohon kepada Sultan supaya menghantar puteranya Raja Musa untuk mengawal daerah dan kubu di situ. Disebabkan Raja Musa tidak cekap menjalankan tugasnya ia pun dihantar membantu barisan pertahanan yang dipimpin oleh Syed Mashhor dan Raja Mahmud.

Kemudian beberapa orang Cina dari Kuala Selangor telah dituduh merompak. Mereka dikatakan menyerang sebuah wangkang dan membunuh 34 orang anak-anak wangkang itu di Selat Melaka. Orang-orang Inggeris melaporkan perkara ini.

Berikutannya Kapal H.M.S. Renaldo dan Kapal Api Pluto dihantar ke Kuala Selangor untuk menyiasat dan menangkap lanun-lanun tetapi bukan untuk bertindak hendak menyerang Selangor. Kerajaan British tidak boleh campur tangan dalam hal chwal Negeri-negeri Melayu.

Syed Mashhor berikhtiar untuk menambahkan kekuatannya. Dia memperkukuhkan kubu pertahanan bagi pihak Raja Musa. Pada masa itu Syed Mashhor menerima sepucuk surat dari pihak British yang ditujukan kepada Raja Musa. Surat itu meminta Raja Musa datang ke Kapal Pluto membincangkan beberapa perkara. Raja Musa menolak keputusan itu dengan alasan dia bukanlah Sultan dan tidak boleh membuat sebarang keputusan.

Pihak British merasa tersinggung. Untuk mempertahankan maruah kerajaannya satu tindakan telah diambil. Dua buah angkatan laut di bawah pimpinan Leftenan Stopford dan Leftenan Maude dihantar mendarat di kawasan Syed Mashhor.

Stopford dan Skinner tiba di kubu bersenjata yang dikawal oleh Syed Mashhor dan orang-orangnya. Manakala Maude pergi ke seberang sungai untuk menyiasat di kampung-kampung. Dalam pertemuan Stopford dan Skinner di pintu pagar, Syed Mashhor telah menutup pintu pagar kubu yang di hadapan Skinner. Serentak dengan itu, orang-orang Inggeris mendengar bunyi tembakan di seberang sungai. Mereka bergegas pulang ke Kapal H.M.S. Renaldo untuk mengetahui apa yang telah berlaku.

Tatkala itu kelihatan angkatan yang di bawah Leftenan Maude mendarat. Tidaklah dapat diteka sama ada Raja Mahmud atau Raja Mahadi berjabat tangan dengan salah seorang daripada mereka. Maude mengajak mereka menemaninya ke Kapal Pluto tetapi mereka menolak. Namun demikian setelah mereka tiba di situ Skinner telah memaksa mereka naik ke kapal.

Maka berlakulah tembak menembak di atas kapal itu. Salah seorang daripada mereka terbunuh dan Leftenan Maude bersama lima orang anak-anak kapalnya tercedera. Kapal Pluto belayar menuju ke Pulau Pinang membawa orang-orang yang tercedera itu.

Kemudian Syed Mashhor pula telah menerima berita yang saudaranya telah terbunuh. Dia mengsyaki Raja Yaakob putera Sultan yang bertanggungjawab di atas kematian saudaranya itu. Dia sangat marah lalu meninggalkan kubu bersama pengikut-pengikutnya menyebelahi ke pihak Raja Mahadi. Tinggallah Raja Musa bersendirian mengawas kubu di Kuala Selangor itu.

Dua minggu kemudian, J.W.W. Birch Setiausaha Tanah Jajahan dari Singapura telah melawat daerah-daerah yang berlaku kekacauan itu. Birch mendapati Kuala Selangor tenteram di bawah pentadbiran Tunku Kudin. Ada juga bukti Raja Mahadi dan kumpulan-kumpulannya menunggu masa hendak menyerang kawasan yang berdekatan.

Semasa di Kuala Lumpur Tunku Kudin dan Birch telah mengadakan beberapa pertemuan dengan Sultan. Baginda diminta mengisytiharkan bahawa baginda telah memberi kuasa mentadbir dan memerintah negeri Selangor kepada Tunku Dziauddin. Tetapi setengah-setengah pihak di kalangan istana menentang Tunku Kudin. Sebab itu Sultan enggan melakukannya.

Sebuah dokumen baharu telah dikeluarkan oleh Sultan bagi menggantikan 'Surat Wakil' yang lama. Kuasa tersebut diberikan kepada satu majlis yang dianggotai oleh Tunku Kudin dan beberapa orang lain termasuklah Raja Bot dan Raja Yahya di Lukut. Bagaimanapun Tunku Kudin enggan menerima dokumen perintah itu. Mungkin dia dipengaruhi oleh Birch. Akhirnya Sultan pun melantik semula Tunku Kudin sebagai 'Wakil Yamtuan' pada 22 Julai 1871.⁷ Kemudiannya Birch meninggalkan Selangor. Ia memberi jaminan bagi pihak British kepada usaha Tunku Kudin untuk membawa keamanan dan kestabilan di negeri Selangor.

Apabila kuasa telah dipindahkan, Sultan Abdul Samad tidak lagi mengambil sebarang bahagian dalam hal-hal awam. Baginda hanya memainkan peranan sebagai orang tua yang mempunyai toleransi mungkin secara sukarela atau sebaliknya. Tunku Kudin melantik dua orang pegawai Eropah mengetahui angkatan tenteranya. Seramai 21 orang Pegawai Yang Tidak Bertauliah, 180 orang Sipahi dan 200 orang tentera Kedah. Sebuah Kapal Api Telegraph digunakan untuk angkatan lautnya. Seorang jurutera namanya Calcott telah dilantik bagi mengendalikan pembinaan Jalan Damansara ke Kuala Lumpur.

Suatu laporan tahunan pendapatan hasil negeri sebanyak \$165,350.00 dan perbelanjaannya \$74,522.00 telah dikeluarkan oleh Tunku Kudin. Inilah pertama kali penyata kewangan dibuat pada waktu itu. Pentadbirannya mengikut secara British memerintah

⁷ Arkib Negara Malaysia, "Hari Ini Dalam Sejarah" mengenai "Perlantikan Semula Tunku Kudin Sebagai Wakil Yamtuan Negeri Selangor" Jilid III, 1983, hlm. 75.

Negeri-negeri Selat merupakan suatu cara yang asing kepada adat istiadat Melayu mengikut tradisi. Dengan cara demikian, Tunku Kudin menjadi tidak popular di kalangan pembesar-pembesar dan orang-orang Melayu. Lagi pun dia mempunyai ramai rakan dari pihak Inggeris di Pulau Pinang hingga menimbulkan rasa syak wasangka terhadapnya.

Mereka menganggap Tunku Kudin itu sebagai orang asing dan orang perantaraan British. Sebahagian lagi merasakan Tunku Kudin telah merampas kuasa raja. Walau bagaimanapun dia bertindak secara ikhlas dan memperkenalkan pembaharuan. Sistem kerajaannya itu adalah penting untuk menggantikan pentadbiran lama secara feudal.

Dalam bulan November 1871 keadaan huru-hara timbul kembali. Wan Abdul Rahman dari Johor yang menjadi wakil Tunku Kudin di daerah Hulu Selangor telah ditawan oleh Syed Mashhor. Keadaan Kuala Selangor yang di bawah pengawalan Pennyfather dan tentera-tentera Sipahi masih selamat. Raja Yaakob iaitu saudara ipar Tunku Kudin di daerah itu tidak memberi kerjasama kepada Pennyfather. Ini menyebabkan berjayanya Syed Mashhor memecahkan benteng pertahanan dari laut sekaligus apabila ia menerima bekalan yang diperlukannya.

Dari seluruh kawasan pantai Kuala Selangor hingga ke Jugra, Tunku Kudin mempunyai pengaruh yang kuat. Dia juga mempunyai tentera pertahanan di bawah Pegawai-pegawai Eropah di Kelang, Kuala Lumpur dan Kuala Selangor. Walaupun kuasanya tidak terjamin tetapi ia mendapat sokongan dari orang-orang Melayu Kedah, tentera-tentera India upahan, Pegawai-pegawai Eropah dan orang-orang Cina di bawah Kapitan Yap Ah Loy.

Di dalam peperangan di Selangor itu, Syed Mashhor telah berjaya mendapatkan bekalan dan alat senjata menerusi penyokong-penyokongnya di Sungai Perak dan Sungai Bernam. Raja Mahadi ke Sumatera untuk mendapatkan sebuah angkatan laut termasuk empat buah kapal, wang, senjata dan peluru di Bengkalis. Putera-putera Raja Siak telah membantu dalam perkara tersebut. Tentera-tenteranya juga menerima latihan di situ.

Kegiatan Raja Mahadi di Bengkalis telah diketahui oleh Tunku Kudin. Syed Zain, rakan kepercayaannya, dihantarkan ke Singapura dan Sumatera. Bersamanya dibawa sepucuk surat rasmi dari Kerajaan Kolonial untuk pihak yang berkuasa Belanda di Bengkalis. Sebaik sahaja berita itu diterima, Belanda terus bertindak. Kapal-kapal, wang dan alat-alat senjata dirampas. Raja Mahadi diusir keluar dari Sumatera.

Namun demikian Raja Mahadi tidak putus harapan. Dia pergi ke Singapura sambil menuntut supaya Kerajaan Belanda membayar gantirugi. Pendakwa Raya Braddell dan Maharaja Johor telah menyokong tuntutanannya itu. Menurut Braddell tidak ada bukti yang pem-

belian senjata dan peluru di Bengkalis digunakan untuk kegunaan perang. Jual beli senjata itu adalah sah. Begitu juga kata-kata Syed Zain tidak boleh diterima kerana bertentangan dengan kenyataan Maharaja Johor.

Peristiwa Raja Mahadi yang dikatakan tidak bersama pengikutnya di atas kapal Renaldo menunjukkan tidak ada bukti yang dia bertanggungjawab di atas kapal itu. Tunku Kudin dianggap sebagai wakil sahaja dan 'Surat Wakil' cuma boleh digunakan di daerah Langat. Di sini jelas dia tidak mempunyai hak yang sah untuk memerintah Selangor.

Gabenor Sir Herry Ord berpendapat yang Raja Mahadi tidak mempunyai niat jahat ke atas negeri Selangor. Maharaja Johor pula menyatakan supaya Tunku Kudin dilucutkan jawatannya sebagai Wizurai Selangor. Sepatutnya jawatan itu diserahkan kepada Raja Musa iaitu putera Sultan yang tertua.

Sir Herry Ord menyaksikan sendiri bahawa Tunku Kudin telah bersetuju membayar \$350.00 sebulan kepada Raja Mahadi dengan syarat beliau hendaklah meninggalkan Selangor dan menetap di Johor. Tawaran itu tidak dipersetujui oleh Raja Mahadi. Sebaliknya ia menyerang Selangor sekali lagi.

Dalam tahun 1872 Raja Mahadi meninggalkan Johor lalu pergi ke Linggi. Dari situ beliau bersama ramai pengikutnya termasuk Raja Laut dan Raja Mahmud ke Sungai Ujong. Sekali lagi timbul satu pemberontakan. Syed Mashhor dan orang-orangnya menyerang Kuala Selangor lalu membunuh seorang Pegawai Eropah dan 52 orang Sipahi. Seluruh Hulu Selangor jatuh ke tangannya.

Syed Mashhor menyerang lagi daerah-daerah tengah. Dia berjaya menyekat pasukan yang di Kuala Lumpur. Mereka itu terdiri dari dua orang Pegawai Eropah dan 80 orang Sipahi berpangkalan di bahagian pantai. Tinggallah daerah Kelang sahaja yang di bawah kuasa Tunku Kudin.

Dalam bulan Oktober 1872 pertahanan di Kuala Lumpur makin lemah. Komander Hagen telah memutuskan hendak berundur ke tempat yang selamat di bahagian pantai. Percubaan Hagen kali pertama di sepanjang Jalan Petaling berakhir dengan kegagalan. Ini disebabkan seorang Cina pemotong kayu yang menjadi penunjuk jalan itu tidak cekap. Musuh-musuh telah bersedia menunggu mengelilingi mereka di Petaling. Percubaan kali yang kedua berakhir dengan kekalahan.

Dalam masa peperangan sengit itu, Cavaliero, seorang pegawai pembantu Hagen telah terbunuh bersama 20 orang Sipahi. Manakala Hagen dan 40 orang Sipahi juga telah ditawan dan dipenjarakan di dalam kota. Hanya 30 orang sahaja yang berjaya melarikan diri ke pantai.

Kepala Cavaliero telah dipisahkan dari badannya dan ditunjukkan kepada Hagen. Kemudiannya Hagen pula telah disembelih seperti haiwan dan dibiarkan mati berdarah. Kepala kedua-dua

pegawai itu telah diletakkan di atas pancang-pancang kayu dan diarak mengelilingi Kuala Lumpur dengan pukulan gong dan gendang. Akhir sekali ia dipacakkan di pintu kota yang berkubu.

Tawanan-tawanan lain telah dibunuh dengan cara yang sama. Ini terdiri dari 2 orang Pegawai Eropah, 8 orang Pegawai Eropah Yang Tidak Bertauliah dan 56 orang Sipahi di Kuala Lumpur dan 56 orang lagi di Kuala Selangor menjadikan jumlahnya 119 orang.

Tunku Kudin amat bernasib baik kerana bantuan telah tiba dari Pahang. Iman Perang Rasul datang melalui Genting Bentong bersama 17 orang pemimpin dan 2,000 orang pejuang untuk membantunya. Pada 18 November 1872, mereka telah menyerang Petaling dan dapat mengalahkan Tuk Engku Kelang dan Tunku Panglima Raja yang bertahan di kota berkubu itu. Kubu di Hulu Kelang yang di bawah jagaan Raja Asal telah ditawan. Orang-orangnya habis lari bertemparan.

Pada 8 November 1873 Kuala Lumpur jatuh. Syed Mashhor menjadi orang tawanan. Raja Mahadi dan pengikut-pengikutnya lari ke Perak dan ke Sungai Ujong dan mendapat perlindungan dari sekutu-sekutunya. Tunku Kudin pula telah menghadapi masalah yang lain. Dia terpaksa memberhenti penyeludupan. Dia mengadakan rondaan dengan kapal Telegraphnya untuk mengawal pantai.

Sultan Abdul Samad pula telah mengeluarkan pas kepada orang-orang yang lari tanpa pengetahuan Tunku Kudin. Bila bangkangan dibuat baginda pun mengumumkan yang ia akan memberhentikan pas-pas tersebut. Tunku Kudin tidak akan mengendalkannya lagi jika perbuatan tersebut diteruskan.

Dengan perisytiharan itu Tunku Kudin telah merampas sebuah bot Cina yang bernama Sri Melaka kepunyaan Tan Kim Hoon seorang saudagar Melaka. Sebelum itu dia telah diberi amaran oleh Leftenan Gabenor Melaka dan juga oleh pihak Yang Berkuasa Selangor kerana mengejek Peraturan Perkapalan Negeri Selangor.

Tan Kim Hoon telah membuat rayuan kepada Gabenor Negeri-negeri Selat dengan menyatakan yang baginda memperkenankan perbuatannya itu. Mengikut akta, baginda telah mengeluarkan satu pas kepadanya. Ekoran itu dia juga mengeluarkan satu waran menentang tindakan Tunku Kudin. Perkara tersebut telah dirujukkan kepada Pendakwa Raya Braddell. Kemudian dia mengeluarkan satu kenyataan yang kuasa Wizurai tidak meliputi di laut. Di sini nyatalah tindakan Tunku Kudin itu bersalah atas tuduhan merompak dan menawan bot itu.

Gabenor Sir Herry Ord menjelaskan bahawa kejadian itu telah berlaku di Sungai Langat dan bukannya di lautan lepas. Braddell terus menentang pendapat itu. Rompakan boleh berlaku di mana-mana sahaja sedangkan Wizurai merupakan Wakil Sultan dan sebagai ejen baginda. Sultan boleh memansuhkan segala perintah dan kehendak Wizurai.

Braddell juga berpendapat barang siapa yang cuba menguatkuasa-

kan undang-undang di sepanjang pantai Selangor ia bolehlah dianggap sebagai seorang lanun. Barang siapa yang melanggar undang-undang pula boleh dianggap sebagai seorang yang tidak jujur. Namun demikian bila tiba masa untuk bertindak pendapat Pendakwa Raya itu tidak mendatangkan sebarang hasil. Hakim tidak mempunyai sebarang kuasa untuk mentadbir. Sekiranya mereka mengeluarkan waran untuk menangkap, rakyat Selangor tidak akan mengendahkanannya. Tan Kim Hoon telah disuruh mengemukakan rayuannya kepada Majlis Perundangan. Akhirnya perkara itu tinggal begitu sahaja tanpa sebarang tindakan yang diambil.

Pada 16 November 1873 sebuah kapal pedagang dengan 3 orang penumpang Cina dan 6 orang Melayu anak kapal telah diserang oleh 20 orang Melayu yang menaiki 2 buah perahu. Kejadian ini berlaku tidak jauh dengan kubu di muara Sungai Langat. Seorang telah dibunuh dengan lembing. Mereka yang selamat melarikan diri ke Melaka dan mengadakan hal tersebut kepada pihak yang berkuasa.

Secara kebetulan Laksamana Shadwell dengan 4 buah kapal angkatan tentera laut British sedang berada di perairan Tanah Melayu pada ketika itu. Sir Andrew Clarke, Gabenor yang baru, tiba dengan tujuan untuk memperkenalkan Sistem Residen di Negeri-negeri Melayu. Dua orang Pesuruhjaya iaitu J.G. Davidson dan Mejar J.F. McNair telah dihantar menyiasat perkara tersebut.

Lapan orang telah ditangkap kerana kesalahan merompak. Perbicaraan telah dijalankan oleh Tunku Kudin dan dibantu oleh Dato' Aru, Penghulu Dagang (Langat) dan Lee Ah Kang. Tujuh orang telah dihukum bunuh pada 16 Februari 1874. Pihak British berpendapat tidak wajar menghukum mereka yang dituduh menjadi pengikut-pengikut Raja Yaakob, putera Sultan yang ketiga. Mereka yang lari mempunyai saksi yang penyerang-penyerang itu datangnya dari dalam kota yang dibina oleh mereka sendiri. Barang-barang rampasan telah dibawa masuk ke dalam kota.

Pihak British menyatakan Sultan mempunyai tanggungjawab ke atas kesalahan kerajaan. Baginda dikehendaki membayar ganti rugi rompakan yang berjumlah sebanyak \$5,000.00 dan didesak supaya menerima seorang Residen British di Selangor. J.G. Davidson telah dilantik menjadi Residen British yang pertama dengan dibantu oleh Frank Swettenham. Tempat kediaman Residen ialah di Langat.

British menganggapkan ini adalah satu jalan baik. Mereka menjemput Tunku Kudin untuk memberi nasihat kepada bapa mertuanya Sultan Abdul Samad supaya menerima seorang Residen British di Selangor dengan tujuan memperkenalkan pentadbiran British di dalam negeri tersebut.

Baginda Sultan telah menulis sepucuk surat kepada Gabenor menerangkan yang baginda rela menerima pentadbiran British di Selangor. Seorang Residen British juga diterima untuk memberi nasihat dalam semua perkara kecuali agama dan adat istiadat Melayu.

Pada 21 Disember 1875 Tunku Kudin pun berangkat ke Singapura dengan membawa surat itu. Gabenor sangat gembira menerima berita tersebut. Setelah itu Sir Andrew Clarke belayar ke Selangor dengan sebuah kapalperang lalu berlabuh di muara Sungai Jugra. Dalam pertemuan dengan Sultan itu satu perjanjian pentadbiran British Koloni serta perlindungan telah pun ditandatangani. Perjanjian itu untuk selama 25 tahun sahaja.

J.G. Davidson telah menjadi Residen. Ini berdasarkan pengalamannya di atas beberapa perkara yang banyak berlaku di Selangor. Dia juga lebih dahulu banyak memberi pertolongan kepada Tunku Kudin dalam masa perang di Selangor.

Sebuah rumah telah didirikan untuk Residen di Kelang. Gajinya ialah sebanyak \$600.00 sebulan. Tunku Kudin sebagai Wizurai diberi gaji \$800.00 sebulan manakala isterinya, Raja Arfah diberi sebanyak \$200.00 sebulan untuk seumur hidup.

Pemerintahan Awam British dan Undang-undang Jenayahnya termasuk Hak Milik Tanah, Cukai dan Kastam mengikut undang-undang asalkan di dalam Undang-undang Negeri Selat. Semua gerangan tanah yang 99 tahun lamanya ditandatangani oleh Sultan. Satu sewaan yang kurang lamanya hendaklah ditandatangani bersama oleh Residen dan Wizurai.

Negeri Selangor mestilah membayar balik sejumlah \$300,000.00 kepada Baba Lim Teck Ee Melaka secara ansuran pada tiap-tiap tahun sebanyak \$65,000.00. Jumlah sebanyak itu telah digunakan oleh Raja Ismail untuk perbelanjaan makanan dan alat senjata semenjak perang bermula.

Satu laporan pengembaraan dari Tunku Kudin membebaskan Paduka kekandanya Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah, Sultan Kedah. Baginda sangat murka pada Tunku Kudin kerana tidak menurut perintah dan melibatkan dirinya dalam urusan negeri lain lantas baginda melucutkan gelaran Raja Muda Kedah yang disandang olehnya. Seterusnya Tunku Yaakob, adik Tunku Kudin, dilantik menggantikan tempatnya dalam bulan Februari 1873.

Raja Musa yang tinggal di Singapura semasa perang di Kuala Selangor telah dijemput oleh Paduka Ayahandanya, Sultan Abdul Samad pada 16 Mei 1875 untuk mewarisi takhta Kerajaan Selangor. Sekembalinya Raja Musa, putera sulung baginda, dilantik menjadi Raja Muda Selangor. Tempat kediamannya ialah di Langat.

Tunku Mariam, puteri Tunku Kudin, dikahwinkan dengan Tunku Zainal Rashid, putera sulung Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah pada 15 April 1876. Upacara perkahwinan itu telah dilangsungkan di Istana Kota Setar.

Setelah Ingeris mencampuri pemerintahan di Selangor, Sultan Abdul Samad telah menubuhkan 'Sebuah Majlis Mesyuarat Negeri'. Persidangan pertama Majlis tersebut telah diadakan pada 1 Jun 1877. Ahli-ahlinya mengandungi Tunku Kudin sebagai Presiden



Gambar :Tunku Rijaludin Mohamed
*Tunku Yaakob ibni Almarhum Sultan Zainal Rashid Al-
Mu'adzam Shah I, Raja Muda Kedah.*

Majlis. Yang lainnya ialah Residen British, Raja Kahar (Kelang), Tunku Panglima Raja (Kanchong), Magistret, Innes Pemungut Cukai Kuala Langat dan Tauke Yap Ah Loy, ketua orang-orang Cina.

Pada 1 November 1878, Tunku Kudin telah meletakkan jawatannya sebagai Wizurai. Permohonannya telah diperkenankan oleh Sultan Abdul Samad. Semenjak itulah Raja Musa, Raja Muda Selangor, menjadi Wakil Sultan dan Presiden Majlis Mesyuarat Negeri. Tunku Kudin mendapat bayaran saguhati dari Kerajaan Selangor sebanyak \$30,000.00 dan pencen bulannya sebanyak \$500.00.

Pada 2 Jun 1879, Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah, Sultan Kedah mangkat. Almarhum telah dimakamkan di Kota Langgar pada keesokan harinya. Tunku Yaakob dengan persetujuan para Menteri Negerinya telah bersepakat hendak melantik Tunku Zainal Rashid, timang-timangan Tunku Putra menggantikan Almarhum Paduka Ayahandanya. Tunku Kudin telah membangkang keputusan itu.

Pada 20 Ogos 1879, Tunku Kudin dan Tunku Yaakob bersama dengan tiga orang putera-putera Sultan, iaitu Tunku Abdul Hamid, Tunku Zainal Rashid dan Tunku Kassim dengan diiringi oleh Menteri-menteri Kedah termasuk Tuk Kerani Muhammad Arshad, Setiausaha Sulit Sultan, belayar ke Bangkok. Di dalam perjalanan itu kapal mereka berlabuh di Singgora. Tuk Kerani Muhammad Arshad jatuh sakit. Allahyarham meninggal dunia dengan penyakit lelahnya pada 20 November 1879. Beliau dikebumikan di Masjid Luang Koca Ishak di Bangkok.

Setelah pengebumiannya selesai, Tunku Kudin dan Tunku Yaakob mencapai kata sepakat dan bersetuju melantik Tunku Zainal Rashid menjadi Sultan dan Tunku Abdul Hamid menjadi Raja Muda. Perlantikan ini telah mendapat pengiktirafan Maharaja Siam.

Pada 29 Januari 1880, Tunku Zainal Rashid dikurniakan dengan gelaran Phya Saiburi (Syburi), Tunku Kudin bergelar Phya Yutukan Kusun dan Tunku Yaakob dengan gelaran Phya Sarapon Pipit. Dalam pemerintahan Sultan Zainal Rashid Al-Mu'adzam Shah Ke-II (1879-1881), Tunku Kudin dan Tunku Yaakob telah dilantik menjadi Penasihat kepada Sultan yang baharu.

Setelah mereka pulang dari Bangkok, timbul pula lagi satu perselisihan di antara Tunku Kudin dengan Tunku Yaakob mengenai perkara-perkara dalam negeri. Sekali lagi mereka bermaksud hendak pergi ke Bangkok mengadap Maharaja Siam untuk mendapat persetujuan. Tunku Kudin tinggal di Kedah. Cuma Tunku Yaakob bersama dengan Dato' Wan Muhammad Saman sahaja belayar ke Bangkok. Mereka singgah di Singapura. Tunku Yaakob menerima berita yang Sultan Zainal Rashid gering secara tiba-tiba kerana lemah jantung. Beliau mangkat pada 22 September 1881.

Tunku Yaakob menulis surat kepada kakak iparnya Paduka Wan Hajar yang dikenali juga dengan nama Mak Wan Besar iaitu

balu Almarhum Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah memohon supaya menghantar Tunku Abdul Hamid ke Singapura.

Tunku Kudin yang tinggal di Kedah mengiringi Tunku Abdul Hamid dan Tunku Kassim berangkat ke Singapura pada 27 Oktober 1881. Dari situ bersama dengan Tunku Yaakob, mereka terus belayar ke Bangkok. Maharaja Siam bersetuju mengesahkan perlantikan Tunku Abdul Hamid sebagai Sultan Kedah. Baginda bergelar Sultan Abdul Hamid Halim Shah Phya Saiburi menggantikan almarhum kekandanya pada 30 Mac 1882

Tunku Kudin merasa kecewa kerana tuntutannya tidak berjaya. Beberapa bahagian Kedah untuknya telah terlepas dari tangannya. Berikutnya pada 28 Oktober 1882, dia pun meninggalkan Bangkok dan memutuskan untuk menetap di Pulau Pinang.

Tidak berapa lama selepas pertabalan Raja Muda Selangor, Raja Musa gering lalu mangkat. Puteranya yang sulung, Raja Sulaiman telah dilantik mengambil tempatnya sebagai Raja Muda. Pada 17 Januari 1898, Sultan Abdul Samad gering. Raja Muda telah menghantarkan sepucuk telegram kepada Tunku Kudin yang tinggal di Kelawai, Pulau Pinang.

Apabila telegram itu diterima Tunku Kudin pun segera belayar dengan Kapal Asmaralda ke Kelang dan tiba pada 29 Januari 1898 dan terus ke Istana Bukit Jugra.

Pada hari Ahad 6 Februari 1898, Sultan Abdul Samad mangkat.



Gambar: Tunku Rijaludin Mohamed

Keberangkatan Raja Rama V (Chulalongkorn 1868–1910) ke Kedah pada 2 Disember 1895. Kelihatan Tunku Yaakob, Raja Muda dan Tunku Kudin di kiri kanan bergambar ramai mengiringi baginda di Pulau Pinang.

Ketika itu almarhum berusia 93 tahun dan memerintah negeri Selangor selama 43 tahun. Pada hari dan tarikh yang sama, Raja Muda Sulaiman pun diisytiharkan menjadi Sultan Selangor bergelar Sultan Alauddin Sulaiman Shah manakala Raja Laut bin Raja Mohammad ditabalkan menjadi Raja Muda Selangor pada 21 November 1899.

Sebelum mangkat Sultan Abdul Samad, Raja Sulaiman telah berkahwin dengan Tunku Mahmum, puteri Tunku Kudin dengan isterinya Raja Arfah. Mereka mempunyai 5 orang putera dan 4 daripadanya ialah Tunku Musa Uddin, Tunku Maheran, Tunku Fatimah dan Tunku Arfah yang dilahirkan di Kelang. Anak yang kelima bernama Tunku Puteri Zaharah dilahirkan di Tanjung Dawai, Kedah.

Sewaktu mendapat putera yang keempat Sultan Alauddin Sulaiman Shah telah berkahwin bagi kali yang kedua. Isteri baginda itu orang kebanyakan bernama Hajah Safiah binti Haji Abdul Ghani yang berasal dari Kelang. Ia tinggal di Parit Jawa, Padang Muar dan kemudiannya berpindah ke Langat.

Tunku Mahmum amat marah pada baginda dan terus merajuk. Ia meninggalkan Kelang pada 3 Januari 1899 dan balik ke Pulau Pinang bersama-sama dengan empat orang puteranya. Sungguhpun Tunku Kudin menasihatinya supaya balik semula ke Kelang, namun demikian dia menolak. Akhirnya Tunku Kudin terpaksa mengizinkan puteri dan cucu-cucunya tinggal di kediamannya di Tanjung Dawai.

Dalam masa tersebut Tunku Mahmum sedang hamil. Tunku Kudin tidak sampai hati dan tinggal bersama-sama mereka di Tanjung Dawai untuk beberapa waktu. Pada 18 Februari 1899, Tunku Mahmum pun melahirkan seorang cahayamata puteri. Ia dinamakan oleh Tunku Kudin dengan nama Tunku Puteri Zaharah.

Pada ketika itu Sultan Alauddin Sulaiman Shah bersemayam di Bandar Temasha (Termasa). Kemudiannya baginda berangkat membuat kunjungan ke Kelang untuk menyaksikan pembinaan istana-baginda yang baharu. Setelah siap ia dinamakan Istana Mahkota Puri.

Pada 24 April 1900, Sultan Alauddin Sulaiman Shah mengutuskan Raja Bot membawa sepucuk surat baginda untuk mengambil Tunku Ampuan Mahmum balik ke Kelang. Tetapi dia menolak walaupun ayahandanya Tunku Kudin menasihat supaya berbuat demikian.

Kemudiannya baginda sendiri pula dengan rombongannya berangkat ke Tanjung Dawai. Nasihatnya tidak juga berhasil. Sebagai ikhtiar yang terakhir, Sultan Alauddin Sulaiman Shah telah menghantar sebuah misi yang lain yang diketuai oleh Dato' Bentara. Mereka belayar dengan Kapal Tonia dari Kelang pada 9 Februari 1901 dan tiba di Pulau Pinang pada keesokan harinya lalu terus ke Tanjung Dawai. Akhirnya baharulah Tunku Ampuan Mahmum setuju balik ke Kelang.

Bagaimanapun Tunku Ampuan Mahmum ke Pulau Pinang dahulu.

Setelah itu berangkat ke Kota Setar untuk menziarahi saudara mara dan keluarga yang lain termasuklah Paduka Bonda Wan Hajar dan juga Makam Diraja di Langgar.

Pada 10 Mac 1901, Tunku Ampuan Mahrum pun baliklah ke Kelang. Baginda sendiri berangkat dengan sebuah bot menyambut Paduka Adinda dan putera baginda. Turut mengucap selamat ketibaan Tunku Ampuan Mahrum ialah Belfield, Residen Selangor yang datang dari Kuala Lumpur.

Pada 22 Oktober 1903, Sultan Alauddin Sulaiman Shah dan Tunku Mahrum telah ditabalkan menjadi Sultan dan Tunku Ampuan Selangor. Di dalam istiadat pertabalan itu, Tunku Bahadur Shah yang mengiringi Tunku Ampuan dari Tanjung Dawai ke Kelang itu tinggal di situ selama tiga hari. Kemudian beliau belayar kembali ke Pulau Pinang dengan Kapal Asmaralda.

Pada 5 Jamadilawal 1327 (1909M), Tunku Kudin mangkat di kediamannya di Kelawai, Pulau Pinang. Sebelum itu matanya hampir-hampir buta. Jenazah almarhum dibawa balik ke Kedah lalu di makamkan di Permakaman Diraja di Langgar.

Sewaktu dalam pemerintahan Sultan Abdul Hamid Halim Shah harta peninggalan⁸ Tunku Kudin itu ialah sebanyak 90 relong⁹ dusun buah-buahan termasuk sebuah istana di Bukit Tinggi. Harta-harta tersebut telah diserahkan oleh baginda kepada Cik Manjalara (isteri baginda) untuk menjaganya.

Akhirnya kawasan yang seluas itu telah diusahakan oleh Syarikat Pembinaan dan Perumahan Tabung Haji Sendirian Berhad. Bagi peringkat pertama sebanyak 20.638 hektar didirikan rumah-rumah kediaman dan kedai-kedai. Ia mengandungi 387 unit rumah teres dua bilik satu tingkat, 35 unit rumah teres tiga bilik satu tingkat dan 26 unit rumah kedai dua tingkat.

Bagaimanapun tapak wujudnya Istana Tunku Kudin itu tidaklah diganggu oleh projek perumahan peringkat pertama. Kemungkinan bangunan yang dianggap bersejarah itu akan luput apabila projek perumahan peringkat kedua dilaksanakan nanti.

Memandangkan usia bangunan itu sudah pun menjengkau lebih dari satu abad. Ia telah terbiar begitu sahaja. Sebahagian besarnya telah roboh. Cuma tinggal ruang-ruang di tingkat bawah sedangkan ianya berbumbungkan langit di samping ditumbuhi dengan pokok-pokok liar termasuk pokok-pokok jerai.

Walaupun zaman kegemilangan Istana Bukit Tinggi di daerah Kubang Pasu sudah tidak wujud lagi, elok rasanya jika bangunan itu dibersihkan dan dijaga. Sekurang-kurangnya usaha pemuliharaan sebuah bangunan lama untuk generasi kini mempelajari sejarah silamnya.

⁸ Abdul Aziz bin Ishak, "Riwayat Hidup Tunku Abdul Rahman Putra" menulis . . . harta itu 60 relong. (Jawi) 15 Jun 1955 hlm. 9.

⁹ Temubual dengan Pak Awang Jaafar Haji di rumahnya di Kampung Perak, Alor Setar 7 Ogos 1955.

8

SULTAN ABDUL HAMID HALIM SHAH

Baginda Sultan Abdul Hamid Halim Shah diputerakan pada hari Sabtu 28 Zulhijjah 1280 (4 Jun 1864). Baginda ditabalkan menjadi Sultan pada 3 Jamadilakhir 1299 (30 Mac 1882). Baginda adalah Sultan yang paling lama memerintah negeri selama 61 tahun. Pada masa tersebut berbagai pengalaman telah baginda tempuhi iaitu sewaktu di bawah pemerintahan Siam, Inggeris dan Jepun.

Negeri Kedah sejak itu telah berubah corak, dari sebuah negeri yang mundur ke tamadun baharu. Pembinaan pejabat-pejabat kerajaan, sekolah-sekolah, jalanraya-jalanraya, masjid-masjid dan jambatan-jambatan telah dilaksanakan.

Sultan Abdul Hamid terkenal sebagai 'Bapa Kedah Moden'. Kedah mempunyai sistem pentadbirannya yang tersendiri seperti Majlis Jemaah Menteri dan jabatan-jabatannya. Kedah memang terkenal dengan penghasilan padinya dan dikenali dengan nama negeri Jelapang Padi.

Dalam tahun 1313H (1895M), baginda telah melantik adindanya, Tunku Abdul Aziz ibni Almarhum Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah menjadi Raja Muda. Kegeringan baginda menyebabkan negeri Kedah diletakan di bawah pentadbiran Dato' Wan Muhammad Saman. Pada ketika itu Tunku Abdul Aziz baru berusia 31 tahun dan membantu menjalankan pemerintahan negeri.

Sebelum itu, sebanyak tiga kali baginda berangkat ke Bangkok (tahun 1890, 1892 dan 1893) dengan Kapal Good Luck. Lawatan pertama dengan Paduka Wan Hajar, baginda telah dianugerahkan oleh Raja Siam dengan bintang kebesaran 'La Dawandi' sebagai mengengankan jasa baginda yang pernah dilantik menjadi Pesuruhjaya Tinggi di Wilayah Ceraiburi¹ (Thrsaiburi). Wilayah ini mengandungi negeri Kedah, Perlis dan Setul (Satun). Gelaran baginda ialah Chao Phya Riddisongkran Bakti.

Bintang tersebut dipamerkan pada sebuah bangunan Balai Besar yang berbumbung panjang. Terdapat dua keping tibar layar yang

1 Lazimnya disebut 'Saiburi'. Dalam surat-surat Jawinya, Sultan Abdul Hamid tidak pernah menulis 'Saiburi' tetapi sering menulis 'Ceraiburi'. Jangan keliru pula dengan 'Saiburi' sebuah wilayah di Patani.



Gambar: Tunku Rijaludin Mohamed
*DYMM Sultan Abdul Hamid Halim Shah ibni Almarhum
Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah.*



Gambar: Jawatankuasa Pelancongan Negeri Kedah
Balai Besar yang bersejarah.


berbentuk tiga segi. Kedua-dua tibar layar itu dihiasi dengan rajah ukiran matahari memancar ketika rembang. Anugerah lain untuk baginda ialah baju labuh sutera, songkok hitam berbulu kesuari, jata negeri Kedah dan sebilah pedang.

Lawatan baginda kali kedua ialah ke Rangoon dan Mandalay di Burma. Selepas itu barulah baginda berangkat ke Siam dengan Dato' Wan Muhammad Saman Perdana Menteri selaku Menteri Pengiring.

Lawatan kali yang ketiga pula, baginda singgah di Singapura, Pahang, Terengganu, Kelantan dan seterusnya ke negeri Siam. Baginda dikurniakan oleh Raja Siam bintang kebesaran 'Order of the White Elephant First Class'. Pada bulan Disember tahun itu, baginda berangkat balik ke Kedah.

Pada bulan Januari 1896, Sultan Abdul Hamid melawat ke Patani untuk menyaksikan hal-ehwal negeri itu dari dekat. Lawatan baginda berakhir pada bulan Mac. Berikutnya dalam bulan Mei, baginda gering selama seminggu dan berada di bilik peraduan hingga membimbangkan sekalian pembesar-pembesar negeri.

Pada masa inilah timbul ingatan hendak membina semula Balai Besar. Ianya perlu diperbaiki dan dipindahkan sesuai sebagai tempat berjaga-jaga dalam masa kegeringan baginda. Kerajaan Negeri Kedah telah dipangku oleh Tunku Abdul Aziz dan kemudian memangku pula pekerjaan Dato' Wan Muhammad Saman yang telah kembali ke rahmatullah dalam saat genting itu.



Gambar: Muzium Negeri Kedah

Bintang-bintang Kebesaran yang telah dikurniakan kepada Sultan Abdul Hamid Halim Shah iaitu Bintang Gajah Putih dan Raja Rama V (Chulalongkorn).

Tunku Abdul Aziz telah berusaha memajukan negeri Kedah dalam bidang Pentadbiran Awam, Polis, Pemilikan Tanah, Jabatan Kerjaraya, Pengeluaran Lesen Kerbau Lembu dan lain-lain. Pembinaan sekolah sentiasa mendapat perhatiannya. Beliau merasakan mustahak sekolah-sekolah dibina di merata ceruk rantau dalam negeri ini. Semua itu bertujuan untuk menyelaraskan kedudukan rakyat jelata supaya sesuai dengan bentuk pentadbiran yang sentiasa berubah.

Pada 15 Zulhijah, 1314 (17 Mei 1897) suatu istiadat penyerahan Perlis dan Setul kepada Kerajaan Kedah telah disempurnakan oleh Kerajaan Siam di Balai Besar, Alor Setar. Barisan Kehormat dari Sipahi yang berbangsa Sikh menyambut ketibaan Tunku Abdul Aziz, Raja Muda Kedah.

Sebelum itu Raja Syed Ahmad Jamalullail, putera sulung Almarhum Raja Syed Hussein Jamalullail, ditabalkan menjadi Raja Perlis Ke-II. Manakala adindanya Syed Alwi Jamalullail dilantik menjadi Raja Muda. Baginda bersama-sama dengan beberapa orang menteri telah berangkat ke Bangkok menghadap Maharaja Siam dengan penuh istiadat sebagai Raja Perlis.



Gambar: Tunku Rijaludin Mohamed
*YTM Tunku Abdul Aziz ibni Almarhum Sultan Ahmad Tajuddin
Mukarram Shah, Raja Muda Kedah.*

Putera tunggal baginda bernama Syed Alwi Jamalullail² dikahwinkan dengan Wan Tam, (nama timangannya Wan Tam Bandar binti Wan Ismail) adinda kepada Wan Hajar, bonda Sultan Abdul Hamid Halim Shah dan adinda kepada Dato' Wan Muhammad Saman, Perdana Menteri Kedah.

Semenjak perkahwinan itu, Syed Alwi Jamalullail selalu berulang alik dari Arau ke Alor Setar dengan perahu layar. Baginda pula sangat mengambil berat tentang pelajaran, kemasyarakatan, adat resam dan permainan seni rakyat.

Dalam tahun 1863, Syed Alwi mangkat kerana tenggelam di Kuala Kedah. Baginda dimakamkan di Kampung Alor Keladi, mukim Limbong, berhampiran dengan makam moyangnya almarhum Syed Ahmad Jamalullail iaitu ayahanda kepada Syed Harun Jamalullail, Penghulu Arau yang pertama. Pada ketika itu putera tunggal almarhum ialah Syed Saffi Jamalullail baru berusia setahun.

Raja Syed Ahmad Jamalullail menjemput cucunda baginda, Syed Saffi balik ke Arau. Beberapa tahun kemudian, Syed Saffi Jamalullail dihantar ke Bangkok dan belajar di sebuah sekolah yang terkenal di sana. Dengan kepintarannya dalam bidang pelajaran, Raja Rama V (Chulalongkorn) mengambalnya menjadi putera angkat.

Dalam tahun 1897, Raja Syed Ahmad Jamalullail mangkat. Lalu dimakamkan di Permakaman Diraja di Arau. Cucunda baginda Syed Saffi ibni Almarhum Syed Alwi Jamalullail ditabalkan menjadi Raja Perlis Ke-III. Istiadat pertabalan baginda telah dijalankan di hadapan ayahanda angkatnya Raja Rama V dengan penuh kebesaran.


Baginda sangat mengambil berat tentang rakyatnya. Baginda menggali terusan untuk mengairi sawah dan untuk membawa barang-barang dengan perahu dan rakit. Di samping itu beberapa batang jalan tanah merah telah dibina. Baginda mengarahkan penghulu-penghulu membangunkan sekolah dan mencari guru. Dalam pemerintahan baginda beberapa buah sekolah Melayu telah didirikan seperti di Arau, Kangar, Kuala Perlis, Abi, Chuping, Hutan Aji, Kayang dan Sanglang.

Putera-putera baginda adalah Syed Alwi, Syed Mahmud, Syed Hamzah dan Syed Hussein. Mereka dengan beberapa orang anak pembesar lain telah dihantar belajar di Sekolah St. Xavier's Institution dan Penang Free School.

Dalam tahun 1905,³ baginda Raja Syed Saffi Jamalullail mangkat dan dimakamkan di Permakaman Diraja di Arau. Almarhum digantikan oleh putera sulungnya, Syed Alwi Jamalullail. Istiadat pertabalan telah dijalankan di Istana Maharaja Siam di Bangkok. Syed Mahmud Jamalullail, adinda baginda dilantik menjadi Raja Muda.

² Ahmad bin Ismail, "Kelopak Jantung" terbitan Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah mengenai 'Mengetahui Sejarah Negeri Perlis - Indera Kayangan' Bil: 3/82 November, 1982, hlm. 7.

³ Ibid, hlm. 8.



Gambar: Arkib Negara Malaysia


Istiadat penyerahan Negeri Perlis dan Negeri Setol kepada Kerajaan Kedah oleh Kerajaan Siam dalam tahun 1897.

Beberapa bulan kemudian, kewangan negeri menjadi sangat merosot dan sukar bagi baginda hendak menguruskan pentadbiran negeri Perlis. Baginda mengadakan suatu mesyuarat dengan pembesar dan akhirnya majlis bersetuju membuat pinjaman daripada Maharaja Siam. Setelah dipersembahkan permohonan itu, pihak Kerajaan Siam bersetuju dan menghantar seorang Inggeris bernama A H. Duke menjadi Penasihat Kewangan. Apabila Kerajaan Siam menyerahkan empat buah negeri termasuk Perlis bernaung di bawah Kerajaan Inggeris, M. Frost dihantar menjadi Penasihat British yang pertama di Perlis.

Adapun Syed Saffi, Raja Perlis Ke-III ialah sepupu dengan Sultan Kedah sebelah bonda. Manakala Tunku Abdul Rahman, Raja Setol pula sepupu dengan Sultan Kedah sebelah ayahanda.

Dalam tahun 1315H (1897M), Raja Setol mangkat, tempat baginda tiada penggantinya. Dengan itu kedua-dua buah negeri yang berkenaan diletakan di bawah pengawasan Sultan Kedah. Baginda dilantik menjadi Pesuruhjaya Tinggi dengan gelaran "Chao Phya" bagi pihak Kerajaan Siam.

Baginda telah melantik Ku Baharuddin (Ku Din) bin Ku Meh yang dahulunya Penguasa Penjara di Alor Setar menjadi Gabenor



Gambar: Jabatan Muzium

DYMM Raja Syed Alwi ibni Almarhum Raja Syed Saffi Jamalullail Raja Perlis (atas), Syed Hussain Jamalullail (kanan), Syed Hamzah Jamalullail (kiri) dan Syed Hassan Jamalullail Juruiring Raja (bawah).

Setol.⁴ Semenjak itu beliau berkhidmat dengan penuh dedikasi selama empat tahun. Kuasa yang telah diberikan kepadanya itu terlalu berlebihan, sehinggakan penghantaran bunga emas dari Setol ke Bangkok juga telah diberikan kepada Ku Din menguruskannya.

Dalam sedikit masa sahaja, Ku Din telah berubah fikiran dan hendak berkuasa penuh untuk menjalankan pentadbiran bersendirian di Setol. Segala laporannya dipersembahkan sendiri kepada Raja Siam di Bangkok. Beliau tidak lagi menerima atau mengambil sebarang hukuman dari Sultan seolah-olah membelakangkan pemerintahan Sultan.

Di dalam tahun 1319H (1901M) kuasa Sultan di Setol telah dikurangkan, malah sebarang hukuman atau perintah daripada Kerajaan Siam tidak lagi dihantar ke Kedah tetapi terus kepada Ku Din. Dengan ini bermakna Sultan Kedah sebagai 'Chao Phya' itu tidak bersangkutan dengan Setol.

Demikian juga kaitannya dengan Perlis, kuasa baginda telah dikurangkan oleh Kerajaan Siam sedikit demi sedikit. Lama kelamaan kekuasaan Sultan di atas kedua-dua buah negeri itu luput sama sekali

⁴ Wan Yahya bin Wan Muhammad Taib, "Salasilah atau Tarikh Kerajaan Kedah", cetakan kedua pada 18 Syaaban 1346 (1927M) hlm. 14



Gambar : Muzium Negeri Kedah
Ku Baharuddin bin Ku Meh, Gabenor Negeri Setol (Satun).

secara lisan tanpa kenyataan bertulis.

Pada 15 Jun 1904, Kerajaan Kedah telah mengadakan kenduri secara besar-besaran kerana Perkahwinan Diraja Lima Beradik. Perkahwinan itu di antara Tunku Ibrahim (nama timangannya Tunku Sulung) dengan sepupunya Tunku Aishah, puteri tunggal Tunku Abdul Aziz, Raja Muda Kedah.

Empat orang lagi putera dan puteri Sultan Abdul Hamid Halim

Shah ialah Tunku Zainal Rashid dengan Tunku Sepora puteri Tunku Bahador, Tunku Jamjam dengan Tunku Abdul Hamid putera Tunku Abdullah, Tunku Rokiah dengan Tunku Baharum bin Tunku Muhammad Ariffin dan Tunku Jahra dengan Syed Zahir bin Syed Abu Bakar Al-Mashhor.

Raja Siam dan Raja-raja Melayu telah dijemput ke Balai Besar untuk istiadat Perkahwinan Diraja Lima Beradik. Balai Besar ketika itu menjalankan dua tugas besar; pertama sebagai dewan akad dan sebagai tempat tetamu diraja menyaksikan perarakan serta permainan.

Sewaktu Raja Siam tiba di pelabuhan kapal Alor Setar, permaidani merah telah dihamparkan dari pelabuhan Pengkalan Kapal hingga ke tangga Balai Besar. Jauhnya kira-kira setengah batu dan seramai sepuluh orang menyertai rombongan Diraja Siam dari Bangkok.

Rakyat yang turut hadir dijamu makan dan minum sepanjang istiadat perkahwinan itu dijalankan. Berpuluh-puluh buah bangsal jamuan didirikan kerana tujuan tersebut.


Dewan makan untuk tetamu khas di bangunan Mahkamah yang baharu siap dibina dalam tahun 1898. Bangunan ini kemudiannya dijadikan Pejabat Kerjaraya dan sekarang menjadi Balai Seni Negeri. Istana Pelamin digunakan tempat persandingan yang terletak di belakang bangunan Balai Besar. Kini bangunan ini dijadikan Muzium Diraja.

Di sebelah malamnya, bangunan Balai Besar diterangi dengan lampu-lampu minyak tanah dan lilin. Keadaannya sungguh menarik bagai sebuah mahligai dalam hikayat-hikayat lama. Di hadapan Balai Besar didirikan pula bangsal dan pentas untuk permainan yang digemari oleh orang-orang Melayu pada zaman itu. Empat buah pentas telah didirikan. Bagi memeriahkan temasya itu penari-penari ronggeng didatangkan khas dari Singapura.


Orang-orang tua masih ingat lagi, bahawa keramaian menyambut Perkahwinan Diraja Lima Beradik itu telah dirayakan selama empat puluh hari dan empat puluh malam. Adalah dikatakan hampir tiga juta ringgit dibelanjakan kerana tujuan itu.

Pada akhir bulan Jamadilawal 1323 (1905M), Kedah terpaksa menerima seorang Pegawai Inggeris yang dilantik oleh Kerajaan Siam, iaitu W.J.F. Williamson untuk menjadi Penasihat Kewangan. Pada 1 Jamadilakhir 1323⁵ (1905M), Tunku Abdul Aziz (Raja Muda) telah dilantik oleh baginda menjadi Presiden State Council yang pertama Ahli-ahlinya ketika itu ialah W.J.F. Williamson (Penasihat), Muhammad Ariffin bin Muhammad Arshad (Setiausaha kepada Sultan), Syed Abdullah Al-Mahdali (Pegawai Perbendaharaan Negeri),

5 Ibid, hlm. 18.



Gambar: Tunku Rijaludin Mohamed
*Bangunan Court Lama yang dibina dalam tahun 1898 bagi istiadat
Perkahwinan Diraja.*



Gambar: Tunku Rijaludin Mohamed
*Persembahan dari penghulu-penghulu melalui Jalan Pengkalan Kapal.
Bangunan yang kelihatan di belakang ialah Pejabat Pos dan Telegraf
yang didirikan dalam tahun 1899.*



Gambar: Tunku Rijaludin Mohamed
Perarakan Perkahwinan Diraja di Jalan Raja, Alor Setar.



Gambar: Muzium Negeri Kedah
Bangunan Istana Pelamin yang terletak di belakang Balai Besar.


Haji Ahmad (Hakim Besar) dan Tunku Ibrahim (Setiausaha kepada Presiden State Council).

Pada 18 Rejab 1323 (18 September 1905), tiba seorang Pegawai Inggeris, J.C. Hart dari India. Beliau dipinjamkan oleh Kerajaan Siam untuk berkhidmat sebagai Penasihat kepada Kerajaan Kedah. W.J.F. Williamson meninggalkan Kedah lalu pulang ke Bangkok dan J.C. Hart menggantikan tempatnya sebagai Ahli State Council Kedah.


Tugas untuk membina sekolah diletakan sebagai satu kewajipan kepada Pegawai-pegawai Daerah dan pembesar-pembesar lain di daerah itu. Ahli-ahli Majlis Negeri sentiasa melawat ke sekolah yang dibina. Haji Wan Sulaiman bin Wan Sidek, Kadi Besar Kedah pada masa itu adalah pelawat yang gigih melihat perkembangan pelajaran Al-Quran.

Haji Wan Sulaiman tidak sekali-kali mengizinkan percampuran murid-murid laki-laki dengan murid-murid perempuan di bawah satu bumbung, walaupun hanya mengikut pelajaran Jawi. Akhirnya murid-murid perempuan dari tempat lain selain dari Alor Setar tidak berpeluang langsung mendapat pelajaran bersekolah.

Pada masa tersebut, Kerajaan Inggeris telah menghantar Meadows Frost menjadi Konsul British di Kedah dan tinggal di Bakar Bata, sebelum itu Konsul British digunakan oleh Residen Konsular Pulau Pinang. Akhirnya beliau bertugas di Perlis sebagai Penasihat Inggeris.



Gambar: Muzium Negeri Kedah
Ahli-ahli Jemaah Majlis Mesyuarat Negeri Kedah yang pertama ditubuhkan dalam tahun 1905. Dari kiri Syed Abdullah Al-Mahadali, W.J.F. Williamson, Tunku Abdul Aziz (Raja Muda), Haji Ahmad dan Muhammad Ariffin bin Muhammad Arshad.



Haji Wan Sulaiman bin Wan Sidek kembali ke rahmatullah pada 28 Muharam 1354 dan dikebumikan di makam Diraja, Langgar.

Tunku Yahya bin Tunku Zainal Abidin telah dilantik menjadi Penguasa Pelajaran yang pertama di Kedah dalam tahun 1324H (1906M). Perlantikan itu dibuat sesuai dengan keputusan yang telah diluluskan oleh Majlis Negeri. Harapan Tunku Abdul Aziz supaya dapat diatur pembukaan Sekolah Jawi dalam negeri Kedah.

Penguasa Pelajaran Kedah juga menempuh beberapa kesulitan, arahan dari Majlis Negeri yang baharu terbentuk itu terpaksa dipatuhi. Di samping itu hendaklah mencontohi apa yang telah dijalankan di Sekolah Negeri-negeri Selat dan Negeri-negeri Melayu Bersekutu.

Untuk mendapat faedah yang lebih baik dari perhubungan Inggeris -- Kedah, Sultan Abdul Hamid Halim Shah dan Tunku Abdul Aziz telah mempelajari bahasa Inggeris⁶ dari seorang guru khas secara kontrek. Kerabat Diraja yang lain turut mempelajarinya dengan bersungguh-sungguh.

Tunku Abdul Aziz mahir bertutur bahasa Inggeris dan juga bahasa Siam. Beliau berhemah tinggi dan sentiasa memberi galakan kepada Iman-imam, Guru-guru Agama dan Pegawai-pegawai Kerajaan. Mereka diminta mengajar membaca dan menulis kepada rakyat yang tinggal di tempat yang belum pernah didirikan sekolah.

Pada 18 Rabiulakhir 1325 (30 Mei 1907) rakyat Kedah turut berkabung kerana kemangkatan Tunku Abdul Aziz Raja Muda (Presiden State Council) secara tiba-tiba di Istana Pumpung. Almarhum dimakamkan di Permakaman Diraja di Kota Langgar.

Pada 20 Rabiulakhir 1325 (1 Jun 1907) Sultan Abdul Hamid Halim Shah melantik adinda baginda, Tunku Mahmud ibni Almarhum Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah menjadi Raja Muda merangkap Presiden State Council.

Dalam zaman Tunku Mahmud, Sheikh Ahmad bin Muhammad Shariff menjadi Penguasa Pelajaran Kedah menggantikan Tunku Yahya. Sheikh Ahmad berasal dari Seberang Perai. Orangnya pendek dan selalu berpakaian Barat terutama sekali apabila melawat ke sekolah-sekolah. Warna kulitnya lebih cerah dari kebanyakan orang Melayu. Ia berketurunan Pakistan.

Masalah besar yang dihadapi oleh Sheikh Ahmad dan juga Tunku Yahya bukanlah kerana jadual waktu, guru atau alatan mengajar. Sebenarnya cara menarik minat orang-orang Melayu supaya rela menghantar anak-anak bersekolah adalah terlalu sukar. Bolehlah diibaratkan seperti kuda yang diheret ke tepi sungai tetapi tidak mahu minum air sungai walaupun dipaksa.

Perubahan politik turut berlaku dengan penyerahan negeri-negeri di utara Tanah Melayu. Pada 13 Mac 1909, Kerajaan Siam telah bersepakat dengan Kerajaan Inggeris melalui Perjanjian Bangkok. Akibatnya Kedah terpaksa menerima seorang Penasihat Inggeris. Tempoh perkhidmatan G.C. Hart di Kedah tamat pada 30 April 1909. Selepas itu beliau bersama-sama isterinya balik ke India.

Pada 6 Jun tahun itu juga, baginda Sultan Abdul Hamid telah menerima sepucuk surat daripada Gabenor Negeri-negeri Selat di Singapura. Kandungan surat itu mengenai penyerahan Kedah dari Kerajaan Siam kepada Kerajaan Inggeris. Surat tersebut di antara lain berbunyi "Sir John Anderson K.C.M.G., Gabenor yang memerintah tiga buah negeri datang mengadap ke bawah Duli Yang Dipertuan Maha Mulia yang memerintah Negeri Kedah Darulaman serta jajahan takluknya.

Kemudian Kerajaan Inggeris dengan Kerajaan Siam bermuafakat.

6 Haji Buyong Adil, "Sejarah Kedah", DBP., KL., 1980, hlm. 78.



Gambar: Tunku Rijaludin Mohamed
YTM Tunku Mahmud ibni Almarhum Sultan Ahmad Tajuddin
Mukarram Shah. Diputerakan pada 24.4.1876 dan mangkat pada
5.11.1937

Hasil muafakat itu, suatu perjanjian ditandatangani dan perselisihan dapat diselesaikan antara kedua-dua raja tersebut.

Perjanjian itu menyatakan bahawa Raja Siam bersetuju memulangkan hak pemerintahan negeri Kedah kepada Raja Inggeris. Kemudiannya akan menetapkan seorang penasihat bagi membantu Seri Paduka Yang Dipertuan Maha Mulia untuk menggantikan penasihat yang dilantik oleh Raja Siam.

"Apabila termeteri perjanjian ini, beliau akan datang mengadap Seri Paduka Yang Dipertuan Maha Mulia. Tujuannya untuk diperkenalkan dengan pegawai beliau dan pegawai tersebut dipilih oleh Raja Inggeris untuk menjadi penasihat kepada Seri Paduka Yang Dipertuan Maha Mulia."

Surat perjanjian itu termaktub di Bandar Singapura pada 31 Mei 1909. Pada masa itu hanya Patani, Nakhon Sri Thammarat (Ligor) dan Singgora sahaja di bawah kekuasaan Siam. Manakala Pulau Terutau, Pulau Adang dan sebidang tanah di sebelah utara Kedah telah diserahkan oleh Kerajaan Kedah kepada Kerajaan Siam.

Tanah itu lebarnya sepuluh batu dan panjangnya lima belas batu. Letaknya daripada Bukit Kayu Hitam ke Sadao kira-kira empat puluh batu. Di sinilah menjadi sempadan Kedah - Siam iaitu dari Bukit Kayu Hitam arah matahari jatuh bertumpu dengan negeri Perlis. Di sebelah matahari naik pula ialah negeri Chenak dan bersambung hingga ke negeri Perak dengan daerah Baling, Kedah.


Pada 15 Julai 1909, tibalah Sir W.G. Maxwell ke Kedah dengan Kapal Putih Kompeni Inggeris dan berlabuh berhampiran dengan Jambatan Besi⁷ Alor Setar. Maxwell disambut oleh pembesar-pembesar negeri diketuai oleh Tunku Mahmud, Presiden State Council dengan menaiki kereta bogi terus ke kediaman rasmi di Bakar Bata. Selepas berehat baharulah dibawa ke Balai Besar menghadiri istiadat yang bersejarah. Maxwell mengambilalih tugas sebagai Penasihat Inggeris yang baharu di Kedah.

Sir W.G. Maxwell tinggal di rumah kediaman kerajaan di Bakar Bata. Tempat yang bersejarah di zaman penjajahan British, kini sudah tiada kesannya lagi. Kawasan tersebut telah dijadikan Taman Merdeka dan sebahagian daripadanya Stadium Darulaman.

Bagi mengenangkan zaman tersebut, sebatang jalanraya telah dinamakan Jalan Maxwell. Nama itu tidak kekal lama dan kemudiannya ditukarkan kepada Jalan Day mengambil sempena nama Penasihat Inggeris E.V.G. Day pada masa itu. Setelah merdeka jalan itu dikenali dengan nama Jalan Sultanah hingga sekarang ini.


Tahukah anda asal usul nobat? Kisah ini bermula dari Maharaja Durbar Raja yang datangnya dari negeri Gumrun. Kemudian merajai

7 Jalan yang menghubungkan di antara Jalan Raja dengan Jalan Sungai Korok. Setelah itu baharulah dibina Jambatan Wan Mat Saman menggantikan tempatnya dalam tahun 1926.



Gambar: Tunku Rijaludin Mohamed

Suatu barisan kehormatan di atas Kapal Kompeni Inggeris sewaktu tibanya Sir W.G. Maxwell di Pengkalan Kapal, Alor Setar. Beliau disambut oleh YTM Tunku Mahmud.



Gambar: Tunku Rijaludin Mohamed

DYMM Sultan Abdul Hamid Halim Shah (No. 5 dari kiri) bersama dengan pembesar-pembesar negeri dalam istiadat penyerahan Kedah dari Kerajaan Siam kepada Kerajaan Inggeris di Balai Besar pada 15 Julai 1909.

negeri Qalha dan bersemayam di Kota Langkasuka. Setelah itu memberi pangkat kepada menterinya iaitu empat orang Tan Derma Dewa berpangkat Menteri Keempat, delapan orang Tun Perkasa berpangkat Menteri Delapan dan ketua-ketua lain berpangkat Menteri Enam Belas. Manakala orang-orang yang bersamanya dari negeri Gumarun dijadikan Menteri Yang Pertama. Setengahnya diberi jawatan Tan Derma Dewa dan Tun Perkasa, manakala sebahagiannya menjadi guru mengajar bahasa Parsi.

Kebesaran yang dibawa bersama-samanya ialah Semambu yang dinamakan Maha Guru, Negara dan Nafiri. Ketiga-tiga alat ini disimpulkan dengan kain kuning. Alat-alat kebesaran itu dijadikan adat pada tiap-tiap satu haribulan, lima belas haribulan dan tiga puluh haribulan. Alat-alat Maha Guru didirikan di hadapan, dipukul Negara kemudian baharulah ditiup Nafiri. Apabila bulan gerhana atau kematian atau hari kemuliaan baginya, maka Negara dipukul dan ditiup Nafiri.



Gambar: Jabatan Muzium

Pasukan Nobat Negeri Kedah.

Untuk melengkapkannya, ditambah dengan kemuliaan Hindu iaitu dua buah gendang dan dua serunai: satu serunai kecil dan satu serunai besar. Manakala diambil dari kemuliaan Jawa ialah dua buah gong satu gong besar dan satu gong kecil. Alat-alat tersebut diragamkan dengan Negara, Nafiri dan Maha Guru. Jumlah kesemuanya ialah sembilan, lalu dinamakan Nobat (Sembilan Ragam).

Apabila sampai kepada titisannya yang kesembilan iaitu Seri Paduka Maharaja Durbar Raja, Raja Kedah yang terawal menerima agama Islam dan bergelar Sultan Al-Mudzaffar Shah, maka nobat nafiri, gendang besar dan gong pengerah di balai rong seri dipalu. Bunyinya bergemuruh menandakan rakyat negeri berada di dalam kesukaan. Langkasuka berubah nama menjadi Negeri Kedah Darulaman.

Semenjak itu baginda bertitah kepada Kalur (Kalau) Nobat supaya dipukul nobat sebagai alat pancaragam diraja pada setiap hari Jumaat sejam sekali dari pagi sampai ke waktu rembang sebagai menghormati hari termulia. Pada hari yang nobat nafiri dimainkan dahulu daripada waktu Sembahyang Maghrib untuk memperingatkan rakyat bersembahyang Maghrib. Diikuti pula Sembahyang Isyak, Subuh, Zohor dan Asar.

Nobat di Kedah memang sudah termasyhur dan tertua sekali. Mengikut Sejarah Melayu Lama, alat-alat nobat yang sudah beberapa keturunan itu dihadiahkan kepada Sultan Kedah pada abad yang kelima belas. Ketika baginda Sultan Kedah menziarahi Sultan Mahmud Shah di Melaka.

Cerita mengenai nobat ini telah disiarkan melalui B.B.C. dan kemudian dituruti pula oleh Radio Malaya. Nobat melambangkan diraja atau kerajaan kerana itu contohnya yang asal tidak dipinda atau diubah keasliannya, malah nobat yang lainpun mengikut contoh itu.

Nobat dimainkan juga dalam istiadat pertabalan, mengiringi keberangkatan, perkahwinan, kemangkatan dan lain-lain majlis diraja. Pada masa dahulu dimainkan lebih kurang lima minit setiap pukul 7 00 petang menandakan waktu berbuka puasa.

Pemain-pemain nobat adalah turun temurun. Kebolehan ayah diajar kepada anak hinggalah kepada cucu-cicit. Ketua nobat bergelar Kalur Besar. Orang kanannya ialah Penghulu. Orang yang ketiga Kalur Kecil. Yang lainnya dipanggil Orang Nobat.

Alat-alat pancaragam nobat mengandungi Maha Guru. Ianya diperbuat daripada sebatang rotan (semambu). Panjangnya lima kaki sebelas inci. Maha Guru itu merupakan alat utama bagi memulakan pancaragam nobat. Ia sentiasa dibalut dengan kain kuning.

Sebuah Gendang Nahara (Negara), besar sedikit dari belanga yang ugahari. Mukanya berbalut dengan kulit rusa, tetapi di bawahnya kosong. Namun demikian tidak siapapun dibenarkan melihat atau menengok ke dalam gendang itu kerana menjadi pantang larang.

nya. Gendang Negara itu dimainkan dengan dua bilah rotan seni untuk menjaga rentak sesebuah lagu.

Dari cerita dahulu menerangkan kononnya seorang perempuan sarat mengandung telah menerima hukuman. Ia telah dibunuh oleh raja. Kulit perutnya telah diambil untuk membalut gendang itu. Pada zaman itu apabila nobat dibunyikan, siapa yang asyik menghayati iramanya tentu akan terpesona⁸ terutama orang laki-laki. Manakala orang-orang perempuan yang mendengarnya merasa hiba sehingga menitis air mata. Perasaan mereka akan terharu seperti suara bayi sedang menangis meminta belaian kasih dari ibunya.

Alat Nobat⁹ yang lain ialah dua buah gendang. Panjangnya dua puluh inci dan garis pusatnya tiga belas setengah inci. Kedua-duanya ditutup dengan kulit. Ia dipukul dengan kedua belah tangan bertingkah seperti memukul gendang peribumi (dahulunya dipanggil gendang keling) atau gendang bersilat.

Selain daripada itu ada juga sebuah gong, satu nafiri yang diperbuat daripada perak (panjangnya tiga puluh inci) dan satu serunai yang panjangnya tujuh belas inci. Alat-alat ini ada nada bunyinya yang tinggi dan rendah. Kesemuanya dibalut dengan kain kuning. Alat-alat tersebut tidak boleh dilangkahi.

Bagi pemain nobat yang menjadi warisan, mereka hanya berkebolehan memainkan sembilan lagu pilihan. Nama lagu-lagu itu ialah Raja Burung, Belayar, Sepindin, Lumat atau Lamat, Gendang Ana, Sedawana, Malawala, Genderang Perang, Ragam dan Berlimau.

Tempat khas untuk pancaragam nobat dipanggil Balai Nobat. Letaknya di antara Pejabat Sultan (sekarang Wisma Negeri) dengan Masjid Zahir. Pada suatu ketika Sultan Abdul Hamid bersemayam di istana lama belakang Balai Besar. Nobat sering dimainkan di balkoni yang letaknya di tingkat atas pintu besar masuk ke istana itu.

Apakah peristiwa yang telah berlaku sewaktu pemindahan¹⁰ Balai Nobat Lama Ke Balai Nobat Baharu?


Peristiwa ini berlaku zaman hadrat Maulana Sultan Sir Abdul Hamid Halim Shah K.C.M.G. ibni Almarhum Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah bersemayam di bandar Kota Setar, Negeri Kedah Darulaman.

Orang yang memainkan peranan penting di dalam upacara pemindahan Balai Nobat ini ialah Ahmad Kalur. Dialah orangnya yang telah dipertanggungjawabkan membuat catatan dan memohonkan limpah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia untuk melaksanakan syarat-syaratnya itu.

8 Tunku Nong Jiwa, "Pertabalan DYMM Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah" mengenai "Nobat Negeri Kedah" Alor Setar, 20 Februari 1959 (Jawi). hlm. 6.

9 Tunku Nong Jiwa, Raja Badri Shah dan Haji Mubin Sheppard, *Malaya in History* mengenai "The Kedah and Perak Nobat" Kuala Lumpur, Vol. VII, Nombor 2 Juli 1962, hlm. 11-12.

10 Arkib Negara Malaysia Cawangan Utara, "Surat Menyurat Sultan Abdul Hamid No. 7" Alor Setar, 1323 (1906M) hlm. 408.



Gambar : Tunku Rijaludin Mohamed

Di hadapan balkoni tempat permainan Nobat, kelihatan Panca Persada yang bertingkat-tingkat di dalam kawasan Istana Pelamin.

Pertama – sepersalinan pakaian tiap-tiap seorang untuk lapan belas orang. Cukup dengan baju kuning, seluar merah dan seluar sosi serta sapu tangan di atas kepala.

Kedua – sepuluh ela kain saklat kuning untuk menyalin kain alas gendang dan segala perkakas nobat.

Ketiga – sekayu kain kuning jenis bermutu rendah dan sekayu kain putih asahan untuk perbuat lengkung keliling Balai Nobat yang baharu itu.

Keempat – nasi kunyit, bertih, beras kunyit, dian tujuh batang: (enam kecil dan satu besar), bekas pinang seccerana, duit pengkeras \$2.15 serta tepung tawar dan air sebuyung.

Kelima – seekor kerbau balar jantan yang cukup umurnya untuk perbuat kenduri. Kerbau itu ketika hendak disembelih, Ahmad Kalur hendaklah ada bersama.

Kecenam – hendaklah pindah nobat itu pada 1 Zulhijah 1323 (3 Februari 1906) waktu pukul 2.00 petang. Setelah itu hendaklah dipulu nobat lagu perang. Apabila selesai baharulah kenduri.

Setelah selesai semuanya, Ahmad Kalur sendiri mengambil daging mentah masak lalu dipersembahkan kepada Kadam Mak Wan Besar (Paduka Bonda Wan Hajar). Kemudian Kadam Mak Wan Besar sendiri melakukannya di dalam kota mengikut adat.

Dalam perkara ini ada orang bertanya kepada Ahmad Kalur, "Bolehkah pindah ke Balai Baharu jika tidak diperbuat kenduri?"



Gambar: Jawatankuasa Pelancongan Negeri Kedah
Balai Nobat.



Gambar: Wan Ahmad bin Wan Hamid
DYMM Sultan Abdul Hamid Halim Shah, Tunku Bahador Shah
(kiri) dan Wan Ahmad bin Wan Awang (kanan) bergambar di London.

Beliau menjawab, "Jika tidak diperbuat seperti peraturan yang saya sebut di atas, sekali-kali saya tidak berani pindah kerana adat itu diikuti dari dahulu lagi." Setelah itu kenduri selamat diperjamukan dan berpindahlah ke Balai Nobat Baharu dari Balai Nobat Lama.

Pada 21 Jamadilawal 1329 (20 Mei 1911) Sultan Abdul Hamid berangkat ke Eropah. Baginda menerima undangan untuk menghadiri istiadat kemahkotaan King George V. Turut mengiringi baginda ialah Tunku Mahmud Presiden State Council, Tunku Bahador Shah Juru-iring kepada Sultan, Syed Muhammad Shahabudin Auditor General, Wan Ahmad bin Wan Awang dan Cavendish Penolong Penasihat. Dalam masa tersebut Tunku Ibrahim, putera sulung baginda sebagai Pemangku Sultan Kedah menjalankan pentadbiran negeri Kedah.

Di dalam istiadat penganugerahan bintang-bintang kebesaran daripada King George V itu, baginda menerima bintang "Honourary Knight Commander Of The Most Distinguished Order Of Saint Michael And Saint George" ringkasnya K.C.M.G.

Berikutnya sejak 10 Muharram 1330 (10 Januari 1912) Bendera Negeri telah digunakan. Mengandungi lambang negeri Kedah yang berlatar belakang warna merah sebagai tanda mewakili rakyat. Merah adalah warna kebangsaan negeri Kedah turun temurun. Manakala lambang negeri menunjukkan bersatunya kerajaan dengan rakyat.

Kedah lebih terkenal dengan nama Darulaman, bermaksud negeri yang aman dan makmur. Ini sesuai dengan lambang bunga padi yang melengkongi perisai menunjukkan kemewahan rakyat dalam kehidupan.

Bulan sabit yang berwarna hijau tua di bawah perisai menunjukkan lambang agama Islam, di mana Sultan sendiri menjadi ketuanya. Manakala perisai yang berwarna kuning melambangkan pemerintah Kerajaan Kedah dari keturunan Diraja. Sultannya sentiasa memelihara dan mengawasi rakyat dalam negeri daripada berlakunya kezaliman.

Bendera-bendera yang telah digunakan dalam negeri Kedah adalah seperti berikut:—

Bendera Sultan — kain berwarna kuning menjadi tanah bendera. Perisai dan mahkota tanda kebesaran negeri. Perisai dan mahkota berwarna hijau tua manakala bulan sabit berwarna merah. Kesemuanya terletak di tengah-tengah bendera.

Bendera Presiden State Council dan Pemangku Sultan — kain berwarna hijau tua menjadi tanah bendera. Lambang perisai, mahkota dan bulan sabit berwarna kuning terletak di tengah-tengah bendera itu.

Bendera Raja Muda — bagi tempat kediaman dan kenderaan berbentuk panji-panji merah. Mengandungi satu bendera yang bermahkota Kedah warna hijau di atas tanah kuning dan letaknya di penjuru seperempat bahagian dari panji-panji itu.



Bendera Khas Duli Yang Maha Mulia Sultan — bagi tempat bersemayam dan kenderaan.



Bendera Pemangku Sultan — bagi tempat kediaman dan kenderaan.



Bendera Negeri



Bendera Khas Duli Yang Maha Mulia Sultanah – bagi tempat bersemayam dan kenderaan.



Bendera Raja Muda – bagi tempat kediaman dan kenderaan.



Bendera Tunku Bendahara – bagi tempat kediaman dan kenderaan.



Panji-panji Negeri – bagi kapal-kapal kerajaan negeri.



Bendera Perniagaan negeri Kedah – bagi kapal-kapal yang dilesenkan di dalam negeri.

Panji-panji Negeri yang digunakan bagi Kapal-kapal Kerajaan Negeri – bentuknya seperti panji-panji berwarna biru dan mengandungi Bendera Negeri disetiap penjuru seperempat bahagian bendera itu.

Bendera Perniagaan Negeri Kedah – bagi kapal-kapal yang mempunyai lesen dalam negeri, bentuknya diperbuat jalur serong. Warna yang dipadankan ialah kuning, merah dan hijau tua. Dari penjuru kiri sebelah atas ke penjuru kanan sebelah bawah warna kuningnya di atas, warna merahnya di tengah dan warna hijaunya di bawah.

Negeri Kedah ada tiga jenis bendera sahaja yang digunakan oleh Sultan-sultan terdahulu. Bendera-bendera itu tidak menggambarkan sebarang corak. Bendera Sultan daripada kain yang berwarna kuning, Bendera Raja Muda daripada kain yang berwarna hitam dan Bendera Negeri daripada kain yang berwarna merah.

Tiga jenis bendera yang terawal telah dipinda dalam tahun 1329H (1911M) iaitu Bendera Sultan, Bendera Presiden State Council dan Pemangku Sultan dan juga Bendera Negeri. Terdapat lima jenis bendera lagi telah ditambah¹¹ iaitu Bendera Khas Sultanah, Bendera Raja Muda, Bendera Tunku Bendahara, Panji-panji Negeri yang digunakan bagi Kapal-kapal Kerajaan Negeri dan Bendera Perniagaan Negeri Kedah.

Pada hari Jumaat 15 Safar 1330¹² (1911M) jam sebelas setengah pagi, bermulalah sejarah Bendera Sultan dinaikkan di hadapan Balai Besar hingga jam dua belas empat puluh lima tengahari. Selepas diturunkan, diganti pula dengan Bendera Presiden State Council hingga jam dua belas lima puluh tengahari. Akhir sekaji Bendera Negeri dinaikkan dan semenjak itu Bendera Negeri sahaja yang digunakan.

Bendera Negeri – kain berwarna merah menjadi tanah bendera. Perisai dan mahkota tanda kebesaran negeri berwarna kuning. Bulan sabit berwarna hijau tua. Letaknya ketiga-tiga itu di penjuru sebelah atas (kiri) bendera.

Bendera Khas Sultanah – bagi tempat bersemayam dan kenderaan merupakan panji-panji berwarna kuning. Mengandungi Bendera Negeri di penjuru seperempat bahagian dari panji-panji itu.

Bendera Tunku Bendahara – bagi tempat kediaman dan kenderaan merupakan panji-panji merah. Mengandungi Bendera Pemangku Sultan di penjuru seperempat bahagian.

Pada 22 Rabiulawal 1330 (1 Mac 1912), Masjid Zahir atau yang lebih dikenali dengan nama Masjid Raja telah mula dibina. Tunku Mahmud Presiden State Council memangku tugas kekandanya, Sultan Abdul Hamid Halim Shah.

Ahli-ahli Majlis pada ketika itu ialah Tunku Ibrahim ibni Sultan Abdul Hamid Halim Shah, Syed Hassan Shahabudin (Hakim Besar), Muhammad Ariffin bin Muhammad Arshad (Setiausaha Kerajaan), W.G. Maxwell (Penasihat British) dan G. Gorman (Jurutera Negeri).

Masjid itu dibuka dengan rasminya oleh baginda Sultan Abdul Hamid Halim Shah pada 6 Zulhijah 1333 (1915M). Baginda sendiri telah berkenan menjadi Imam selepas istiadat pembukaan itu. Dalam hal ini Yamtuan dan Tunku Mahmud sendiri pernah membaca Quran selepas Sembahyang Tarawih di situ.

Baginda dan adindanya Tunku Mahmud sangat mengambil berat seterusnya memberi galakan supaya mengadakan bacaan Quran di masjid bagi mengtakzamkan bulan Ramadan Al-Mubaraq pada setiap malam dalam bulan puasa. Semenjak itu bermulalah sejarah perkembangan membaca Quran di Masjid Zahir itu. Di kedua-dua buah

11 Akhbar Kerajaan Negeri Kedah Jilid IV Bilangan V, 22 Ramadan 1380 (1960M) dalam penambahan pertama nombor 84.

12 Wan Yahya bin Wan Muhammad Taib, "Salasilah atau Tarikh Kerajaan Kedah" Cetak-an kedua 18 Syaaban 1346 (1927M) him. 24.



Bendera Khas Duli Yang Maha Mulia Sultan – bagi tempat bersemayam dan kenderaan.



Bendera Pemangku Sultan – bagi tempat kediaman dan kenderaan.



Bendera Negeri



Bendera Khas Duli Yang Maha Mulia Sultanah – bagi tempat bersemayam dan kenderaan.



Bendera Raja Muda – bagi tempat kediaman dan kenderaan.



Bendera Tunku Bendahara – bagi tempat kediaman dan kenderaan.



Panji-panji Negeri — bagi kapal-kapal kerajaan negeri.



Bendera Perniagaan negeri Kedah — bagi kapal-kapal yang dilesenkan di dalam negeri.

Panji-panji Negeri yang digunakan bagi Kapal-kapal Kerajaan Negeri — bentuknya seperti panji-panji berwarna biru dan mengandungi Bendera Negeri disetiap penjuru seperempat bahagian bendera itu.

Bendera Perniagaan Negeri Kedah — bagi kapal-kapal yang mempunyai lesen dalam negeri, bentuknya diperbuat jalur serong. Warna yang dipadankan ialah kuning, merah dan hijau tua. Dari penjuru kiri sebelah atas ke penjuru kanan sebelah bawah warna kuningnya di atas, warna merahnya di tengah dan warna hijaunya di bawah.

Negeri Kedah ada tiga jenis bendera sahaja yang digunakan oleh Sultan-sultan terdahulu. Bendera-bendera itu tidak menggambarkan sebarang corak. Bendera Sultan daripada kain yang berwarna kuning, Bendera Raja Muda daripada kain yang berwarna hitam dan Bendera Negeri daripada kain yang berwarna merah.

Tiga jenis bendera yang terawal telah dipinda dalam tahun 1329H (1911M) iaitu Bendera Sultan, Bendera Presiden State Council dan Pemangku Sultan dan juga Bendera Negeri. Terdapat lima jenis bendera lagi telah ditambah¹¹ iaitu Bendera Khas Sultanah, Bendera Raja Muda, Bendera Tunku Bendahara, Panji-panji Negeri yang digunakan bagi Kapal-kapal Kerajaan Negeri dan Bendera Perniagaan Negeri Kedah.

Pada hari Jumaat 15 Safar 1330¹² (1911M) jam sebelas setengah pagi, bermulalah sejarah Bendera Sultan dinaikkan di hadapan Balai Besar hingga jam dua belas empat puluh lima tengahari. Selepas diturunkan, diganti pula dengan Bendera Presiden State Council hingga jam dua belas lima puluh tengahari. Akhir sekali Bendera Negeri dinaikkan dan semenjak itu Bendera Negeri sahaja yang digunakan.

Bendera Negeri – kain berwarna merah menjadi tanah bendera. Perisai dan mahkota tanda kebesaran negeri berwarna kuning. Bulan sabit berwarna hijau tua. Letaknya ketiga-tiga itu di penjuru sebelah atas (kiri) bendera.

Bendera Khas Sultanah – bagi tempat bersemayam dan kenderaan merupakan panji-panji berwarna kuning. Mengandungi Bendera Negeri di penjuru seperempat bahagian dari panji-panji itu.

Bendera Tunku Bendahara – bagi tempat kediaman dan kenderaan merupakan panji-panji merah. Mengandungi Bendera Pemangku Sultan di penjuru seperempat bahagian.

Pada 22 Rabiulawal 1330 (1 Mac 1912), Masjid Zahir atau yang lebih dikenali dengan nama Masjid Raja telah mula dibina. Tunku Mahmud Presiden State Council memangku tugas kekandanya, Sultan Abdul Hamid Halim Shah.

Ahli-ahli Majlis pada ketika itu ialah Tunku Ibrahim ibni Sultan Abdul Hamid Halim Shah, Syed Hassan Shahabudin (Hakim Besar), Muhammad Ariffin bin Muhammad Arshad (Setiausaha Kerajaan), W.G. Maxwell (Penasihat British) dan G. Gorman (Jurutera Negeri).

Masjid itu dibuka dengan rasminya oleh baginda Sultan Abdul Hamid Halim Shah pada 6 Zulhijah 1333 (1915M). Baginda sendiri telah berkenan menjadi Imam selepas istiadat pembukaan itu. Dalam hal ini Yamtuan dan Tunku Mahmud sendiri pernah membaca Quran selepas Sembahyang Tarawih di situ.

Baginda dan adindanya Tunku Mahmud sangat mengambil berat seterusnya memberi galakan supaya mengadakan bacaan Quran di masjid bagi mengtakzamkan bulan Ramadan Al-Mubaraq pada setiap malam dalam bulan puasa. Semenjak itu bermulalah sejarah perkembangan membaca Quran di Masjid Zahir itu. Di kedua-dua buah

11 Akhbar Kerajaan Negeri Kedah Jilid IV Bilangan V, 22 Ramadan 1380 (1960M) dalam penambahan pertama nombor 84.

12 Wan Yahya bin Wan Muhammad Taib, "Salasilah atau Tarikh Kerajaan Kedah" Cetakan kedua 18 Syaaban 1346 (1927M) him. 24.

anjungnya kelihatan jemaahnya kian bertambah, bukan sahaja qari-qari tempatan malah dari Patani, Johor, Perak, Pulau Pinang, Sumatera dan Jawa.

Tujuan mereka semata-mata untuk menghayati dan mempelajari Al-Quran. Di antara mereka termasuklah qari-qari dari Tanah Arab yang bermastautin di Tanah Melayu, Pulau Sumatera dan Pulau Jawa. Dari tahun 1350H (1931M) hingga ke tahun 1351H (1932M) pembacaan Al-Quran dijalankan secara pertandingan.

Majlis pertandingan itu di bawah anjuran Haji Wan Sulaiman bin Haji Wan Sidek, Sheikul-Islam Negeri Kedah dan Wan Ismail (ketika itu Kadi Besar). Pertandingan itu dihakimi oleh qari-qari termasyhur yang diketuai oleh Sheikh Ibrahim bin Sheikh Yusof Al-Ibyari, Imam Besar Masjid Zahir juga sebagai Guru Pelendit Bacaan Quran.

Perjanjian Perak - Kedah¹³ telah ditandatangani pada 4 Mac 1912 di antara Sultan Perak, Sultan Idris ibni Almarhum Sultan Iskandar dan Sultan Kedah, Sultan Abdul Hamid Halim Shah. Perjanjian tersebut mengenai sempadan antara Kedah - Perak iaitu di daerah Baling dan Tasek dan pembinaan sebatang jalanraya dari Baling ke Padang Serai di negeri Kedah.

Persetujuan-persetujuan yang dicapai di dalam perjanjian tersebut adalah seperti berikut: -

- (i) Sultan Perak bersetuju membina sebatang jalanraya kelas satu dari Baling ke Kuala Ketil sepanjang dua puluh dua batu. Jalan yang akan dibina ini akan menyambungkan Kelian Intan di Hulu Perak dengan Baling hingga ke Kuala Ketil. Pembinaan jalan sepanjang dua puluh dua batu ini akan dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri Perak. Sebagai balasannya, Kerajaan Negeri Kedah bersetuju mengawasi jalan tersebut selepas ianya diserahkan kepada Kerajaan Negeri Kedah, seperti ia mengawasi jalan-jalan kelas satu di negeri Kedah.
- (ii) Kerajaan Negeri Kedah juga bersetuju akan menyambung pembinaan jalan tersebut dari Kuala Ketil ke Padang Serai sejauh dua belas batu dan Kedah juga akan mengawasi jalan tersebut seperti ia mengawasi jalan-jalan kelas satu yang lain di Kedah.
- (iii) Kerajaan Kedah akan menyerahkan kepada Kerajaan Negeri Perak semua kawasan di Baling dan kawasan Gua Baling ke atas kepada Kerajaan Perak supaya pada masa hadapan sempadan antara Kedah dan Perak di kawasan Hulu Perak ditandai dengan kawasan bukit dalam daerah tersebut.

Perjanjian itu telah ditandatangani oleh Sultan Perak, Sultan Idris ibni Almarhum Sultan Iskandar di hadapan Pemangku Residen

¹³ Arkib Negara Malaysia, "Hari ini Dalam Sejarah" Jilid 1, 1980 hlm. 185.



Gambar: Jabatan Penerangan Malaysia
Masjid Zahir atau Masjid Zaharah, Alor Setar.

British di Perak, Oliver Marks dan Sultan Kedah, Sultan Abdul Hamid menandatangani bagi pihak Kerajaan Negeri Kedah dengan disaksikan oleh Encik Md. Ariffin, Setiausaha Baginda Sultan Kedah.

Dalam istiadat perlantikan Tunku Ibrahim yang nama timangtimangannya Tunku Sulung, menjadi Pemangku Sultan (Regent) dalam tahun 1913 di Alor Setar, majlis tersebut dihadiri oleh Sir Arthur Young, Gabenor Negeri-negeri Selat. Doa selamat dibacakan oleh Haji Wan Sulaiman bin Haji Wan Sidek yang menjadi Kadi Besar Kedah ketika itu.

Tunku Ibrahim tegap tubuh badannya, dan putih warna kulitnya. Pandangannya jauh lagi bijaksana. Semangat kebangsaannya sangat tinggi dan beliau lebih mengutamakan bahasa Melayu dari bahasa Inggeris. Orang-orang Inggeris sangat takut kepadanya. Kegemarannya melawat keluar negeri, dalam bulan Jun 1920 beliau telah melawat beberapa tempat di Pulau Jawa. Manakala dalam bulan Mei hingga bulan Oktober 1924 beliau melawat pula ke Benua Eropah iaitu di England dan Perancis.



Gambar: Tunku Rijaludin Mohamed

Bergambar ramai selepas istiadat pembukaan rasmi Masjid Zahir, dalam gambar kelihatan YTM Tunku Mahmud, YTM Tunku Ibrahim dan Haji Wan Sulaiman bin Haji Wan Sidek.

Pada 25 September 1923, Tunku Ibrahim bagi pihak Sultan Kedah telah membuat suatu perjanjian dengan Sir Laurence Guille-mard, Gabenor Negeri-negeri Selat bagi pihak Kerajaan Inggeris.

Perjanjian itu menyatakan Kerajaan Inggeris tidak boleh meng-ganggu kemerdekaan dan keamanan Sultan, adat istiadat dan agama Islam. Kerajaan Inggeris juga tidak boleh mengubah atau menukar sempadan naungannya melainkan dengan keizinan Yang Dipertuan Negeri Kedah.

Berhubung dengan ekonomi, Tunku Ibrahim menggalakan rakyatnya bercucuk tanam terutama tanaman padi, memelihara binatang-binatang ternakan seperti kerbau lembu, ayam, itik dan sebagainya. Tulisan Jawi telah dijadikan tulisan rasmi dalam urusan surat menyurat pentadbiran negeri.

Beberapa perubahan telah dibuat untuk mengukuhkan kemerdekaan rakyat Melayu. Ketika itu banyak bangsa yang cuba meng-himpit kedudukan orang-orang Melayu. Selaras dengan perkembang-annya, Tunku Ibrahim telah memperkemaskan hak milik bumi-putera. Tanah Simpanan Melayu telah diperuntukkan khas kepada orang-orang Melayu.

Sebagai putera sulung Sultan Abdul Hamid Halim Shah, Tunku Ibrahim¹⁴ telah memainkan peranan penting dalam pentadbiran

14 Dato' Ahmad Nordin bin Haji Mohd. Zain, "Sejarah Pendidikan Inggeris dan Pelajaran Inggeris di Kedah" dalam Konvensyen Sejarah Negeri Kedah 28 November - 1 Disem-ber 1981 hlm. 14-15.



Gambar: Muzium Negeri Kedah

Sheikh Ibrahim bin Sheikh Yusof Al-Ibyari, Imam Besar Masjid Zahir.

negeri sewaktu ayahandanya di dalam keadaan kegeringan. Tunku Ibrahim tidak berpeluang untuk belajar di luar negeri seperti kebanyakan adinda-adindanya, malah boleh dikatakan tiada langsung pendidikan formal, cuma banyak belajar dari guru-guru yang dilantik mengajar di istana. Beliau hanya boleh menulis Jawi dan tulisannya juga sukar dibaca.

Tunku Ibrahimlah yang mengambil keputusan menghantar murid-murid ke Pulau Pinang untuk mendapat pendidikan Inggeris dan yang lainnya ke England sebelum dibuka Government English School di Alor Setar.

Tunku Ibrahim seorang yang tegas lagi berani. Baginda pernah berbalah dengan Penasihat British disebabkan pihak British bercadang hendak membawa masuk Pegawai-pegawai Melayu dari Negeri-negeri Melayu Bersekutu (Federated Malay States) untuk membaiki perkhidmatan dalam negeri. Di samping itu ada cadangan untuk menarik Kedah masuk ke dalam 'Customs Union' yang akan disatukan dengan pentadbiran kastam dan sistem kutipan cukai di seluruh Semenanjung.

Tunku Ibrahim menganggapkan kedua-dua cadangan ini sebagai satu muslihat British untuk meluas dan menguatkan kuasanya di

negeri Kedah. Beliau menolak cadangan tersebut sekeras-kerasnya, walaupun beliau diugut oleh pihak British dengan menggunakan kekerasan dan kekuatan tenteranya.

Tunku Ibrahim diputerakan pada 7 Ramadan 1301 (1 Julai 1884) dan mangkat pada 30 April 1934. Tempatnya sebagai Pemangku Sultan telah digantikan oleh Tunku Mahmud ibni Almarhum Sultan Ahmad Tajuddin. Hampir tiga tahun lamanya baginda menadbir negeri dan pada 5 Januari 1937, baginda mangkat. Tunku Badlishah ibni Sultan Abdul Hamid Halim Shah telah dilantik menjadi Pemangku Sultan Kedah.

Pada 8 Disember 1941 tarikh Jepun melancarkan perang ke atas Malaya. Pegawai British di Kedah segera membuat rancangan¹⁵ untuk melarikan Sultan Kedah, Sultan Abdul Hamid Halim Shah dan Pemangku Sultan Kedah, Tunku Badlishah ke Pulau Pinang seterusnya keluar negeri sebelum kemaraan tentera Jepun di Alor Setar.

Pada tengah malam itu menerusi telefon, Syed Omar Shahabuddin Pegawai Kewangan Negeri memberitahu Tunku Abdul Rahman Putra bahawa Pegawai British akan berangkat membawa ayahandanya Sultan Abdul Hamid Halim Shah dan kekandanya Tunku Badlishah Pemangku Sultan pada waktu subuh pagi esok.

Dengan berpakaian seragam Pegawai Tinggi Pasukan Kawalan Awam lengkap dengan pistolnya, Tunku Abdul Rahman Putra Pegawai Daerah Kulim dengan ditemani oleh Syed Abu Bakar Al-Idrus Merinyu Kesihatan, telah berkejar pada jam enam pagi esoknya dari Kulim ke simpang Kepala Batas, Seberang Perai. Mereka menunggu ketibaan kereta-kereta yang mengiringi Sultan dan Pemangku Sultan.

Apabila kelihatan kereta Rolls Royce yang berwarna kuning hampir tiba di tempat itu, Tunku Abdul Rahman Putra keluar dari pondok kecil di tepi jalan itu, lalu menahan dan memberhentikan kereta Sultan di tengah jalan. Dalamnya Tunku Yahya sebagai juruiring duduk di hadapan, terdapat juga Haji Abdul Rahman bin Sheikh Jarum di dalamnya.

Kemudian Tunku Abdul Rahman berkata-kata dengan ayahandanya yang akan dibawa ke Kulim. Sultan nampaknya menganggok kepala tanda memberi izin. Setelah itu dengan tidak berlungah lagi Tunku Abdul Rahman Putra memerintahkan pemandu kereta mengubah haluan menuju ke Kulim, tidak ke Butterworth dan ke Pulau Pinang seperti rancangan awal.

Tidak berapa lama selepas itu, rombongan Pemangku Sultan yang tidak tahu menahu tiba ke tempat tadi. Alangkah terperanjatnya Pemangku Sultan dan Ketua Polis yang mengiringinya kerana didapati Sultan tidak ada bersama sewaktu tiba di Jeti Mitchell

15 Abdul Aziz bin Ishak, "Riwayat Hidup Tunku Abdul Rahman Putra" Kuala Lumpur, 15 Jun 1955 (Jawi) hlm. 54-55.



Gambar: Muzium Negeri Kedah

YTM Tunku Ibrahim ibni Almarhum Sultan Abdul Hamid Halim Shah, Pemangku Sultan Kedah (Regent) 1913–1934.



Gambar: Tunku Rijaludin Mohamed
DYMM Sultan Abdul Hamid Halim Shah bersama anakandanya YTM
Tunku Muhammad Jiwa (kiri) dan YTM Tunku Abdul Rahman Putra
(kanan).

Pier. Setelah disiasat ternyatalah bahawa Sultan telah dibawa ke Kulim.

Lantas Pegawai Polis itu menelefon Tunku supaya membenarkan Sultan ke Pulau Pinang, tetapi Tunku menolak. Kemudian kekandanya Tunku Badlishah pula menelefon dari Pulau Pinang sambil memberi amaran, sesuatu perkara yang buruk akan menimpa jika Sultan tidak diserahkan kepadanya. Tunku Abdul Rahman Putra memberitahu bahawa tempat ayahandanya yang sebenar adalah bersama-sama rakyat dalam masa darurat. Pemangku Sultan murka sebab Tunku tidak mengendahkan perintahnya.

Pada keesokan paginya, Pulau Pinang dibom oleh Kapal terbang Jepun. Petang itu juga Pemangku Sultan dan keluarganya tiba di Kulim. Tunku Muhammad Jiwa menelefon kepada Tunku Abdul Rahman Putra supaya menghantar Sultan balik ke Alor Setar. Beliau juga memberitahu bahawa Pemangku Sultan telah mengeluarkan waran untuk menangkap Tunku Abdul Rahman Putra.

Seterusnya Tunku menjelaskan bahawa Pemangku Sultan ada bersama-sama dengannya di Kulim. Kulim ketika itu boleh dianggap sebagai ibu negeri Kedah. Hampir semua pegawai-pegawai Kerajaan Kedah bertumpu ke situ. Tatkala Jepun masuk ke Alor Setar, Tunku Abdul Rahman memindahkan ayahandanya Sultan Kedah ke Kampung Sedim, kira-kira dua puluh batu dari Kulim. Baginda diserahkan oleh Tunku di bawah pengawasan Penghulu Abdul Wahab. Tunku Badlishah dan keluarganya mengiringi baginda.

Demikianlah kebijaksanaan Tunku menyelamatkan ayahandanya dari tindakan Pegawai British. Tunku Badlishah sendiri memberitahu kepada Tunku yang Pegawai-pegawai British tidak menunaikan tanggungjawab mereka terhadap diri dan keluarganya. Itulah puncanya yang menyebabkan baginda berangkat ke Kulim dari Pulau Pinang.

Apabila Jepun sudah masuk di Alor Setar, Tunku Muhammad Jiwa telah dilantik menjadi Pemangku Sultan¹⁶ buat sementara, tetapi setelah Sultan Kedah dan Tunku Badlishah berangkat balik ke Alor Setar, Tunku Muhammad Jiwa menyerahkan jawatan Pemangku Sultan kepada Tunku Badlishah.

Baginda Sultan Abdul Hamid Halim Shah, semasa hayat baginda sempat menyambut "Jubili Emas" sempena lima puluh tahun baginda di atas takhta Kerajaan Negeri Kedah. Apabila berlaku perang Asia Pasifik, maka ura-ura untuk menyambut perayaan "Jubili Intan" tergendala dan sekaligus untuk menerima Bintang Kebesaran G.C.M.G. dari King George VI turut terbengkalai. Baginda terlebih dahulu menyahut panggilan llahe dan mangkat pada 13 Mei 1943 dalam masa pemerintahan Jepun. Pada keesokan harinya, Tunku Badlishah Pemangku Sultan diisytiharkan menjadi Sultan Kedah Darulaman. Baginda bergelar Sultan Badlishah. Jenazah Almarhum Sultan Abdul Hamid dimakamkan di Permakaman Langgar.

16 Ibid, hlm. 59.

PEMERINTAHAN SULTAN BADLISHAH

Sultan Badlishah ibni Almarhum Sultan Abdul Hamid Halim Shah, diputerakan pada 10 Syaaban 1311 (17 Mac 1894) di Alor Setar. Baginda menerima pendidikan awalnya di Sekolah Melayu Jalan Baharu, kemudian di King's College, Bangkok. Setelah tamat pelajaran dalam tahun 1912, baginda dihantar ke England dan memasuki Wadham College, Oxford dalam tahun 1916. Baginda cergas di dalam lapangan sukan terutama sekali tenis.

Baginda telah berkahwin dengan Tunku Sofiah, Puteri Tunku Mahmud Presiden Majlis Mesyuarat Negeri dalam tahun 1924. Namun baginda terpaksa berpisah apabila Tunku Sofiah mangkat pada 24 Zukaedah 1353 (28 Februari 1935) akibat kemalangan jalanraya. Pada 23 Disember 1925 baginda dilantik menjadi Pegawai Kewangan Negeri Kedah.

Pada 7 Mac 1935, baginda telah dilantik menjadi Raja Muda kerana kemangkatan kekandanya Tunku Mohamed ibni Almarhum Sultan Abdul Hamid Halim Shah di England. Jenazah Almarhum dibawa balik dengan kapal terbang dan mendarat di Lapangan Terbang Kepala Batas, Alor Setar. Tunku Mohamed dimakamkan di Permakaman Diraja, di Kota Langgar.

Tunku Mohamed itu orangnya kurus dan pendiam. Kerabat-kerabat diraja menamakan beliau 'Tuk Keramat'. Beliau mahir berbahasa Inggeris tetapi tidak mahu menggunakannya. Baginda yang berpegang teguh pada agama Islam mendapat pendidikan di Maktab Melayu Kuala Kangsar. Beliau sangat gemar memelihara burung tekukur dan pandai pula membuat sangkarnya.

Tunku Mohamed diputerakan pada 27 Disember 1890 dilantik menjadi Raja Muda selepas kemangkatan Tunku Ibrahim (Tunku Sulung). Sebelum itu beliau pernah berkhidmat sebagai Ketua Hakim Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah.

Selepas itu baginda Sultan Badlishah berkahwin dengan Tunku Asma, puteri Almarhum Sultan Suleiman Terengganu di Kuala Terengganu. Dalam istiadat perkahwinan itu, alat-alat kebesaran Diraja telah dipakai oleh baginda.

Alat-alat tersebut ialah pusaka raja-raja Kedah dahulu. Ia masih tersimpan selama beberapa tahun lamanya di dalam Perbendaharaan Negeri Kedah. Alat-alat itu dikeluarkan khusus untuk kegunaan



Gambar: Jabatan Penerangan Malaysia
*DYMM Sultan Badlishah ibni Almarhum Sultan Abdul
Hamid Halim Shah.*



Gambar: Muzium Negeri Kedah

YTM Tunku Mohamed ibni Almarhum Sultan Abdul Hamid Halim Shah, Raja Muda Kedah (1934-1935).

dalam istiadat perkahwinan diraja. Alat-alat kebesaran diraja itu termasuklah:

Tengkolok

Tengkolok merupakan sebuah destar emas berkerawang dan bertatahkan batu-batu berlian yang berbelit-belit lima kali di keliling destar yang sama rata.

Di sebelah atas tengkolok itu dihias dengan dua puluh tiga kuntum bunga emas yang bertatahkan berlian serta ada pula anting-anting emas dan berlian. Ini bercontohnya Tengkolok Raja-raja




Gambar: Jabatan Penerangan Malaysia
*DYMM Tunku Asma ibni Almarhum Sultan
Sulaiman Badrul Alam Shah.*


Kedah yang asal. Tengkolok yang ada sekarang ini dibuat lebih lapan puluh tahun dahulu iaitu bersempena perkahwinan almarhum Tunku Ibrahim, putera sulung almarhum Sultan Abdul Hamid Halim Shah.

Sepasang Kilat Bahu

Sepasang kilat bahu dipakai di bawah bahu kanan dan kiri. Ia diperbuat daripada emas yang bertatahkan berlian. Di tengahnya terletak mahkota negeri Kedah yang kecil bentuknya. Ia mengandungi sepuluh azimat iaitu lima biji pada tiap-tiap lengan. Ia ditudung pula dengan sepasang gelang kilat bahu. Gelang-gelang itu dipakai pada kedua-dua belah lengan di bawah kilat bahu.



Gambar: Muzium Negeri Kedah
Tengkolok atau Destar Diraja.




Gambar: Muzium Negeri Kedah
Sepasang Kilat Bahu

Sawat Sandang

Sawat Sandang ialah dua belit rantai yang diperbuat daripada emas berkarang bersalutkan emas. Ia diletakkan di atas kedua-dua belah bahu melandur ke hadapan dan ke belakang.

Keris Kebesaran Negeri Kedah Kelas Satu


Keris Kebesaran Negeri Kedah Kelas Satu bersarungkan emas dan bertatahkan berlian. Ulunya daripada gading yang diukir. Ia berbentuk burung garuda. Keris kebesaran yang ada sekarang ini dikatakan turun temurun dari zaman almarhum Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah (Marhum Melaka).




Gambar: Muzium Negeri Kedah
Sawat Sandang.

Pending

Pending atau pendiang merupakan kepala tali pinggang. Ia diperbuat daripada emas yang bertatahkan batu permata. Bentuknya bujur. Panjangnya sembilan inci dan lebarnya enam inci.



Gambar: Muzium Negeri Kedah
Keris Kebesaran negeri Kedah.




Gambar: Muzium Negeri Kedah
Pending atau Pendiang.

Pedokoh


Pedokoh atau Pendokoh dipakai di leher ke hadapan dada. Ia mengandungi tibar emas lima. Sekarang ini berantakan emas.

Gelang Tangan

Gelang tangan diperbuat daripada emas yang bertatahkan berlian.



Gambar: Muzium Negeri Kedah
Pedokoh atau Pendokoh.



Gelang Tangan.

Gambar: Muzium Negeri Kedah

Dalam istiadat perkahwinan baginda, alat-alat kebesaran diraja dipakai dengan lengkapnya mengikut tradisi perkahwinan diraja buat pertama kalinya. Dalam tahun 1936 baginda menerima Bintang C.M.G yang dikurniakan oleh King George VI. Berikutan dengan kemangkatan Tunku Mahmud ibni Almarhum Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah, Pemangku Sultan pada 5 November 1937, baginda telah diisytiharkan sebagai Pemangku Sultan yang baharu.

Inilah Lagu Selamat Sultan Kedah (*Kedah National Anthem*).¹ Pencipta dan penggubahnya, J.A. Roeytenberg, Ketua Pancaragam di Kelab Sultan Sulaiman, Kuala Lumpur. Manakala pengarang dan penulis senikatanya, Allahyarham Tuan Syed Abdullah Shahabuddin iaitu seorang bekas Pegawai Tadbir Negeri Kedah Darulaman.

Lagu ini pada peringkat awal dimainkan oleh Puan Augustin dengan piano kemudian dinyanyikan bersama senikatanya dengan Encik J.F. Augustin (mendiang). DYMM Regent Kedah, Tunku Badlishah memberi keizinan lagu itu digunakan di seluruh negeri Kedah. Waktu itu YTM Tunku Yaacob menjadi Ketua Pejabat Tanaman Kedah. Dengan inisiatif beliaulah maka Lagu Selamat Sultan dapat diadakan.

Penggunaan rasminya ialah pada 9 Muharram 1356 (22 Mac 1937). Sebelum daripada tarikh tersebut tiada lagu rasmi dimainkan di dalam mana-mana istiadat kecuali permainan Nobat.

1 Fail Sekretariat 396/1355 dari 3.1.1355 hingga 10.5.1367 (20.3.1941) yang tersimpan di Arkib Negara Malaysia Cawangan Utara, Alor Setar.

KEDAH NATIONAL ANTHEM

MAESTRO

A LAH SE LA MAT SUL TAN AIRAH AU D TA GER
 PAN JAGAN A SIA DI A TAS TAKH TUND MEND
 GA NA KA BI CI TA
 GE RI NE PAN SE KA TA RA TUND

Sebelum meletusnya Perang Dunia II pada 11 Julai 1941, baginda mendapat pengurniaan Bintang K.B.E. daripada King George V. Kirakira lima bulan dari tarikh tersebut, pada 8 Disember 1941 angkatan tentera Jepun yang bergerak melalui Thailand telah melancarkan perang ke atas Malaya.


Hasil rempuhan yang kuat daripada kereta-kereta kebal, tentera-tentera Jepun dengan berbasikal dan berjalan kaki serta dengan bom-bom dari kapal terbang, gerakan rangkum yang mereka jalankan itu dapat menembusi pertahanan Kedah di Jenan. Sebuah benteng pertahanan tentera berikat di utara Kedah terpaksa menyerah kalah walaupun telah berlaku di situ pertempuran dengan tentera Jepun pada 11 Disember 1941.

Bagaimanapun serangan dari darat dan udara masih terus berlaku di Alor Setar pada 13 Disember. Peluru-peluru meriam daripada pihak tentera Ingeris terus membedil kapal-kapal terbang Jepun. Tetapi tiada satu pun yang kena pada sasarannya. Kelihatan asap berkepul-kepul menjulang ke udara dari Lapangan terbang Kepala

Batas yang sedang terbakar dan musnah akibat daripada bom-bom Jepun.

F.L. Shaw yang menjadi Penguasa Pelajaran Kedah sebelum berlaku Perang Dunia II, sempat tinggal di Alor Setar selama dua bulan. Ia terpaksa berpindah bersama Pejabat Pelajaran Kedah ke Kulim pada 12 Disember 1941, iaitu tarikh pengunduran tentera-tentera Inggeris. Mereka melalui Jambatan Wan Muhammad Saman.

Jambatan ini telah dibina di atas tapak jambatan besi pada zaman dahulu. Ia dirasmikan oleh Sultan Abdul Hamid Halim Shah pada 14 Julai 1926. Jambatan Wan Muhammad Saman ini telah diletupkan oleh British sebelum mereka meninggalkan bandar Alor Setar. Tujuan mereka ialah semata-mata untuk menghalang kemaraan tentera Jepun. Tetapi selepas itu, di atas runtuhannya jambatan itu telah didirikan Jambatan Valley bagi menghubungkan Jalan Raja dengan Jalan Sungai Korok terus ke selatan.



Gambar: Arkib Negara Malaysia

Itiadat pembukaan rasmi Jambatan Wan Muhammad Saman oleh DYMM Sultan Abdul Hamid Halim Shah pada 14 Julai 1926.

Sebelum tercetusnya peperangan, Jepun telah menghantar beberapa orang perisik ke negeri ini. Seorang daripadanya memang terkenal dan rapat dengan keluarga diraja. Namanya K Shiiba dan ia berada di sini dari tahun 1936 hingga 1943. Dia menjalankan aktiviti pengintipan dengan berselindung di sebalik perniagaan pinggan mangkok dan barang-barang permainan kanak-kanak. Kedainya terletak di sebuah bangunan berkembar dengan Restoran Tawfikul-Rahman atau Kedai 36 Jalan Raja, Alor Setar, bersebelahan dengan Pawagam Royal yang kini sudah tinggal usang.

Dalam pemerintahan Jepun, Kedah di letakkan di bawah tadbir seorang gabenor yang dipanggil Cokan Kakka. Namanya Major-General Sukigawa Seiji. Manakala K Shiiba sendiri menjadi penasihatnya. Setiap penduduk dikehendaki sama-sama bertanggungjawab dan



Gambar: Persatuan Sejarah Kedah
K Shiiba.



Gambar: Persatuan Sejarah Kedah
Mejer-Jeneral Sukigawa Seiji.

mempunyai semangat kesedaran mengawal keselamatan kampung. Sekolah-sekolah diwajibkan mengajar bahasa Jepun. Murid-murid dari segala bangsa diletakkan di dalam sebuah sekolah yang bercampur laki-laki dan perempuan.

Guru-guru yang dipilih dari dalam negeri diberi latihan kepimpinan (korenshu) selama sebulan di rumah Pelamin. Orang-orang kampung digalakkan bertanam kapas dan pisang. Sekolah-sekolah juga diarah berbuat demikian. Di samping itu mereka mengajar orang-orang kampung dalam perusahaan membuat pembalut botol dan tali daripada menerung.

Dalam masa pemerintahan Jepun, hari-hari seperti ini merupakan hari kebesarannya. Umpamanya menyambut tahun baharu Jepun pada 1 haribulan 1, hari pembentukan negara Jepun (Kigensetsu) pada 11 haribulan 2, hari keputeraan Maharaja Jepun (Tenchosetsu) pada 29 haribulan 4 dan hari keputeraan Maharaja Meiji (Meijisetsu) pada 3 haribulan 11. Kesemua ini mengikut tahun Jepun.

Pada hari ulangtahun yang jatuhnya pada tiap-tiap 8 haribulan 12, semua pegawai kerajaan diberi cuti. Murid-murid sekolah pun demikian juga. Semuanya pagi-pagi lagi berhimpun di Padang Court Alor Setar untuk berbaris dan mendengar ucapan daripada Cokan Kakka. Selepas itu mereka berjalan menuju 'hakka' iaitu batu per-

ingatan (tugu) dan kuburan tentera Jepun yang terkorban dalam peperangan.

Tugu itu didirikan oleh pemerintah Jepun. Ia terletak di antara Mahkamah Kecil dengan kepala jambatan Sultan Abdul Hamid (Matsurohi Basyi) yang merentangi Sungai Kedah. Sekarang ini tugu itu sudah tiada lagi kerana dimusnahkan oleh orang-orang yang marahkan Jepun sebaik-baik sahaja Jepun menyerah kalah.

Salah satu daripada sebab-sebab kemarahan orang-orang Melayu ialah peraturan Jepun memaksa mereka menghormati setiap upacara padang pada waktu pagi, iaitu menghormati bendera Hino Maru (Bendera Jepun) dan beramai-ramai menyanyikan Lagu Kimigayo (Lagu Kebangsaan Jepun) sambil mengadap ke sebelah matahari terbit. Ini sungguh bertentangan dengan nilai-nilai masyarakat Melayu yang beragama Islam. Undang-undang Jepun yang demikian sudah cukup mencabar kedudukan agama Islam dan penganut-penganutnya. Perbezaan agama dan pegangan hidup yang berlainan menyebabkan kedudukannya tidak kekal.

Penindasan sering berlaku. Perbuatan sergah-menyergh orang sudah menjadi amalan mereka, memaksa orang memanjat kelapa dengan benet terhunus dibuntut dan upah pergi balik (tampar Tokyo) dikenakan kepada siapa sahaja yang tidak menghormati pengawalnya, memaksa orang meminum air bertimba-timba untuk mendapatkan rahsia jenayah dan berbagai-bagai siksaan lagi.

Jepun telah memerintah negeri Kedah selama 19 bulan dan Malaya selama 3 tahun 8 bulan. Walaupun telah dijanjikan Asia Timur Raya sebagai Kawasan Kemakmuran Bersama, tindakan yang terburu-buru dan keinginan memerintah dunia dalam sekelip mata telah mengakibatkan matahari yang terbit pada 8 Disember 1941 itu amat pahit dan sukar hendak dibayangkan oleh Jepun. Keadaan dan penderitaan yang ditempuh oleh rakyat negeri ini juga sangatlah menyedihkan.

Dilihat daripada satu segi pula, sepahit-pahit zaman Jepun ia ada juga menelurkan bibit-bibit yang menguntungkan kita. Dalam masa pemerintah Jepunlah timbulnya semangat kebangsaan. Ekoran daripada itu telah timbul kesedaran yang mendalam di bidang politik, sastera dan sosial. Ini telah memberi kesan menyemarakkan keinginan bagi mencapai kemerdekaan nasional apabila Jepun sudah pergi.

Dalam istiadat Shina Jihen Kinembi yang telah diadakan pada 7.7.2603 (tahun Jepun) bersamaan 7 Julai 1943 Cokan Kakka Sukigawa Seiji dengan penuh sayu mengisytiharkan bahawa negeri-negeri Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu diserahkan kepada kerajaan Thailand. Katanya, "Penyerahan ini telah dibuat di Tokyo pada 5.7.2603 bersamaan 5 Julai 1943. Istiadat penyerahan di sini akan diadakan tidak lama lagi."

Pada 20 Ogos 2603 (1943)² satu perjanjian 'Jepun Menyerah

2 Arkib Negara Malaysia, *Hari Ini Dalam Sejarah* Jilid III, 1983, hlm. 175 dan 177.

Negeri-negeri Utara Tanah Melayu kepada Thailand' telah ditandatangani di Bangkok, di antara Duta Jepun ke Thailand, Teiji Tsubukami dan Perdana Menteri Thailand, Field Marshall Phibul Songram. Perjanjian ini adalah mengenai penyerahan negeri-negeri utara Tanah Melayu seperti Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis serta dua buah wilayah Shan dari pihak pentadbiran tentera Jepun kepada pihak pentadbiran tentera Thailand.

Penyerahan enam buah wilayah tersebut telah dilakukan kerana Jepun berasa terhutang budi kepada Thailand di atas bantuan, sokongan dan kerjasama yang telah diberikan oleh Thailand dalam usahanya untuk menakluki Tanah Melayu. Jepun juga pernah berjanji untuk menyerah kembali negeri-negeri Melayu dan dua buah wilayah Shan itu yang dahulunya kepunyaan Thailand kepada Kerajaan Thailand sekiranya Jepun diberi bantuan dan kerjasama dalam usaha-usaha penaklukan Tanah Melayu.

Perbincangan mengenai kedudukan wilayah-wilayah tersebut pertama kalinya telah diadakan pada 4 Julai 1943 dalam satu per-



Jambatan Sultan Badlishah.

temuan di antara Perdana Menteri Jepun, Jeneral Hideki Tojo dan Perdana Menteri Thailand, Field Marshall Phibul Songram semasa Perdana Menteri Jepun itu melawat Thailand. Berikutan dengan peristiwa ini, pada 20 Ogos 1943 satu perjanjian telah ditandatangani untuk menyerahkan enam buah wilayah iaitu empat buah di utara Tanah Melayu dan dua buah wilayah Shan kepada pentadbiran tentera Thailand.

Mengikut perjanjian yang ditandatangani itu terdapat enam fasal yang telah dipersetujui:—

- Fasal 1: Jepun mengakui wilayah-wilayah Thailand seperti Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis termasuk pulau-pulauanya dipunyai oleh negeri-negeri tersebut.
- Fasal 2: Jepun juga mengakui wilayah-wilayah Shan iaitu Kentung dan Mongpan ialah kepunyaan Thailand.
- Fasal 3: Jepun akan menyerahkan pentadbiran di dalam wilayah-wilayah tersebut dalam masa 60 hari dari tarikh perjanjian itu dibuat.
- Fasal 4: Sempadan wilayah-wilayah di dalam Fasal 1 dan 2 adalah mengikut sempadan negeri-negeri itu sebagaimana pada tarikh perjanjian itu ditandatangani.
- Fasal 5: Perkara-perkara terperinci untuk pelaksanaan perjanjian itu akan ditentukan melalui tolak-ansur atau nasihat-nasihat di antara kedua-dua negeri itu.
- Fasal 6: Perjanjian itu akan diikuti satu rombongan yang akan menandatangani tarikh penyerahan wilayah-wilayah tersebut.

Selepas 60 hari dari tarikh perjanjian itu dibuat iaitu mulai daripada 18 Oktober 1943 secara rasminya negeri Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis telah diletakkan di bawah kawalan pentadbiran tentera Thailand yang berpusat di Alor Setar. Walau bagaimanapun, pihak Jepun masih lagi mempunyai kuasa di bidang ketenteraan serta berhak untuk mengambil pemuda-pemuda Melayu berkhidmat di dalam pasukan Tentera Jepun.

Pasukan Tentera Pembantu Jepun dinamakan Hei ho telah ditubuhkan semenjak awal tahun 1943 lagi. Anggota-anggotanya lebih banyak digunakan sebagai buruh kasar. Ramai yang dihantar untuk membina jalan keretapi maut Thai-Burma di Kancanaburi. Selain itu, angkatan sukarelawannya ialah Giyu tai yang ditubuhkan dalam tahun 1943 juga.

Pasukan Tentera Sukarela Jepun dipanggil Giyu gun. Tugasnya yang sebenar ialah membantu pihak Jepun mempertahankan Tanah Melayu. Ia juga merupakan Pasukan Polis yang kemudiannya muncul sebagai nasionalis militan.

Pihak rakyat sentiasa tertanya-tanya dan berbagai-bagai telahan lagi telah dibuat. Ada yang menyangka dengan penyerahan ini bolehlah kita bernafas. Tentulah pemerintahan baharu ini tidak seperti pemerintahan Jepun. Sangkaan-sangkaan itu semuanya meleset. Apa yang terdapat sama sahaja seperti sangkaan sewaktu Jepun hendak masuk ke negeri ini dahulu, "Jepun datang kita semua senang!"

Pada 18.10.2603 (18 Oktober 1943) istiadat penyerahan bagi negeri Kedah dan Perlis itu telah diadakan di Padang Court. Dalam istiadat ini Duli Yang Maha Mulia Sultan Badlishah dan Duli Yang Maha Mulia Raja Perlis Syed Hamzah Jamalullail berangkat hadir. Tepat pada pukul 8.00 pagi, Cokan Kakka pun berucap dalam



Gambar : Muzium Negeri Kedah
Mahkamah Kecil atau Mahkamah Rendah di Jalan Raja, Alor Setar.

bahasa Nippon (Nippon Go). Kemudian diterjemahkan oleh K Shiiba ke dalam bahasa Melayu (Marai Go). Isi ucapannya itu ialah mengisytiharkan penyerahan kedua-dua negeri itu di bawah pemerintahan Kerajaan Thai.

Sewaktu istiadat dijalankan bendera Hino Maru masih berkibarkibar dipuncak tiang padang itu. Akhirnya murid-murid sekolah dan guru-guru mendahului barisan menuju hakka lalu memberi hormat setelah selesai mereka pun berjalan pulang ke sekolah masing-masing.

Bagi pihak pegawai-pegawai dan tentera-tentera Jepun pada tengah hari itu mereka datang pula berbaris mengelilingi hakka, memberi hormat terakhir kepada aruah-aruah pejuang mereka. Setelah itu dalam barisan yang teratur mereka beredar dari situ menuju ke Padang Court. Mereka menunggu menghadapi tiang bendera. Apabila tepat pukul 12.00 tengah malam dengan penuh hormat bendera Hino Maru pun diturunkan. Selaras dengan pemerintahan Kerajaan Thai dari saat itu jam-jam pun berubah mengikut jam Bangkok.

Pada pukul 9.00 pagi waktu Bangkok, 19.10.2487 (tahun Siam) iaitu 19 Oktober 1943 sekalian pegawai kerajaan Kedah dan pegawai kerajaan Thai serta murid-murid sekolah di sekitar Alor Setar telah dikerah berbaris melingkongi tiang bendera di Padang Court. Gabenor Thai dan pembesar-pembesarnya hadir. Duli Yang Maha Mulia Sultan Badlishah berangkat juga ke majlis itu. Ia dimulakan dengan menaikkan bendera Thai sambil itu mereka menyanyi Lagu Praktet Thai (Lagu Kebangsaan Thai). Majlis itu diakhiri dengan ucapan Gabenor Thai dan titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Kedah.



Jambatan Sultan Abdul Hamid Halim Shah.

Pada keesokan harinya, 20.10.2603 (tahun Jepun) bersamaan 20.10.2487 (tahun Siam) bersamaan 20 Oktober 1943, Cokan Kakka meninggalkan Kedah Sho (negeri Kedah). Bersama-sama lori-lori yang membawa tenteranya menuju ke selatan. Semua tempat tentera Jepun telah diambil alih oleh tentera Thai. Bagaimanapun tempat-tempat penting dan sulit, kekal diduduki oleh tentera-tentera Jepun. Di Alor Setar, Pejabat Kenpeitai (M.P. atau Polis Tentera) Jepun tetap tidak bertukar tangan. Hal ini tidaklah begitu ketara sangat pada mata orang ramai. Kebanyakannya menganggap bahawa penyerahan negeri ini kerana Jepun tidak berkuasa lagi hendak mengawal negeri-negeri tersebut atau seluruh Semenanjung Tanah Melayu. Mereka hanya menunggu masa diserang balas dengan kuatnya oleh pihak Berikat.

Penyerahan kuasa ini dilakukan oleh Jepun kerana membalas budi Kerajaan Thai. Sebenarnya Kerajaan Thai dikatakan telah memberi pertolongan yang amat besar nilainya terutama sewaktu kemaraan tentera Jepun ke Malaya melalui Kedah dahulu. Jepun pula menganggap bahawa mereka tentu akan disanjung sebagai pembebas dari penjajahan British.

Cerita-cerita peperangan laut di kawasan Pulau-pulau Lautan Selatan sehingga terkorbannya Laksamana Isoroku Yamamoto kerap terdengar. Manakala ruang angkasa Kedah kerap dilawati oleh kapal terbang B29 dari arah selatan ke utara melalui Alor Setar terus ke Kepala Batas. Adakalanya B29 itu membedil ke bumi.

Pada masa-masa yang seumpama ini tentera Jepun telah tidak kelihatan lagi, pada hal saki baki mereka masih lagi berada di sini. Kapal-kapal terbang mereka yang dibangga-banggakan itu, sebuah pun tidak kelihatan terbang. Hal ini bolehlah disamakan seperti

kapal-kapal terbang Buffalo British semasa Jepun mula melanggar negeri ini dahulu, ghaib sebuah pun tidak kelihatan.

Pentadbiran Thai di Kedah adalah mengikut cara British. Pegawai-pegawai yang ada meneruskan tugas masing-masing. Cuma kuasa keselamatan di bawah kawalan kenpeitai Jepun bersama dengan tentera Thai. Kedah diubah nama Syburi atau Saiburi menjadi wilayahnya.

Khun Rongchat menjadi Gabenor Jeneral. Khun Pramot Chongcharem menjadi Gabenor. Khun Chat sebagai Penolong Gabenor. Mohamed Sheriff bin Osman menjadi Setiausaha dan F.A. Every sebagai penolongnya. Seorang Penasihat Pelajaran Thai (Pegawai Tentera) menggantikan Penasihat Pelajaran Jepun (Kodera Sang). Tunku Abdul Rahman Putra dilantik menjadi Penguasa Pelajaran Kedah menggantikan tempat Syed Mahadzir Fadaak.

Tentang perjalanan undang-undang Islam keadaannya seperti biasa. Bidang ini diserahkan kepada orang-orang Melayu sendiri. Sultan sebagai ketua agama Islam. Begitu juga tentang adat istiadat Melayu, mereka tidak pernah mengganggu. Kedudukan hak-hak keistimewaan orang-orang Melayu seperti Tanah Simpanan Melayu tetap dihormati. Sultan masih dianggap sebagai Ketua Negeri.

Keadaan disiplin tidak begitu kukuh di kalangan pentadbir-pentadbir Thai. Daripada gabenor hinggalah ke peringkat bawahan, mereka bebas menjalankan perniagaan sendiri bagi menambahkan pendapatan. Rancangan-rancangan baharu tidak dijalankan di Kedah. Mereka cuma meneruskan susunan yang ada selama 25 bulan mereka berkuasa.

Pada 21 Julai 1945 sebuah pertubuhan politik Melayu yang ulung di Kedah telah diluluskan pendaftarannya oleh pemerintah Jepun dan Siam. Pertubuhan ini bernama Syarikat Bekerjasama Am Saiburi atau SABERKAS.³ Penubuhannya telah ditaja oleh beberapa orang Melayu yang terdiri daripada Ahmad Nordin bin Zain, Mohamad Jamil, Mohamad Khir Johari, Senu bin Abdul Rahman dan Wan Din bin Wan Hashim.

Pertubuhan ini adalah satu-satunya pertubuhan politik Melayu di Kedah yang diasaskan oleh kesedaran betapa pentingnya orang-orang Melayu bersatu bagi menentang penjajahan serta membela kedudukan ekonomi mereka yang mundur. Ini ternyata dalam kenyataan Mohamad Jamil, "Orang-orang Melayu secara perseorangan dapat diibaratkan sebagai sebilah lidi yang mudah dipatah-patahkan. Tetapi bilah lidi yang seberkas boleh menjadi penyapu. Mereka agak susah hendak dipatah-patahkan." Oleh itu orang-orang Melayu perlu bersatu demi kepentingan bangsa dan tanahair.

Apa lagi dalam masa peperangan, orang-orang Melayu perlu melupakan segala perselisihan faham dan bersatu di bawah satu

³ Arkib Negara Malaysia, "Hari Ini Dalam Sejarah" mengenai "Pendaftaran SABERKAS Diluluskan" Jilid III, 1983 hlm. 71.

panji-panji SABERKAS. Kemunculannya juga adalah disebabkan oleh bertambahnya ancaman komunis pada masa itu.

Tujuan-tujuan SABERKAS yang lain adalah seperti berikut:—

- (i) Memperbaiki kedudukan ekonomi orang-orang Melayu di Kedah khususnya.
- (ii) Membela nasib kaum buruh yang ditindas.
- (iii) Melipatgandakan pengeluaran pertanian untuk mengatasi kekurangan makanan yang dihadapi.
- (iv) Menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa Rasmi.
- (v) Memelihara dan mengembangkan agama Islam.
- (vi) Menubuhkan Lembaga Kebudayaan (Cultural Institute).
- (vii) Pemerintah secara demokrasi.

Bagi memenuhi tujuan-tujuan ini SABERKAS telah menubuhkan pelbagai jawatankuasa yang terdiri daripada Jawatankuasa Kewangan, Siasah, Sosial, Ikhtisas, Pelajaran, Penerangan, Agama, Pergaulan, Kebudayaan dan Kaum Ibu.

Pada mulanya SABERKAS bergerak secara sulit dan ahlinya terdiri daripada orang-orang Melayu dari Alor Setar, Alor Jangus, Air Hitam, Jitra, Kuala Kedah dan Langgar. Bagi melindungi pergerakanannya daripada mendapat tentangan daripada pemerintah Jepun, SABERKAS telah bergerak sebagai badan kebajikan serta berdasarkan syarikat kerjasama bagi menolong orang-orang Melayu.

Pertubuhan ini juga telah mendapat sokongan daripada pentadbiran Siam yang menganggapnya tidak mengancam kedudukannya. Keadaan ini dikuatkan lagi di mana ramai ahlinya⁴ terdiri daripada pegawai-pegawai Melayu yang sangat-sangat diperlukan oleh pentadbiran Siam untuk melicinkan urusan-urusan pentadbiran. Manakala penaungnya ialah Tunku Abdul Rahman Putra iaitu anak kepada seorang raja yang disegani oleh pihak Jepun dan Siam.

Nyatalah SABERKAS sebagai satu-satunya pertubuhan politik Melayu yang muncul di Kedah yang direstui oleh pemerintah Jepun telah mula memainkan peranan bagi menyatukan orang-orang Melayu⁵ ke arah berkerajaan sendiri. Walaupun pertubuhan ini tidak dapat bergerak dengan cergasnya disebabkan oleh keadaan pada masa itu, tetapi sekurang-kurangnya ia telah memberi kesedaran kepada orang-orang Melayu untuk bersatu bagi membela nasib mereka pada masa hadapan.

Tidak lama selepas itu pada jam 9.15 pagi Ogos 1945 sebuah benteng udara yang dikemudikan oleh Kolonel Paul Tibbets telah menggururkan bom atom yang pertama. Tepat sarasannya mengenai di tengah-tengah Kota Hiroshima iaitu sebuah bandar pelabuhan dan pusat perusahaan senjata. Penduduknya ketika itu kira-kira 318,000 jiwa.

4 Terdapat beberapa orang ahli Kesatuan Melayu Muda dalam SABERKAS.

5 Semenjak tahun 1948 SABERKAS telah mulai lemah. Sebab utama ialah kehadiran UMNO yang mempunyai cita-cita yang hampir sama dengan SABERKAS. Oleh kerana ini ramai ahlinya telah menyerap masuk ke dalam UMNO.

Berikutnya pada 9 Ogos tahun yang sama, sebuah lagi bom atom telah digugurkan di Kota Nagasaki. Letupan dua buah bom atom itu telah menggemparkan seluruh dunia. Dengan ini ternyata sudah bahawa peperangan mesti dihentikan.

Demikianlah tindakan berkesan daripada Amerika Syarikat. Sebelum itu, ia telah memberi kata dua kepada Jepun, "Menyerah atau diatomkan?" Sebagai negara yang berdaulat dan mempunyai harga diri, Jepun dengan sombongnya menjawab, "Kami akan berjuang hingga nafas kami yang terakhir."

Sebaik sahaja Jepun menyerah dengan rasminya, sampailah berita mengatakan yang gerila-gerila komunis akan keluar dari hutan dan akan menduduki seluruh bandar dan pekan dalam negeri Kedah. Mereka akan menurunkan bendera Jepun dan menaikkan bendera mereka yang berwarna merah dengan ditaburi oleh bintang tiga.

Di setengah-setengah tempat, beberapa buah kumpulan gerila komunis telah memasuki lapangan tertentu. Mereka meronda ke sana ke mari hingga menimbulkan pertentangan dengan orang-orang Melayu. Persiapan di kampung oleh pemuda-pemuda dan orang-orang dewasa telah dibuat.

Pada 5 September 1945, seluruh Semenanjung Tanah Melayu termasuk Kedah berada di bawah Pentadbiran Tentera British atau British Military Administration (BMA). Pentadbiran ini telah dibahagikan kepada dua daerah yang masih berjalan iaitu Tanah Besar Semenanjung Tanah Melayu dengan Pulau Pinang dan Singapura.

Berhadapan dengan masalah yang diwujudkan pada zaman itu, nyatalah bahawa perlunya sebuah perlembagaan yang cukup jelas, kemas dan kuat dalam Persekutuan Tanah Melayu. Tunku Abdul Rahman Putra telah diberi amanah oleh rakyat memimpin Tanah Melayu ke arah kemerdekaan, dengan harapan untuk menjadikannya sebagai sebuah negara yang sempurna dan berdaulat.

Pada 11 Oktober 1945,⁶ Sir Harold MacMichael tiba di Tanah Melayu untuk mendapatkan persetujuan Raja-raja Tanah Melayu. Berbulan-bulan lamanya perundingan antara Kerajaan British dengan Raja-raja Tanah Melayu telah dijalankan untuk mewujudkan Malayan Union. Sultan Badlishah hanya menandatangani perjanjian itu setelah mendapat persetujuan bertulis daripada Majlis Mesyuarat Negeri. Kemudian baginda menghantar telegram bantahan ke Pejabat Kolonial.

Pada 1 Disember 1945, pasukan-pasukan gerila dibayar gajinya dan menyerahkan senjata. Bagaimanapun banyak senjata yang digugurkan dengan payung terjun angkatan 136 telah disimpan oleh mereka. Mereka mendakwa kemenangan yang diperolehi itu sebagai usaha mereka sendiri. Sekarang mereka hendak mengambil alih kuasa bagi mewujudkan sebuah kerajaan yang dinamakan Republik Rakyat

⁶ Khoo Kay Kim dan Kok Koun Chin, *Sejarah Objektif untuk S.R.P.* Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd. KL Cetakan kedua 1980, hlm. 245.

Komunis Malaya.

Pada 1 April 1946, baharulah diwujudkan Malayan Union iaitu sebuah persekutuan yang bercorakkan penjajahan. Gagasan itu akan menelan bulat-bulat hak bangsa Melayu turun-temurun di samping menghapuskan kuasa Raja-raja Melayu di Tanah Melayu. Sebab itulah orang-orang Melayu yang sedar akan bencana Malayan Union telah bangun serentak, bersedia menyusun barisan menamatkan riwayat Malayan Union.

Gagasan Malayan Union dan cara pelaksanaannya mendapat tentangan hebat daripada orang-orang Melayu Kedah. Padang Court lama telah mencatat banyak sejarah perjuangan rakyat menentang penjajahan. Dato' Onn Jaafar sendiri dan Tunku Abdul Rahman Putra telah berucap di padang tersebut untuk menggembeleng tenaga rakyat berjuang bagi mencapai kemerdekaan negara. Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad dalam usia mudanya turut menyatukan hasrat perjuangan kebangsaannya bersama dengan rakan-rakan yang lain di tempat yang sama.

Sultan Badlishah pernah diugut akan diturunkan dari takhta oleh pihak British kerana keengganan baginda menandatangani "Perjanjian Malayan Union". Akibatnya baginda terpaksa menyetujui kehendak wakil khas Kerajaan British itu walaupun pada hakikatnya baginda menentang penubuhan Malayan Union.

Namun demikian selepas menandatangani perjanjian yang dianggap akan memusnahkan kehidupan orang-orang Melayu pada ketika itu baginda telah berpakat dengan Sultan Perak dan Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan untuk memerangnya.

Kedua-dua pemerintah itu bersetuju untuk membantu baginda. Beberapa pucuk surat yang mengandungi perasaan tidak puas hati baginda terhadap cara baginda diminta menandatangani perjanjian itu telah diutuskan kepada pemimpin parti pembangkang dan sahabat-sahabat baginda.

Pendirian baginda iaitu anti Malayan Union dapat diyakini apabila baginda melepaskan adindanya Tunku Yaakob dan Tunku Abdul Rahman Putra bersama-sama dengan beribu-ribu orang rakyat Kedah menyertai tunjuk perasaan menentang Malayan Union.

Pada 30 Mei 1946, suatu perhimpunan raksaksa telah diadakan di Padang Court, Alor Setar. Hampir semua golongan bangsa Melayu laki-laki perempuan, tua muda daripada golongan pelajar dan bijak pandai hingga membawa kepada orang-orang kampung dari seluruh negeri ini telah turut mengambil bahagian.

Kedaaan yang demikian adalah satu peristiwa yang belum pernah berlaku di dalam sejarah Kedah bahkan di Tanah Melayu. Sesungguhnya adalah menjadi suatu tanda bahawa orang-orang Melayu tidak rela tanahairnya dirampas dan bangsanya terhapus.

Tindakan baginda jelas menunjukkan baginda adalah seorang pejuang. Baginda turut memberi tentangan hebat terhadap penubuh-

an Malayan Union walaupun pada satu peringkatnya baginda terpaksa berhadapan dengan dua masalah iaitu rakyat dan takhta.

Pada 16, 17 dan 18 Safar 1366 (10, 11 dan 12 Januari 1947)⁷ Persidangan Agung Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) telah diadakan di Balai Besar, Alor Setar. Dalam perasmian persidangan itu baginda telah berkenan menyampaikan titah ucapannya.

"Assalamualaikum tuan-tuan sekalian dan saudara saya laki-laki dan perempuan. Saya besar hati yang tuan-tuan memilih menjadi tempat mesyuarat ini di Kedah. Saya ucapkan selamat datang kepada tuan-tuan.

Barangkali pemandangan di Alor Setar tuan-tuan nampak negeri Melayu dengan bertabur bendang ini. Bangsa Melayu boleh dikatakan tiga kali ganda daripada bangsa luar. Kedah ini boleh dikatakan miskin. Saya harap committee sambutan tolong ambil ikhtiar melayan setakat mana yang upaya.

Saya lihat dalam perkara mesyuarat di sini adalah bersangkutan dengan rencana Federation. Perkara ini tuan-tuan sedia maklum bagaimana Wakil Raja-raja dan UMNO berkira bicara selama lebih kurang empat bulan ialah semata-mata bijaksana mereka dan kuat pakatan Raja-raja dan UMNO.



Gambar: Arkib Negara Malaysia

DYMM Sultan Kedah sedang menyampaikan titah ucapannya dalam Perhimpunan Agung UMNO di Balai Besar, Alor Setar, berdiri di sebelah kanan baginda ialah Dato' Onn bin Jaafar, Presiden UMNO.

⁷ Akhbar MAJLIS Kuala Lumpur bertarikh pada 17.1.1947 hlm. 1.

Dahulu daripada tuan-tuan menimbang atas perkara itu eloklah diambil halusi di atas dua pihak. Satu pihak kuat dan telah beratus tahun mendapat latihan dalam perkara jajahan takluk dan diplomasi. Bagi pihak kita tersangatlah lemah dalam segenap perkara.

Kita di sini bangsa kecil di bawah naungan dan juga dalam negeri kita ada lain bangsa dekat sama banyak dengan kita. Jadi payahlah kita hendak mendirikan kebangsaan kita yang kuat dan juga dalam perniagaan pun tersangatlah lemah pada masa ini.

Saya pinta inilah timbang dahulu daripada mesyuarat ini. Saya harap tuan-tuan ambil halusi dalam segenap perkara mengenai rencana perjanjian itu. Saya harap Raja-raja dan UMNO bekerjasama sepertimana yang telah dijalankan supaya terselamat tanahair kita." Baginda mengakhiri titah ucapannya itu dengan seruan Hidup Melayu.

Akhirnya dengan tenaga UMNO dan berkat perpaduan umat Melayu seluruhnya, gagasan Malayan Union telah dapat dihancurkan. Dengan perjuangan hebat selama lebih kurang dua tahun menyebabkan Inggeris menggantikannya dengan Persekutuan Tanah Melayu pada 1 Februari 1948. Kewujudannya mengandungi riwayat cemerlang bagi bangsa Melayu. Ia menjadikan Tanah Melayu sebagai negara Melayu dan hak Melayu.

Sewaktu pemerintahan DYMM Sultan Badlishah, Haji Mohamad



Istana Anak Bukit.

Sheriff bin Osman ialah Menteri Besar Kedah yang pertama (1948—1957) Bapanya, Allahyarham Awang Osman bin Arshad berasal dari Kedah tetapi telah dihantar oleh kerajaan ke Pulau Pinang sebagai ejen untuk mengambil tahu harga barang-barang yang kena cukai dan melaporkannya ke Alor Setar. Di samping itu dia juga menjadi 'Warden' untuk menjaga putera-putera raja dan anak-anak orang besar yang dihantar belajar di Penang Free School dan lain-lain.

Kalau Tunku Ibrahim merupakan 'Aktek Dasar' maka Haji Mohamad Sherifflah yang melaksanakan dasar itu mengikut caranya sendiri. Sebab itu Haji Sheriff patut dikenang kerana usahanya mendapatkan peluang pelajaran tinggi yang lebih banyak untuk anak-anak orang kebanyakan. Sungguhpun sebelum ini ada orang-orang bukan dari kerabat raja yang dihadihkan biasiswa untuk melanjutkan pelajaran ke England, namun mereka itu adalah daripada golongan bangsawan. Hal ini berlaku ialah kerana Haji Sheriff sendiri daripada golongan orang kebanyakan.

Mohamad Sheriff dan beberapa orang adiknya yang lain tinggal bersama bapanya. Ia besar dan bersekolah di Penang Free School sehingga Darjah VII. Dalam tahun 1917 dia balik ke Kedah dan memegang jawatan Penterjemah di Sekretariat, Alor Setar. Di sinilah dia bekerja dan mendapat banyak pengalaman yang berguna untuk masa hadapannya. Setelah beberapa lama sebagai Penterjemah itu lalu dinaikkan pangkatnya sebagai 'Under Secretary', kemudian menjadi Pengarah Tanah dan akhirnya menjadi 'Secretary to Government'.

Dia adalah seorang yang pendiam. Tidak banyak bergaul sesama pegawai kerajaan bahkan dengan adik-beradiknya pun dia tidak begitu mesra. Kerana itu dia disegani dan ditakuti orang. Sungguhpun pelajarannya setakat Darjah VII sahaja tetapi dia banyak membaca. Bahasa Inggeris yang digunakan dalam pertuturan dan surat-menyuratnya adalah bahasa yang baik dan tinggi. Sebagai pegawai yang memegang jawatan tertinggi dalam Kerajaan Negeri, dia sahaja-lah yang menulis minit-minit dan memo-memo rasmi dengan dakwat hijau.

Dia jarang melawat ke mana-mana tempat atau menjenguk ke pejabat-pejabat lain. Tetapi menerusi segala laporan yang diterima, dia tahu apa yang berlaku di seluruh negeri. Sebagai seorang ahli 'State Council' yang dipengerusikan oleh Tunku Ibrahim, dia dapat menolong membentuk dasar-dasar kerajaan dan menjalankan pentadbiran negeri dengan sepenuh tanggungjawab kepada Majlis tersebut.

Bagaimanakah dia telah melaksanakan dasar yang telah ditetapkan oleh kerajaan iaitu untuk membanyakkan anak-anak negeri yang berkelulusan tinggi mengambil alih tugas daripada pegawai-pegawai pada satu masa kelak? Adakah sesuatu program yang dibuat untuk diikuti?

Maka bolehlah agaknya dibuat tafsiran berdasarkan segala tindakan dan cara melakukan sesuatu oleh Haji Mohamad Sheriff itu. Pertamanya daripada penentuan yang dibuat tentang bidang-bidang pelajaran tinggi yang diikuti oleh mereka yang dihadihkan biasiswa. Kedua, cara dia membuat keputusan dalam menentukan siapa yang akan belajar apa di luar negeri dan siapa yang akan masuk bekerja dalam Perkhidmatan Awam Negeri (Kedah Civil Service).

Berkenaan soal pertama, beliau membuat pembahagian kepada berbagai-bagai bidang ilmu dan ikhtisas seperti Perubatan, Undang-undang, Kejuruteraan, Pertanian, Kedokteran Haiwan, Perakaunan dan lain-lain. Bidang-bidang tersebut menunjukkan satu gambaran yang menepati rancangan yang bertujuan hendak mengambil alih segala urusan pentadbiran negeri daripada pegawai-pegawai British. Suatu 'pattern' yang baik perseimbangannya yang sekiranya sampai masanya, tentulah akan dapat mencapai objektif yang tertentu tanpa sebarang kesukaran.

Berkenaan soal kedua, apabila sampai sahaja keputusan peperiksaan Senior Cambridge dari London, Haji Sheriff pun meminta Penguasa Pelajaran menghantar senarai mereka yang lulus. Sesudah dia membuat keputusannya mungkin setelah berunding dengan Tunku Ibrahim, semua yang dipilih dipanggil ke pejabatnya untuk bertemu dengannya.

Dalam pertemuan itu dengan tidak bertanya lagi Haji Sheriff pun memberitahu, "Kamu (si polan) akan pergi ke England belajar Undang-undang." Sambil menunjuk kepada seorang lagi, "Kamu pula pergi ke Singapura belajar Perubatan." "Kamu pergi belajar ke Sekolah Teknik di Kuala Lumpur." "Kamu masuk Perkhidmatan Awam Negeri Kedah." Semuanya ini dicakapkan dalam bahasa Inggeris dalam nada arahan tanpa memberi kesempatan kepada orang lain untuk bertanya atau membantah. Tidak siapa yang berani bertanya jangankan hendak membantah. Kalau pegawai-pegawai kerajaan pun gerun dengannya. Apatah lagi pula anak-anak muda yang baharu keluar sekolah.

Demikianlah orang-orang seperti Dr. Abu Bakar, Johari Daud dan lain-lain, semuanya ditentukan oleh Haji Sheriff. Dato' Dr. Abu Bakar pernah berkata, "Masa itu manalah saya tahu hendak berfikir sendiri apa yang patut saya belajar atau apa bidang yang patut saya masuki. Boleh dapat kerja masa itu pun sudah cukup rahmat." Apa yang dikatakan olehnya itu boleh dianggap mencerminkan pendapat orang-orang lain juga. Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad adalah seorang lagi yang ditentukan oleh Haji Sheriff untuk mengikuti kursus perubatan sedangkan beliau sendiri berhasrat hendak belajar undang-undang.

Bagi Hanafiah Hussein, Chartered Accountant yang dikenang sekali ialah bagaimana Haji Mohamed Sheriff memutuskan supaya diberi biasiswa kepadanya untuk mengikuti bidang Perakaunan di England. Dia berkata, "Saya dari keluarga orang miskin lagi pula



Dato' Haji Sir Mohamad Sheriff bin Osman
KOM., KBE., CMG.

dari masyarakat Aceh. Mungkin ada orang-orang tertentu di Sekrptariat yang tidak suka saya mendapat biasiswa. Tetapi Haji Sherifflah yang memutuskan 'over their objections'." Perlantikan Haji Mohamad Sheriff menjadi Menteri Besar Kedah telah dilakukan selepas penubuhan Persekutuan Tanah Melayu pada 1 Februari 1948.

Dengan ini segala keraguan dan kegelisahan terutama sekali mengenai pemindahan kuasa Raja-raja Melayu dan juga mengenai

syarat-syarat kewarganegaraan yang ditakuti oleh orang-orang Melayu tidaklah timbul lagi. Kelahiran Persekutuan Tanah Melayu adalah menurut dasar perjanjian yang telah ditandatangani pada 21 Januari 1948 antara baginda King George VI dengan Raja-raja Melayu.

Persekutuan Tanah Melayu adalah negara muda yang telah melangkah ke dalam lengkungan negara demokrasi. Ia mengandungi Negeri-negeri Bernaung iaitu Kedah, Perlis, Kelantan, Terengganu dan Johor, Negeri-negeri Melayu Bersekutu iaitu Perak, Pahang, Selangor dan Negeri Sembilan dan Negeri-negeri Selat iaitu Pulau Pinang termasuklah Seberang Perai dan Melaka. Pulau Singapura tidak termasuk di dalam Persekutuan Tanah Melayu iaitu selepas tamatnya peperangan Asia Timur Raya kerana menjadi sebuah Jajahan Mahkota British.

Pada 5 Jun 1948, Dato' Onn bin Jaafar telah berucap di Majlis Undangan Federal, katanya, "Kedudukan darurat itu bukanlah satu perkara yang tiba dengan serta merta. Ia adalah ditaja dan ditubuhkan dalam bulan September 1942 oleh ahli-ahli Parti Komunis Malaya. Suatu perhimpunan telah adakan tidak jauh dari Kuala Lumpur. Tujuannya untuk mewujudkan yang akan mereka namakan Republik Rakyat Komunis Malaya."

Pada 18 Jun 1948, selepas satu kumpulan penjahat menyerang Balai Polis di Jeram Choh, Johor, maka darurat pun diisytiharkan di seluruh negara seperti yang telah dilakukan oleh kerajaan Singapura dalam bulan Julai 1948. Pihak komunis melakukan pemberontakan bersenjata. Kedah telah diisytiharkan sebagai Kawasan Hitam.

Dalam usaha kerajaan memutuskan perhubungan dengan penganas-penganas komunis, rakyat yang tinggal di pinggir hutan di tempatkan di kampung-kampung baharu. Perkampungan tersebut ialah di Gurun, Padang Lembu, Sungai Lalang, Pokok Sena dan lain-lain.

Pada tengahari Ahad 27 Syaaban 1367 (4 Julai 1948) Pesuruhjaya Tinggi British, Sir Gerard Edward James Gent KCMG., DSO., OBE., MC., telah terbunuh dalam satu kemalangan kapal terbang di Northolt, Middlesex dan Kerajaan Negeri telah menyampaikan ucapan takziah kepada keluarganya itu.

Pada 19 Ogos 1948, Kerajaan Negeri telah mengadakan perayaan menyambut hari ulangtahun keputeraan baginda Sultan Badlishah yang ke-56. Manakala pada hari kehormatan tahun baharu, Raja Ingeris telah mengurniakan kepada DYMM Sultan, Darjah Kebesaran The Order of an Honorary Knight Commander of the Most Distinguished Order of Saint Michael and Saint George, ringkasnya K.C.M.G.

Pada awal tahun 1949, Tunku Abdul Rahman Putra pulang dari England setelah lulus dalam pelajaran Undang-undangnya. Ketika itu Tunku berumur 46 tahun. Dalam ucapannya, Tunku berkata, bahawa mungkin beliaulah seorang pelajar dalam sejarah Inner

Temple yang masyhur itu telah diterima masuk sebagai seorang pelajar pada masa Jubli Peraknya.

Dalam bulan Ogos tahun itu, Tunku telah dipindahkan ke Kuala Lumpur. Beliau bertugas sebagai Timbalan Pendakwaraya di Jabatan Undang-undang Persekutuan. Dua tahun kemudian, Tunku telah meletakkan jawatan daripada perkhidmatan kerajaan dan seterusnya menjadi Presiden UMNO menggantikan Dato' Onn bin Jaafar.

Dalam ucapannya sewaktu perasmian Persidangan Agung Tahunan UMNO pada 25 Ogos 1951 di Hotel Majestic, Kuala Lumpur, antara lain Tunku berkata, "Saya hendak mentafsirkan maknanya bagaimana yang telah dijelaskan oleh Mahatma Gandhi 'Bapa Perjuangan India' iaitu seorang penganjur terbilang. Adapun seseorang hamba yang mempersembahkan diri menjadi pesuruh kepada sekalian rakyat jelata, pekerjaannya ialah mengorbankan diri untuk berkhidmat kepada rakyat. Itulah makna yang saya tahu. Itulah juga yang akan menjadi pedoman dan cogan hidup saya dalam usaha menjalankan kerja-kerja UMNO.

Pada bulan dan tahun yang bertuah ini maka genaplah janji saya. Saya sedar bahawa saya terima jawatan ini daripada seorang penganjur Melayu yang terkenal dalam zaman kebangkitan dan kesedaran umat-umat Melayu. Pemimpin ulung yang dimaksudkan itu ialah Dato' Onn bin Jaafar.

Tunku menerangkan dalam ucapan dasarnya bahawa UMNO ialah Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu yang hanya bertujuan untuk memelihara kepentingan bangsa dan tanahair Melayu dengan harapan supaya setaraf dengan bangsa-bangsa lain yang bebas dan merdeka di seluruh dunia.

"Seperkara yang penting bagi kita", kata Tunku, "zaman ini ialah menuntut kemerdekaan. Cita-cita ini sudah berpatutan dengan keadaan masa sekarang. Apa lagi semua jiran-jiran yang berada di sekeliling kita telah merdeka.

Lihatlah Siam, Ceylon, Indonesia dan Filipina mereka adalah negara merdeka. Mengapakah kita tidak boleh merdeka? Tanya Tunku. Keinginan kita ialah hendak mengambil tempat kita sebagai negara berjiran adalah menasabah pada akal. Keinginan ini bertambah meluap-luap dari sehari ke sehari, akhirnya perasaan itu tidak dapat disabar-sabarkan lagi.

Untuk merebut kemerdekaan, tambah Tunku, bermacam-macam perkara telah berbangkit di dalam dunia ini. Berjuta-juta nyawa telah hilang. Beberapa negeri dan bandar menjadi rosak binasa. Tetapi kita, menyerahkan kemerdekaan kita dengan perjanjian atau dengan jalan perlembagaan. Janganlah kita gemar kemerdekaan hingga kerana itu kehormatan kita terjual.

Saya katakan, kita hendaklah berpegang teguh akan semangat Melayu. Dengan semangat itu kita menuntut kemerdekaan dan kedaulatan supaya diserahkan kepada kita. Marilah kita merenung

kembali sejarah kita bangun meruntuhkan Malayan Union dahulu. Bangsa asing itu hanya melihat sahaja. Mereka tidak masuk campur atau mengambil tahu apa-apa. Mereka sedar, bahawa yang kita tuntutan adalah hak kita sendiri. Pada fikiran mereka yang mereka itu tidak kena mengena dengan pemerintahan negeri ini.

Tujuan mereka hendak tinggal dalam Tanah Melayu ini untuk mencari nafkah dan kekayaan. Sungguhpun demikian, kita tahu baik-baik yang mereka itu bersikap hendak merebut hak-hak siasah yang ada sekarang. Kita mengalu-alukan bangsa asing yang taat setia dan kasih sayang kepada negeri ini. Kita mengalu-alukan mereka yang



Gambar: Jabatan Muzium
Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj.

suka menjadi rakyat negeri ini dengan kerelaan sendiri, bukan kerana terpaksa atau dipaksa.

Tunku menjelaskan lagi, kemerdekaan negeri Melayu ini mestilah diserahkan dengan seberapa segera tanpa menghadkan masanya. Peraturan-peraturan dalam masa peralihan atau perubahan milik kepada Melayu membolehkan mereka mengurus dan mengaturnya.

Raja-raja Melayu mestilah bersama-sama rakyat jelata mengambil tempat mengetuai rakyat di dalam perjuangan menuntut kemerdekaan. Maka janganlah sekali-kali raja-raja itu membenarkan dirinya menjadi senjata bangsa asing yang kelak akan mematahkan perjuangan cita-cita dan membinasakan rakyat sendiri.

Ingatlah, jika negeri kita di Malayan Unionkan dahulu nescaya kota raja-raja tetap diroboh. Bagaimanapun kita tetap bersyukur, Tuhan menyertai bersama-sama kita, Malayan Union telah dapat diruntuhkan. Maka sekarang kita akan merobohkan Persekutuan Tanah Melayu yang indah pada namanya sahaja tidak bermakna langsung. Marilah kita dirikan kemerdekaan bangsa dan tanahair.

Akhirnya Tunku menasihatkan orang-orang asing terutama penduduk-penduduk negeri ini supaya tidak menaruh syak wasangka terhadap tujuan orang-orang Melayu kerana sebenarnya cita-cita orang-orang Melayu ialah untuk mengatur dan memelihara keamanan serta keselamatan bagi semua bangsa di negeri ini. Semangat perpaduan antara kaum lebih diperkukuhkan supaya lebih teguh hingga tidak dapat dipecahbelahkan oleh sesiapa pun.

Tunku selaku Ketua Menteri Persekutuan Tanah Melayu, selepas pilihanraya umum pada 27 Julai 1955 telah mengadakan rundingan dengan wakil Parti Komunis Malaya. Tunku lemah lembut orangnya tetapi tegas pendiriannya. Ini dapat dilihat ketika perundingan dengan Chin Peng pada 28 dan 29 Disember 1955 di Sekolah Inggeris Baling. Wakil Kerajaan mengandungi Tunku Abdul Rahman Putra, Ketua Menteri Persekutuan Tanah Melayu David Marshall, Ketua Menteri Singapura Dato' Tan Cheng Lock, Presiden MCA; dan Tan Joo Hin. Manakala bagi pihak Parti Komunis Malaya ialah Chin Peng, Setiausaha Agung PKM; Chen⁸Tien, Ketua Bahagian Propaganda PKM Pusat; dan Rashid Maidin, wakil Komunis Melayu.

Dalam pertemuan itu Chin Peng berkata, "Bahawa pengganas hanya boleh menyerah diri secara teratur, jika Parti Komunis Malaya atau Malayan Communist Party (MCP) itu diiktiraf oleh Kerajaan Persekutuan." Tunku dengan rakan-rakannya mencapai kata sepakat, tidak dapat menerima tuntutan seperti itu. Seterusnya Chin Peng dan rakan-rakannya masuk balik ke dalam hutan.

Sebagai Ketua Menteri, Tunku Abdul Rahman Putra telah memberi ucapan di radio mengenai 'Penyata Rundingan Baling'.⁸

⁸ Penyata Baling ucapan Radio Ketua Menteri No. 6062 yang diterbitkan dalam Tulisan Jawi, mengandungi 4 muka. Ianya merupakan risalah dari Jabatan Penerangan dan Penyiaran.

Berikut ialah petikan ucapannya:

Chin Peng telah berjumpa Ketua Menteri Singapura, Dato' Sir Cheng Lock Tan dan saya sendiri. Perjumpaan itu sekarang telah tamat. Hasilnya kepada setengah orang barangkali nampak tidak memuaskan hati. Tetapi kepada rakan-rakan saya dan diri saya sendiri itulah hasilnya yang telah kami jangkakan dan tidak ada lain lagi. Perjumpaan itu telah dimulakan pada 28 Disember 1955 pada pukul 2.15 petang di Baling dan telah tamat pada tengahari 29 Disember. Chin Peng telah menerangkan dengan jelas kepada rakan-rakan saya dan saya sendiri yang ia tidak akan menyerah diri melainkan kami sanggup.

- (1) Mengiktirafkan Parti Komunis.
- (2) Tidak menjalankan penyiasatan atau
- (3) Tidak menahan mereka kerana penyiasatan itu.

Berkenaan perkara nombor satu iaitu mengiktirafkan Parti Komunis itu, saya telah menerangkan dengan jelas kepada Chin Peng bahawa saya tidak boleh mengiktirafkan Parti Komunis oleh sebab gerakan-gerakan mereka tidak langsung sesuai dengan kehendak orang-orang Tanah Melayu. Selama tujuh tahun yang lalu ini mereka telah mencuba memaksakan kehendak mereka ke atas rakyat dengan jalan melakukan kekejaman dan pembunuhan. Jika kita mengiktirafkan Parti Komunis maka rakyat Malaya yang telah menderita kerana gerakan-gerakan komunis itu tentulah tidak redha.

Saya telah terangkan kepada mereka adalah tujuan mengadakan penyiasatan ialah hendak menentukan taat setia mereka. Sebab saya terangkan dengan jelas kepada mereka iaitu sebelum mereka boleh



Gambar: Jabatan Penerangan Malaysia.

Wakil Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu, dari kiri Too Joo Hin, David Marshal, Tunku Abdul Rahman Putra dan Tan Cheng Lock.

dibenarkan masuk ke dalam masyarakat, maka mestilah mereka terlebih dahulu sanggup taat setia kepada negeri ini dan meninggalkan gerakan-gerakan komunis mereka.

Mereka telah menentang atas perkara mereka hendak disiasat itu dan mereka menuntut hendak tahu apa-apakah caranya penyiasatan hendak menentukan taat setia kepada Malaya itu kelak. Saya telah terangkan caranya ialah cara yang senang sahaja. Yang dikehendaki ialah taat setia kepada Raja-raja Melayu dan kerajaan yang tertubuh bagi negeri ini dan meninggalkan segala gerakan-gerakan komunis. Supaya penyiasatan ini dapat dijalankan maka mustahaklah kelak mereka ditempatkan dalam suatu tempat yang tertentu.

Kata mereka, perbuatan menempatkan mereka dalam suatu tempat adalah sebenarnya membawa makna yang mereka ditahan dan mereka tidak redha. Mereka lebih suka hidup sebagaimana mereka hidup sekarang ini, bebas berjalan ke sana sini di dalam hutan itu.

Dan lagi saya telah terangkan mustahak mereka ditahan itu hanya selama penyiasatan itu dijalankan supaya dapat ditentukan taat setia mereka kepada negeri ini. Mereka masih juga menolak. Kemudian Tuan Marshall dan saya telah bertanyakan apakah tujuan mereka melanjutkan perbuatan-perbuatan ganas yang sia-sia itu? Jawab mereka adalah mereka melakukannya supaya dapat ditanam faham komunis.

Pada mulanya mereka telah cuba mengatakan yang mereka berjuang kerana hendak membebaskan Malaya daripada belunggu penjajahan. Tetapi kata saya kepada mereka, perkara ini tidak mustahak kerana Tuan Yang Terutama dalam Majlis Mesyuarat Undangan telah memberi pengakuan bahawa kemerdekaan telah dijanjikan kepada Malaya dan kita akan mendapat kemerdekaan itu apabila sahaja telah selesai persiapan-persiapan satu persatunya berkenaan perkara hendak menyerah kuasa. Bahkan Majlis Mesyuarat Agung UMNO disokong oleh Majlis Kebangsaan Perikatan telah bersetuju seboleh-bolehnya kemerdekaan Malaya hendaklah diisytiharkan pada 31 Ogos 1957. Oleh sebab itu terang dan nyatalah hujah mereka mengatakan mereka berjuang hendak menamatkan penjajahan itu adalah tidak berasas sama sekali.

Saya sekarang hendak pergi ke England hendak menyelesaikan satu persatunya untuk berkerajaan sendiri, dan kemerdekaan. Saya pergi ini adalah disokong dan ditunda oleh raja-raja serta semua badan-badan yang ada di dalam negeri ini. Saya telah beritahu Chin Peng dan rakan-rakannya bahawa saya tidak duduk di sini sebagai hakim ke atas mereka tetapi saya ada di sini hendak bercakap kepada mereka dengan terus terang dan ikhlas.

Ketua Menteri Singapura Tuan David Marshall dan Dato' Sir Cheng Lock Tan kedua-duanya berpendapat demikian juga. Komunis mesti memberhentikan perjuangan yang sia-sia ini, menyerah diri ke

dalam tangan kami. Mereka boleh percaya kepada kami dan memberikan keadilan kepada mereka.

Perjumpaan yang ketiga dan akhirnya telah diadakan pada esoknya 29 Disember 1955 dan dalam perjumpaan ini, Chin Peng telah membuat suatu perisytiharan yang penting sekali iaitu Parti Komunis Malaya akan meletakkan senjata dan berhenti berperang apabila sahaja Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu yang dipilih memegang kuasa keselamatan dalam negeri. Katanya lagi, Pasukan-pasukan bersenjata komunis yang digelarkan Tentera Kebebasan Tanahair itu. Pada waktu itu tidaklah lagi ada sebab kelak untuk terus hidup atau menjalankan perjuangan bersenjata mereka.

Saya telah bertanya, "Adakah Parti Komunis Malaya akan sanggup menyerah diri dengan tidak bersyarat?" Jawab mereka, tidak sanggup kerana kepada mereka adalah hina menyerah diri. Kemudian Tuan Marshall menerangkan bahawa ada tujuh juta rakyat Malaya dan hanya ada 3,000 orang komunis. Chin Peng patut menimbangkan kebajikan 7,000,000 rakyat dan patut mengorbankan kemuliaan dirinya di dalam kehinaan kecil yang disifatkan di dalam syarat-syarat menyerah diri itu.

Pada waktu itulah baharu Chin Peng menerangkan bahawa ia tiada mempunyai kuasa untuk menerimanya. Sebenarnya ia berkata lebih lanjut lagi iaitu daripada menanggung kehinaan menyerah diri maka mereka akan berjuang sampai habis. Saya terangkan jika itulah pendirian mereka maka tidak ada apa-apalah lagi yang saya boleh buat untuk mereka. Kami telah sampai kepada perenggan iaitu jika tidak Parti Komunis Malaya menyerah diri maka parti sayalah menyerah diri. Tetapi jika saya menyerah diri adalah saya akan belot kepada rakyat Malaya menyerahkan mereka kepada komunis.

Faham kami bertentang dengan hebatnya. Faham Parti Komunis Malaya ialah suatu fahaman kekejaman dan permusuhan dan sebaliknya fahaman kita ialah fahaman baik sangka dan keamanan. Gerakan komunis ialah gerakan luar yang diarahkan daripada luar dan sedikit sangat mendapat sokongan daripada dalam negeri ini. Sebaliknya gerakan kita ialah suatu gerakan kebangsaan Malaya yang kuat disokong oleh rakyat negeri ini. Nyata dan teranglah bahawa fahaman mereka dengan fahaman kita tidak boleh hidup bersaing. Kerana apa yang telah jadi di negeri China, Korea dan Vietnam adalah membayangkan apa yang akan berlaku di sini.

Saya telah beritahu Chin Peng bahawa negeri China ialah negerinya tetapi ahli-ahli Kebangsaan China telah dihalau keluar oleh komunis-komunis. Korea telah dibahagi dua iaitu sebahagian untuk komunis dan sebahagian lagi untuk Korea Selatan. Demikianlah juga yang berlaku di Vietnam tetapi Malaya adalah sebuah negeri yang kecil untuk dibahagi-bahagi kepada kumpulan-kumpulan yang bermusuhan dan rakyat Malaya tidak redha diri mereka dibahagi-bahagi seperti itu.

Cina, Melayu, India dan lain-lain bangsa adalah mengambil bahagian masing-masing membina sebuah bangsa Malaya. Bangsa baharu ini tidak boleh sekali-kali dibiarkan dibinasa oleh komunis-komunis. Soalnya satu sahaja sekarang iaitu jika tidak Parti Komunis Malaya menyerah diri maka sayalah kena menyerah diri. Saya tidak akap menyerah diri dan oleh kerana itu Parti Komunis Malayalah yang mesti menyerah diri.

Kerana Parti Komunis Malaya tidak mahu menerima syarat-syarat pengampunan beramai-ramai maka saya sebagai Ketua Menteri bagi Kerajaan yang dipilih bagi Persekutuan Tanah Melayu ini dengan persetujuan Pesuruhjaya Tinggi dan Jeneral Bourne dengan ini mengisytiharkan bahawa Pengampunan Beramai-ramai yang telah diisytiharkan pada 9 September 1955 akan ditarik balik mulai daripada 8 Februari 1956. Dan juga mulai hari itu juga sebarang lain-lain syarat menyerah diri yang telah berjalan sebelum Perisytiharan Pengampunan Beramai-ramai itu akan sama ditarik balik.

Saya tidak berhajat hendak berjumpa Ketua Komunis itu lagi melainkan komunis-komunis itu membayangkan terlebih dahulu kehendak mereka hendak berjumpa dengan saya kerana mereka hendak menyerah diri dengan sepenuhnya. Saya dukacita terpaksa mengambil langkah ini tetapi Kerajaan saya dan Parti saya berkeyakinan bahawa langkah separuh masak tidak sekali-kali akan membawa kepada tamatnya perjuangan yang telah berlaku selama 8 tahun ini. Rakyat telah bosan dan jemu dengan keadaan darurat ini dan Ketua Komunis itu telah menolak tawaran kita untuk menamatkan perjuangan ini.

Fahaman keamanan dan baik sangka kita tidak boleh hidup bersaing dengan fahaman komunis yang kejam dan bermusuh itu. Peperangan mesti diperhebatkan sehingga salah satu menyerah diri dan sudah tetap kita tidak akan menyerah dan oleh kerana itu Parti Komunis Malaya mesti menyerah. Saya cukup yakin bahawa rakyat Malaya akan memberi sepenuh-penuh sokongan dan kerjasama kepada langkah yang saya ambil. Merdeka!

Kesimpulan daripada perjumpaan di Baling⁹ itu ialah bahawa Ketua Menteri bercakap bagi pihak enam juta rakyat Tanah Melayu sedangkan Chin Peng bercakap bagi pihak tiga ribu orang pengganas. Ketua Menteri telah mencadangkan satu dasar kemajuan bagi penduduk-penduduk Tanah Melayu. Chin Peng bertegang hendak meneruskan kekerasan dan kebencian. Ketua Menteri menyatakan bahawa kemerdekaan yang diperjuangkan dengan cara perlembagaan boleh dicapai. Chin Peng mengakui perkara ini tetapi ia menuntut supaya komunis menggunakan kemerdekaan itu untuk rancangan ketua-ketua mereka di luar negeri yang hendak memperabdikan Tanah Melayu.

⁹ Risalah Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu No. 6063 dalam Tulisan Jawi mengenai Perjumpaan di Baling.

Perjumpaan di Baling tidak menghasilkan sebarang persetujuan. Ketua Menteri tidak akan menemui Chin Peng lagi melainkan jika komunis hendak menyerah diri sepenuhnya. Sekarang komunis di dalam hutan itu terpaksa menyerah diri hingga 8 Februari 1956. Selepas tarikh itu Pengampunan Beramai-ramai akan habis tempohnya dan mereka yang tidak menyerah diri akan diburu dengan tiada belas kasihan. Chin Peng sekali lagi mengisytiharkan peperangan ke atas sekalian penduduk Tanah Melayu.

Kira-kira lapan bulan kemudian, Duke of Edinburgh iaitu suami Queen Elizabeth II yang dalam perjalanan ke Australia telah menjadi tetamu Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu selama tiga hari. Duke telah membuat kunjungan rasmi ke Kedah. Tempat yang ulung sekali menjadi pilihan Duke ialah Pulau Langkawi. Pulau tersebut adalah di antara 99 buah pulau yang letaknya di perairan sebelah barat negeri Kedah. Ia mempunyai sejarah yang menarik.

Duke telah tiba dengan Kapal Britannianya pada hari Selasa 30 Oktober 1956, pukul 3.30 petang. Beliau telah diiringi oleh Pesuruhjaya Tinggi Sir Donald MacGillivray, Ketua Menteri Persekutuan Tanah Melayu Tunku Abdul Rahman Putra dan wakil Sultan Kedah Tunku Abdul Malik. Ketika itu baginda Sultan Badlishah sedang gering.

Sewaktu rombongan Diraja British itu tiba di Pengkalan Kuah, Duke telah disambut dengan penuh kehormatan oleh Setiausaha Kerajaan Kedah Syed Hassan Shahabuddin, Penasihat British di Kedah E.C. Barret dan Pegawai Daerah Langkawi Tunku Dziauddin serta Ketua-ketua Kaum.

Dari Pengkalan Kuah, Duke telah berjalan kaki di sepanjang jalan raya di bandar itu sambil dialu-alukan dengan pukulan Gendang Keling secara tradisi menyambut tetamu diraja. Beribu-ribu orang penduduk pulau itu dari jauh dan dekat telah bertumpu ke Kuah. Lambaian Bendera Negeri Kedah dan Bendera Union Jack oleh murid-murid sekolah sentiasa berkibar-kibaran mengalukan Duke dan rombongannya hingga ke kediaman Pegawai Daerah.

Suatu majlis keramaian yang diserikan dengan persembahan tarian Melayu Asli dan pencak silat telah diadakan di pekarangan kediaman Pegawai Daerah itu. Malangnya ketika majlis itu sedang berlangsung, hujan pun turun secara tiba-tiba. Majlis tersebut terpaksa diringkaskan dan Duke diberi kesempatan berbual mesra dengan para jemputan yang hadir. Nampaknya Duke sangat tertarik hati menyaksikan pertunjukan tradisional itu.

Semasa Duke berada di Pulau Langkawi, baginda telah dibawa berjalan kaki sejauh dua batu ke darat. Selepas itu panitia sambutan membawanya menaiki bas di sekitar pulau itu untuk melihat dan menikmati keindahan alam semula jadinya. Kemudian baginda melawat satu-satunya hospital daerah di pulau itu. Tatkala Duke singgah di Balai Polis Kuah, Duke telah menurunkan tandatangannya ke dalam 'Buku Pelawat' di balai itu. Mengambil sempena lawatannya

yang bersejarah itu, Duke diberi penghormatan menanam seponon kelapa di halaman kediaman Pegawai Daerah pada masa itu.

Keesokan paginya, Kapal Britannia bertolak ke Pulau Pinang dan seterusnya baginda tiba di Kuala Lumpur pada petang itu juga. Duke berada di Kuala Lumpur sehingga 1 November 1956. Dari Port Swettenham (sekarang Pelabuhan Kelang) Duke meneruskan pelayarannya ke Australia.

Pada 13 Januari 1957, Baginda Sultan Kedah, Sultan Badlishah ibni Almarhum Sultan Abdul Hamid Halim Shah meminda¹⁰ Perlembagaan Negeri Kedah tahun 1848. Pindaan itu antara lain menghapuskan jawatan Penasihat British yang diwujudkan di negeri Kedah melalui Perjanjian Bangkok tahun 1909 yang meletakkan negeri ini di bawah pengaruh British.

Upacara yang bersejarah itu berlangsung di Istana Cegar, Anak Bukit dan dihadiri oleh Raja Muda, Menteri Besar dan Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah.

Di dalam bulan itu juga baginda merasmikan pembukaan sebuah jambatan yang terbesar di Alor Setar yang dibina selepas perang dunia kedua. Jambatan itu menelan belanja sebanyak 1½ juta ringgit dan diberi nama Jambatan Sultan Badlishah.

Pada 5 Ogos 1957,¹¹ Perjanjian Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu telah ditandatangani di antara Raja-raja Melayu dengan wakil baginda Queen, Pesuruhjaya Tinggi Sir Donald MacGillivray, di King's House, Kuala Lumpur dalam satu upacara gemilang yang berlangsung selama dua jam.

Pada kira-kira pukul 9.30 pagi seramai 15 orang penandatanganan utama iaitu Pesuruhjaya Tinggi British ke Tanah Melayu, lapan orang Raja-raja Melayu, Tunku Mahkota Johor dan lima orang pembesar yang berkuasa dari Negeri Sembilan (iaitu selain daripada Yang Dipertuan Besar) serta saksi-saksi kepada penandatanganan-penandatanganan telah menandatangani perjanjian itu dengan menggunakan pena khas bertulis Federation of Malaya Agreement 1957.

Perjanjian ini telah ditandatangani dalam 40 salinan, 20 salinan dalam bahasa Melayu dan 20 salinan lagi dalam bahasa Inggeris. Dua salinan perjanjian itu dihantar kepada Kerajaan British sementara dua lagi disimpan oleh Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu. Satu salinan tiap-tiap satu dihantar kepada tiap-tiap negeri termasuk Melaka dan Pulau Pinang. Sementara untuk Negeri Sembilan diserahkan enam salinan.

Artikel 3 Perjanjian ini menyatakan, "Bahawa mulai daripada 31 Ogos 1957, Negeri-negeri Melayu dan Selat akan tertubuh menjadi satu Persekutuan yang baharu yang dinamakan Persekutuan Tanah Melayu atau dalam bahasa Inggerisnya The Federation of Malaya.

10 Arkib Negara Malaysia, *Hari Ini Dalam Sejarah* Jilid I, 1980 Kuala Lumpur, hlm. 37.

11 Arkib Negara Malaysia, *Hari Ini Dalam Sejarah* Jilid III, 1983, Kuala Lumpur, hlm. 125 dan 127.

Oleh itu dengan sendirinya Perjanjian ini telah memansuhkan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 dan dengan itu berakhirlah kuasa dan kedaulatan baginda Queen ke atas Melaka dan Pulau Pinang. Dan dengan itu juga segala kuasa dan yurisdiksi¹² baginda ke atas Persekutuan Tanah Melayu berakhir."

Dalam ucapannya sebelum upacara menandatangani perjanjian ini, wakil baginda Queen, Sir Donald MacGillivray menyatakan bahawa beliau yakin perjanjian ini akan dapat menyediakan segala keperluan sebuah kerajaan yang rakyatnya berbilang bangsa, dan negara baru ini akan menghadapi masa hadapan yang agung dan gemilang. Lambang perpaduan dan keutuhan bangsa dan kedaulatan negara iaitu bendera Persekutuan Tanah Melayu telah dinaikkan dengan iringan Lagu Kebangsaan 'Negaraku' yang buat pertama kalinya diperdengarkan dan diikuti pula dengan seruan azan dan takbikan meriam seratus satu das.

Dengan itu berakhirilah sudah cengkaman penjajahan Inggeris dan kuasa baginda Queen ke atas Persekutuan Tanah Melayu termasuk Pulau Pinang dan Melaka yang bermula semenjak lebih 170 tahun yang lalu apabila Francis Light merampas Pulau Pinang dari Sultan Kedah. Sejarah berulang kembali tetapi dalam bentuknya yang berlainan kerana pada 31 Ogos 1957, Tunku Abdul Rahman Putra seorang bangsawan Kedah juga yang mengambil kembali bukan sahaja kedaulatan negerinya sendiri malah seluruh negeri Melayu yang telah dirampas dari tangan bangsa Melayu oleh penjajah Inggeris itu.

Pada pukul 5.23 petang hari yang sama bekas Pesuruhjaya Tinggi British di Persekutuan Tanah Melayu, Sir Donald MacGillivray dan isterinya meninggalkan Persekutuan Tanah Melayu untuk pulang ke England. Dari semenjak itu tiada lagi kibaran Union Jack dan dendangan lagu God Save the Queen.

DYMM Sultan Kedah, Sultan Badlishah selaku wakil Raja-raja Melayu bertitah sambil berharap kepada Allah Yang Maha Berkuasa supaya peristiwa yang berlaku pada hari itu akan membawa kebahagiaan yang berkekalan kepada negara ini.

Dua puluh enam hari kemudiannya iaitu pada 31 Ogos 1957, berkuatkuasalah perjanjian ini ke atas seluruh rakyat di Persekutuan Tanah Melayu dalam menentukan proses sejarah selanjutnya apabila Duke of Gloucester dengan rasminya menggugurkan kuasa dan wibawa penjajah British. Ini telah disambut dengan lantang dan megah oleh laungan 'MERDEKA' oleh Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu, Tunku Abdul Rahman Putra dalam upacara Pengisytiharan Kemerdekaan yang bergemuruh dah bersemangat di Stadium Merdeka Kuala Lumpur.

Pada 31 Ogos 1957,¹³ tepat pada detik pertama pukul 12.00

12 Kuasa Kehakiman.

13 Ibid, hlm. 215.

tengah malam, Padang Kelab Selangor di Kuala Lumpur bergema dan bergemuruh dengan laungan 'MERDEKA' yang penuh bersemangat bagi menandakan lahirnya sebuah negara baru yang berdaulat, setaraf dan setimpal dengan semua negara yang berdaulat di dunia. Negara itu ialah Persekutuan Tanah Melayu.

Pada keesokan harinya tepat pada pukul 9.30 pagi, dimulai dengan nama Allah dan segala pujian bagiNya serta salawat dan salam ke atas para Rasul, Tunku Abdul Rahman Putra, Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu Yang Pertama, telah mengisytiharkan kemerdekaan ibu pertiwi ini daripada penjajahan Inggeris berdasarkan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957 di hadapan dua puluh ribu rakyat Persekutuan Tanah Melayu dan raja-rajanya serta perwakilan dari tiga puluh buah negara Komanwel dan negara-negara asing lainnya, di Stadium Merdeka, Kuala Lumpur.

Jiwa dan semangat dua puluh ribu rakyat di stadium itu dan di mana jua semakin bergetar dan berkobar apabila pada akhir pengisytiharan itu Tunku meneriakkan 'Merdeka' sebanyak tujuh kali dan disambut bergemuruh oleh rakyat yang hadir.

Pada 2 September 1957, Tuanku Abdul Rahman ibni Almarhum Tuanku Mohamad, Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan telah ditabalkan sebagai Yang di-Pertuan Agung Persekutuan Tanah Melayu Yang Pertama selaku Ketua Negara. Dengan itu maka sempurnalah



Sambutan Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu di hadapan bangunan Pejabat Kerajaan di Jalan Raja. Kelihatan Raja Muda Tunku Abdul Halim, Raja Puan Muda Tunku Bahiyah, Menteri Besar Haji Mohamad Sheriff dan Kadi Besar Haji Abdul Rahman bin Abdul Latif.

kewujudan Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka sebagai sebuah negara bebas yang "mempunyai raja berpelembagaan, sebuah negara demokrasi yang merdeka, berdaulat, kebebasan dan keadilan serta sentiasa menjaga dan mengutamakan kesejahteraan dan kesentosaan rakyatnya dan mengekalkan keamanan di antara semua bangsa di Dunia."

Sesungguhnya pada hari yang bersejarah¹⁴ ini dalam tahun 1957, seperti kata Tunku sendiri, "Suatu lembaran baharu telah terbuka - Tanah Melayu mara ke hadapan mengambil tempat yang hak baginya sebagai satu anggota yang bebas dan merdeka dalam lingkungan negara-negara di dunia."

Mulai saat itu bermulalah perjalanan sejarah kewujudan negara baru - Persekutuan Tanah Melayu Merdeka - di tengah-tengah masyarakat dunia yang lain khususnya dalam lingkungan negara-negara Komanwel. Di sini ternyata bahawa kewujudan negara baru ini telah diakui oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu pada 17 September 1957 dan diiktiraf bukan sahaja oleh negara-negara bebas di dunia malah oleh negara-negara komunis dan sosialis.

Sekarang negara ini amat dihormati dan megah berdiri sebagai pendukung utama dasar bebas dan berkecuali. Bagi pejuang-pejuang kemerdekaan, hari yang bersejarah ini amat besar ertinya. Sumpah sudah terbukti, janji sudah tertunai, kecundang tidak maka jaya yang tiba namun perjuangan masih belum berakhir - iaitulah perjuangan mengisi kemerdekaan.

Semasa menjadi Perdana Menteri, Tunku banyak menerima pingat luar negeri. Yang paling dihargainya ialah Bintang Kedah Order of Merit (KOM) yang dianugerahkan oleh Sultan Kedah dalam bulan Mei 1958. Bintang ini dikurniakan kerana khidmatnya yang cemerlang. Bintang ini dikurniakan kepada tidak lebih daripada tiga orang pada satu masa dan pada ketika itu Tunku seorang sahaja yang menerima bintang tersebut. Akhirnya pada 13 Julai 1958 Sultan Badlishah pun mangkat di Istana Anak Bukit. Jenazah Al-marhum dimakamkan di Permakaman Diraja di Langgar.

14 Ibid, hlm. 217.

DIRGAHAYU TUANKU SULTAN

Tuanku Haji Abdul Halim Mu'adzam Shah ibni Almarhum Sultan Badlishah memerintah negeri Kedah Darulaman. Baginda disayangi oleh rakyat dan sentiasa mengambil berat tentang hal-hal rakyat termasuklah pelaksanaan rancangan di seluruh negeri.

Pada 6 Mac 1956, baginda telah berkahwin dengan Tunku Bahiyah ibni Almarhum Tuanku Abdul Rahman. Tunku Bahiyah ialah puteri sulung Yang Dipertuan Besar dan Tunku Ampuan Besar Negeri Sembilan. Meskipun pada zaman dahulu perkahwinan diraja serupa ini pernah dirayakan selama empat puluh hari dan empat puluh malam, tetapi kali ini telah diganti dengan tujuh hari dan tujuh malam sahaja.

Bagi Negeri Sembilan inilah pertama kalinya keluarga diraja menghubungkan tali perkahwinan dengan keluarga diraja di luar lingkungan istananya. Ketibaan Baginda Raja Muda telah disambut oleh pihak pengantin diraja di sempadan Selangor. Lalu dibawa ke Seri Menanti. Pada malamnya akad nikah dilangsungkan. Kerja-kerja perkahwinan itu telah dijalankan dengan penuh istiadat.

Dilahirkan pada 28 November 1927 di Istana Anak Bukit, baginda mendapat didikan awal di Sekolah Melayu Alor Merah dan Titi Gajah. Kemudian baginda melanjutkan pelajaran ke Kolej Sultan Abdul Hamid dan tinggal di asrama selama 2 tahun (1946-1948). Baginda mencampuri semua lapangan di kolej dan terkenal dalam Pasukan Pengakap Kelana.

Dalam bulan Februari 1949, baginda melanjutkan pelajaran di United Kingdom dan belajar di sebuah institusi di Sussex. Baginda telah dilantik menjadi Raja Muda Kedah pada 6 Ogos 1949. Sewaktu itu baginda masih menuntut di England. Pada awal tahun 1952, selepas suatu kursus persiapan yang singkat, baginda telah diterima masuk ke kolej tempat paduka ayahandanya belajar dahulu, iaitu di Wadham College, Oxford. Di kolej tersebut baginda mengikuti bidang Sains Kemasyarakatan dan Pentadbiran Awam selama dua setengah tahun.

Sekembalinya ke tanahair dalam tahun 1955, baginda berkhidmat di Pejabat Daerah Kota Setar dan Pejabat Perbendaharaan selama setahun.



Gambar: Muzium Negeri Kedah
DYMM Tuanku Haji Abdul Halim Mu'adzam Shah ibni Almarhum Sultan Badlishah DK., DKH., DKM., DMN., DUK., DK (Kelantan), DK (Pahang), DK (Selangor), DK (Perlis), DP (Sarawak), SPMK., SSDK., Sultan Negeri Kedah Darulaman.

Menjunjung titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Badlishah, Kerajaan Kedah telah melantik sebuah jawatankuasa menjalankan pekerjaan perkahwinan Raja Muda Tunku Abdul Halim dengan Tunku Bahiyah dari Negeri Sembilan di Alor Setar.

Mereka terdiri dari enam orang iaitu tiga orang dari Kerabat Diraja dan tiga orang lagi dari golongan orang kebanyakan. Tunku Kassim ibni Almarhum Sultan Abdul Hamid dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa, Setiausaha Sulit DYMM Sultan Encik Ahmad bin Mann menjadi Setiausaha dan Encik Azmi bin Mohamad Penyimpan Wang manakala yang lainnya ialah Tunku Abdullah ibni Almarhum Tunku Mahmud, Tunku Ahmad Tajuddin Haji ibni Almarhum Tunku Mahmud, Encik Mohd. Akib bin Yaacob Pegawai Daerah Kota Setar dan Wan Ibrahim bin Wan Soloh Penolong Setiausaha Kerajaan.

Adat Bersiram telah dilangsungkan dua hari berturut-turut. Pada hari Sabtu dan Ahad dilangsungkan acara adat perkahwinan diraja mengikut adat zaman dahulu kala. Pengantin Diraja didudukkan di atas Takhta Kencana yang serba kekuningan. Ianya ditarik dan diarak oleh Pegawai sembilan puluh sembilan orang. Diketuai oleh Dato' Bija Diraja.

Perarakan ke Panca Persada ini diketuai oleh Dato' Penghulu Tanah Mengandung dan Orang Empat Istana. Pegawai Yang Enam dalam istana membawa alat kebesaran di kiri kanan Takhta Kencana dengan diapit lembing dan Orang Besar Lingkungan di belakang Takhta Kencana.

Kemudian baharulah diikuti oleh Putera Yang Empat, Putera-putera, Puteri-puteri, Dato'-dato' dan Anak-anak Raja Yang Bergelar sampai ke Panca Persada. Adapun Panca Persada itu didirikan di antara Istana Lama dengan Istana Besar. Panca Persada itu bangunannya kekuningan. Berbentuk bangunan Arab lima segi. Tujuh tingkat tingginya.

Di sinilah istiadat dijalankan dengan adat-adat yang telah ditetapkan menurut adat. Mula-mula Panca Persada ini dikelilingi oleh Orang Empat Istana sebanyak tujuh kali. Kemudian istiadat bersiram dengan merenjiskan tepung tawar kepada Pengantin Diraja.

Setelah selesai bertepung tawar, maka pendekar pun berpasang-pasangan menunjukkan ketangkasan dan kehandalan masing-masing. Mereka berpencak silat di hadapan Panca Persada. Kemudian pengantin diarak semula di atas Takhta Kencana tadi lalu berangkat pulang ke istana.

Istiadat Berinai pada malam Ahad 9 Mac adalah merupakan istiadat keluarga terdekat sahaja dan Istiadat Bersanding berlangsung pada malam Isnin 10 Mac dan di antara tetamu yang hadir ialah Sultan Selangor, Sultan Kelantan, Tunku Mahkota Johor, Wakil Sultan Perak, Ketua Menteri, Menteri-menteri, Pembesar-pembesar negeri termasuk Pesuruhjaya Tinggi British di Persekutuan Tanah Melayu.



Gambar: Jabatan Penerangan Malaysia
*Pengantin Diraja sedang berangkat di atas Takhta Kencana ke Panca
Persada untuk istiadat bersiram.*



Gambar: Jabatan Penerangan Malaysia
*Pengantin Diraja berangkat pulang setelah istiadat
bersiram dijalankan.*

Malam persandingan itu, air selamat direnjeskan kepada Pengantin Diraja. Didahului oleh Yang Dipertuan Besar dan Tunku Ampuan Besar Negeri Sembilan. Kemudian baharulah diikuti oleh tetamu khas. Perayaan itu ditamatkan di Seri Menanti dengan adat bersiram yang akhir.

Adat Bersiram kali ini lain daripada Adat Bersiram dua hari yang lalu. Adat ini Adat Mandi namanya. Serupa dengan Istiadat Perayaan Air di Burma. Tetamunya termasuk Pengantin Diraja bersiram dengan air warna, tatkala itu kelihatan ada yang basah kuyup. Mereka disiram dengan ketawa riang bersama-sama memeriahkan perayaan itu.

Pada 18 Mac 1956, Pengantin Diraja berangkat ke Kedah. Istiadat mengadap DYMM Sultan dan Sultanah Kedah di Istana Anak Bukit diadakan. Di Alor Setar juga telah dirayakan secara besar-besaran. Perayaan berjalan selama tiga hari tiga malam. Bermula dari 19 Mac dan berakhir pada 21 Mac. Sungguhpun Kerajaan Kedah telah memperuntukkan wang bagi menyelenggarakan pekerjaan perkahwinan Raja Muda sebanyak \$40,000.00 sahaja. Tetapi kemeriaannya tidak ada tolok bandingannya semenjak beberapa tahun yang lampau.

Setiap kaum di Kedah telah tampil menunjukkan taat setia mereka kepada Sultan dan puteranya. Mereka mempersembahkan beranika jenis permainan mengikut kebudayaan masing-masing. Tanah lapang di sekeliling Balai Nobat, Balai Besar, Tambak Inai, Istana Pelamin dan Padang Court telah penuh sesak dibanjiri oleh rakyat. Mereka turut bergembira bersama-sama menyambut temasya perkahwinan Raja Muda selama tiga malam berturut-turut.

Hadrah adalah persembahan dari Penghulu-penghulu di daerah Kubang Pasu, Wayang Cina dari masyarakat Cina, Wayang Indra Sabha dari masyarakat India dan Ceylon manakala Ghazal Parti disumbangkan oleh masyarakat Ceti.

Pertunjukan wayang gambar, Selampit, Pengakap dan Pandu Puteri telah diadakan di Padang Istana Kampung Baharu. Temasya tersebut telah berlangsung dari pukul tujuh petang hingga larut malam.

Bagi menambahkan meriah perayaan itu suatu perarakan di sungai berhampiran dengan Tanjung Chalee telah juga diadakan. Kedua-dua Pengantin Diraja berangkat di dalam sebuah Gempang yang dibuat khas untuk upacara itu. Gempang itu diiringi oleh tiga buah perahu bersejarah yang pernah digunakan pada masa dahulu untuk Istiadat Diraja. Perarakan sungai ini telah menghidupkan semula adat resam dahulu kala. Mereka menunjukkan cara-cara mendayung perahu yang telah dipesakai oleh nenek moyang kita.

Dari Pengkalan Tanjung Chalee, rombongan Pengantin Diraja disambut lalu berangkat ke Balai Besar untuk Jamuan Negeri. DYMM Sultan Badlishah dan Paduka Bonda Sultanah turut hadir bersama dengan pembesar-pembesar negeri. Pancaragam Polis Kedah telah menyerikan majlis jamuan tersebut.

Mengikut cerita purbakala,¹ YMM Tunku Bahiyah ini keturunan dari Iskandar Zulkarnain dan titisan keturunannya tercatat di dalam Salasilah Raja-raja Negeri Sembilan. Tetapi setakat yang dapat kita pasti bahawa Puteri Diraja adalah berketurunan dari Raja Melewar iaitu seorang anak raja dari Sumatera yang telah diangkat oleh Undang dan Raja-raja Perikatan Negeri Sembilan dalam tahun 1773M menjadi Yang Dipertuan Besar memerintah segala kawasan dan daerah yang kemudiannya berikat menjadi Negeri Sembilan.

YMM Tunku Bahiyah mendapat didikan awal di Sekolah Melayu Sri Menanti. Kemudian melanjutkan pelajaran baginda ke Sekolah Convent, Seremban dalam tahun 1946. Setelah lulus Sijil Persekolahan dalam tahun 1950, Yang Maha Mulia berangkat bersama-sama keluarganya menghadiri satu perayaan di Britain dalam tahun 1951. Selepas itu Yang Maha Mulia berada di England dari tahun 1952 hingga tahun 1954 kerana menuntut pelajaran dalam jurusan Sains Kemasyarakatan di Universiti Nottingham.

Semenjak kembalinya ke tanahair, Yang Maha Mulia mengambil peluang menggunakan segala pelajaran dan pengalamannya. Sambil itu mencurahkan tenaganya ke arah berbagai-bagai pergerakan yang dianjurkan oleh Pertubuhan-pertubuhan Kebajikan. Selalu pula Yang Maha Mulia melawat ke kampung-kampung dan kawasan-kawasan yang terpencil untuk melihat sendiri keadaan masyarakat di tempat itu.

Yang Maha Mulia telah meneruskan kegiatannya di Kedah menjadi Yang Dipertua Liga Perkhidmatan Perempuan dan Perumpulan Perempuan. Kegemaran Yang Maha Mulia ialah mengubah bunga, membaca, bermain golf dan tenis.

Semasa diadakan Mesyuarat Majlis Pilihan Ganti Sultan di tempat kediaman Menteri Besar pada 27 Zulhijah 1377 (14 Julai 1958) pukul 10.00 pagi, Tunku Abdul Halim ibni Almarhum Sultan Badlishah telah ditetapkan menjadi Raja Negeri Kedah menggantikan Almarhum Sultan Badlishah ibni Almarhum Sultan Abdul Hamid Halim Shah.

Upacara Istiadat Pertabalan² baginda telah diadakan di Balai Besar pada 12 Syaaban 1378 (20 Februari 1959). Majlis tersebut telah dihadiri oleh Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-raja Melayu, Gabenor-gabenor, Kerabat Diraja, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan dan Negeri, Ketua-ketua Perwakilan Luar Negeri, Menteri-menteri Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu, Menteri-menteri Besar, Ketua-ketua Menteri yang mewakili Kerajaan Negeri dan juga orang-orang kenamaan serta isteri-isteri.


Di dalam istiadat itu, Duli-duli Yang Maha Mulia Sultan dan Sultanah berangkat masuk ke Balai Penghadapan. Di dahului oleh

1 Buku Cenderamata, "Pertabalan DYMM Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah ibni Almarhum Sultan Badlishah, Sultan Negeri Kedah Darulaman (Jawi) pada 20 Februari 1959, hlm. 13.

2 Ibid, hlm. 12.



Gambar: Jabatan Penerangan Malaysia
Pengantin Diraja sedang mengadap DYMM Sultan Badlishah dan Sultanah Asma Kedah di Istana Anak Bukit.



Gambar: Jabatan Penerangan Malaysia
Gempang berhias membawa Pengantin Diraja ke tambatan kapal, Alor Setar.



Gambar: Jabatan Penerangan Malaysia
Pembawa Alat-alat Kebesaran Negeri di luar Balai Besar pada 20.2.1959.

Menteri Besar dan Tunku Abdul Malik serta pembawa-pembawa alat-alat kebesaran negeri. Ketika itu Nobat pun dipalu dengan membunyikan 'Lagu Raja Berangkat'.

Setelah itu Ketua Istiadat pun bertelut di hadapan DYMM sambil mengangkat sembah kemudian memohon diri. Dia masuk semula ke Balai Penghadapan. Dituruti oleh pembawa-pembawa alat-alat kebesaran pertabalan yang mengandungi Quranul-Sharif, Puan (bekas sirih) Emas, Bekas Perasap dan Mar-mar Air Mawar, Keris Kebesaran Negeri, Surat Perisytiharan Pertabalan, Surat Titah Diraja dan Surat Doa Selamat.

Alat-alat kebesaran negeri itu semuanya diletakan di atas meja yang telah disediakan berhadapan dengan astaka. Setelah itu pembawa alat-alat tersebut balik ke tempat masing-masing. Perisytiharan Pertabalan pun dibacakan oleh Menteri Besar. Bahawa inilah dimasyhurkan iaitu DYMM Sultan Abdul Halim ibni Almarhum Sultan Badlishah mulai dari sekarang bergelar Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah. Pada hari, waktu dan saat yang gemilang ini ditabalkan menjadi Sultan dan Raja Negeri Kedah dan segala jajahan takluknya. Baginda kemudiannya memberi pengakuan membuat bakti terhadap kebebasan dan kesejahteraan rakyat.

Peristiwa berikut ialah istiadat persembahan keris kebesaran negeri kepada Kebawah Duli Tuanku Sultan. Di dalam upacara mempersembahkan keris itu, Ketua Istiadat memulakan lafaznya, "DYMM Tuanku, keris ini adalah persembahan dari rakyat jelata dan penduduk-penduduk negeri ini sebagai lambang kebesaran dan kekuasaan Tuanku."

Apabila DYMM menerima keris itu, maka Ketua Istiadat pun berseru, "Daulat Tuanku." 3 kali dengan disahuti oleh dhif-dhif yang hadir. Tatkala itu Nobat dipalu dengan membunyikan 'Lagu Raja Bertabal' kemudian diikuti pula dengan 'Lagu Genderang Perang'. Serentak itu juga tembakan meriam pun berbunyi sebanyak 21 das.



Gambar: Jabatan Penerangan Malaysia
Menteri Besar Kedah membaca Surat Perisytiharan Pertabalan.

Mengakhiri upacara itu, Menteri Besar bagi pihak rakyat mempersembahkan ucapan taat setia Kebawah Duli Tuanku. Kemudian dituruti pula dengan bacaan Doa Selamat oleh Pengerusi Majmak Sheikul-Islam. Sebaik sahaja selesai Doa Selamat DYMM Sultan dan Sultanah berangkat meninggalkan Balai Penghadapan.

Bersempena dengan Hari Pertabalan pada 15 Syaaban 1378 (23 Februari 1959) pukul 10.00 pagi telah berlangsung Istiadat Pengurniaan pangkat-pangkat dan gelaran di Istana Anak Bukit.

Tunku Ampuan Asma kepada Yang Maha Mulia Tunku Asma ibni Almarhum Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah PSB., isteri Almarhum Sultan Badlishah.

Tunku Bendahara kepada Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Malik ibni Almarhum Sultan Badlishah. Gelaran ini ialah gelaran pangkat ke bawah daripada Raja Muda. Pekerjaannya mewakili Duli Yang Maha Mulia atau pun Raja Muda pada mana-mana jemputan adat istiadat dan sebagainya.

Tunku Temenggung kepada Yang Teramat Mulia Tunku Mohammed Jiwa ibni Almarhum Sultan Abdul Hamid Halim Shah. Gelaran ini ialah gelaran pangkat ke bawah daripada Tunku Bendahara. Ianya menerima apa-apa urusan daripada Duli Yang Maha Mulia dan menghadiri pada tiap-tiap temasya dan adat istiadat manakala Tunku Bendahara tidak dapat hadir.

Tunku Laksamana kepada Yang Teramat Mulia Tunku Kassim ibni Almarhum Sultan Abdul Hamid Halim Shah. Gelaran ini ialah gelaran pangkat ke bawah daripada Tunku Temenggung. Ianya mengambil bahagian sepertimana Tunku Bendahara dan Tunku Temenggung dan menunaikan segala adat istiadat dan mengiring Duli Yang Maha Mulia di mana-mana majlis yang bersangkutan dengan adat istiadat Melayu dan mewakili Duli Yang Maha Mulia, Raja Muda, Tunku Bendahara atau Tunku Temenggung.

Tunku Panglima Besar kepada Yang Teramat Mulia Tunku Yaacob ibni Almarhum Sultan Abdul Hamid Halim Shah. Gelaran ini ialah suatu gelaran yang kehormat. Dikurniakan kepada Seri Paduka Ayahanda Diraja menjadi seri majlis adat istiadat.

Tunku Sri Indera Putera kepada Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra ibni Almarhum Sultan Abdul Hamid Halim Shah, KOM. Gelaran ini ialah sama juga gelaran yang kehormat. Dianugerahkan dia kepada Seri Paduka Ayahanda Diraja menjadikan seri majlis adat istiadat.

Tunku Seri Maha Kurnia kepada Yang Teramat Mulia Tunku Abdullah ibni Almarhum Tunku Mahmud. Gelaran ini ialah suatu kurniaan gelaran kepada Seri Paduka Ayahanda Diraja. Ianya menguruskan dengan alim ulama berkenaan majlis kenduri kerana nikah kahwin dan majlis adat istiadat.

Tunku Indera Setia kepada Yang Amat Berhormat Tunku Ismail bin Tunku Yahya, PMN. Gelaran ini ialah gelaran yang istimewa dan kehormatan yang diiktiraf sebab kebaktiannya untuk negara dan perkhidmatannya kepada Duli Yang Maha Mulia.

Tunku Sri Maharaja Lela kepada Yang Teramat Mulia Tunku Ahmad Tajuddin ibni Almarhum Tunku Mahmud. Gelaran ini ialah suatu gelaran yang sangat mustahak kepada mana-mana majlis dan dewan adat istiadat Raja-raja Melayu. Pekerjaannya ialah menjalankan aturan adab dan tertib di majlis raja-raja, mengatur hal ehwal kesempurnaan majlis di dalam istana dan menerima kedatangan orang yang hendak mengadap Duli Yang Maha Mulia secara rasmi.



Gambar: Muzium Negeri Kedah
*Tunku Yaacob ibni Almarhum Sultan Abdul Hamid Halim Shah,
Pernah menjadi Pemangku Menteri Besar, Regent Negeri Kedah dan
Pesuruhjaya Tinggi PTM yang pertama di United Kingdom.*



Gambar: Muzium Negeri Kedah
Tunku Ismail bin Tunku Yahya, pernah menjadi Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah dan Menteri Besar Kedah yang kedua. Bergelar Tunku Indera Setia.

Segala alat-alat istiadat di bawah jagaannya hendak mengiring Duli Yang Maha Mulia dan lawatan rasmi.

Dato' Sri Maha Wangsa kepada Dato' Syed Omar Shahabudin, PMN., JP. Gelaran ini ialah gelaran kehormatan bahagian 'B' kerana mengiktiraf perkhidmatannya dan berjasa kepada orang ramai.

Dato' Sri Amar Diraja kepada Wan Ibrahim bin Wan Soloh. Pekerjaannya menyedia dan mengeluarkan segala peraturan adat istiadat bagi raja dan istiadat dan amnya dan menolong segala pekerjaan Tunku Sri Maharaja Lela dan menggantikannya.

Dato' Setia Diraja kepada Wan Abdullah bin Wan Ismail. Gelaran bagi pangkat ini untuk keturunan daripada anak baik-baik daripada



Gambar: Muzium Negeri Kedah

Dato' Syed Omar Shahabuddin pernah menjadi Pegawai Kewangan Negeri, Setiausaha Kerajaan dan Menteri Besar Kedah yang ketiga selepas merdeka.

Wan-wan. Usul asalnya daripada Negeri Kedah dan perkara yang ditentukan kepada mereka itu dan kewajipannya dapat menolong banyak atas segala pertalian kemesraan, setia dan taat Kebawah Duli Yang Maha Mulia bersangkutan dengan hal chwal istana dan mengelolakan hal chwal di atas serba serbi di dalam istana dan balai penghadapan dan tempat bersemayam Duli Yang Maha Mulia. Manakala pegawai-pegawai istiadat dipilih daripada Kerabat Diraja.

Dato' Maha Kumia kepada Dr. Cheah Toon Lok, JMN., JP. Gelaran ini ialah gelaran kehormat bahagian 'B' yang diamugerahi kepada anak sejati Negeri Kedah yang bukan asalnya daripada

bangsa Melayu kerana kebaktian kepada kerajaan dan orang ramai.

Dato' Sri Mursyid Diraja kepada Tuan Haji Abdul Rahman bin Haji Abdullah, JP. Gelaran ini dikurniakan kepada Tuan-tuan Haji. Kerana nasihat-nasihatnya kepada orang ramai berkenaan perkara yang bersangkutan dengan ajaran-ajaran agama, menurut ahli Sunnah Wal Jumaah dan juga Tarikat Naksyanbandi yang digunakan dalam negeri ini.

Dato' Jaya Perkasa kepada Encik Mohd. Akib bin Yaacob. Gelaran kehormatan ini ialah untuk pegawai yang utama sebagai orang tua-tua mengetahui hal ehwal rakyat jelata.

Selain daripada itu, bintang dan pingat juga telah dikurniakan kepada Kerabat-kerabat Diraja, Pembesar-pembesar Negeri, Pegawai-pegawai Tinggi Kerajaan dan Pemimpin-pemimpin Kaum. Malah kepada Pemimpin-pemimpin Kecil dan rakyat mengikut perkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan. Wujudnya Darjah Kebesaran ini adalah sebagai menghormati khidmat cemerlang seseorang.

Berdasarkan kepada tradisi inilah, Negeri Kedah telah menyediakan tiga puluh jenis Darjah Kebesaran dan Pingat-pingat Negeri. Pengurniaan ini merupakan hak mutlak Tuanku yang dianugerahkan oleh Baginda semasa menyambut perayaan ulangtahun keputeraannya setiap tahun.

Darjah Kebesaran Negeri Kedah yang paling tinggi ialah Darjah Kerabat Yang Amat Mulia Kedah ringkasnya D K. Ianya dianugerahkan kepada Kerabat Diraja Negeri Kedah dan lain-lain negeri. Bintang tertinggi ini diperbuat dalam dua bentuk iaitu untuk dianugerah kepada laki-laki dan perempuan.

Sempena dengan nama Baginda, dua jenis lagi Bintang Kebesaran Negeri Kedah kepada laki-laki dan perempuan ialah Darjah Kerabat Halimi Yang Amat Mulia ringkasnya D K.H. Ianya dikurniakan kepada bangsawan atau rakyat yang diperkenan oleh Baginda sendiri. Darjah ini yang diwartakan dalam tahun 1973 dan diperkenalkan oleh Baginda kepada dua belas orang sahaja setakat ini.

Satu lagi bintang yang tertinggi ialah Darjah Utama Kedah ringkasnya D.U.K yang juga dikurniakan kepada merka yang benar-benar menunjukkan khidmat cemerlang kepada raja, negeri dan rakyat sebagai mengenang khidmat mereka.

Ketiga-tiga jenis bintang kebesaran yang tersebut walaupun merupakan kurniaan tertinggi di Kedah. Tetapi ia tiada melibatkan tambahan gelaran kepada penerima-penerimanya seperti Dato' Sri, Dato' atau sebagainya.

Darjah Kebesaran yang membawa gelaran ada disediakan oleh Tuanku Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah ibni Almarhum Sultan Badlishah. Empat jenis bintang yang membawa gelaran Dato' Sri kepada laki-laki dan perempuan. Empat jenis lagi membawa gelaran Dato' yang juga kepada laki-laki dan perempuan.

Darjah Kebesaran yang membawa gelaran Dato' Sri bagi laki-laki dan perempuan ialah Seri Paduka Mahkota Kedah Yang Dihormati

ringkasnya S.P.M.K. Sementara itu yang membawa gelaran Dato' ialah Dato' Paduka Mahkota Kedah ringkasnya D.P.M.K. dan Dato' Setia Diraja Kedah ringkasnya D.S.D.K.

Lain-lain Darjah Kebesaran ialah Setia Mahkota Kedah ringkasnya S.M.K. yang dibuat dalam dua bentuk iaitu untuk laki-laki dan perempuan. Setia Diraja Kedah ringkasnya S.D.K. yang juga diuntukkan kepada penerima laki-laki dan perempuan. Ahli Mahkota Kedah ringkasnya A.M.K., Pingat Kenangan Sultan Badlishah ringkasnya P.S.B., Bintang Kebaktian Masyarakat ringkasnya B.K.M. Sementara itu kurniaan kepada anggota-anggota angkatan bersenjata ialah Bintang Perkasa Negeri Kedah ringkasnya B.P.K., Pingat Perkasa Negeri Kedah ringkasnya P.P.K. dan Bintang Keberanian Negeri Kedah ringkasnya B.K.K.

Bagi kakitangan kerajaan yang berkhidmat cemerlang di negeri ialah pengurniaan Bintang Perkhidmatan Cemerlang Kedah ringkasnya B.C.K. dan Pingat Perkhidmatan Cemerlang Kedah ringkasnya P.C.K.

Pingat Jasa Kebaktian ringkasnya P.J.K. lazimnya dikurniakan kepada pemimpin tempatan. Bintang Perkhidmatan Lama dan Pingat Perkhidmatan Lama kepada kakitangan kerajaan yang lama berkhidmat.

Baginda juga berkenan mengurniakan Pingat Kenangan Negeri Kedah dan Pingat Pertabalan Negeri Kedah. Lazimnya dianugerah sebagai memperingati sesuatu perayaan besar dalam negeri.

Sebagai memperingati Perayaan Hari Ulangtahun Keputeraan, baginda juga melantik para Jaksa Pendamai ringkasnya J.P.

Pada 10 April hingga 9 Jun 1963, Baginda dan Sultanah telah berangkat mengelilingi dunia. Manakala pada 21 September 1965, Baginda telah dipilih oleh Majlis Raja-raja menjadi Timbalan Yang di-Pertuan Agong Keempat bagi menggantikan Sultan Terengganu yang telah dipilih menjadi Yang di-Pertuan Agong.

Semenjak itu Baginda menjalankan tugas Yang di-Pertuan Agong Keempat. Baginda juga menerima kunjungan Putera Akihito dari Jepun, Presiden Suharto dari Republik Indonesia dan Al-Malik Faisal dari Arab Saudi.

Pada 23 Mac 1966, Baginda telah dilantik menjadi Kolonel Pasukan Peninjau Malaysia. Baginda kini mempunyai tiga orang puteri iaitu Tunku Soraya (1961), Tunku Sarina (1961) dan Tunku Intan Safinaz (1967).

Pada 28 Julai 1966, bolehlah dianggapkan sebagai satu hari yang bersejarah khususnya kepada pesawah-pesawah di utara negeri Kedah dan di selatan negeri Perlis. Pada tarikh tersebut Baginda telah berkenan melakukan upacara memecah batu menandakan permulaan Projek Perairan Muda.³

³ Buku Kedah Hari Ini oleh Jawatankuasa Pembangunan Negara dan Luar Bandar Negeri Kedah, 1969, hlm. 95.


Projek tersebut ialah Rancangan Pertanian Malaysia yang terbesar dimulai tahun 1960. Dengan adanya rancangan ini membolehkan penanaman padi dua musim. Kawasan sawah yang terlibat lebih daripada suku juta ekar. Kawasannya menganjur dari negeri Kedah hingga ke negeri Perlis.

Projek ini telah dilaksanakan oleh kerajaan bagi menampung kecukupan pengeluaran bahan makanan tempatan yang terpenting iaitu beras bagi seluruh rakyat. Rancangan Perairan Muda telah menelan belanja sebanyak 228 juta ringgit. Meliputi kawasan seluas 261,500 ekar bendang di kawasan barat daya tanah pamah. Daerah-daerah yang terlibat ialah Kubang Pasu, Kota Setar, Yan dan di selatan Perlis.

Sebelumnya, kebanyakan daripada kawasan-kawasan itu ditanam padi sekali setahun. Dengan siapnya rancangan taliair ini dalam tahun 1970, penanaman padi dua kali setahun dapat dijayakan. Ampangan konkrit di Sungai Muda itu tingginya 100 kaki. Ianya boleh menbending bahagian hulu sungai yang menjadikan sebuah tasik.

Sebuah kawasan penampungan yang besar mengandungi seluas 380 batu persegi. Ianya dapat membekalkan berjuta-juta gelen air. Di sini adalah merupakan sebuah tasik besar buatan manusia yang dipanggil ampangan Muda. Terowong airnya berukuran 15 kaki dan sejauh $4\frac{1}{2}$ batu ke sebuah lagi ampangan di Sungai Pedu.

Ampangan Pedu, tingginya 210 kaki menjadi kawasan penampungan seluas 66 batu persegi air. Air untuk taliair-taliair dialirkan dari ampangan Pedu dan air ini mengalir turun melalui Sungai Pedu dan Sungai Padang Terap ke ibu bekalan Pelubang. Kemudiannya dialirkan ke utara dan selatan melalui terusan raya. Air dari terusan



Suatu pemandangan di Ampangan Pedu, Kedah.

raya dialirkan ke bendang melalui terusan yang dipanggil sistem aliran dalam.

Keseluruhannya, rancangan ini memerlukan pembinaan 15 buah tandop besar, beratus-ratus buah tandop kecil, 62 buah terusan raya dan 600 batu terusan dan parit-parit kecil. Bagi mencegah air laut masuk ke bendang-bendang, ban-ban di sepanjang pantai dalam kawasan perairan itu dibina. Sebuah ampuan pasang surut merentangi Sungai Kedah ke hilir Alor Setar. Manakala sebuah benteng sepanjang 68 batu dan yang lainnya lebih kurang 480 batu telah dibina.

Projek ini adalah bertujuan memberi sumbangan kepada usaha pertanian negara. Dapat mengeluarkan beras yang secukupnya dengan tidak payah bergantung kepada beras luar negeri. Sambil itu dapat pula meninggikan taraf hidup dan ekonomi petani.

Rancangan itu telah diselenggarakan oleh 30 buah kontrek yang berasingan iaitu pemborong-pemborong Malaysia, Sweden, Jepun dan Australia. Menurut Menteri Pertanian dan Syarikat Kerjasama Haji Ghazali Jawi, seluas 130,000 ekar bendang utara dari Bandar Alor Setar hingga ke Perlis Selatan dapat ditanam dua kali setahun di bawah Rancangan Perairan Muda mulai bulan Februari 1970.

Rancangan Pengairan Muda adalah merupakan cabaran yang amat besar kepada perancang-perancang pembangunan, pentadbir-pentadbir dan kakitangan kerajaan. Mereka bertugas untuk menyediakan pengairan kepada petani-petani. Mereka diharapkan mengguna dengan sepenuhnya segala kemudahan pengairan dan lain-lain yang disediakan oleh kerajaan.

Rancangan ini memberi harapan untuk meningkatkan taraf hidup yang lebih baik. Adalah dianggarkan lebih daripada 325,000 orang petani dapat mengecapi nikmat iaitu dengan cara menghasilkan penanaman padi dua musim. Secara tidak langsung, perusahaan menanam padi mewujudkan peluang pekerjaan. Bidang-bidang pekerjaan itu seperti berniaga di kawasan-kawasan luar bandar, pengangkutan dan pengilangan.

Dari zaman berkerajaan sendiri sehinggalah negara Malaysia merdeka dan berdaulat, Kedah memang terkenal dengan pengeluaran padinya. Dengan kemantapan dan keutuhan pucuk pimpinannya, bukan sahaja mahu mengekalkan kedudukan sebagai negeri pengeluar padi dan beras yang terbesar. Malah Kedah juga telah memasuki bidang industri secara tersusun.

Berikut dengan kemajuan yang hebat ini, Alor Setar yang menjadi pusat pemerintahan negeri Kedah terpaksa pula menghadapi masalah pembesaran bandar. Faktor utama mengenai kesesakan lalu lintas dan kesulitan tempat letak kereta.

Semenjak Alor Setar di bawah tadbir Menteri Besar Kedah, Dato' Sri Syed Ahmad Shahabudin pungutan hasil telah didapati lebih daripada \$400,000 setahun dalam tahun 1970. Perolehan ini



Gambar: Jabatan Pertanian, Kedah
Pemandangan disebuah kawasan persawahan di Kedah dengan menggunakan kaedah lama dan baharu.

lebih banyak berbanding dengan \$100,000. yang telah dipungut oleh Lembaga Bandaran dalam tempoh sepuluh tahun dahulu. Ada kemungkinan jumlah ini boleh meningkat lagi apabila bandar Alor Setar membangun.

Kerajaan pada masa itu bukan sahaja memperindahkan bandar tetapi membangunkannya. Di antara usaha-usaha yang telah dijalankan ialah memperelokkan jalan-jalan raya dan mengadakan sistem lalu lintas yang lebih teratur. Pemasangan lampu-lampu isyarat moden. Yang lainnya sistem letak kereta telah dilaksanakan bagi mengatasi kesesakan lalu lintas. Sistem ini telah memberi banyak peluang pekerjaan kepada belia-belia yang menganggur.

Pasar Perpaduan anjuran Majlis Bandaran Alor Setar telah dilancarkan pada tiap-tiap minggu. Ianya bukan sahaja memberi peluang kepada peniaga-peniaga kecil malah telah menarik lebih ramai penduduk-penduduk di sekitar bandar berkunjung dan membelibelah.

Dalam tahun 1971, Majlis Bandaran Alor Setar lebih menumpukan usahanya melaksanakan rancangan pembangunan. Mengorek parit-parit, alor-alor dan anak-anak sungai di kawasan Teluk Wan Jah. Projek tersebut telah memakan belanja sebanyak \$100,000. Perbelanjaan ini tidaklah termasuk belanja pembinaan 'Pancutan Mahkota' di Bulatan Wan Jah. Pancutan Air itu adalah sumbangan rakyat sebagai kenang-kenangan kepada Baginda Sultan dan Sultanah

kerana dilantik menjadi Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong Kelima.

Sebuah Pasar Besar dua tingkat di Seberang Perak telah didirikan bagi menggantikan pasar lama dan sebuah lagi bangunan 'Wisma Negeri' juga telah dibangunkan di tengah-tengah pusat bandar. Ianya melambangkan demokrasi. Pembinaan bangunan-bangunan tersebut diselenggarakan oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah.

Keperluan-keperluan perniagaan termasuk pusat membelibelah telah wujud di Jalan-jalan Langgar, Tunku Ibrahim dan Sultan



Gambar: Jabatan Penerangan Malaysia
Dato' Seri Syed Ahmad bin Syed Mahmud Shahabuddin, Menteri Besar Kedah (1967-1978).

Badlishah. Manakala sebuah kompleks perniagaan Pasar Serbanika dan Perhentian Bas Baharu telah dibina berhampiran dengan Bulatan Wan Jah.

Ini membuktikan kesungguhan Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah bergiat dalam usahanya untuk menampung dan memperbaiki ekonomi rakyat. Di samping itu menggalakkan Bumiputera di dalam lapangan perniagaan dan perusahaan.

Negeri Kedah mempunyai potensi yang amat baik dalam perusahaan pelancongan. Sesuai dengan keindahan alamnya yang semula jadi penuh dengan kesan-kesan sejarah di zaman silam dan di zaman menuntut kemerdekaan, pembentukan Malaysia, tamatnya konfrontasi, tempat keputeraan dan kediaman Bapa Kemerdekaan dan Bapa Malaysia Tunku Abdul Rahman Putra.

Rumah kediaman Tunku iaitu Rumah Merdeka di Jalan Putera merupakan tempat yang patut dikunjungi oleh setiap rakyat Malaysia kerana tidak terpisah dari perjuangan rakyat Malaysia. Satu kompleks pelancongan antarabangsa telah dilancarkan dalam bulan Ogos 1971 pada sebuah kawasan yang seluas 100 ekar iaitu di sekitar kawasan pantai Dato' Syed Omar di Pulau Langkawi.

Sehingga ini antara kawasan yang telah diisytiharkan menjadi tempat pelancongan ialah di Pulau Langkawi, Pantai Merdeka, Taman Perangin Sik, Bukit Batu Pahat, Gunung Jerai, Bukit Wang daerah Kubang Pasu, Junjung daerah Kulim dan Candi Merbok daerah Kuala Muda.

Pulau Langkawi atau Pulau Seri Negeri bukan sahaja dapat memberi keselesaan kepada pelancong tetapi juga dapat menambahkan ilmu pengetahuan dalam bidang sejarah tanahair. Sementara itu beberapa kawasan sejarah yang dapat dilawati antaranya Makam Mahsuri di Kampung Mawat, Makam Purba di Hulu Melaka, Gua Cerita di Air Hangat, Kubur Panglima Hitam di Pulau Tuba dan Beras Terbakar di Padang Mat Sirat.

Di Pantai Tanjung Rhu dengan pasirnya yang bersih dan Pantai Pasir Hitam pula dengan pasirnya yang hitam dan berkilau-kilauan cahayanya bila disinari oleh matahari. Untuk bermandi-mandi di air terjun terdapat beberapa tempat pula di antaranya Telaga Tujuh, Perangin Air Hangat dan di Lubuk Semilang.

Pulau Langkawi akan dijadikan pusat pelancongan taraf antarabangsa yang terindah dan tercantik di rantau ini. Pelan pembangunannya telah disediakan oleh sebuah syarikat pakar pelancongan dari luar negeri.

Pada 23 Julai 1970, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah ibni Almarhum Sultan Badlishah telah dipersetujui bersama oleh Majlis Raja-raja Melayu menjadi Ketua Negara yang bergelar Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Kelima

Perlantikan Seri Paduka Baginda adalah mengikut kehendak

Perlembagaan Persekutuan, "Maka hendaklah ada seorang Kepala Utama bagi Persekutuan digelar Yang di-Pertuan Agong yang mengambil keutamaan mengatasi segala orang dalam Persekutuan dan yang tidak boleh dikena dakwa dalam apa jua perbicaraan dalam mana-mana mahkamah."

Baginda telah menyempurnakan istiadat mengangkat sumpah jawatan untuk jangka waktu lima tahun. Bermula dari 21 September 1970 hingga 20 September 1975. Sepeninggalan Seri Paduka Baginda menjadi Ketua Negara Malaysia, Tunku Abdul Malik ibni Almarhum Sultan Badlishah menjadi Pemangku Sultan Kedah.

"Permaisuri Yang di-Pertuan Agong (yang digelar Raja Permaisuri Agong) adalah mengambil keutamaan mengatasi segala orang lain dalam Persekutuan selepas Yang di-Pertuan Agong."

Malaysia mengandungi 13 buah negeri dan mempunyai sistem pemerintahan pusat dan negeri. Pemerintahan Kerajaan-kerajaan Negeri Pulau Pinang, Melaka, Sabah dan Sarawak diketuai oleh Yang Dipertua Negeri yang dilantik oleh Ketua Negara dan Negeri-negeri lain iaitu Perak, Kedah, Perlis, Kelantan, Terengganu, Johor, Negeri Sembilan, Selangor dan Pahang diketuai oleh seorang Raja atau Sultan.

"Yang di-Pertuan Agong hendaklah dipilih oleh Majlis Raja-raja selama tempoh jawatan lima tahun tetapi boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatannya dengan mengutus surat yang ditandatangani olehnya kepada Majlis Raja-raja atau dipecat dari jawatannya oleh Majlis Raja-raja dan hendaklah berhenti daripada memegang jawatan apabila berhenti daripada menjadi seorang Raja."

Malaysia adalah sebuah negara yang "unique"⁴ dengan ertikata mempunyai penduduk-penduduk dari berbagai-bagai keturunan serta menganuti berbagai-bagai kepercayaan agama dan sudah menjadi tradisi turun temurun mempunyai sistem pemerintahan Beraja dalam 9 buah Negeri-negeri Melayu dan Negeri-negeri Selat iaitu Pulau Pinang dan Melaka di bawah pemerintahan Raja British. Sebelum Merdeka, Negeri-negeri Melayu dan Negeri-negeri Selat adalah diletakkan di bawah naungan (protectorate)⁵ Kerajaan British, tetapi pada Hari Kemerdekaan 31 Ogos 1957 kedudukan Kerajaan British digantikan dengan Ketua Negara dan bergelar Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Dengan kedudukan penduduk-penduduknya yang unik, maka Takhta Malaysia bukan sahaja merupakan keagongan dan kemegahan anak watannya di bawah pemerintahan sistem Beraja tetapi adalah merupakan simbol perpaduan antara kaum dan keturunan. Perlembagaan memberikan keistimewaan kepada Raja-raja Melayu dari 9 buah negeri dalam Persekutuan yang masing-masing mewarisi Takhta Kerajaan-kerajaan Negeri, menentukan salah seorang daripada

4 Tunggal atau tersendiri.

5 Negeri yang di bawah perlindungan negeri lain.



Gambar: Muzium Negeri Kedah.
YMM Tunku Abdul Malik ibni Almarhum Sultan Badlishah, DK., DKH., SPMK., PSB., Pemangku Sultan Kedah dan kemudiannya dilantik menjadi Raja Muala Kedah Darulaman.

Baginda untuk bersemayam di atas Takhta Kerajaan Pusat apabila kekosongan berlaku.

Agama merupakan satu-satunya amalan dan kepercayaan yang dekat dengan hati rakyat, maka, "Tiap-tiap orang adalah berhak menganuti dan mengamalkan agamanya." Oleh kerana Negeri-negeri Melayu zaman silam mengamalkan Islam sebagai pegangan hidup rakyat turun temurun maka semua pihak pada Hari Kemerdekaan mengakui dan mempersetujui dimasukkan ke dalam Perlembagaan iaitu, "Agama Islam adalah agama bagi Persekutuan, tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan."

Kedudukan bebas beribadat memang terjamin dalam Perlembagaan dan kedudukan agama Islam telah diletakkan di atas tempat yang suci. "Dalam tiap-tiap negeri melainkan negeri-negeri yang tidak mempunyai Raja, kedudukan Raja sebagai Ketua Agama Islam dalam negerinya secara dan setakat mana yang diakui dan diisytiharkan oleh Perlembagaan Negeri itu dan juga tertakluk kepada Perlembagaan Negeri itu, segala hak keistimewaan, hak kedaulatan dan kuasa yang dinikmati olehnya sebagai Ketua Agama Islam tidaklah tersentuh atau tercacat, tetapi dalam apa-apa perbuatan, amalan atau upacara yang telah dipersetujui oleh Majlis Raja-raja supaya meliputi seluruh Persekutuan, maka tiap-tiap Raja lain hendaklah atas sifatnya sebagai Ketua Agama Islam membenarkan Yang di-Pertuan Agong mewakilinya." Manakala, "Perlembagaan Negeri Melaka dan Perlembagaan Negeri Pulau Pinang hendaklah masing-masing membuat peruntukan bagi memberi kepada Yang di-Pertuan Agong kedudukan sebagai Ketua Agama Islam dalam negeri itu."

Istiadat Pertabalan Baginda Sultan dan Sultanah Kedah sebagai Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong telah dijalankan pada 20 Februari 1971 dengan penuh kebesaran menurut istiadat purbakala di Dewan Tunku Abdul Rahman, Kuala Lumpur. Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda adalah Yang di-Pertuan Agong yang paling muda semenjak pemilihan Yang di-Pertuan Agong Pertama dalam tahun 1957. Waktu itu Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah berusia 42 tahun.

Di antara pakaian-pakaian kebesaran Raja-raja Melayu ialah Tengkolok Diraja. Semenjak beberapa kurun lamanya Raja-raja Melayu telah memakai kain yang ditunen dengan sutera yang diikat dengan berbagai-bagai solek di ulunya, sebagai pakaian kebesarannya. Bentuk ikatan (solek) dan warnanya adalah berlainan dari sebuah ke sebuah negeri. Kain ulu itu dinamakan Tengkolok.

Adapun Tengkolok Diraja yang dipakai oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada Hari Pertabalan adalah berwarna hitam bersulam dengan benang emas. Soleknya bernama Dendam Tak Sudah yang berasal dari Negeri Sembilan. Di sebelah hadapan tengkolok ini dipasangkan anak bulan

dengan bintang yang pecah sebelas. Diperbuat daripada emas putih bertatahkan 66 pertama berlian dan di tengah-tengah bintang terletak lambang Kerajaan Malaysia yang berwarna warni.

Pakaian ulu bagi Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong ialah Gendik Diraja. Diperbuat daripada emas putih bertatah penuh dengan permata berlian berbunga awan larat. Di tengah-tengahnya, di atas awan larat itu terdapat anak bulan dengan bintang. Kedua-duanya diperbuat daripada emas putih juga. Gendik (Pemeles) ini dipakai oleh Seri Paduka Baginda dalam istiadat-istiadat kebesaran Diraja dan pada waktu pertabalan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Gendik ini diperbuat khas supaya boleh dicerai menjadikannya loket dan kerongsang.

Cogan Alam dan Cogan Agama ialah dua alat kebesaran yang menjadi sebahagian daripada lambang kebesaran Kerajaan Malaysia. Cogan Alam diperbuat daripada perak. Panjangnya lima kaki empat inci dan berupa suatu bulatan di atas kepala tongkat. Di atas bulatan ini diperbuat anak bulan dengan bintang daripada emas. Di sekeliling bulatan ini diterangkan dengan lambang sebelas Negeri Tanah Melayu daripada emas. Bulatan tersebut ditanggung oleh empat lembaga harimau yang berdiri. Manakala tongkatnya dihiasi dengan tangkai padi daripada emas.

Cogan Agama adalah juga diperbuat daripada perak. Panjangnya lima kaki satu inci dan berupa sebatang tongkat bulat berkepala besar. Di atas kepala tongkat itu diperbuat anak bulan dengan bintang pecah lima daripada emas. Pada batang dan kepalanya diterangkan dengan ayat-ayat suci Al-Quran.

Cokmar ialah satu lagi alat kebesaran yang menjadi sebahagian daripada lambang kebesaran Kerajaan Malaysia. Cokmar ini terdiri dari dua batang dan diperbuat daripada perak. Tiap-tiap satu panjangnya dua kaki delapan inci dan merupakan alat perang iaitu tongkat pendek berkepalakan kubah.

Pending Diraja yang dipakai oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ini diperbuat daripada emas sepuluh mutu. Bertatah dan bersulamkan dengan sebelas biji permata delima. Di tengah-tengahnya pula tertera lambang Kerajaan Persekutuan. Tali bengkungnya diperbuat daripada kain sakhlat bertekak berbunga dengan benang emas.

Kalung Diraja ialah rantai leher yang dipakai oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong. Diperbuat daripada emas putih bertatah penuh dengan permata berlian. Kalung ini merupakan sebahagian daripada pakaian kebesaran yang dipakai oleh Seri Paduka Baginda dalam istiadat-istiadat kebesaran Diraja dan pada waktu Pertabalan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Kalung ini juga boleh dicerai menjadikannya sepasang subang, kerongsang dan kerabu.



Gambar: Jabatan Penerangan Malaysia

DYMM Tuanku Haji Abdul Halim Mu'adzam Shah ibni Al-marhum Sultan Badlishah, DK., DKH., DKM., DMN., DUK., DK (Kelantan), DK (Pahang), DK (Selangor), DK (Sarawak), SPMK., SSDK. Menjadi Yang di-Pertuan Agong Kelima dari 21.9.1970 hingga 20.9.1975.



Gambar: Jabatan Penerangan Malaysia
*DYMM Tuanku Hajah Bahiyah ibni Almarhum Tuanku Abdul
Rahman DK., DMN., SPMK. Menjadi Raja Permaisuri Agong.*

Alat Kebesaran Melayu yang sangat dimuliakan ialah Keris dan Keris Panjang Diraja adalah alat Kebesaran Negara yang utama dalam istiadat Pertabalan. Keris Panjang Diraja adalah Keris Kerajaan dan adalah sebagai tanda kebesaran dan kekuasaan. Keris ini dari ulunya hingga ke sarungnya bersalut dengan emas. Di atas sampirnya diterapkan dengan lambang Kerajaan Persekutuan dan lambang sebelas Negeri Tanah Melayu. Matanya ditempa daripada besi waja yang diambil dari sebilah keris daripada negeri-negeri itu. Ulu Keris ini berbentuk 'Tapak Kuda' dengan hiasan yang merupakan buah jering. Keris ini hanya dibawa atau dipakai oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Sebilah keris lagi dinamakan Keris Pendik Diraja. Diperbuat daripada mata keris lama dengan berulu dan bersarungkan gading yang bertatahkan emas. Ulu keris ini dinamakan 'Ulu Perkakak' dan berupa kepala Garuda. Disampir keris ini diterapkan dengan lambang Kerajaan Persekutuan. Keris ini ialah salah satu pakaian kebesaran Diraja dan seperti Keris Panjang Diraja ia hanya dibawa atau dipakai oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Pedang, Keris Panjang dan Sundang Diraja adalah tiga jenis senjata Melayu tua yang dijadikan sebahagian daripada alat kebesaran Diraja iaitu diambil daripada mata pedang, keris panjang dan sundang zaman purbakala. Keris Panjang dan Sundang bersalut dengan perak yang berukir-ukir pada ulu dan sarungnya.

Payung Ubur-ubur Kuning dan Tombak Berambu juga menjadi sebahagian daripada alat kebesaran Diraja. Payung Ubur-ubur Kuning sebanyak dua puluh kaki. Diperbuat daripada kain sutera yang berwarna kuning raja iaitu suatu warna yang dipandang mulia oleh orang Melayu dan dihaskan menjadi kebesaran Raja-rajanya. Dikemuncaknya dipasangkan anak bulan dengan bintang. Manakala Tombak Berambu sebanyak dua puluh juga. Matanya berluk tiga. Diperbuat daripada tombak-tombak pesaka dari sebelas buah Negeri Semenanjung Malaysia.

Nobat ialah pancaragam Diraja yang telah dipakai dari zaman berzaman di Negeri-negeri Melayu untuk istiadat Pertabalan Raja-raja. Alat-alatnya adalah sebanyak enam buah iaitu Gendang Negara, sebatang Nafiri, dua buah Gendang Nobat, sebatang Serunai dan sebuah Gong yang bergantung. Ada juga sebatang Tongkat Nobat dinamakan Maha Guru yang dipegang oleh Ketua Pemain yang bergelar Kalur Besar.

Negeri-negeri Melayu yang mempunyai Nobat ialah Kedah, Perak, Terengganu dan Selangor. Nobat yang digunakan dalam Istiadat Pertabalan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ialah Nobat Negeri Kedah yang telah diperkenan dan diberi pinjam oleh Duli Yang Maha Mulia Pemangku Sultan Kedah. Nobat hanya boleh dimainkan dengan titah Sultan

dalam Istiadat Diraja seperti pertabalan, perkahwinan Diraja atau kemangkatan Diraja.

Alat-alat Nobat hanya boleh dimain oleh pemain Diraja yang dipilih dari keluarga yang tertentu. Dalam Istiadat Pertabalan tiga lagu Nobat dimainkan iaitu lagu Raja Berangkat semasa Duli-duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda berdua berangkat masuk ke Balai Rong Seri. Lagu Palu dibunyikan semasa Alat-alat Pertabalan dibawa masuk ke Balai Rong Seri. Lagu Raja Bertabal selepas Duli Yang Maha Mulia mengangkat Sumpah Diraja dan Lagu Raja Berangkat sekali lagi apabila Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda berdua berangkat pulang dari Balairong Seri.

Yang Amat Berhormat Tun Abdul Razak bin Husein selaku Perdana Menteri kemudiannya membacakan Surat Perisytiharan bagi Pertabalan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong," Bahawa inilah dimasyhurkan kepada sekalian orang serta penduduk Negara Malaysia iaitu Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-raja Negeri dalam Malaysia telah memilih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah ibni Almarhum Sultan Badlishah menjadi Yang di-Pertuan Agong dan pada hari, waktu dan saat yang gemilang ini maka Seri Paduka Baginda itu ditabalkan naik Takhta Kerajaan menjadi Turus Negara bagi Malaysia dengan bergelar Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong."

Setelah sudah, Dato' Paduka Seri Maharaja Lela menyembahkan Keris Panjang Diraja kepada Seri Paduka Baginda yang pada masa itu sedang bersemayam di atas singgahsana. Lalu dikucup oleh Baginda dan menyarungkannya kembali. Baginda kemudiannya turun ke tingkat yang keempat menerima Titah Diraja. Selesai Baginda membacanya, maka Dato' Paduka Seri Maharaja Lela pun menyeru 'Daulat Tuanku' tiga kali berturut-turut dan ini telah disambut oleh sekalian yang hadir. Serentak dengan itu diiringi tembakan meriam dua puluh satu das sebagai tanda memberi hormat.

Duli Yang Maha Mulia Raja mewakili Majlis Raja-raja kemudiannya membaca ucapan tahniah kepada Seri Paduka Baginda. Diikuti pula oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyampaikan tahniah daripada Kerajaan dan rakyat Malaysia. Kedua-dua ucapan itu kemudiannya diserahkan kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Setelah selesai semuanya, Nobat pun dipalu Lagu Genderang Perang dan Mufti membacakan doa selamat. Sebaik sahaja upacara terakhir ini selesai, Duli-duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong pun berangkat meninggalkan singgahsana dengan diiringi paluan Nobat Lagu Raja Berangkat, upacara beristiadat pun selesai.

Panji-panji Diraja bagi tempat bersemayam dan kenderaan merupakan panji-panji peribadi DYMM Seri Paduka Baginda Yang



Gambar: Jabatan Penerangan Malaysia

YMM Pemangku Sultan Kedah, Tunku Abdul Malik ibni Almarhum Sultan Badlishah, DK., SPMK., PSB. dan YTM Tunku Raudzah, SPMK., Tunku Puan Bendahara.

di-Pertuan Agong. Ianya berwarna kuning mempunyai Jata Malaysia di tengah-tengah yang dikelilingi oleh dua karangan padi. Warna kuning ialah Warna Diraja. Karangan padi yang berwarna keemasan melambangkan kemewahan dan kemakmuran.

Salasilah Raja-raja Melayu yang diangkat bersemayam di atas Takhta Kerajaan Pusat adalah seperti berikut:

1. Almarhum Tuanku Abdul Rahman ibni Almarhum Tuanku Muhammad, Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan pada 3 Ogos 1957 dan mangkat pada 1 April 1960.
2. Almarhum Tuanku Hisamuddin Alam Shah ibni Almarhum Sultan Alaidin Sulaiman Shah, Sultan Selangor pada 14 April 1960 dan mangkat pada 1 September 1960.
3. Duli Yang Maha Mulia Tuanku Syed Putera ibni Almarhum Syed Hassan Jamalullail, Raja Perlis pada 21 September 1960 hingga 20 September 1965.



Gambar: Jabatan Penerangan Malaysia
Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

4. Almarhum Tuanku Ismail Nasiruddin Shah ibni Almarhum Sultan Zainul Abidin, Sultan Terengganu pada 21 September 1965 hingga 20 September 1970.
5. Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah ibni Almarhum Sultan Badlishah, Sultan Kedah pada 21 September 1970 hingga 20 September 1975.
6. Almarhum Tuanku Yahya Petra ibni Almarhum Sultan Ibrahim pada 21 September 1975 hingga 29 Mac 1979.
7. Duli Yang Maha Mulia Tuanku Haji Ahmad Shah Al-Mustain Billah ibni Almarhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'adzam Shah pada 25 April 1980 hingga 25 April 1984.
8. Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Iskandar pada 9 Februari 1984 –

Lembaran sejarah pemerintahan Baginda sebagai Yang di-Pertuan Agong Kelima telah dibuka dan dirayakan secara sederhana. Ini adalah sesuai dengan titah perintah Baginda supaya pertabalannya disambut secara sederhana dengan mengisi acara-acara yang mustahak

sahaja. Ketika itu negara baharu mengalami banjir besar yang mengakibatkan penderitaan kepada rakyat. Lebih banyak wang dan tenaga perlu digunakan untuk kerja-kerja pemuliharaan.

Dengan kerana itu Kerajaan tidak mengadakan sambutan dengan bunga api, kereta berhias ataupun mengundang tetamu kenamaan dari luar negeri tetapi cukup dengan wakil-wakil diplomat. Baginda dan Raja Permaisuri Agong berkenan menyampaikan wang derma peribadi kepada Tabung Banjir Negara. Kemudiannya telah disambut baik oleh segenap lapisan rakyat.

Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda menyatakan kegembiraannya kepada segenap lapisan masyarakat dan Angkatan Tentera atas sikap yang mereka tunjukkan untuk meringankan beban penderitaan rakyat sewaktu banjir. Ini adalah suatu contoh perpaduan dan kerjasama yang paling mengagumkan.

Baginda juga memulakan sejarah baharunya dengan memulihkan pemerintahan demokrasi yang selama ini tidak dapat dijalankan semenjak berlakunya peristiwa 13 Mei 1969. Dalam titah ucapannya di Parlimen yang telah bersidang pada 22 Februari 1971, Baginda mengingatkan rakyat berwaspada dan berikhtiar supaya peristiwa 13 Mei itu tidak berulang lagi. Tugas utama Kerajaan ialah untuk membasmikan kemiskinan yang mana hanya dapat dilaksanakan sekiranya rakyat bersatu padu di belakang Kerajaan.

Pada Hari Perayaan Ulangtahun Ke-43 Baginda, Ketua Negara bertitah menyatakan bahawa rakyat telah tidak menghampakan Baginda dengan menunjukkan semangat perpaduan dan memungkinkan wujudnya semula demokrasi berparlimen. Dalam pemerintahan Bagindalah mula terlaksana Dasar Ekonomi Baharu (D.E.B.) yang menjiwai Rancangan Malaysia Kedua. Bertujuan untuk membasmi kemiskinan dan meninggikan taraf hidup rakyat tanpa membezakan asal keturunan mereka.

Kepada kanak-kanak, Baginda menasihatkan supaya belajar berdikari. Baginda juga menyedari bahawa rakyat di kampung-kampung telah mengalami banyak perubahan dan mencapai kemakmuran. Oleh itu generasi muda hendaklah belajar berdikari tanpa banyak meminta-minta dari Kerajaan. Pelajar-pelajar dinasihatkan supaya lebih menumpukan kepada kemajuan sains dan teknologi, sebagaimana digalakkan oleh agama Islam. Kelangsungan hidup generasi yang akan datang hanya boleh dijayakan sekiranya bangsa berhasrat untuk hidup dalam perpaduan dan kemajuan.

Pada 11 Februari 1971, Baginda juga telah merasmikan Sidang Anggota Parlimen Komanwel yang telah dihadiri lebih daripada 300 orang para wakil. Dalam titah ucapannya Baginda menjelaskan betapa perlunya sikap toleransi antara negara-negara Komanwel.

Semasa pemerintahan Baginda, Ketua Negara telah menerima lawatan Ketua-ketua Negara asing. Dalam bulan Februari 1972, Baginda telah menerima lawatan Queen Elizabeth II dari United

Kingdom. Kemudian diikuti dengan lawatan empat hari oleh Ketua Negara Burma, General Ne Win. Presiden V.V. Giri dan Puan Giri dari India membuat lawatannya dalam bulan Mac 1973. Kesemuanya ini mencerminkan betapa ikrabnya hubungan negara-negara itu dengan negara kita Malaysia.

Semenjak pemerintahan Baginda negara mengalami perkembangan yang paling pesat dalam hubungan luar negeri. Hubungan antara Negara-negara Asean dalam berbagai aspek, dasar berkecuali yang Malaysia amalkan, persahabatan dengan semua negara di dunia atas dasar seling menghormati keutuhan wilayah masing-masing.

Hubungan dengan Negara Republik Rakyat China, Korea Utara dan Vietnam Utara dan Negara-negara Eropah Timur seperti Russia dan lain-lain telah dijalin semasa pemerintahan Baginda. Kini Malaysia merupakan sebuah negara yang progresif di dunia yang terhimpun dalam negara-negara berpolitik bebas. Persahabatan kita dengan dunia Arab telah dipupuk sebegitu rupa, sehinggakan negara-negara tersebut bersedia untuk melaburkan modal di Malaysia dan membeli barang-barang eksport Malaysia.

Di bidang sukan, Malaysia telah berhasil menganjurkan perlawanan Hoki Piala Dunia, Sukan Semenanjung Asia Tenggara dan Tinju Dunia di Kuala Lumpur yang kesemuanya ini mengharumkan nama Malaysia. Pertandingan Membaca Al-Quran yang telah diadakan setiap tahun berjaya memelihara hubungan baik antara rakyat Malaysia dengan umat Islam Sedunia.

Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah membuat lawatan rasmi yang pertama ke Iran pada 12 Oktober 1971, atas jemputan Shahanshah. Ini adalah bersempena dengan Perayaan Abad ke-25 Empayar Pesipolis yang didirikan 2,500 tahun yang lalu.

Dalam bulan Februari 1973, Baginda ke Thailand untuk lawatan delapan hari. Sewaktu menerima Kunci Emas Bandaraya Bangkok, Baginda bertitah bahawa penganugerahan itu adalah simbol yang diberi kepadanya untuk membuka jalan bekerjasama yang lebih luas antara Malaysia dan negara tuanrumah. Semasa di Thailand juga, Seri Paduka Baginda menerima Bintang Auspicious Order of Raja Mitrabhorn dari Raja Rama IX (King Bhumibol Adulyodej). Manakala di Britain telah dianugerahkan An Associate of the Knight of Grace of the Order of St. John oleh Queen Elizabeth II. Universiti Thammasat telah menanugerah Gelaran Akademik Doktor Kehormat Sains Politik dalam tahun yang sama.

Lawatan ini disusuli dengan lawatan ke Britain antara 13 hingga 17 Julai 1974, Bangladesh 3 hingga 6 Disember 1974, India 6 hingga 9 Disember 1974 dan Pakistan 9 hingga 12 Disember 1974. Sewaktu di Britain mendapat gelaran akademik Honorary Fellow of Wadham College.

Dalam lawatan ke Bangladesh, Baginda menyatakan kesediaan Malaysia untuk menolong negara itu dalam bidang ekonomi terutama

dalam bidang teknologi getah, kelapa sawit dan perkembangan pentadbiran. Lawatan Baginda ke India dan Pakistan dianggap sebagai lawatan ke negara yang banyak mempunyai persamaan tradisi agar ia tetap terpelihara.

Setelah mengadakan lawatan rasmi ke negara-negara tersebut maka tibalah masanya Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong menunaikan Fardu Haji. Sekali lagi Baginda berangkat meninggalkan negara pada 17 Disember 1974 hingga 27 Disember 1974. Semasa di Tanah Suci, Baginda telah diterima mengadap oleh Raja Arab Saudi.

Dalam masa pemerintahan Seri Paduka Baginda selaku Ketua Negara Malaysia selama lima tahun di Ibu Negara, Kuala Lumpur, Yang Maha Mulia Tunku Abdul Malik ibni Almarhum Sultan Badlishah telah dilantik menjadi Pemangku Sultan Kedah. Semasa Yang Maha Mulia memegang teraju Kerajaan Negeri Kedah berbagai peristiwa yang menarik telah dapat Baginda lakukan. Baginda telah berangkat ke beberapa peristiwa yang penting bukan sahaja bagi negeri Kedah malahan di luar negeri juga.

Pada 2 Mac 1972, Baginda telah berangkat merasmikan Pejabat Baharu Lembaga Letrik Negara, Alor Setar. Dalam tahun yang sama iaitu pada 17 Disember, Yang Maha Mulia telah berangkat merasmikan Ibu Pejabat Baharu Persatuan Perancang Keluarga, Alor Setar.

Pada 21 Jun 1973 hingga 1 Ogos 1973, Baginda telah berangkat keluar negeri selama hampir tiga bulan iaitu melawat Eropah dan Amerika Syarikat. Dalam tahun itu juga iaitu pada 8 September sebuah bangunan Kerajaan Negeri yang diberi nama Wisma Negeri telah dirasmikan pembukaannya oleh Yang Maha Mulia Pemangku Sultan.

Baginda yang cintakan rakyat dan mahu melihat rakyat hidup makmur dan bahagia, maka Tuanku sendiri telah berangkat ke beberapa daerah untuk melihat kemajuan yang didapati. Di antaranya Baginda telah berangkat ke daerah Sik pada 2 Mac 1974 kerana merasmikan Pesta Muhibah dan Tugu Yang Teramat Mulia Tunku Fariduddin Haji. Pada tarikh itu juga Baginda merasmikan Astaka Seri Enggang, Padang Awam, Sik. Pada 24 Oktober 1974, Yang Maha Mulia berangkat merasmikan Pembukaan Bangunan Baharu American International Assurance di Jalan Teluk Wan Jah, Alor Setar.

Pada 2 November 1974, suatu upacara penyampaian anugerah Pingat Semangat Padi telah dipersembahkan kepada Yang Maha Mulia Pemangku Sultan oleh Persekutuan Pengakap Malaysia di Wisma Negeri.

Sebelum itu Dato' Syed Hashim Abdullah, selaku Pemangku Ketua Pengakap Negara telah mempersembahkan ucapan serba ringkas mengenai riwayat Baginda dalam Pergerakan Pengakap di negeri ini dan sebagai Yang Dipertua Majlis Pengakap Negeri Kedah.

Yang Maha Mulia Tuanku telah mula berkecimpung di dalam Pergerakan Pengakap, pada masa Yang Maha Mulia masih di bangku sekolah lagi pada tahun 1945 iaitu apabila sahaja Pergerakan pengakap ditubuhkan semula selepas Perang Dunia II.

Sebagai seorang yang aktif dan berminat di dalam lapangan pengakap, Yang Maha Mulia Tuanku telah berangkat ke Australia dalam tahun 1948⁶ bagi menghadiri Jambori di negara tersebut. Dari seorang Budak Pengakap, Yang Maha Mulia tidak putus-putus berminat di dalam lapangan ini sehingga tahun 1968 Yang Maha Mulia Tuanku telah dilantik sebagai Yang Dipertua, Majlis Pengakap Negeri Kedah dan terus berkhidmat sehingga hari ini.

Semenjak Yang Maha Mulia Tuanku memegang teraju dan memimpin Majlis yang tersebut, Yang Maha Mulia telah memainkan peranan yang penting pada memaju dan mengembangkan Pergerakan Pengakap di dalam Negeri Kedah.

Dalam usaha Majlis Pengakap Negeri Kedah untuk berdikari dalam masalah kewangan, Yang Maha Mulia selaku Yang Dipertua bagi Majlis ini telah memberi segala sokongan dan galakan bagi mengisi Tabung Bangunan Ibu Pejabat, Majlis Pengakap Negeri Kedah.

Di atas sokongan dan galakan Yang Maha Mulia Tuanku itu, Majlis Pengakap Negeri Kedah dan Daerah-daerah Pengakapnya sentiasa dapat bergerak dan menjalankan aktiviti-aktiviti bagi menuju matlamat Pergerakan ini.

Sebagai mengenang jasa-jasa dan menghargai perkhidmatan yang cemerlang dan luarbiasa terhadap Pergerakan Pengakap Negeri Kedah khususnya dan Negara Malaysia amnya, Ketua Pengakap Negara mempersembahkan kepada Yang Maha Mulia Tuanku, Pingat Semangat Padi persembahan Pengakap yang tertinggi sekali di Malaysia.

Baginda mempunyai minat yang begitu mendalam terhadap perkembangan pelajaran sama ada untuk Sekolah-sekolah Rendah mahupun Sekolah-sekolah Menengah. Semasa Baginda memegang teraju Kerajaan Negeri Kedah selama lima tahun, Baginda telah berangkat membuka beberapa buah sekolah, menghadiri Hari Ucapan dan Penyampaian Hadiah di Sekolah Rendah mahupun Sekolah Menengah. Di antaranya yang patut dicatatkan ialah Baginda telah berangkat merasmikan Pembukaan Sekolah Menengah Tunku Abdul Malik, Alor Merah pada 2 April 1975 yang diberi nama Baginda sendiri.

Pada 15 Mei 1975, Yang Maha Mulia berangkat ke Sabah selama lima hari. Dalam masa lima tahun Baginda telah beberapa kali berangkat merasmikan Mesyuarat Dewan Undangan Negeri.

Negeri Kedah merupakan salah sebuah negeri dalam Malaysia yang berusaha hendak mengeluarkan gula bagi kegunaan seluruh

6 Pengakap-pengakap dari Kedah ialah YTM Tunku Abdul Malik, Syed Nahar Shahabudin, Mat Nayan Saad, Cecil Augustin dan Mohd. Rejab Mahmud sebagai ketua.

negara ini dan Kerajaan telahpun berjaya mengadakan sebuah syarikat yang dikenali sebagai Syarikat Gula Padang Terap di mana tebu-tebu telahpun ditanam dan telahpun mengeluarkan hasilnya. Yang Maha Mulia Tuanku telah berangkat merasmikan Pembukaan Syarikat Gula Padang Terap itu pada 29 Mei 1975.

Baginda juga telah berangkat merasmikan Pembukaan Sekolah Rendah Wan Muhammad Saman, Tandop yang dahulunya dikenali sebagai Sekolah Kebangsaan Tandop kira-kira tiga batu dari Alor Setar pada 17 Julai 1975. Acara yang terakhir bagi Baginda ialah berangkat merasmikan Pembukaan Poliklinik dan Bangunan Pentadbiran, Hospital Besar, Alor Setar pada 4 September 1975.

Masa lima tahun telah berakhir. Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Kelima telah tamat tempohnya. Yang di-Pertuan Agong Keenam ialah Tuanku Yahya Petra ibni Almarhum Sultan Ibrahim, Sultan Kelantan. Baginda Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah berangkat pulang ke Kedah pada 20 September 1975 sebagai Sultan Kedah Darulaman. Manakala adindanya Yang Maha Mulia Tunku Abdul Malik yang memangku negeri semasa ketiadaan Baginda telah dilantik menjadi Raja Muda Kedah dan isterinya sebagai Raja Puan Muda.

Strategi pembangunan negeri Kedah adalah ditumpukan kepada objektif membasmi kemiskinan, menyusun semula masyarakat dan memberi kemudahan-kemudahan asas serta perkhidmatan masyarakat kepada rakyatnya seperti yang terkandung di bawah Dasar Ekonomi Baru.

Di samping mempergiatkan pembangunan ekonomi, Kerajaan juga telah menitikberatkan pengajian agama Islam. Tujuan ini bagi memastikan nilai-nilai kerohanian yang tinggi tidak terjejas akibat pembangunan yang semakin pesat, sebahagian besar kejayaan yang diperolehi itu adalah diakui hasil kepimpinan Dato' Seri Syed Nahar bin Tun Syed Sheh Shahabuddin, (Dato' Seri Kama Jaya) Menteri Besar Kedah 1978-1985.

Hasil dari kemajuan yang dicapai itu, rakyat telah mendapat berbagai kemudahan. Dalam masa yang sama mereka menikmati taraf sosio-ekonomi yang lebih sempurna terutama penduduk luar bandar. Pendek kata Dato' Seri Syed Nahar telah menyempurnakan sebahagian besar tanggungjawab yang diamanatkan kepadanya untuk memenuhi aspirasi rakyat.

Sempena penyambutan ulangtahun keputeraan DYMM Tuanku Sultan Kedah yang ke-55 dalam tahun 1983, Baginda menyampaikan Titah Ucapan, antara lain titahnya, "Beta sungguh merasa sukacita mengetahui dari Memanda Beta Yang Amat Berhormat Dato' Kama Jaya, bahawa Negeri Kedah Darulaman terus maju dan membangun. Walaupun di dalam suasana atau keadaan kemelesetan ekonomi sekarang ini. Segala program dan projek-projek yang dirancang, telah dan terus dilaksanakan demi untuk kesejahteraan rakyat. Di samping itu langkah-langkah menjimat perbelanjaan tidak diabaikan."

Kewibawaan Dato' Seri Syed Nahar sebagai pemimpin yang dedikasi, berpandangan jauh, sanggup mengorbankan kepentingan diri semata-mata untuk memberi khidmat kepada rakyat sukar ditandingi. Menurut Kerajaan Negeri Kedah berazam untuk terus meningkatkan potensinya bagi menjayakan projek-projek di bawah Rancangan Malaysia Kelima (RML). Dengan harapan tahap pencapaiannya melebihi 80%.

Tumpuan telah diberi oleh beliau ialah dalam bidang industri. Pada bulan April 1980, sebuah kilang tayar telah dibina dengan belanja \$38 juta. Ini diikuti dengan pembinaan kilang mar-mar di Pulau Langkawi dengan modal \$32 juta pada pertengahan tahun 1981. Kemudian sebuah Kilang Simen yang terbesar di Asia Tenggara juga telah dibina di Teluk Ewa, Pulau Langkawi dalam bulan Septem-



Dato' Seri Syed Nahar bin Tun Syed Sheh Shahabuddin (Dato' Seri Kama Jaya) Menteri Besar Kedah 1978-1985.

ber 1981 dengan perbelanjaan \$450 juta.

Dalam pada itu, pembinaan Universiti Utara Malaysia (UNI-UTAMA) yang ditubuhkan secara rasmi pada 16 Februari 1984, mencatatkan satu sejarah kepada negeri Kedah dalam lapangan pendidikan.

Dato' Seri Syed Nahar berkelulusan Ekonomi dan Sains Politik dari Universiti Dublin dan Bristol, United Kingdom dan dilantik menjadi Menteri Besar yang kelima selepas merdeka pada bulan Julai 1978 dan memegang jawatan tersebut bagi penggal kedua pada tahun 1982.

Pada 28 Januari 1985, Negeri Kedah telah kehilangan khidmat seorang pemimpin dan tokoh politik yang berwibawa apabila Dato'



Dato' Paduka Haji Osman bin Haji Aroff, Menteri Besar Kedah 1985 —

Seri Syed Nahar Shahabuddin meletakkan jawatan sebagai Menteri Besar Kedah. Pada hari yang sama 28 Januari 1985, Dato' Paduka Haji Osman bin Haji Aroff menerima watakah perlantikan daripada DYMM Tuanku Sultan Kedah sebagai Menteri Besar Kedah Darulaman yang baharu menggantikan Dato' Seri Syed Nahar Shahabuddin. Istiadat tersebut telah dijalankan di Balai Penghadapan Istana Anak Bukit.

Datuk Paduka Haji Osman, 47 tahun adalah anak seorang petani daripada Kampung Kelubi, Jitra menjadi Menteri Besar Kedah yang keenam. Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Jitra. Kemudian di Kolej Sultan Abdul Hamid, Alor Setar hingga tahun 1958. Selepas itu melanjutkan pelajarannya ke Amerika Syarikat dalam bidang sains politik di salah sebuah universiti di Washington (1959-1963).

Pada 1 Januari 1987, Kerajaan Pusat telah mengisytiharkan Pulau Langkawi sebagai Pelabuhan Bebas.



Wisma Negeri Kedah Darulaman.

SUMBER-SUMBER RUJUKAN

- Arkib Negara Malaysia Cawangan Utara: Surat-Menyurat Sultan Abdul Hamid No. 7 mengenai perpindahan Balai Nobat Lama ke Balai Nobat Baharu (Jawi), Alor Setar, 1906.
- Muhammad Hassan bin Kerani Muhammad Arshad: *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, Jelutong Press, Pulau Pinang, 1926.
- Wan Yahya bin Wan Muhammad Taib: *Salasilah atau Tarikh Kerajaan Kedah*, cetakan kedua, British Malaya Limited Press, Pulau Pinang, 1927.
- R.J. Wilkinson. A History of Peninsular Malays, *MJRAS* 1927.
- Jabatan Lembaga Persatuan Guru-guru Melayu Kedah: *Penyata PGMK 5 Tahun*, (Jawi), Persama Press, Pulau Pinang, 1951.
- Abdul Aziz bin Ishak: *Riwayat Hidup Tunku Abdul Rahman Putra*, Kuala Lumpur, 1955.
- Tunku Nong Jiwa: *Cenderamata Pertabalan DYMM Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (Jawi)*, Alor Setar, 20 Februari 1959.
- Tunku Nong Jiwa, Raja Badri Shah dan Haji Mubin Sheppard: *Malaya in History*, Vol. 7, Number 2, Kuala Lumpur, 1962.
- Wan Mohd. Amin bin Wan Mohd. Said. *Pesaka Selangor*, cetakan kedua, DBP., Kuala Lumpur, 1966.
- M.A. Rauf: *Iktisar Agama Islam dan Hubungannya yang khusus dengan Malaysia*, OUP., Kuala Lumpur, 1967.
- Dzulkipli bin Mohd Salleh: *Hikayat Merong Maha Wangsa*, DBP., Kuala Lumpur, 1968.
- Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah: *Kedah Dari Segi Sejarah*, Bilangan 1, Jilid 111, Jun 1968.
- M. Junus Djamil. *Silsilah Tawarikh Radja-Radja Keradjaan Atjeh*, 1968.
- Jawatankuasa Pembangunan Negara dan Luar Bandar Negeri Kedah: *Kedah Hari Ini*, Alor Setar, 1969.
- G.A. Hodgson. "Mengenal Sejarah Kedah", dalam buku *Cenderamata Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Sultan Kedah*, Kuala Lumpur, 20 Januari 1971.
- D.G.E. Hall, *Sejarah Asia Tenggara*, Edisi Pertama, DBP., Kuala Lumpur, 1972.
- Buku Cenderamata: Keberangkatan Pulang Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan dan Sultanah ke Kedah*, Alor Setar, 20 September 1975.
- Dr. Wan Hussein Azmi: *Islam di Malaysia - Kedatangan dan Perkembangan (Abad 7-20M)*. *Tamadun Islam di Malaysia*, Persatuan Sejarah Malaysia, Kuala Lumpur, 1980.
- Ahmad bin Salleh B.A. (Hon.): *Kedah Dalam Tahun 1851*, dalam *Kedah Dari Segi Sejarah* (Stensilan) Jilid II, Bil: 1, Mei 1976, Alor Setar.

Arkib Negara Malaysia *Hari Ini Dalam Sejarah*, Jilid 1, Kuala Lumpur, 1980.

Jabatan Penerangan Malaysia: *Buku Cenderamata Pertabalan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia*, Kuala Lumpur, 10 Julai 1980.

Haji Buyong Adil: *Sejarah Kedah*, DBP., Kuala Lumpur, 1981.

Dato' Ahmad Nordin bin Haji Mohd. Zain: "Sejarah Pendidikan Inggeris dan Pelajaran Inggeris di Kedah" dalam *Konvensyen Sejarah Negeri Kedah*, Alor Setar, 1981.

Arkib Negara Malaysia. *Hari Ini Dalam Sejarah*, Jilid 11, Kuala Lumpur, 1981.

Ismail bin Haji Salleh: "Sejarah Kedah Dalam Kebangkitan Islam" (stensilan), PSMCK., Alor Setar, 1982.

Ahmad bin Ismail. "Sejarah Negeri Perlis Indera Kayangan" (stensilan), dalam *Kelopak Jantung PSMCK.*, Alor Setar, November, 1982.

Ku Halim bin Ku Ismail: "Mahsuri Sebagai Sejarah Tempatan Langkawi (stensilan)", dalam *Seminar Langkawi Diambang Modenisasi*, Kuah, Langkawi, 1983.

Arkib Negara Malaysia: *Hari Ini Dalam Sejarah*, Jilid 111, Kuala Lumpur, 1983.